


SALAH FAHAM TERHADAP BID'AH



DR. ABD. MALIK ABD. RAHMAN AS SA'ADI



©**HAKCIPTA TERPELIHARA.** Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penerbit.

Cetakan Pertama: 2002

Penerbit:



DARUL NU'MAN

15A, Tkt. Satu, Wisma Yakin,
Jalan Masjid India,
50100 Kuala Lumpur.

Pengedar:

ERFAN HJ. M. A. GHANI

15A, Tingkat 1, Wisma Yakin,
Jalan Masjid India,
50100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-26988495

Fax: 03-26914489

KATA PENERBIT



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala pujian bagi Allah S.W.T. Pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarganya, sahabat-sahabat r'‘anhum dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan ikhlas hinggalah ke hari kiamat.

Syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan taufiq dan inayah-Nya, telah mengizinkan kami menerbitkan buku ini; **“Salah Faham Terhadap Bid ‘ah”**, serta meneruskan usaha menerbit dan menyebarkan bahan-bahan bacaan terkini yang bermanfaat serta sesuai untuk keperluan semasa dalam kehidupan umat Islam sejagat.

Besar harapan kami semoga buku ini akan memberi manfaat dan bimbingan kepada sekalian muslimin dan muslimat agar memperoleh ilmu untuk menghadapi cabaran bagi meneruskan kehidupan di dunia ini serta mendapat keredhaan Allah S.W.T. di akhirat kelak, insyaAllah.

Sebarang kesilapan harap dimaafkan dan kami meminta keampunan Allah S.W.T. atas yang sedemikian itu kerana

tiadalah daya dan upaya melainkan dengan pimpinan dan pertolongan-Nya.

Teguran yang membina adalah amat dialu-alukan. Sekian.

Wa billahi taufiq wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Penerbit,

DARUL NU'MAN.

KATA PENTERJEMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

الحمد لله الهادي إلى طريق قويم، الذي جعل إتياع نبيه ﷺ دليل حب العبد لربه. والصلاة والسلام على نبي الهدى والرحمة، سيدنا محمد ﷺ عبد الله ورسوله، وأرض اللهم عن أصحابه الهداة المهتدين، والتابعين لهم بإحسان إلى يوم الدين، وبعد :

SAYA bersyukur kepada Allah SWT di atas limpah kurnia serta taufiq dan hidayahNya, dapatlah saya menyiapkan terjemahan yang asalnya adalah sebuah buku berbahasa Arab yang berjudul:

(البدعة في المفهوم الإسلامي الدقيق) hasil susunan Dr. Abdul Malik bin Abdul Rahman As Sa'adi, seorang tokoh ulama yang terkenal di Iraq. Beliau juga telah banyak menghasilkan buku dalam bidang pengajian Islam.

Di antara faktor yang mendorong saya untuk menterjemah buku ini kerana ia mengandungi kebanyakan persoalan yang sering dijadikan sebagai bahan perbincangan, bahkan adakalanya telah mencetus perbalahan yang berpanjangan. Walaupun di antara persoalan itu, ia telah dijadikan amalan sejak berkurun, tetapi dalam menilai kesahihan pengamalan dan pensyariatannya dalam Islam telah menyebabkan wujudnya golongan yang pro dan kontra sehinggakan adakalanya telah mencetus satu

kekeruhan atau pertelagahan yang serius di tengah masyarakat Islam.

Terdapat segolongan yang melulu dalam mempertahankannya walaupun pada perkara yang jelas bercanggah dengan syariat Islam. Segolongan lain pula terlalu melulu menentanginya, walaupun pada perkara yang jelas terdapat di dalam syariat. Maka berlakulah gejala bid'ah-membid'ah, sesat-menyestat, bahkan kafir-mengkafir dan syirik mensyirik di kalangan umat Islam.

Oleh itu, setiap persoalan di dalam agama Islam ini mestilah disuluh dengan neraca penilaian yang tepat. Contohnya dalam mentafsirkan pengertian Bid'ah yang disebut oleh Rasulullah SAW di dalam hadithnya yang bermaksud: *Setiap yang bid'ah itu sesat dan setiap kesesatan di dalam neraka*. Hadith ini memerlukan kupasan yang detail, teliti, menyeluruh dan ia tidak boleh dilihat kepada zahir lafaznya semata-mata. Supaya lidah yang tidak bertulang ini terpelihara daripada melulu dalam mengeluarkan perkataan 'bid'ah' 'sesat' 'syirik' dan sebagainya ke atas amalan-amalan kebaikan atau amalan yang termasuk di dalam perkara khilafiah di kalangan para fuqaha.

Saya ingin menukikan beberapa buah hadith Rasulullah SAW yang menyatakan betapa pentingnya kita mengambil sikap berhati-hati dalam membuat tuduhan atau menjatuhkan hukuman atau mengeluarkan label 'syirik', 'kafir', 'bid'ah' dan sebagainya kepada seseorang atau kumpulan atau sesuatu amalan.

Pertamanya sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Ya'la daripada Huzaifah ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya sesuatu yang aku takutkannya menimpa ke atas kamu ialah seorang lelaki yang membaca Al-Quran sehinggakan apabila kamu melihatnya, kamu akan merasa gembira terhadapnya, tetapi Islam yang dijadikan selendangnya itu terlucut daripadanya dan dilemparkan ke

belakangnya, dan dia bermusuhan dengan jirannya (sehingga) dengan menggunakan pedang dan melemparkan tuduhan syirik kepada jirannya itu.” Huzaifah bertanya: “Wahai Nabi Allah, di antara mereka berdua siapakah yang lebih patut dengan tuduhan syirik itu; yang dituduh atau yang menuduh? Rasulullah SAW menjawab: Yang menuduh.” Di dalam sebuah hadits lain yang diriwayatkan oleh Syaikhain daripada Abu Hurairah ra. bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Sesiapa yang memanggil seorang lelaki dengan panggilan kufur atau berkata kepadanya: wahai musuh Allah, sedangkan lelaki yang dituduh itu bukanlah seperti yang dituduh, maka tuduhan itu akan kembali kepada yang menuduh.”

Oleh itu, saya menyeru kepada saudara-saudara saya supaya berhati-hatilah dalam membuat tuduhan.

Buku ini hanya akan memberi faedah kepada mereka yang berfikiran terbuka yang ingin mencari kebenaran. Kemungkinan bagi sesetengah pihak, buku ini belum lagi dapat memuaskan hatinya atau kemungkinan mereka akan menolaknya terus kerana tidak bersesuaian dengan prinsip yang dipeganginya selama ini. Apa salahnya kita berlapang dada, menghormati pandangan para ulama, berbaik sangka dan bertolak ansur dengan mereka yang tidak sependapat dengan kita selama mana ilmu dan kefahaman mereka dibina di atas hujah dan dalil.

Harapan saya kepada para pembaca yang budiman jika terdapat beberapa kelemahan dalam terjemahan ini atau kemungkinan kurang tepat dengan maksud dan kehendak pengarang maka betulkanlah kesilapan itu dengan ikhlas dan berilah komen-komen yang membina.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada mereka yang telah membantu dalam menyiapkan buku ini, terutamanya kepada pengarangnya yang telah

mengizinkan saya menterjemahkan buku ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pihak yang sudi menerbitkannya.

Mudah-mudahan Allah SWT akan memberkati usaha ini dan menjadikan buku ini sebahagian daripada amalan kebajikan yang berpanjangan untuk kami dan ibu bapa kami. Amin Ya Rab al-'Alamin.

Muhammad Fadhli bin Ismail,

Fakulti Pengajian Fiqh dan Perundangan,

Universiti Al al-Bayt, Mafrq, Jordan.

E-mail peribadi: abualfateh@hotmail.com.

KATA PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

الحمد لله مشرع الحلال والحرام، والصلاة والسلام على سيدنا محمد الذي وضع طريق الهدى وحذر عن البدع والضلال، وعلى آله وأصحابه خير الأصحاب وخير الأئمة، وبعد :

INI adalah sehimpunan fatwa mengenai kemusykilan agama yang pernah dikemukakan pertanyaan kepada saya pada waktu yang berbeza, iaitu menyentuh persoalan-persoalan yang selalu dijadikan perbincangan dan pertikaian terutama di kalangan para pemuda (yang mempunyai kesedaran agama). Sehingga, wujudlah pro dan kontra dalam memahami dan menerima persoalan-persoalan tersebut seperti masalah “Bid’ah dan perkara-perkara yang menyesatkan,” dan masalah “Sunnah dan perkara-perkara yang dianjurkan oleh syariat.”

Dengan itu saya merasakan adalah suatu yang mustahak, jawapan-jawapan yang telah saya ketengahkan terhadap persoalan-persoalan itu dikumpulkan dalam sebuah buku. Semoga seorang yang insaf akan berdiri di atas jalan kebenaran, kerana kebenaranlah yang sepatutnya diikuti. Manakala taksub (fanatik membuta-tuli) kepada satu pendapat yang jauh daripada kebenaran adalah kesesatan. Lebih-lebih lagi dalam meletak hukum sebagai halal, haram, bid’ah dan sebagainya, bukanlah boleh diserahkan kepada hawa nafsu, kegemaran atau diselaraskan

dengan pegangan dan cara hidup seseorang. Tetapi ia mesti dibentangkan berdasarkan Kitab Allah dan Sunnah RasulNya yang mana di dalamnya terdapat 'qawaid' dan 'mabadi' (kaedah-kaedah am dan prinsip-prinsip utama). Maka, sesuatu yang bertepatan dengannya, itulah syariat, dan sesuatu yang bercanggah dengannya itulah 'bid'ah.'

Diharapkan pembaca dapat menilainya dengan pandangan yang insaf dan normal. Seterusnya, semoga Allah menjadikannya bermanfaat kepada penulisnya dan pembacanya, serta menjadikannya sebagai satu amal bakti yang ikhlas semata-mata kerana ZatNya yang Maha Mulia lagi Maha Mendengar dan memakbulkan segala permohonan hambaNya.

Dr. Abdul Malik Bin Abdul Rahman As Sa'adi

PERINGATAN KEPADA PARA PEMBACA YANG BUDIMAN

1. Mungkin anda akan dapati banyak kalimah, ungkapan ayat atau nasihat yang berulang beberapa kali. Maka ini dipohon kemaafan, kerana pada asalnya jawapan-jawapan itu ditulis secara berasingan, tetapi setelah ia dikumpulkan dalam sebuah buku, nampaklah ia berulang-ulang.
2. Buku ini hanya akan memberi faedah kepada mereka yang benar-benar insaf yang sedang mencari dalil kebenaran; tetapi bagi mereka yang degil dan melampau mungkin akan memandangnya dengan pandangan yang hina dan saya mungkin akan ditohmah sebagai pendokong kepada golongan tertentu.

Sebaik-baiknya, mereka sepatutnya berbaik sangka dan menganggap pendapat yang bentangkan ini adalah sesuatu yang pertengahan kerana ia ditimba daripada Al-Quran dan Hadith, daripada Fiqh Islam dan pendapat para ulama ummah yang diiktiraf oleh dunia Islam lantaran kelebihan, keluasan ilmu dan ketinggian martabat yang mereka miliki.

Berbaik sangka adalah satu ciri daripada ciri-ciri seorang muslim.

KANDUNGAN

Kata Penerbit	i
Kata Penterjemah	iii
Pendahuluan	vii
1. MENGUNGKAI SALAH FAHAM TENTANG BID'AH	1
1. Pengertian Bid'ah	1
a. Pembaharuan Yang Tertolak	4
b. Pembaharuan Yang Diterima	5
2. Bentuk-Bentuk Ibadah Yang Datang Daripada Rasulullah SAW	5
3. Pengurangan Dan Penambahan Pada Ibadah Yang Ditetapkan Oleh Syarak	7
4. Pandangan Para Ulama Mengenai Bid'ah	9
a. Al-Imam Al-Ghazali Rahimahullah	9
b. Al-Imam Ibnu Taimiyah Rahimahullah	10
c. Al Imam Ibnu Hajar Al 'Asqalani Rahimahullah	10
d. Al-Imam An-Nawawi Rahimahullah	11
e. Al-Imam Az Zarqani Rahimahullah	13
f. Al-Imam Ibnu Rejab Al Hambali Rahimahullah	14
g. Al-Imam Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah	14
h. Az Zarkasyi Rahimahullah	14
i. Al-Imam Ahmad bin Ali Al Manjur Al Maliki	14

5. Di Antara Kaedah-Kaedah Syariah	16
6. Sesuatu Yang Tidak Dilakukan Oleh Rasulullah SAW Dan Para Sahabat ra Bukan Bererti Tidak Dianjurkan Oleh Syariat	18
7. Menghukum 'Bid'ah Ke Atas Persoalan Khilafiyah Atau Yang Ditetapkan Oleh Hadith Dhaif	20
8. Beramal Dengan Hadith Dhaif Pada Fadhailul A'mal	21
9. Kesalahan Yang Berleluasa	23
10. Apabila Diserahkan Sesuatu Urusan Kepada Bukan Ahlinya Tunggulah Hari Kiamat	28
11. Bersederhanalah Wahai Para Pemuda	31
12. Tidak Ada Yang Maksum Selain Daripada Para Anbiya	37
13. Al-Albani	38
14. Bertaklid Kepada Salah Satu Mazhab Daripada Yang Empat	39
15. Bertaklid Tetapi Anti Kepada Taklid	42
16. Ijtihad Berlaku Pada Ibadah Sebagaimana Berlaku Dalam Muamalah	48
2. JAWAPAN KEPADA PERSOALAN KHILAFIAH YANG DIKAITKAN DENGAN BID'AH	56
1. Tawassul Dengan Nama-nama Allah Dan Amalan Soleh	56
2. Bertawassul Dengan 'Jah' (Kedudukan) Yang Mulia Di Sisi Allah	59
3. Bertawassul Dengan Orang Yang Masih Hidup	60
4. Bertawassul Dengan Orang Yang Telah Mati	64

5. Tawassul Dengan Hak Seorang Makhluq	71
6. Memohon Bantuan Atau Pertolongan Daripada Seorang Yang Masih Hidup	73
7. Meminta Pertolongan Dari Seorang yang Telah Mati	78
a. Berseru Kepada Orang Mati	80
b. Berdoa Kepada Orang Mati	81
c. Memohon Doa Daripada Seorang Yang Telah Mati	82
8. Memohon Sesuatu Hajat Daripada Orang-Orang Soleh	83
9. Menziarahi Kubur Dan Bermusafir Ke Situ	84
a. Ziarah Kubur	84
b. Hukum Wanita Yang Berziarah Kubur	85
c. Musafir Untuk Menziarahi Perkuburan	87
10. Kata-kata Aku bergantung Kepada Allah Dan Kepada Engkau	91
11. Melafazkan Niat Ketika Hendak Solat	97
12. Membaca Ayat Al-Kursi Selepas Solat Lima Waktu	98
13. Meninggikan Suara Ketika Berada Di Dalam Masjid	101
14. Memberi Salam Di Dalam Masjid	105
15. Membilang Tasbih, Tahmid Dan Takbir Dengan Jari-Jari Tangan	106
16. Hukum Memakai Pakaian Yang Labuh	107
17. Menyapu Ke atas Dua Stokin	110
18. Cara Meletak Tangan Ketika Berdiri Betul Di Dalam Solat	111

19. Cara Berdiri Ketika Solat	114
20. Berdiri Lama Ketika Bersolat	116
21. Cara Untuk Turun Ke Sujud	118
22. Cara Bangun Dari Sujud Ke Berdiri Betul Di Dalam Solat	122
23. Meletakkan Kedua Tapak Tangan Di atas Paha	124
24. Menggerakkan Atau Mengangkat Jari Telunjuk Ketika Tahiyat	127
25. Hukum Menggunakan Biji Tasbih	129
26. Berdoa Selepas Solat Fardhu	131
27. Doa Secara Berjamaah	135
28. Menyapu Muka Dengan Kedua Tapak tangan Selepas Membaca Al-Fatihah Atau Doa	136
29. Mengangkat Tangan Ketika Membaca Surah Al-Fatihah	140
30. Membaca Qunut Dalam Solat Subuh	141
31. Malam Nisfu Syaban	144
32. Hukum Seorang Yang Meninggalkan Solat Dan Perkahwinannya	148
33. Qadha Solat Yang Luput	153
34. Solat Di Perkuburan Atau Di Dalam Masjid Yang Terdapat Kubur Padanya	155
a. Hukum Solat Di Perkuburan	156
b. Hukum Solat Di Dalam Masjid Yang Terdapat Kubur Atau Di Sebelahnya Ada Kubur	158
c. Bersolat Ke Arah Kubur	160
35. Hukum Bersalawat Selepas Azan	161

36. Memohon Syafaat Dengan Rasulullah SAW	166
37. Berbilang-Bilang Solat Jumaat Dan Mengulangi Solat Zuhur Selepasnya	169
38. Membaca Al-Quran Pada Hari Jumaat Dan Ucapan (صدق الله العظيم)	174
a. Hukum Membaca (صدق الله العظيم)	176
b. Hukum Membaca Surah Al-Fatihah	176
39. Azan Pertama Pada hari Jumaat	177
40. Sunat Qabliyyah Jumaat	179
41. Bilangan Rakaat Solat Tarawih	188
42. Solat Sunat Tasbih	193
43. Berkumpul Untuk Mengucap Takziah	195
A. Membaca Surah Al-Fatihah Untuk Orang-Orang Mati	197
44. Membaca Al-Quran Dengan Imbalan Atau Upah	198
45. Menghadiahkan Pahala Bacaan Al-Quran Kepada Mereka Yang Telah Mati	200
46. Menghadiahkan Pahala Bacaan Al-Quran Untuk Mereka Yang Masih Hidup	205
47. Membaca Surah Yaa Sin Ke Atas Mayat	206
48. Keadaan Orang-Orang Mati Di Alam Barzakh	209
a. Roh al Hayat	210
b. Roh al Idrak	210
- Adakah orang-orang mati mendengar?	211
- Adakah orang yang mati berkata-kata di alam barzakh?	214

- Adakah orang-orang yang mati mengenali seorang yang menziarahi kuburnya.	218
49. Membaca Al-Quran Di Perkuburan	219
50. Berdiri Kerana Menghormati Seseorang Yang Datang Atau Ketika Melihat Seseorang	220
51. Mencium Tangan Ulama Dan Orang Soleh	226
52. Perayaan Maulid Ar Rasul	229
53. Mengadakan Bacaan Maulid Sempena Kematian Seseorang	230
54. Al-Asya'irah (Pendokong Mazhab Imam Abu Hasan Al Asy'aari)	232
55. Hukum Tempat Zikir Di Dalam Islam	235
a. Perkara Baru Yang Dibawa Masuk Ke Tempat- Zikir Dan Tasauf	236
56. Hukum Tariqat Sufiyyah	238
57. Adakah Diwajibkan Ke Atas Setiap Muslim Mencari Seorang Syeikh Untuk Dirinya	240
58. Berzikir Dengan Suara Yang Kuat	243
59. Hukum Paluan Kompang	247
60. Karamah Para Wali	251
61. Menulis Jampian Dan Membawanya	254
62. Membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) Sebagai Jampian	262
63. Abdullah, Bapa Rasulullah SAW	263
64. Khidhir as	269
a. Nama Khidhir	270
Bibliografi	278



MENGUNGKAI SALAH FAHAM TENTANG BID'AH

1. PENGERTIAN BID'AH

Soalan:

Apakah yang dikatakan 'Bid'ah'? Adakah terdapat 'bid'ah hasanah' (yang baik) dan 'bid'ah saiyyah' (yang keji)? Atau 'bid'ah haqiqiyah' (yang sebenar) dan 'bid'ah idhafiyyah' (yang ditambah)?

Jawapan:

Bid'ah (الْبِدْعَةُ) dari segi bahasa Arab bererti : Mengadakan sesuatu yang tidak ada contoh sepertinya sebelum ini.

Allah Ta'ala berfirman:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Ertinya:

Allah Ta'ala menjadikan langit dan bumi.

Kalimah (بَدِيع) di sini bererti: Menjadikan tanpa ada contoh sebelumnya.

Dari segi istilah pula ialah: Mengadakan sesuatu perbuatan atau iktiqad atau mengeluarkan kata-kata yang tidak terdapat keizinnannya daripada Syarak samada ia disebut di dalam Al-Quran atau Sunnah atau Ijmak atau Qias dan tidak termasuk juga dalam 'qawa'id syar'iiyyah' (kaedah dan prinsip am dalam Islam). Atau

dengan kata lain: Mengadakan sesuatu yang bertentangan dan bercanggah dengan perkara-perkara tadi.

Berdasarkan daripada pengertian ini, dibuat kesimpulan bahawa setiap perkara baru yang berlaku dilihat terlebih dahulu; adakah ia ditunjukkan oleh dalil samada daripada Al- Quran, Sunnah, Ijma' atau Qias, sekiranya ada maka ia dikira sebahagian daripada syariat. Tetapi sekiranya tidak terdapat dalil daripada perkara-perkara yang tersebut tadi, ia hendaklah dilihat pula adakah termasuk di dalam skop 'Qawaid Syar'iyah' (kaedah am) atau tidak? Sekiranya ada, maka ia adalah sebahagian daripada syariat dan tidak boleh dianggap sebagai 'bid'ah'.

Setelah tidak ditemui di dalam 'qawaid syar'iyah', barulah boleh dikatakan 'bid'ah' dan sesat.

Melalui definisi di atas juga, kita dapat menyelaraskan di antara nas-nas yang melarang mengadakan perkara-perkara yang baru atau perkara-perkara yang bid'ah dengan nas-nas yang menggalakkan mewujudkan perkara-perkara baru yang baik.

Sebagai contoh:

1. Nas yang menyatakan larangan mewujudkan perkara-perkara baru.

Hadith Rasulullah SAW yang mengatakan:

عَلَيْكُمْ بِالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ أَمَرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ حَبَشِيٌّ، فَإِنَّهُ
مَنْ يَعْشُرْ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي
وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ مِنْ بَعْدِي، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ
وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ

Ertinya:

“Hendaklah kamu dengar dan patuh walaupun kamu diperintahkan oleh seorang hamba habsyi. Sesungguhnya sesiapa yang panjang umur di kalangan kamu, nescaya akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah para khulafa yang mendapat petunjuk selepasku dan gigitlah dengan geraham-geraham kamu (berpegang teguh). Dan jauhilah perkara-perkara yang baru, kerana sesungguhnya setiap yang bid'ah itu sesat.”

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan At-Tirmizi)

Dalam riwayat yang lain terdapat tambahan yang maksudnya: “Setiap yang sesat itu neraka padahnya.”

2. Nas yang menganjurkan mewujudkan perkara-perkara baru yang baik.

Manakala hadith yang menggalakkan mewujudkan perkara-perkara yang baik seperti hadith:

مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمَلَ بِهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَلَيْهِ وَزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمَلَ بِهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Ertinya:

“Sesiapa yang mula mewujudkan ‘sunnah’ (jalan) yang baik, maka dia mendapat pahala dan pahala sesiapa yang beramal dengannya sehingga ke hari Kiamat, dan sesiapa yang mewujudkan ‘sunnah’ yang buruk, maka dia akan menanggung bebanan dosanya dan bebanan dosa sesiapa yang mengamalkannya sehingga ke hari Kiamat.”

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Melihat kepada hadith-hadith di atas, kita dapat pecahkannya kepada dua kategori:

1. Kategori pertama: Galakan mewujudkan jalan-jalan yang baik, bahkan ia diperintah oleh Islam dan bertepatan dengan perinsipnya.
2. Kategori kedua: Celaan kepada sesiapa yang mewujudkan jalan-jalan yang buruk yang mana akibatnya ialah dia akan menanggung bebanan dan dosa, dan inilah yang dimaksudkan 'bid'ah' dan 'dhalal' (sesat) sepertimana yang disebut dalam hadith yang pertama tadi.

Definisi bida'ah yang dikemukakan tadi juga diambilkan berdasarkan rumusan hadith Rasulullah SAW yang lain iaitu:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Ertinya:

"Sesiapa yang mengadakan sesuatu dalam urusan kami ini sesuatu yang bukan daripadanya, maka ia tertolak."

(Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat yang lain:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

Ertinya:

"Sesiapa yang mengamalkan sesuatu amalan yang bukannya di atas perintah kami, maka ia tertolak."

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Hadith ini juga mengisyaratkan bahawa akan timbul bentuk-bentuk pembaharuan dan ini tidak dapat dinafikan lagi, tetapi pembaharuan itu dikategorikan kepada dua bentuk iaitu:

A. Pembaharuan Yang Tertolak

(Iaitu sesuatu yang bercanggah) dengan ajaran Islam. Inilah yang disebut oleh nas hadith (mantuq al-hadith).

B. Pembaharuan Yang Diterima

Iaitu sesuatu yang bertepatan dengan ajaran Islam berdasarkan rumusan yang tersirat yang dapat difahami dalam hadith tersebut (mafhum mukhalafah) seolah-olah hadith mengatakan: “Sesiapa yang melakukan amalan yang diperintahkan kami, atau mengadakan pembaharuan dalam urusan kami ini yang ia termasuk di dalamnya, maka ia diterima.”

Dimaksudkan dengan (أَمْرًا) dalam hadith tadi ialah: ‘Al din’ (agama) secara menyeluruh samada di bidang ibadah atau mu’amalah.

Dimaksudkan dengan (سُنَّة) pula ialah: Al- Thariqah (jalan atau manhaj). Ia juga merangkumi ibadah dan mu’amalah.

Maka sesuatu amalan yang baharu diwujudkan sekiranya bertepatan dengan ‘qawa’id syar’iyah’ maka ia adalah sunnah (jalan) yang baik, tetapi jika sesuatu amalan yang bertentangan dengan nas-nas (samada Al- Quran atau hadith atau ijmak atau qias) atau qawa’id syar’iyah maka ia adalah sunnah (jalan) yang keji.

Jelaslah sepertimana yang dijelaskan tadi bahawa kategori Bid’ah’ kepada: ‘*bid’ah hasanah*’ dan ‘*bid’ah saiyyiah*’, atau bida’ah haqiqiah’ dan ‘idhafiah’ (sepertimana yang dikategorikan oleh Al Imam Asy Syatibi di dalam kitabnya Al ‘Itisam), atau kepada bida’ah wajib, sunat, haram, makruh dan harus sepertimana yang diketengahkan oleh Al-Imam ‘Izzuddin bin Abdus Salam kesemuanya adalah berdasarkan penggunaan istilah dari segi bahasa, tidak lebih daripada itu.

2. BENTUK-BENTUK IBADAH YANG DATANG DARIPADA RASULULLAH SAW

Ibadah yang jelas dibawa oleh Rasulullah SAW terbahagi kepada dua bentuk:

Pertama

Ibadah yang datang dari Rasulullah SAW tetapi terikat dengan waktu atau tempat atau bilangan tertentu atau cara tertentu atau keadaan tertentu. Maka ibadah berbentuk ini wajib ditunaikan sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW tanpa penambahan atau pengurangan atau perubahan. Oleh itu sesiapa yang mengubahkan ibadah jenis ini dari asalnya, maka dia dianggap '*mubtadie*' (pencetus bida'ah). Di antara ibadah-ibadah jenis ini seperti: Ibadah-ibadah utama (seperti solat lima waktu, puasa, zakat dan sebagainya), bilangan rakaat solat, waktu berpuasa dan jumlah harinya, cara menunaikan haji, kadar yang diwajibkan zakat, jenis-jenis harta yang mesti dikeluarkan zakat, perkara-perkara yang berkait dengan akidah dan sebagainya.

Kedua

Ibadah yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW samada dalam bentuk suruhan atau panduan atau galakan atau pesanan, dan tidak terikat dengan bentuk atau masa atau tempat atau keadaan atau bilangan dan juga tidak diriwayatkan larangan melakukannya di waktu-waktu tertentu. Jadi terpulanglah kepada umat Islam untuk memilih masa dan tempat yang sesuai dengan amalan tersebut dan bentuknya. Tetapi jangan disandarkan amalan yang dikerjakan itu di atas bentuk tadi kepada Rasulullah SAW secara langsung. Bahkan cukup jika ia mengamalkannya bersandarkan keizinan yang diperolehi dari syariat secara am.

Contohnya seperti:

Solat sunat mutlak (sunat yang tidak bersebab), puasa sunat mutlak, zikir, membaca Al-Quran, berdoa, bersalawat ke atas Nabi SAW, membuat jamuan makan dan menyembelih binatang dengan niat sedekah dan '*taqarrub*' (menghampirkan diri) kepada Allah SWT dan yang seumpama dengannya.

Jika terdapat di kalangan umat Islam yang membiasakan

dirinya mendirikan solat sunat pada waktu tertentu yang bukannya waktu makruh atau haram, dan dia istiqamah bersolat pada waktu itu, maka ini tidak dianggap bid'ah. Begitu juga kalau dia membiasakan membaca doa tertentu pada waktu-waktu yang tertentu atau membaca satu juzuk daripada Al-Quran setiap hari pada waktu tertentu, ini juga tidak dikira bid'ah.

Begitu juga bersalawat ke atas Nabi SAW selagimana ia tidak dihubungkan ketetapanannya secara langsung dengan baginda Rasulullah SAW. Tetapi jika dikaitkan dengan Rasulullah SAW secara langsung, maka ia adalah bid'ah kerana ia adalah pendustaan dan pembohongan terhadap Rasulullah SAW.

3. PENGURANGAN DAN PENAMBAHAN PADA IBADAH YANG DITETAPKAN OLEH SYARAK

Mengurangkan sesuatu dalam ibadah yang ditetapkan oleh syariat adalah haram hukumnya dan bid'ah serta menyebabkan ibadah tersebut menjadi batal. Contohnya seperti:

Mengurangkan rakaat solat atau bilangan hari puasa atau bilangan pusingan tawaf atau bilangan melontar jumrah atau mengurangkan kadar dan nisab zakat atau mengurangkan rukun dalam ibadah atau sebagainya. Manakala penambahan pula, ianya terbahagi kepada dua: yang berhubung dan yang berpisah. Atau dengan kata yang lain: *penambahan dalam ibadah dan penambahan ke atas ibadah.*

1. Penambahan yang berhubung atau penambahan dalam ibadah adalah bid'ah seperti menambah rukuk atau sujud atau menambah satu rakaat penuh secara sengaja, ataupun menambah kata-kata dalam azan selain daripada yang sampai kepada kita atau menambah satu lafaz yang merosakkan susunan, uslub dan lagunya seperti menambah satu kalimah pada kalimah-kalimah yang asal seperti menambah lafaz "Saidina" sebelum menyebut nama Nabi kerana ia merosakkan

lagu dan uslubnya. Tetapi kalau tidak berlaku kecacatan dengan penambahan tersebut dan ditambah bukan niat menyempurnakan ibadah dari kekurangan tapi sebagai tanda menghormati dan beradab seperti tambahan lafaz “Saidina” sebelum menyebut nama Nabi SAW untuk beradab dengan baginda di dalam “Salawat Ibrahimiah,” maka perkara tersebut tidaklah dilarang dan penambahan tersebut bukanlah bid’ah.

2. Manakala penambahan yang berpisah atau penambahan ke atas ibadah, ada yang dilarang dan juga ada yang tidak dilarang.
 - a. Yang dilarang itu kalau diamalkan, ia adalah bid’ah seperti solat sunat selepas solat Subuh dan Asar ataupun kita mengadakan satu solat yang baru dan mewajibkannya, sedangkan tidak terdapat dalil yang menyatakan kewajibannya.
 - b. Terdapat ibadah yang tidak dilarang, tetapi jika ia dikerjakan oleh seorang muslim dengan iktiqad bahawa ibadah itu terdapat kekurangan dan ingin menyempurnakannya dengan penambahan itu, maka perbuatan tersebut adalah haram dan bid’ah. Tetapi jika dia mengerjakannya dengan iktiqad bahawa ia adalah ibadah yang dibenarkan secara umum, ini tidaklah dilarang penambahannya selepas ibadah atau sebelumnya selagimana tidak hubungkan secara terus atau mengatakan bahawa Rasulullah SAW pernah melakukannya.

Di antara contohnya:

1. Memberikan sejumlah harta kepada fakir miskin melebihi kadar yang ditetapkan ketika membayar zakat.
2. Solat dua rakaat dengan niat bersolat sunat dan bukan pula dalam waktu yang dilarang.
3. Menambah membaca salawat ke atas Rasulullah SAW

selepas membaca doa:

اللهم أنت السلام ومنك السلام تباركت وتعاليت يا ذا
الجلال والإكرام

4. Membanyakkan membaca zikir atau doa melebihi daripada yang ma'thur (yang datang secara terus daripada Rasulullah).
5. Tawaf sunat selepas tawaf yang wajib.
6. Menambah perkataan sebelum azan atau selepasnya sebagai memberi peringatan akan masuknya waktu dan sebagainya.

4. PANDANGAN PARA ULAMA MENGENAI BID'AH

Untuk memperkuat lagi pandangan yang telah saya kemukakan tadi berkenaan dengan skop bid'ah yang apabila ia dilakukan dikira sebagai sesat, berikut ialah beberapa pandangan para ulama yang terdahulu yang dijadikan sebagai sumber rujukan umat Islam semenjak dahulu dari mazhab-mazhab yang berlainan.

Berikut ialah sedutan dari kata-kata mereka:

A. Al-Imam Al-Ghazali Rahimahullah

Tersebut di dalam kitabnya 'Ihya Ulumiddin' (jld.2/hlm. 3) selepas memperkatakan tentang makan di atas meja, beliau menyatakan: "Ketahuilah, walaupun kami menyatakan makan di atas safrah (berlapik di atas lantai) lebih afdhal, tapi tidaklah bererti kami mengatakan makan di atas meja dilarang samada makruh atau haram, kerana tidak tsabit larangan mengenainya. Dan tidak juga dikatakan: Dia telah melakukan satu bid'ah selepas Rasulullah SAW, kerana bukan semuanya bid'ah (perkara baru) itu dilarang, tapi yang dilarang ialah bid'ah yang bertentangan dengan sunnah (hadith) yang sahih dan menolak satu perkara

yang diperintahkan oleh syariat sedangkan 'illahnya (sebab yang mewajibkan) masih ada. Bahkan melakukan perkara-perkara baru itu menjadi wajib pada keadaan-keadaan tertentu jika berubah sebab-sebabnya. Dan meja itu tidak digunakan melainkan untuk meninggikan makanan supaya senang dijamah.

B. Al-Imam Ibnu Taimiyah Rahimahullah

Beliau ada menyatakan di dalam kitabnya "Minhaj as Sunnah an Nabawiyah" (jld.4/hlm.224) selepas memperkatakan mengenai para sahabat yang berkumpul untuk menunaikan solat Tarawih berjemaah dengan berimamkan Ubai bin Ka'ab, lalu berkata Saidina Omar ra: (نَعَمَتِ الْبِدْعَةُ هِيَ) yang bermaksud: "Itulah sebaik-baik bida'ah."

Menurut Ibnu Taimiyah: "Perhimpunan ini yang tidak pernah dilakukan sebelumnya dan ia dinamakan bid'ah, kerana dalam bahasa Arab: sesuatu yang diwujudkan kali pertama dikatakan: 'bid'ah'. Bukanlah dimaksudkan dengan bid'ah di sini bid'ah dari segi syarak seperti menggalakkan sesuatu yang tidak diredhai oleh Allah, mewajibkan sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah, mengharamkan sesuatu yang tidak diharamkan oleh Allah. Kerana itu jangan melakukan sesuatu dengan iktiqad yang menyalahi syariat. Oleh itu, sekalipun seorang itu melakukan sesuatu yang diharamkan dan dia masih beri'tiqad bahawa perkara itu tetap haram, tidak lagi dikatakan bahawa dia telah melakukan bid'ah."

C. Al Imam Ibnu Hajar Al 'Asqalani Rahimahullah

Tersebut di dalam kitabnya: "Fathu al Bari Li Syarhi Sahih al-Bukhari" (jld.4/hlm. 203) ketika mana beliau menjelaskan kata-kata Saidina Umar ra.(نعمت البدعة هذه) katanya:

Bida'ah itu pada asalnya mengadakan sesuatu yang tidak

pernah dilakukan sebelumnya dan apabila disebut di dalam syarak ertinya sesuatu yang bertentangan dengan sunnah, jadi ia adalah dikeji. Tetapi jika diteliti, sekiranya ia termasuk dalam perkara yang mustahsan (yang dianggap baik) di dalam syarak, maka ia (bid'ah) yang baik. Tetapi jika ia termasuk dalam perkara yang dipandang buruk oleh syarak, maka ia (bid'ah) yang dikeji. Dan kalau tidakpun, ia dari perkara yang harus, dan kadang-kadang ia boleh dikategorikan kepada hukum yang lima.

D. Al-Imam An-Nawawi Rahimahullah

Beliau menyatakan dalam kitabnya: "Tahzib al Asma wal Lughat" (jld.3/22) bahawa: 'Bida'ah pada syarak ialah mengadakan sesuatu yang tiada wujud di zaman Rasulullah SAW dan ia terbahagi kepada *bid'ah hasanah* (bida'ah yang baik) dan *bida'ah qabihah* (yang keji).

Menurut As Syeikh Al-Imam Abu Muhammad Abdul Aziz bin Abdus Salam (yang disepakati akan kepimpinannya dalam agama), kemuliaannya, kemampuannya dalam menguasai pelbagai ilmu dan kecerdikannya) di penghujung kitabnya: "Al-Qawaid": "Bida'ah itu dikategorikan kepada wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Kemudian beliau menyambung: "Dan cara untuk menentukannya ialah dengan merujuk kepada kaedah-kaedah syarak (qawa'id syar'iyah). Jika ia termasuk dalam kaedah yang mewajibkan, maka ia adalah wajib. Atau sekiranya ia termasuk dalam kaedah yang menjadikannya haram, maka ia haram. Begitulah kalau dalam kaedah sunat, maka sunat. Kalau dalam kaedah makruh, maka ia makruh dan kalau termasuk dalam kaedah harus, maka ia harus.

Contoh-contoh:

1. Bagi bid'ah yang wajib

Antaranya:

- a. Berusaha mempelajari dan mengajar ilmu Nahu (tatabahasa

Arab) yang dapat memahami Al-Quran atau hadith Rasulullah SAW melaluinya. Ianya menjadi wajib kerana memelihara syariat adalah wajib dan tiada jalan untuk memeliharanya melainkan melaluinya. Jadi sesuatu yang tidak menyempurnakan yang wajib melainkan dengannya, maka ia adalah wajib.

- b. Menghafal bahasa yang pelik (gharaib) yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadith.
- c. Menyusun ilmu Usuluddin (Ilmu Tauhid) dan Usul Fiqh dalam bentuk kitab atau buku.
- d. Memperkatakan ilmu-ilmu yang berkait dengan Mustalah Hadith seperti Ilmu 'Jarrah dan Ta'dil', ilmu untuk membezakan di antara hadith yang sahih dan hadith yang dhaif dan sebagainya.

Dalam hal ini, kaedah-kaedah syariah telah menentukan bahawa memelihara syariat adalah fardhu kifayah sekiranya ia boleh menyebabkan perkembangan ke atas perkara-perkara fardhu ain. Dan ia tidak dapat dibangunkan melainkan dengan apa yang telah kami nyatakannya di atas.

2. Bid'ah yang haram

Seperti: Munculnya golongan Qadariah, Jabariah, Murjiah, Mujassimah dan sebagainya. Namun begitu, usaha menangkis fahaman golongan-golongan tadi termasuk dalam bid'ah yang wajib.

3. Bid'ah yang sunat

Seperti: Mengadakan Ribat (tempat untuk berzikir kepada Allah), sekolah-sekolah dan setiap kebajikan yang tidak pernah wujud pada zaman yang pertama (zaman Rasulullah SAW) seperti solat Tarawih (20 Rakaat berjamaah) dan mengajar tasauf secara terperinci dan cara-cara untuk berhujah.

Termasuk juga dalam kategori ini, mengadakan pertemuan untuk mengumpul dalil-dalil dan hujah-hujah sekiranya ia diniatkan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.

4. Bid'ah yang makruh

Seperti: Menghias masjid dan mashaf (kitab Al-Quran).

5. Bid'ah yang harus

Seperti: Bersalam-salaman selepas solat Subuh dan Asar, mempelbagai makanan dan minuman yang enak, begitu juga pada pakaian, tempat tinggal, memakai selendang (di atas bahu), membesarkan lengan baju dan sebagainya.

Kemudian Al-Imam An Nawawi meriwayatkan kata-kata Al-Imam Asy-Syafie yang bermaksud: ‘Perkara-perkara baru dalam agama ada dua bentuk:

1. Perkara baru yang menyalahi Al-Quran atau Hadith atau kata-kata para sahabat atau Ijmak, maka itu adalah bid'ah yang sesat.
2. Perkara baru yang berbentuk kebaikan yang tidak dipertikaikan oleh seorangpun di kalangan para ulama. Dan ini perkara baru yang tidak dikeji.

Saidina Umar ra. pernah berkata mengenai solat Tarawih: “Sebaik-baik bida'ah ialah ini.” Ianya membawa erti bahawa ianya benda baru dan belum pernah dilakukan sebelumnya. Walaupun ia tidak ada, ia tidaklah menolak apa yang datang sebelumnya...”

Seterusnya Al-Imam An-Nawawi menyambung lagi: “Perkara baru yang diadakan dan tidak ada asas (dalil) dalam syarak dinamakan bid'ah. Tetapi sekiranya ada asas dalam syarak, maka ia bukannya bid'ah.”

E. Al-Imam Az Zarqani Rahimahullah

Beliau menegaskan di dalam kitabnya “Syarah al Muwata” (jld.1/hlm. 238) tentang kata-kata Saidina Umar: “Sebaik-baik

bid'ah ialah ini “bahawa: Bid'ah yang dilarang ialah bid'ah yang menyalahi sunnah. Ibnu Umar ra. juga pernah berkata mengenai solat Dhuhā: “Sebaik-baik bida'ah... “Seterusnya berkata Al-Imam Az Zarqani lagi: “Ini menjelaskan bahawa memberi pandangan dan berijtihad adalah sah (bagi yang berkelayakan ...”

F. Al-Imam Ibnu Rejab Al Hambali Rahimahullah:

Katanya: “Yang dimaksudkan dengan bid'ah itu ialah perkara yang baru diwujudkan yang tidak ada dalil yang membuktikannya di dalam syariat. Manakala sesuatu yang mempunyai dalil yang menunjukkannya, maka ia bukanlah bid'ah dari segi syarak walaupun ia bid'ah dari segi bahasa.”

(Lihat: Jamie' al Ulum wa al Hikam: hlm.160)

G. Al-Imam Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah

Menurutnya: “Bid'ah itu dari segi bahasa ialah perkara yang baru direka. Manakala dari istilah syarak: Perkara yang diadakan yang menyalahi perintah syarak berdasarkan kepada dalil samada yang berbentuk khas atau am ...”

(Lihat: Al Fatawa al Hadithiyyah: hlm. 205)

H. Az Zarkasyi Rahimahullah

Katanya: “Bid'ah dari segi syarak diletakkan pada perkara yang baru diwujudkan yang dikeji ...”

I. Al-Imam Ahmad bin Ali Al Manjur Al Maliki

Di dalam kitabnya: ‘Al Is’aaf Bit Talab Mukhtasar Syarah Al Minhaj Al Muntakhab ‘ala Qawa'id al Mazhab' (hlm. 258) dalam mazhab Al Maliki, beliau mengambil kata-kata Al-Imam Al Qarafi di dalam kitabnya “Al-Furuq “: ” Farq (pecahan) yang ke 250 - Ketahuilah bahawa para sahabat (ulama Mazhab Maliki) pada apa yang aku dapati bersepakat menolak segala bid'ah. Nas ke atas itu dikemukakan oleh Ibnu Zaid dan selainnya.

Sebenarnya perkara ini ada huraian dan ia boleh dikategorikan kepada lima bahagian:

1. Bahagian yang wajib: Iaitu apa yang termasuk dalam kaedah-kaedah wajib dan mempunyai dalilnya dalam syarak seperti menulis Al-Quran dan hukum-hukum syariat kerana ditakutkan lupusnya. Kerana menyampaikannya kepada orang yang selepas kita adalah wajib hukumnya sepertimana yang telah disepakati oleh ulama. Jadi, membiarkannya begitu sahaja adalah haram berdasarkan ijmak. Dan bid'ah yang seperti ini tidak sepatutnya dipertikaikan akan wajibnya.
2. Bahagian yang kedua: Haram - Iaitu semua bid'ah yang termasuk dalam kaedah-kaedah yang haram dan mempunyai dalil-dalilnya dalam syarak seperti mengutip cukai barang-barang, perkara-perkara baru yang berbentuk penindasan atau kezaliman dan perkara-perkara baru yang bertentangan dengan kaedah-kaedah syariah seperti mengutamakan orang-orang jahil dari para ulama dan melantik seorang yang tidak layak memegang jawatan-jawatan agama secara warisan dengan alasan bahawa bapanya dulu pernah memegang jawatan tersebut sedangkan dirinya bukanlah seorang yang layak untuk jawatan itu.
3. Bahagian yang ketiga: Bid'ah yang sunat - Iaitu apa yang termasuk dalam kaedah sunat dan dalil-dalilnya dalam syarak. Contohnya: Solat Tarawih, menetapkan satu pakaian khas yang sesuai untuk para qadhi dan para pemerintah walaupun berlainan dengan para sahabat ra. kerana matlamat dan kemaslahatan yang terdapat dalam syariat tidak akan tercapai melainkan menonjolkan kehebatan para pemimpin pada hati orang ramai.
4. Bahagian yang keempat: Bid'ah yang makruh iaitu apa yang termasuk dalam dalil-dalil makruh dan kaedah-kaedahnya dalam syarak seperti mengkhususkan hari-hari yang tertentu

untuk melakukan ibadah-ibadah yang tertentu.

5. Bahagian yang kelima: Bid'ah yang harus. Iaitu apa yang termasuk dalam dalil-dalil dan kaedah-kaedah harus dalam syarak. Contohnya: Menggunakan pengayak tepung. Malah disebutkan dalam athar bahawa perkara baru yang pertama sekali diadakan selepas Rasulullah SAW ialah menggunakan pengayak tepung. Kerana mencari kesenangan hidup dan memperbaiki taraf hidup adalah harus, maka jalan-jalannya juga adalah harus.

Dari kesemuanya tadi, ketahuilah kita bahawa bukan semua yang disebut bid'ah itu sesat kerana sebahagian daripadanya termasuk di bawah kaedah syarak yang diterima, maka mengamalkannya bukanlah satu kesesatan. Lagipun penggunaan istilah bid'ah terhadap perkara-perkara itu hanya pada sudut bahasa bukannya mengikut istilah syarak.

Bahkan bid'ah yang sebenarnya ialah bid'ah yang haram dan makruh dan perkara-perkara yang tidak termasuk di bawah usul-usul am atau kaedah-kaedah am yang terdapat dalam syariat.

5. DI ANTARA KAEDAH-KAEDAH SYARIAH

Di sini dibentangkan beberapa kaedah am yang terdapat dalam Islam.

1. (لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ) Tidak mudharat dan tidak memudharatkan. Yang bererti: Tidak mudharat pada diri sendiri dan tidak memudharatkan orang lain. Maka dengan kaedah ini, perkara yang menyebabkan kemudharatan kepada diri sendiri atau memudharatkan orang lain adalah haram walaupun tidak ada dalil yang melarangkannya secara jelas di dalam Al-Quran atau Hadith.
2. (وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ) Buatlah kebaikan semoga kamu

beroleh kejayaan. Kaedah ini menggalakkan perlakuan apa sahaja yang membawa kebaikan pada diri sendiri ataupun orang lain dan tidak termasuk dalam apa yang dilarang oleh syarak samada larangan yang berbentuk khusus, ataupun apa yang boleh menyebabkan kerosakan pada masa yang akan datang.

3. (الضَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ) Keadaan darurat mengharuskan apa yang dilarang. Apa sahaja yang dilarang oleh syarak diharuskannya dalam keadaan darurat, kerana terdapat hukum-hukum tertentu dalam keadaan darurat. Dan keharusan itu pula diambil hanya sekadar melepasi darurat itu sahaja, tidak boleh lebih. Manakala darurat pula diukur sejauh mana ia boleh mengancam keselamatan manusia atau binatang atau anggota manusia atau kesihatan yang mana sekiranya dia tidak melakukannya akan membinasakan diri atau merosakkan anggotanya atau mengakibatkan sakit yang berpanjangan atau melambatkan sembuh dari satu-satu penyakit.
4. (إِذَا تَعَارَضَ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ فِي أَمْرٍ رُجِّحَ الْحَرَامُ احتياطاً) Apabila berlaku pertembungan di antara halal dengan yang haram pada satu perkara, dikira haram sebagai langkah berjaga-jaga.
5. (مَا حُرِّمَ أَخْذُهُ حُرِّمَ اعْطَاؤُهُ) Apa yang haram diambil, haram diberi.
6. (الْبَيِّنَةُ عَلَى مَنْ ادَّعَى وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ) Orang yang menuduh mesti mengemukakan bukti, yang tertuduh yang menafikan mesti bersumpah.
7. (الْأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا، وَالْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ) Setiap perkara itu mengikut tujuan, dan setiap amalan mengikut niatnya.

8. (اعْمَالُ الْكَلَامِ خَيْرٌ مِنْ اِهْمَالِهِ) Mengambil kira satu ucapan lebih baik dari membiarkannya.

Terdapat sebahagian ulama dan fuqaha telah mengarang kitab-kitab atau menyatakannya di dalam bab-bab khusus dalam kitab mereka yang menyentuh mengenai kaedah-kaedah am ini. Di antara mereka ialah 'Izzuddin bin Abdus Salam, Ibnu Rejab Al-Hambali, Ibnu Al-Lahham, Al 'Allani, As-Sayuthi, Ibnu Nujaim di dalam kitabnya: Al-Isybah wan Nazair'.

Kaedah-kaedah ini merupakan satu ciri daripada ciri-ciri kesyumulan dan keluasan syariat Islam. Kerana itu, tidak ada satu perkara pun yang baru berlaku sehinggalah ke hari Qiamat, melainkan syariat mampu memberi hukum samada wajib, sunat, haram, makruh atau harus dengan dinilai melalui kaedah-kaedah tersebut walaupun tidak terdapat nas-nas yang jelas (daripada Al-Quran atau hadith) yang menerangkan hukumnya.

Kaedah-kaedah ini sebenarnya ditimba dari ayat-ayat Al-Quran dan Hadith-hadith Nabi SAW.

6. SESUATU YANG TIDAK DILAKUKAN OLEH RASULULLAH SAW DAN PARA SAHABAT RA BUKAN BERERTI TIDAK DIANJURKAN OLEH SYARIAT

Soalan:

Sekiranya tidak dapat dipastikan bahawa Rasulullah SAW dan para sahabatnya pernah melakukan sesuatu perbuatan, kemudian ada seorang yang ingin melakukannya, adakah amalan itu dikira sebagai satu yang bid'ah, kerana ia tidak pernah diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya?

Jawapan:

Pendapat yang mengatakan sesuatu yang tidak pernah

dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabatnya adalah bid'ah kurang tepat apabila dilihat pada dua sudut iaitu:

1. Sesuatu yang tidak dilakukan itu tidak menunjukkan yang ia dianjurkan oleh syariat dan tidak juga menunjukkan ia ditegah olehnya, tetapi perkara tersebut dikira sebagai perkara harus (ibahah asliyah). Jadi apabila sesuatu yang tidak pernah dilakukan itu (oleh Rasulullah SAW dan para sahabat) tidak menjadi dalil yang ia disuruh, maka ia juga tidak boleh dijadikan dalil yang ia dilarang, selagi mana tidak terdapat dalil yang jelas melarangnya.

Setelah itu, ia juga hendaklah dilihat, adakah ia termasuk dalam mana kaedah-kaedah am syariat (qawa'id syar'iyah) atau ia dapat diqiaskan dengan perkara yang disebut oleh nas? Sekiranya ia termasuk dalam perkara tersebut, maka kita mengatakan bahawa ia terdapat di dalam syariat, dan sekiranya ia ditolak oleh kaedah atau bertentangan dengan nas-nas, maka kita katakan yang ia adalah bid'ah.

2. Pendapat yang mengatakan: "Kalaulah ia baik, sudah tentu ia dilakukan oleh seorang yang lebih baik daripada kita..." adalah pendapat yang seolah-olah menganggap syariat Islam sesuatu yang jumud, kerana menyempitkan skopnya yang syumul itu hanya kepada kurun yang pertama sahaja daripada umat ini. Realitinya tidak begitu, Islam bukannya tidak mampu untuk menetapkan hukum pada setiap amalan atau peristiwa yang berlaku samada dalam bidang muamalah atau sebahagian daripada ibadat yang tidak ditentukan atau diputuskan oleh syariat, iaitu dengan berpandukan kepada kaedah-kaedah am atau prinsip-prinsip yang terdapat dalam syariat.

7. MENGHUKUM 'BID'AH KE ATAS PERSOALAN KHILAFIYAH ATAU YANG DITETAPKAN OLEH HADITH DHAIF

Soalan:

Adakah dibolehkan melabelkan perkataan 'bid'ah' ke atas perkara yang thabit melalui hadith dhaif (yang lemah) atau persoalan yang wujud perselisihan hukumnya di kalangan para ulama?

Jawapan:

Termasuk di dalam kesalahan yang nyata, apabila menetapkan hukum sebagai bid'ah ke atas perkara yang para ulama tidak seia dan sekata mengenainya dari sudut tsabitnya (wujud) dan ketiadaannya atau dari sudut kuat atau lemah dalilnya. Begitu juga pada perkara yang ditetapkan oleh hadith yang dianggap dhaif oleh para ulama hadith.

Kerana dengan label tersebut, menyebabkan kita menghukum para sahabat dan generasi salafus soleh selepas mereka sebagai 'pembawa bid'ah, kerana seorang mujtahid itu akan menganggap ijtihadnya lebih kuat hujahnya daripada ijtihad orang lain. Sebagai contoh, Saidatina Aishah pernah berselisih pendapat dengan Ibnu Abbas pada satu hukum yang ditetapkan oleh Ibnu Abbas, sedangkan Aishah menolaknya, maka sudah tentu setiap mereka akan bid'ah membid'ah sesama mereka dan seterusnya akan menyebabkan para fuqaha akan sesat-menyesatkan sesama mereka. Tetapi ini tidak pernah berlaku.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah bahawa seorang di kalangan fuqaha melemparkan tuduhan 'bid'ah' kepada yang lain, tetapi yang berlaku ialah sebaliknya. Sebab itu, setiap mazhab tidak mewajibkan umat Islam berpegang dengan ijtihadnya dalam satu-satu masalah, tetapi mereka hanya dapat menggalakkan pengamalannya sahaja. Terdapat kata-kata fuqaha: "Seeloknya

ia diamalkan untuk mengelak daripada khilaf mereka yang mewajibkannya.”

Isyarat di atas membuktikan bahawa para fuqaha sentiasa hormat-menghormati ijtihaad yang dikeluarkan sesama mereka. Sebagai contohnya: Pada Abu Hanifah, menyentuh wanita yang bukan muhrim tidak membatalkan wudhuk, tetapi beliau mengatakan disunatkan wudhuk selepas tersentuh untuk mengelak daripada khilaf mereka yang mewajibkannya (mengambil wudhuk).

Demikian juga keadaannya pada perkara yang ditetapkan berpandukan hadith yang dhaif. Tidak boleh juga menghukumkannya sebagai bid'ah, kerana hukum memang tsabit secara umum, tetapi lemah yang berlaku ialah pada sanad hadith yang mungkin disebabkan kecacatan pada rawi hadith atau kecacatan yang berlaku pada matannya. Itulah yang menjadikan hadith tersebut dhaif. Adakalanya hadith itu benar pada realitinya. Sekiranya kita mendapati setengah ulama mengeluarkan hukum sebagai bid'ah pada perkara tersebut, dia bukanlah bermaksud bid'ah pada sudut syariat, tetapi bid'ah dari sudut bahasa. Wallahu a'lam.

8 BERAMAL DENGAN HADITH DHAIF PADA FADHAINGLA'MAL (AMALAN-AMALAN SUNAT YANG BERFADHILAT)

Atas dasar inilah, majoriti ulama berpendapat, dibolehkan beramal dengan hadith dhaif pada 'fadhailul a'mal' samada yang berbentuk galakan atau larangan, kerana ditakutkan hadith itu sah pada realitinya, sehingga tidak tertegah seorang muslim itu mendapat fadhilat (kelebihan atau pahala) samada pahala mengerjakan sesuatu amalan atau meninggalkan satu tingkahlaku, kerana dhaif itu biasa berlaku disebabkan sanadnya (perawinya).

Contoh galakan untuk satu amalan: Terdapat sebuah hadith

Rasulullah yang menyatakan:

إِذَا جَاءَكُمْ كَرِيمٌ قَوْمٍ فَأَكْرِمُوهُ

Ertinya:

“Sekiranya kamu dikunjungi oleh seorang yang mulia di kalangan satu kaum, maka muliakanlah dia.”

Menurut Abu Daud berhubung dengan hadith ini sebagaimana yang disebut oleh Al Qarafi di dalam Kitab Ihya' Ulum Ad Din bahawa hadith tersebut dhaif.

Namun begitu, memuliakan orang-orang besar yang mempunyai kedudukan dan pengaruh di tengah masyarakat tetap dianggap sebagai akhlak yang mulia (walaupun hadith yang menyebutnya dhaif).

Contoh larangan pada satu tingkahlaku atau sifat: Sabda Rasulullah SAW yang menyatakan:

لَا تُشْغَلُوا قُلُوبَكُمْ بِذِكْرِ الدُّنْيَا

Ertinya:

“Janganlah kamu menyibukkan hati kamu dengan dunia.”

Hadith ini dihukum sebagai hadith yang dhaif oleh Imam As Sayuthi di dalam Al-Jamei As Shaghir. Namun begitu, tetap disebut bahawa seorang mukmin itu adalah lebih baik sekiranya tidak menyibuk hatinya dengan mengingati dunia.

Walaupun para ulama berpendapat bahawa boleh beramal dengan hadith dhaif pada ‘fadhailul a’ mal,’ tetapi mereka tidaklah mengatakannya begitu sahaja tanpa dikait dengan syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat yang mesti dipenuhi ketika beramal dengan hadith dhaif seperti berikut:

1. Hadith tersebut tidaklah terlalu dhaif. Seperti: Tidak terdapat di kalangan perawinya seorang yang pernah ditohmah sebagai

seorang pendusta, kerana sekiranya terdapat seorang perawi ditohmah sebagai pendusta walaupun belum terbukti, ia sudah cukup untuk menjadikan hadith itu dhaif. Tetapi sekiranya ternyata perawi itu berdusta, maka hadith itu dianggap sebagai hadith *maudhu'* (palsu).

2. Hadith tersebut masih termasuk di dalam salah satu kaedah atau usul am yang diamalkan di dalam Islam.
3. Tidak berikhtiqad bahawa hadith tersebut thabit daripada Rasulullah SAW, tetapi diamalkan di atas dasar berwaspada. Oleh itu, adakalanya ia elok ditinggalkan sehinggalah seorang awam tidak mengikhtiqad bahawa ia thabit daripada Rasulullah SAW sekiranya ia berbentuk amalan yang dilakukan secara terang-terangan. Tetapi sekiranya ia berbentuk amalan yang tersembunyi, tidaklah menjadi tegahan ia dilakukan secara istiqamah.

(*Lihat: Tadrib al-Rawi: 1/2 98-299*)

Sekiranya terluput satu sahaja daripada syarat-syarat tersebut, maka tidak diharuskan beramal dengan hadith dhaif. Sepertimana hadith dhaif tidak boleh dijadikan sandaran untuk menetapkan hukum-hakam yang berbentuk fardhu selagimana ia tidak dikuatkan oleh hadith-hadith lain yang akan diterangkan secara detail sebentar lagi.

9. KESALAHAN YANG BERLELUASA

Kemungkinan seorang yang membaca sebuah hadith, lalu mendapati sanad hadith tersebut terputus atau di kalangan perawi hadith itu dhaif, maka diapun terus menghukum hadith tersebut sebagai dhaif hanya melihat kepada dhaif yang berlaku pada sanad. Yang tepatnya ialah perkara tersebut tidak semestinya dhaif, kerana adakalanya sanadnya dhaif tetapi matan hadith tersebut masih kuat.

Contohnya apabila matan hadith itu dikuat dengan hadith lain

yang dinamakan oleh ulama hadith sebagai 'syahid' dan 'mutaba'ah', maka hadith tersebut boleh diamalkan kerana ia telah menjadi kukuh sebagaimana kuatnya hadith yang menjadi 'syahid' dan 'mutaba'ah' itu. Sebagai contoh: Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Asy Syafi'ei di dalam kitabnya Al Umm daripada Malik daripada Abdullah bin Dinar daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ فَلَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهَيْلَالَ، وَلَا تَفْطُرُوا حَتَّى تَرَوْهُ، فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ

Ertinya:

"Jumlah hari dalam bulan ialah dua puluh sembilan hari. Maka janganlah kamu berpuasa sehinggalah kamu melihat anak bulan, dan janganlah kamu berbuka (berhari raya) sehinggalah kamu melihat anak bulan. Sekiranya ia terlindung daripada kamu, maka genapkanlah bilangan sebanyak tiga puluh hari."

Menurut Al-Baihaqi, lafaz (فإن غم عليكم فأكملوا العدة ثلاثين) hanya Imam Asy Syafie seorang sahaja yang meriwayatkannya daripada Imam Malik, sedangkan riwayat yang masyhur daripada Imam Malik ialah dengan lafaz:

فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ

tetapi setelah diteliti, didapati Imam Al-Bukhari juga meriwayatkan di dalam sahihnya bahawa Abdullah Al Qa' nabi menyampaikan hadith daripada Imam Malik sepertimana lafaz yang disampaikan oleh Imam Asy Syafei.

Selain daripada hadith yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Dinar itu, diikuti pula hadith lain yang diriwayatkan oleh Imam Muslim melalui jalan Abu Usamah daripada Ibnu Umar ra. dan

hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah melalui jalan Asim bin Muhammad bin Zaid daripada bapanya daripada datuknya daripada Ibnu Umar ra. sepertimana lafaz yang diriwayatkan oleh Asy Syafei. (Inilah yang dikatakan 'mutaba'ah' iaitu hadith yang diriwayatkan melalui pelbagai sanad tetapi bertemu pada perawi yang pertama iaitu para sahabat).

Malah hadith tadi juga mempunyai 'syahid' iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Abu Hurairah ra. dengan lafaz :

فَأَكْمَلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ

Ertinya:

"Genapkanlah bulan Sya'ban menjadi tiga puluh hari."

Adakalanya sesebuah hadith sanadnya kuat tetapi matannya lemah. Iaitu seperti: Sanad sesebuah hadith bersambung dan para perawinya dipercayai tetapi di dalam matannya wujud percanggahan.

Contohnya ialah: Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Tawuus daripada bapanya daripada Ibnu Abbas ra. katanya:

كَانَ الطَّلَاقُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، وَأَبِي بَكْرٍ وَسَنَتَيْنِ مِنْ خِلَافَةِ عُمَرَ طَلَاقُ الثَّلَاثِ وَاحِدَةً، فَقَالَ عُمَرُ ابْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: إِنَّ النَّاسَ قَدْ اسْتَعْجَلُوا فِي أَمْرِ كَانَتْ لَهُمْ فِيهِ أَنَاةٌ فَلَوْ أَمْضَيْنَاهُ عَلَيْهِمْ، فَأَمْضَاهُ عَلَيْهِمْ

Ertinya:

"Adalah talak pada zaman Rasulullah SAW, Abu Bakar dan dua tahun pertama pada zaman Umar talak tiga(dengan satu lafaz) dikira talak satu. Selepas itu Umar berkata: Terdapat

orang yang terburu-buru dalam perkara ini, mereka akan berhati-hati kalau kita melaksanakan hukum ini kepada mereka, lalu beliaupun melaksanakan hukum itu ke atas mereka.” (Iaitu talak tiga dengan satu lafaz dikira talak tiga).

Terdapat juga riwayat lain yang diambil daripada Ibnu Juraij bahawa seorang yang bernama Abu Shahba’ bertanya kepada Ibnu Abbas: Adakah kamu tahu bahawa talak tiga (dengan satu lafaz) dikira sebagai talak satu pada zaman Rasulullah SAW, Abu Bakar dan tiga tahun pertama zaman pemerintahan Umar? Ibnu Abbas menjawab: “Ya.”

Manakala Abu Daud pula meriwayatkan melalui jalan Hammad bin Zaid daripada Ayub daripada Ibrahim bin Maisarah daripada Tawuus bahawa beliau pernah bertanya kepada Ibnu Umar: ‘Bukankah talak tiga (dengan satu lafaz) pada zaman Rasulullah SAW dikira talak satu?’

Di dalam lafaz yang lain: “Tahukah kamu bahawa seorang lelaki apabila mentalakkan isterinya dengan talak tiga sebelum dia menyetubuhinya, dikira sebagai talak satu.”

Athar-athar tadi disebut di dalam Sahih Muslim dan Sahih Abu Daud dengan sanad yang sahih tetapi ia dikira lemah kerana berlaku percanggahan pada matannya yang dapat dilihat pada lafaznya yang berbeza. Sekali disebut perempuan yang ditalak itu secara umum, dan pada yang lain dikaitkan dengan perempuan yang tidak disetubuhi lagi.

Adakalanya sanad dan matannya dhaif.

Contohnya seperti: Hadith yang diriwayatkan oleh At-Tarmizi daripada Abu Hamzah daripada “Amir Asy Sya’bi daripada Fatimah Binti Qais daripada Nabi SAW:

إِنَّ فِي الْمَالِ حَقًّا سِوَى الزُّكَاةِ

Ertinya:

“Sesungguhnya di dalam harta itu terdapat kewajipan selain daripada zakat.”

Manakala Ibnu Majah pula meriwayatkan daripada Abu Hamzah juga dengan lafaz:

لَيْسَ فِي الْمَالِ حَقٌّ سِوَى الزَّكَاةِ

Ertinya:

“Tidak terdapat di dalam harta kewajipan melainkan zakat.”

Di sini, sanad hadith dhaif, kerana Abu Hamzah, salah seorang perawinya adalah dhaif. Ini disebut oleh At-Tarmizi bahawa nama sebenar Abu Hamzah ialah Maimun Al-A'war, seorang yang dhaif. Manakala pada matannya pula terdapat percanggahan yang jelas, kerana lafaz yang pertama menetapkan hak (kewajipan) selain daripada zakat pada harta, manakala lafaz yang kedua pula menafikannya.

Jadi jelaslah di sini, bahawa sesuatu hadith dianggap sebagai dhaif, adakalanya disebabkan dhaif pada matan dan sanad, dan adakalanya pada sanad sahaja tanpa menjejaskan matan, dan adakalanya pada matan tanpa melibatkan sanad.

Apabila didapati hadith mempunyai sanad yang banyak, yang berlainan dan setiap sanadnya tidak terlepas daripada dhaif, maka tidak semestinya juga hadith itu dikira dhaif, kerana sanad yang banyak boleh menaikkan taraf hadith tersebut kepada martabat 'hasan li ghairihi.' Contohnya kami akan kemukakan pada hadith yang menyebut tentang hukum menyapu muka dengan dua tapak tangan selepas berdoa nanti.

Selepas ini, diharapkan tidaklah ada yang terburu-buru menghukum sebuah hadith dengan dhaif melainkan setelah dikaji dengan teliti iaitu setelah didapati ia tidak mempunyai 'mutaba'ah' dan 'syahid', kerana dhaif yang berlaku sanad tidak semestinya menyebabkan hadith menjadi dhaif secara keseluruhannya.

10. APABILA DISERAHKAN SESUATU URUSAN KEPADA BUKAN AHLINYA (YANG MAHIR) TUNGGULAH HARI KIAMAT

Ini adalah maksud sebuah hadith Rasulullah yang nas asalnya menyebut:

إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ

Perkataan “Sa’ah” apabila disebut, bererti kemusnahan dan kesudahan dunia sekaligus selepas tiupan sangkakala yang pertama. Dapat difahami melangi hadith ini juga bahawa setiap perkara apabila terlencong dari landasannya yang asal atau rosak dan berkecamuk, maka itu menandakan saat kehancurannya.

Begitulah halnya dalam agama ini, sekiranya urusan mengeluarkan fatwa dan dalam memperkatakan soal halal, haram, bid’ah, sunnah dan sebagainya diserahkan kepada seorang yang bukan bidangnya iaitu seorang yang benar-benar pakar dalam ilmu syariat, maka tunggulah kehancuran dan kerosakannya. Ini mungkin berlaku disebabkan kurangnya para ulama pakar yang berkecimpung dalam bidang fiqh dan kekosongan yang berlaku dalam bidang tersebut. Ini juga termasuk tanda-tanda hampirnya kiamat.

Dalam hal ini, terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Amru ra. katanya: Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Allah SWT tidak mencabut terus ilmu daripada manusia selepas dikurniakan kepada mereka, tetapi Dia melenyapkannya dengan kematian para ulama. Setiap kali perginya (mati) seorang ulama, turut pergi bersamanya ilmu yang dimilikinya, sehinggalah tidak tinggal pada waktu itu melainkan para pemimpin yang jahil yang apabila mereka ditanya (berhubung dengan persoalan agama), lang mereka

mengeluarkan fatwa tanpa berdasarkan dengan ilmu. Maka mereka sesat dan menyesatkan (orang lain)."

Di antara yang menyedihkan, terdapat segolongan yang bukan pakar dalam bidang fiqh, atau sekadar membaca kitab-kitab fiqh tanpa mendalaminya, lang berani meletakkan diri mereka sebagai seorang yang alim dan berani mengeluarkan fatwa, maka seringkalilah mereka tersilap lantaran bergantung dengan hawa nafsu atau berpandukan kepada prinsip hidup yang mereka pegangi. Lalu merekapun membuat tuduhan mengng terhadap segolongan lain dengan menabelkan "pembawa bid'ah" dan menganggap amalan-amalan tertentu yang sedikitpun tidak bercangah dengan syariat sebagai 'bid'ah'.

Mereka menyangka bahawa pembacaan dan pengetahuan am yang dimiliki berhubung dengan syariat itu sudah cukup untuk melayakkan mereka berkata sedemikian dan melampau dalam berdakwah orang ramai kepada mereka. Sebab itulah, kita tidak dapati seorangpun yang mempelajari ilmu Fiqh dan Usul Fiqh dengan mendalam mengeluarkan pendapat seperti pendapatnya atau menyetujui cara yang dibawanya samada dari kalangan yang terdahulu atau yang sezaman dengan mereka.

Terdapat juga setengah golongan yang sampai ke peringkat melampaui batas sehingga berani mempertikaikan autoriti para ulama besar dan melempar tuduhan 'tersilap', 'bid'ah' dan kurang mengkaji hadith-hadith Rasulullah SAW. Di antara ulama yang mereka pertikaikan ialah imam-imam mazhab yang empat, sedangkan mereka ini telahpun diperakui oleh umat Islam kelayakan mereka untuk dijadikan ikutan. Terdapat juga sebahagian yang lain mempertikaikan segolongan ulama lain yang mempunyai pendapat yang tidak sesuai dengan seleranya atau prinsip hidupnya, walaupun mereka yakini bahawa mereka yang dipertikaikan itu benar dalam beberapa aspek yang lain.

Di antara contohnya: Sebahagian orang mempertikaikan dan

menolak secara mutlak pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Imam Ibnu Taimiyah dan anak muridnya, Ibnu Qayyim apabila didapati bercanggah dengan hawa nafsunya dengan alasan untuk memelihara sunnah dan menjauhi perkara bid'ah.

Saya menyeru saudara muslim yang bertindak di atas alasan menjaga sunnah tersebut dan berkata kepadanya: “Sekiranya engkau seorang pakar bedah dan pakar dalam salah satu bidang perubatan, kemudian datang seorang yang mahir dalam bidang syariah tetapi telah membaca sedikit sebanyak tentang asas-asas perubatan dan pertolongan cemas melalui surat khabar atau majalah, kemudian dia ingin campur tangan dalam urusan perubatan yang rumit, adakah kamu menyetujuinya atau kamu hanya memperkecil-kecilkannya?

Sudah tentu kamu akan memperkecil-kecilkannya dan menuduhnya sebagai bodoh dan suka masuk campur urusan orang lain. Jadi, begitu juga keadaannya kenapa kamu mempertikaikan para fuqaha yang benar-benar mahir dalam bidang ilmu fiqh dan usul fiqh, samada ulama yang terdahulu atau pada zaman sekarang dalam bidang kepakaran mereka dan masuk campur dalam urusan mereka serta memusuhi atau menghasut orang ramai supaya tidak mengambil faedah daripada mereka?

Sehinggakan terdapat sebahagiannya yang mereka sendiri tidak mampu untuk membezakan di antara ayat Al-Quran dengan hadith dan tidak mampu untuk membaca sebaris nas hadith tanpa tersalah barisnya atau bahasanya, melampaui batas sehingga sanggup menyekat orang ramai daripada mempelajari ilmu fiqh dan mengikut salah satu daripada mazhab yang empat.

Perumpamaan mereka ini tidaklah lain bagaikan seorang pelatih yang datang untuk melakukan amali dengan seorang doktor yang pakar dan di situlah dia melihat bagaimana doktor tersebut melakukan kerjanya, sehinggalah dia tahu bagaimana cara untuk menyuntik ke badan pesakit, kemudian selepas itu

dengan lantang dia bangun membantah kerja-kerja doktor tersebut dan menuduhnya tindakannya 'tersalah' samada pada perbuatannya atau perkataannya.

Berapa ramai di kalangan para pemuda yang berani menentang taqlid kepada mazhab-mazhab tertentu, sedangkan dia sendiri bertaqlid kepada salah seorang ulama hadith di zaman kini bahkan mengikut ulama hadith itu secara melulu dalam mempertikaikan para fuqaha dan ulama lain tanpa disedarinya. Adakalanya dia melabelkan sesuatu sebagai bid'ah, apabila kita tanya kepada mereka. "Apakah dalil kamu?" Dijawabnya: "Aku mendengar syeikh polan mengata sedemikian atau aku pernah terbaca dalam sebuah buku syeikh polan pada masa kini dan mengatakan ia adalah bid'ah."

Bukankah ini juga taqlid buta? Kamu anti bertaqlid kepada Abu Hanifah, sedangkan beliau lebih hampir dengan zaman Rasulullah SAW, bahkan memahami selok belok bahasa dan pengertian yang terkandung di dalamnya dan kata-kata para sahabat, sedangkan kamu hanya mengikut seorang lelaki pada masa kini yang bukannya mahir dalam bidang fiqh. Bukankah ini terbalik dan terpusing.

Bertakwalah kepada Allah ketika beribadah dan ketika mempertikaikan para ulama umat ini, wahai para pemuda. Sebaiknya, ikutilah pandangan para fuqaha yang telah tersebar ilmu mereka ke serata dunia dan mereka telah berkorban untuk tujuan itu dengan penuh warak, bersungguh-sungguh, bertakwa dan penuh takut kepada Allah SWT.

11. BERSEDERHANALAH WAHAI PARA PEMUDA

Di atas alasan untuk berpegang dengan sunnah dan menjauhi perkara-perkara bid'ah, terdapat segolongan pemuda yang melampau dalam meletakkan pengertian 'bid'ah' sehingga menghukumkannya terhadap perkara-perkara yang kecil, kerana

lebih mengikut hawa nafsu atau kerana terpengaruh dengan manhaj (prinsip) jamaah tertentu yang menganggap bid'ah ialah sesuatu amalan yang baru diwujudkan dan tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Mereka lupa atau sengaja melupai keluasan dan kesyumulan Islam yang sesuai pada setiap masa dan tempat, malah setiap sesuatu yang muncul samada yang berbentuk istilah atau peristiwa sehinggalah ke hari Kiamat.

Di atas sebab itu, bererti mereka menolak sebilangan besar perkara atau peristiwa yang berlaku pada zaman para sahabat dan generasi selepas mereka, yang ianya tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah SAW atau ketika hukum hakam syariat sedang turun. Di antaranya ialah: pengumpulan Al-Quran, mewujudkan azan sebanyak dua kali pada hari Jumaat, mewujudkan miqat haji yang baru iaitu Zatu 'Irq bagi mereka yang datang dari sebelah Iraq.

Terdapat pula satu golongan yang beralasan untuk mengikut segala sunnah Rasulullah SAW, mencintai dan berakhlak dengan akhlak-akhlak baginda, tetapi mereka ini melampau dalam menempuh jalan tasauf sehingga ke peringkat terseleweng daripada prinsip sebenar yang digariskan oleh para ulama tasauf. Mereka ini melalui jalan lain yang jauh menyimpang dari landasan sebenar para ulama tasauf iaitu jalan mencontohi Rasulullah SAW samada dalam pengucapannya, perbuatannya, akhlaknya dan keadaan hidupnya. Golongan ini melupai bahawa di situlah terdapat pendidikan rohiyah dan akhlak.

Maka, merekapun berpendapat, para ulama hanya mengetahui soal-soal lahiriah, sedangkan kami mengetahui soal-soal batin. Sekiranya salah seorang daripada mereka meninggalkan satu amalan lahir yang diperintah oleh Islam, jika ditanya kepada mereka mengenai perkara itu, mereka akan menjawab: Dia beramal secara batin yang kamu tidak dapat melihatnya, kerana kamu tidak melihat melainkan perkara yang lahir. Dia sedang menempuh jalan hakikat, sedangkan kamu masih menempuh jalan

syariat. Lalu mereka ini menjauhi para ulama dan meninggalkan ilmu fiqh, sehingga mereka sanggup mengeluarkan kata-kata yang tidak diakui oleh syariat Islam. Mereka tidak sedar bahawa Islam itu ialah isi dan kulit atau hakikat dan syariat yang kedua-dua tersebut adalah kembar yang tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain.

Sekiranya ia dipisahkan, maka akan berlakulah kerosakan, atau terbatalnya amalan atau boleh menjejaskan iman. Perbuatan-perbuatan solat adalah simbol solat dan syariat, manakala ikhlas di dalam solat dan kesan yang lahir pada perangai seseorang muslim dan dalam kehidupannya adalah mutiara atau hakikat daripada solat itu.

Menahan diri daripada makan dan minum ketika berpuasa adalah simbol lahir dan syariat, manakala menjangkau rahsia dan hikmat berpuasa itulah mutiara dan hakikat. Begitulah seterusnya pada ibadat-ibadat lain.

Jadi, perumpamaan di antara zahir dan batin atau di antara syariat dan hakikat sepertilah buah limau yang ada kulit dan isi. Kulit itu lahir dan isinya adalah hakikat, sekiranya tertanggal kulit daripada isinya dan dibiarkan ia akan rosak, kerana setiap satunya saling memerlukan di antara satu sama lain.

Begitu jugalah di dalam Islam ini, amalan tidak boleh dipisahkan di antara zahir dan batin. Seorang sufi beramal dengan zahir dan batin, seorang ahli fiqh mengetahui zahir dan batin, bahkan sufi yang sebenar ialah seorang yang mengikut jejak langkah salafussoleh yang benar. Begitulah seterusnya.

Sebab itu, Imam An-Nawawi menggariskan di dalam sebuah kitabnya sifat seorang sufi yang benar. Menurut beliau: "Seorang sufi mesti beriktihad berdasarkan ilmu, beramal, melazimi adab dan mendampingi orang-orang soleh."

Wahai Para Pemuda!

Para musuh Islam sentiasa menunggu-nunggu peluang dan mengintai-mengintai untuk mengambil kesempatan pada sikap-sikap yang seperti ini untuk memporak-perandakan umat Islam, sehingga umat Islam tidak bersatu untuk bangun menentang perancangan mereka untuk menghancurkan Islam, penganut dan negara-negara Islam. Oleh itu, janganlah dijadikan persoalan-persoalan furu' (cabang) sebagai wasilah untuk berpecah-belah, kerana Allah SWT telahpun berfirman:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمْ
الْبَيِّنَاتُ وَأُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Ertinya:

"Janganlah kamu menjadi seperti mereka yang berpecah-belah dan berselisih pendapat selepas datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas, dan untuk mereka azab yang dahsyat."

(Ali Imran: 105)

Para ulama yang terdahulu daripada kamu pernah berselisih pendapat dalam persoalan-persoalan yang furu' dalam lingkungan nas-nas Al-Quran dan hadith atau dalil-dalil akal, tetapi perkara tersebut tidaklah menyebabkan mereka bersengketa di antara mereka. Mereka tidak pernah menjadikan solat sunat sebelum Jumaat, bacaan salawat selepas azan, meletakkan tangan di dada ketika berdiri betul, cara berdiri dalam saf dan lafaz-lafaz yang samar yang diucapkan oleh ahli sufi dan sebagainya sebagai bibit atau jalan untuk memecahbelahkan para pemuda kepada dua golongan atau lebih yang saling berperang, tuduh menuduh, bid'ah membid'ah, sesat menyesat dan benci membenci di antara satu sama lain.

Bahkan mereka saling hormat-menghormati ijthad masing-masing. Mereka tidak menganggap benci-membenci itu

dibenarkan dalam ajaran Islam yang boleh dijadikan alasan untuk menegakkan sunnah, mempertahankan Islam dan akidah Islam tetap mengharamkan benci membenci walaupun ia dijadikan alasan untuk mempertahankan atau membantukannya.

Maka, persatukanlah saf-saf kamu dan tinggallah sikap yang melampau, kerana kamu adalah umat yang pertengahan yang tidak cuai dan tidak melampau batasan. Allah Taala berfirman yang bermaksud:

“Demikianlah kami menjadikan kamu umat yang pertengahan.”

Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

“Sebaik-baik perkara ialah yang pertengahan.”

Sebaiknya, bacalah buku-buku berkenaan Sirah Rasulullah SAW, akhlak, adab-adab, zikir-zikir dan apa yang di dalamnya terdapat sesuatu yang mempertahankan Islam, dan biarkanlah persoalan-persoalan fiqh kepada mereka yang mahir dan yang berkecimpung dalam bidang tersebut.

Sekiranya kamu seorang doktor yang pakar, adakah kamu redha sekiranya seorang yang tidak pernah mempunyai pengalaman dalam bidang perubatan dan tidak pernah belajar mengenainya, tetapi sekadar membaca di dalam akhbar atau majalah, kemudian terus mendakwa dirinya seorang doktor seperti kamu kerana dia tahu sedikit sebanyak mengenai perubatan dan kaedah rawatan pertolongan cemas melalui hasil bacaannya dan bukannya belajar secara langsung daripada mereka yang pakar?

Musuh-musuh Islam menyedari arus kebangkitan Islam yang sedang berlaku di kalangan para pemuda Islam hari ini, dan mereka sedang menunggu peluang untuk mengambil kesempatan untuk memporak-perandakan kamu, kerana mereka telah berjaya memecah-belahkan umat Islam dengan mencetus fahaman perkauman dan puak, maka mungkin mereka juga boleh

mengambil peluang di atas isu persengketaan di antara kumpulan sufi dengan 'Salafiyyah', sehingga sampai ke satu peringkat apabila kamu berdakwah kepada seseorang, dia beranggapan bahawa Islam itu ada dua, lalu dia bertanya: "Islam mana yang akan saya ikuti, Sufi atau Salafi? Oleh itu, berusaha bersungguh-sungguh untuk membersihkan suasana umat Islam daripada kekeruhan yang berlaku dan daripada penyakit 'Al wahan' yang menimpa umat Islam untuk mengembalikan kekuatan dan kesatuan umat Islam di hadapan mata orang-orang kafir dan sesat. Semoga Allah memberi taufik kepada kamu semua untuk tujuan itu.

Cubalah teliti apa yang diperkatakan oleh Ibnu Taimiyah di dalam Fatawanya (Jld. 20/292): "Apa yang ditegah oleh Allah dan RasulNya seperti fanatik, berpecah belah, berselisih pendapat dan memperkatakan sesuatu tanpa disuluh oleh ilmu, maka itu semua patut ditegah. Tidak seorangpun yang boleh masuk campur dalam tegahan Allah dan RasulNya itu. Adapun seorang yang mengutamakan seorang imam mazhab daripada yang lain dari segi ijtihadnya seperti mana yang selalu menjadi perselisihan di kalangan umat Islam: Yang manakah lebih afdhal mengulang dua kali ketika melaungkan azan atau meninggalkannya, adakah dibaca sekali atau dua kali lafaz iqamah, solat Subuh ketika mula terbit fajar atau ketika pagi terang sedikit? Adakah terdapat qunut pada solat Subuh atau meninggalkannya? Adakah dibacakan Bismillah dengan nyaring atau diperlahankan atau ditinggalkannya terus? Dan sebagainya. Ini semua adalah persoalan ijtihad yang berlaku perselisihan pendapat mengenainya di kalangan para salaf dan para imam mazhab.

Setiap seorang daripada mereka mengakui ijtihad yang dikemukakan oleh yang lain. Sesiapa yang menepati kebenaran, maka dia akan mendapat dua ganjaran. Dan sesiapa yang berijtihad tetapi tersilap, dia akan mendapat satu pahala. Kesilapannya itu diampuni oleh Allah. Sesiapa yang merasakan

lebih kuat mengikut Imam Asy Syafei tidak mengingkari mereka yang mengikut Imam Malik. Sesiapa yang merasakan lebih kuat mengikut Imam Ahmad tidak mengingkari mereka yang mengikut Imam Asy Syafei dan seterusnya ...”

12. TIDAK ADA YANG MAKSUM SELAIN DARIPADA PARA ANBIYA

Sepatutnya seorang muslim itu berpegang teguh dengan prinsip yang dikemukakan oleh Imam Malik bin Anas ra. iaitu: “Setiap manusia diterima kata-katanya dan ditolak melainkan yang menghuni kubur ini.” Iaitu Rasulullah SAW. Bertitik tolak daripada ini, diambil kesimpulan bahawa seorang ulama itu adakalanya tersilap walaupun dia telah mencapai darjat keilmuan yang tinggi, bahkan walaupun dia telah mencapai maqam yang tertinggi dari segi warak dan takwa, melainkan para anbiya (nabi-nabi).

Maka Abu Hanifah adakalanya benar dan adakala tersilap, begitu juga Asy Syafie, Malik, Ibnu Taimiyah, Al-Ghazali, Ibnu Qayyim, Ar Rifaei, Al-Jilani dan para ulama lain di zaman kini.

Tetapi yang menyedihkan ialah terdapat setengah umat Islam terutamanya para pemuda, apabila mereka membaca satu pandangan seorang alim pada zaman kini atau ulama terdahulu dan didapati pandangan tersebut sesuai dengan prinsip hidupnya, maka diapun terus meyakini bahawa si alim tersebut benar dalam semua segi dan menjadi fanatik dengannya, seolah-olah si alim tersebut telah mencapai makam maksum yang tidak boleh disanggah pendapatnya atau menganggapnya tersilap walaupun terdapat dalil yang bertentangan dengan pendapat yang dikemukakan oleh si alim tersebut.

Adakalanya seseorang membenci seorang lain yang beramal atau berpendapat yang berlainan dengan apa yang dipegangnya, lalu syaitan memainkan perannya dengan membisik bahawa

kebencian ini tidak salah demi memelihara Islam dan Sunnah. Maka diapun bersifat dengan sifat yang tidak diredhai oleh Islam. Adakah ini diperintah oleh Allah atau dianjurkan oleh Islam?

13. AL-ALBANI

Syeikh Nasiruddin Al-Albani boleh dianggap seorang ahli hadith yang ulung pada zaman ini yang mempunyai kemahiran yang luas dalam ilmu hadith, namun kita perlu berhati-hati dengan beliau, kerana sepertimana yang kita yakini bahawa beliau bukanlah seorang yang maksum. Pendapat beliau boleh diterima dan ditolak, dan ada yang benar dan ada yang salah, bukanlah sepertimana yang disangka oleh sebahagian para pengikutnya. Jasa yang telah beliau curahkan dalam bidang ilmu hadith itu semoga Allah mambalasnya dengan kebaikan.

Alangkah baiknya sekiranya beliau teguh dengan arah tujuhnya itu dan menempuh jalan yang telah direntas oleh para 'muhaddithin' (ahli hadith) yang terdahulu yang tidak mendalami dalam bidang ilmu Fiqh dan Usul Fiqh. Kerana kalau beliau terus dengan jalan itu, nescaya beliau dapat mencurahkan khidmat yang besar kepada dunia Islam, sesuatu yang amat diperlukan oleh para ulama Islam pada zaman kini. Tetapi apa yang kami hendak sentuh di sini ialah apabila beliau campur tangan dalam persoalan-persoalan ilmu Fiqh, maka dapat dilihat banyak kesilapan yang dilakukan olehnya yang menggegarkan dunia Islam dan memporak-perandakan kesatuan umatnya di antara yang pro dengannya dan yang kontra. Kamu dapat lihat beliau mengeluarkan satu pendapat dalam persoalan Fiqh berdasarkan satu hadith yang diyakini olehnya kemudian beliau mengeluarkan pendapat lain yang bertentangan apabila ditemui hadith lain yang lebih kuat daripadanya.

Para pembaca boleh lihat di dalam buku karangannya, beliau mengeluarkan satu hukum, kemudian mendapati hukum yang

bercanggah di dalam bukunya yang lain. Inilah pendapat yang saya dapat kemukakan berhubung dengan lelaki ini. Saya bersyukur kepada Allah, apabila saya mendapati Syeikh Ali At-Thantawi juga sependapat dengan apa yang saya kemukakan ini mengenai Syeikh Al-Albani ini, dan beliau juga menasihatkan Syeikh Al-Albani supaya membiarkan persoalan Feqh kepada ahlinya (yang pakar).

Tidaklah pelik bila kita lihat kebanyakan para muhaddithin terdahulu, antaranya: Imam Muslim, At-Tirmidzi dan An-Nasai menyerahkan persoalan Fiqh kepada para fuqaha. Mereka hanya mengemukakan dalil-dalil Fiqh dalam masa mereka berkecimpung dalam mengumpulkan hadith.

Sikap mereka dengan para fuqaha jelas tertera dalam satu ungkapan yang masyhur yang ditujukan kepada para fuqaha iaitu: 'Kami penyedia ubat, kamu adalah doktor.' Perumpamaan seorang ahli hadith tidak lebih umpama seorang yang menyediakan bahan-bahan mentah untuk membuat sesuatu, dan para fuqaha umpama kilang yang akan mengadunkan bahan mentah itu menjadi sesuatu yang siap untuk kegunaan orang ramai. Untuk makluman juga, terdapat juga kebanyakan ulama-ulama hadith, mereka juga ahli-ahli Fiqh (fuqaha), tetapi mereka masih terikat dengan lingkungan bertaqlid kepada orang lain.

14. BERTAKLID KEPADA SALAH SATU MAZHAB DARIPADA YANG EMPAT

Soalan:

Adakah seorang muslim itu dimestikan mengikut mazhab yang tertentu di antara mazhab-mazhab Fiqh yang muncul di dalam Islam, atau dia hanya perlu mengambil hukum daripada Al-Quran dan Hadith sahaja dan mengengapikan mazhab-mazhab tersebut, atau di sana terdapat satu huraian yang detail?

Jawapan:

1. Sekiranya seorang muslim itu mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan hukum daripada ayat Al-Quran dan Hadith serta dapat memahami pengertian yang tersirat daripada kedua-duanya, mampu membeza di antara dalil khas dengan am, dalil am yang dikhususkan, nasikh dan mansukh, mujmal dan mubaiyyin, muhkam dan mutasyabih dan mampu untuk menyelaraskan di antara dalil yang zahirnya bercanggah, maka dia diharuskan mengambil hukum terus daripada Al-Quran dan Hadith tanpa perlu merujuk kepada pendapat-pendapat mazhab dan para fuqaha.

Selain daripada itu, dia juga mesti memiliki sifat-sifat berikut:

- a. Mahir dalam ilmu bahasa Arab seperti ilmu Nahu dan Saraf, kerana kedua-dua ilmu tersebut merupakan asas dalam memahami makna lafaz.
- b. Mengetahui pendapat para ulama berhubung dengan ayat atau hadith itu.
- c. Mahir dalam kaedah-kaedah Usul Feqh (Qawa'id Usuliyyah).
- d. Mahir dalam memahami ayat-ayat dan hadith-hadith yang berkaitan dengan hukum hakam (Ayat Al-Ahkam dan Hadith Al-Ahkam).
- e. Memiliki sifat takwa, amanah dan takut kepada Allah SWT.

Sekiranya seseorang tidak memiliki sifat-sifat di atas, adalah dikira sebagai satu kezaliman sekiranya seorang yang tidak tahu membaca ayat Al-Quran dengan baik dan tidak mampu untuk membaca nas hadith mengikut kaedah Nahu yang betul kemudian, berani pula mempertikaikan para fuqaha dan mazhab-mazhab yang muncul pada zaman di mana bahasa Arab fasih menjadi pertuturan harian mereka dan zaman mereka lebih hampir dengan zaman Rasulullah SAW.

2. Sekiranya seseorang tidak memiliki sifat-sifat di atas dan dia tidak memiliki kemampuan seperti mana yang disebut tadi, maka diwajibkannya bertaqlid kepada mana-mana mazhab daripada mazhab-mazhab yang empat.

Dikira sebagai satu kesalahan juga, sekiranya kita menafsirkan makna ayat Al- Quran, iaitu Firman Allah Taala:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ

Ertinya:

"Mereka menjadikan para ulama dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah."

(At-Taubah: 31)

Dengan mengatakan bahawa ia ditujukan kepada para fuqaha.

Qias dengan perkara tersebut kurang tepat kerana para ulama Yahudi dan rahib-rahib Nasrani mereka-reka sendiri hukum-hakam kepada kaum mereka yang bertentangan dengan nas-nas dalam kitab Taurat dan Injil, lalu kaum mereka mengikut apa yang mereka keluarkan itu dalam keadaan sedar bahawa hukum-hakam tersebut bercanggah dengan hukum Allah, seolah-olah mereka menyamakan ulama dan rahib-rahib mereka itu dengan Allah dalam menentukan hukum-hakam.

Sedangkan mazhab-mazhab fiqh dalam Islam, mereka bukanlah yang mencetuskan hukum-hakam tetapi mereka cuma berperanan untuk menghurai dan menjelaskan kehendak ayat dan hadith serta pengertiannya. Selain itu mereka juga yang meletakkan masalah-masalah semasa yang baru timbul pada kehendak-kehendak ayat atau hadith dan memasukkan setiap juzuk peristiwa yang berlaku di bawah 'qawaid syar'iiyyah'. Ini tidak dapat dilakukan melainkan mereka yang memiliki sifat-sifat yang telah diterangkan tadi.

Perumpamaan mazhab dengan muqallidnya (pengikut) bagaikan dua orang lelaki yang salah seorangnya memiliki penglihatan yang tajam yang dapat melihat kedudukan anak bulan dengan jelas pada awal bulan, manakala seorang lagi mempunyai penglihatan yang kabur yang tidak dapat melihat kedudukan anak bulan. Lelaki yang pertama tadi dapat melihat anak bulan, manakala yang kedua tidak dapat melihatnya, lalu lelaki yang pertama tadi menunjukkannya tempat anak bulan itu di langit sehinggalah lelaki kedua dapat melihatnya. Jadi, rukyahnya berlaku dengan perantaraan lelaki yang tajam penglihatan tadi.

Begitulah keadaannya dengan mazhab-mazhab, kerana mereka mempunyai kemampuan dan kelayakan untuk membezakan di antara dalil yang zahir (yang jelas) dengan dalil yang perlu ditakwil, di antara nasikh dan mansukh, memahami nas melalui kaedah-kaedah bahasa, lalu mereka mengeluarkan hukum.

Setelah itu, hukum yang dikeluarkan itu diterima secara lisan atau tulisan oleh mereka yang tidak mempunyai kemampuan dan kelayakan untuk memahami dalil-dalil tadi. Jadi, mazhab-mazhab tadi bukanlah yang mencetuskan hukum-hakam yang bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak ada paksaan pada mengikut mereka, lebih-lebih lagi menganggap mereka tuhan-tuhan selain daripada Allah. Apa yang mereka bahaskan tidak lari dari skop yang dibenarkan oleh Allah yang Maha Bijaksana.

15. BERTAKLID TETAPI ANTI KEPADA TAKLID

Kami pernah bertanya kepada seorang yang anti taqlid: “Bagaimana kamu belajar bersolat?” Dia menjawab: “Melalui seorang yang mengajarkannya kepada saya.” Kami tanya lagi: “Adakah daripada Al-Quran atau Hadith? Dia menjawab, “Tidak.” Maka kamipun berkata kepadanya.” Bukankah ini juga adalah taqlid kepada seorang yang mengajar kamu solat.” Kalau

sekiranya dia berkata.” Saya cuma membaca sebuah buku karangan seorang ulama pada zaman kini yang membahaskan mengenai solat.” Kami akan berkata.” Ini juga taqlid kepada pengarang kitab tersebut.”

Adakalanya dia berkata, bertaqlid adalah bid'ah. Bila kita bertanya: “Kenapa?” Jawabnya: Kerana ia tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya, bahkan tidak pernah diperintahkan oleh syariat sebelum ini.” Maka kita bertanya kepadanya: “Bagaimana kamu tahu bahawa ia tidak pernah disebut?” Dia menjawab: “Aku mendengar syeikh polan mengatakannya.” Atau realitinya dia mendengar daripada lelaki tersebut. Bukankan ini juga adalah taqlid?

Kenapakah wahai saudaraku, kamu anti kepada mengikut seorang yang hidup pada zaman yang hampir dengan zaman Rasulullah SAW, yang mahir dalam selok bahasa Arab dan dalam memahami hadith Rasulullah SAW, kemudian kamu merelakan dirimu bertaqlid kepada seorang yang hidup pada zaman kini yang ilmu, kefahaman, warak dan takwanya tidak mencecah lebih daripada buku lali ulama terdahulu?

A. Sikap Ibnu Taimiyah Dengan Mazhab-mazhab

Menurutnya di dalam Fatawanya: “Diwajibkan ke atas umat Islam setelah menjadikan Allah dan RasulNya sebagai pemimpin, menjadikan pula orang-orang mukmin sebagai pemimpin sepertimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran terutama para ulama kerana merekalah pewaris para nabi yang Allah jadikan mereka seperti kedudukan bintang-bintang di langit yang dijadikan pedoman ketika kegelapan di daratan dan lautan.

Umat Islam bersepakat menerima tunjuk ajar dan ilmu mereka, kerana pada setiap umat sebelum diutusnya Rasulullah SAW, ulamanya adalah sejahat-jahat manusia. Berbeza melainkan pada umat ini, para ulamanya adalah sebaik-baiknya,

kerana mereka adalah khalifah Rasulullah SAW di kalangan umatnya dan yang menghidupkan sunnah yang telah mati (ditinggalkan). Dengan sebab mereka, berdirinya Al-Quran dan mereka berdiri dengan berpandukan Al-Quran. Dengan sebab mereka, Al-Quran berkata-kata, dan mereka berkata-kata dengan berpandukan Al-Quran.

Ketahuilah, tidak seorangpun di kalangan imam-imam (mazhab) yang diterima secara umum oleh umat ini, sengaja ingin menyalahi sunnah Rasulullah SAW samada yang kecil mahupun yang besar, kerana mereka semua bersepakat secara qate'i bahawa diwajibkan mengikut Rasulullah SAW, bahawa setiap seorang daripada umat ini diterima kata-katanya dan ditolak melainkan Rasulullah SAW. Sekiranya didapati salah seorang daripada mereka mengemukakan pendapat yang bercanggah dengan hadith yang sahih, maka ini mungkin kerana mereka mempunyai alasan atau keuzuran untuk meninggalkan hadith tersebut.

Keuzuran-keuzuran tersebut terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Tidak diyakini bahawa Rasulullah SAW pernah mengucapkannya.
2. Tidak diyakini bahawa hadith tersebut ditujukan kepada masalah tersebut.
3. Diyakini bahawa hukum pada hadith tersebut dimansukh.

Ketiga-ketiga bentuk keuzuran ini, berpunca daripada beberapa sebab:

Sebab pertama

Hadith tersebut tidak sampai kepadanya. Sesiapa yang tidak sampai hadith kepadanya, tidak diwajibkan dia mengetahui kehendak yang terkandung di dalamnya.

Sekiranya sesuatu hadith tidak sampai kepadanya, sedangkan dia telah mengeluarkan satu pandangan pada satu masalah samada

dengan berpandukan zahir ayat Al-Quran atau hadith yang lain atau berdasarkan qias atau berdasarkan 'istishab', maka adakalanya hukum pada masalah tersebut bertepatan dengan hadith dan adakalanya bercanggah dengannya. Inilah sebab utama mengapa pandangan-pandangan ulama salaf bercanggah dengan hadith-hadith...

Kebiasaannya Rasulullah SAW apabila mengeluarkan satu fatwa atau menjalankan satu hukuman atau melakukan sesuatu amalan, lalu didengari atau dilihat oleh mereka yang hadir ketika itu dan disampaikan kepada yang tidak hadir. Sehingga lah perkara tersebut tersebar di kalangan mereka yang dikehendaki Allah daripada kalangan ulama para sahabat, tabi'in dan generasi selepas daripada mereka.

Kemudian pada majlis yang lain, Rasulullah SAW menyampaikan hadith atau mengeluarkan fatwa atau menjalankan satu hukuman atau melakukan sesuatu amalan, lalu disaksikan oleh sebahagian yang tidak hadir pada majlis sebelum ini dan mereka menyampaikannya kepada orang lain yang termampu oleh mereka. Justeru itu apa yang dapat dilihat ialah ilmu mereka ini tidak sama dengan yang lain dan yang lain tidak sama dengan mereka. Para ulama di kalangan para sahabat dan tabi'in lebih terkenal dengan lebatnya ilmu atau ilmu yang amat bernilai.

Dalam hal ini, Imam Ibnu Taimiyah mengemukakan beberapa peristiwa yang diketahui oleh sebahagian sahabat, sedangkan Abu Bakar r.a sendiri tidak mengetahuinya seperti masalah pembahagian pusaka nenek perempuan iaitu 1/6. Demikian juga peristiwa yang tidak diketahui oleh Saidina Umar seperti cara meminta izin sebelum masuk ke rumah, pembahagian pusaka untuk seorang isteri dari diat suaminya dan hukum diat majusi dan sebagainya.

Sebab kedua

Sesuatu hadith itu adakalanya sampai kepada seseorang

ulama tetapi ia tidak dikenal pasti kesahihannya. Mungkin kerana seorang yang menyampaikan hadith kepadanya atau orang lain yang menyampaikan hadith kepada muhaddith tadi atau yang lain di kalangan para perawi hadith tersebut terdapat seorang yang tidak dikenali olehnya atau ditohmah atau seorang yang lemah hafalan.

Mungkin juga kerana hadith tersebut tidak sampai kepadanya secara bersambung sanad, tetapi hanya dalam keadaan sanad yang terputus. Atau lafaznya tidak begitu jelas sedangkan hadith tersebut diriwayatkan oleh para perawi yang 'thiqah' (dipercayai) dengan sanad yang bersambung. Kerana terdapat sebilangan hadith yang telah tersebar dan masyhur, tetapi ia sampai kepada kebanyakan ulama dengan sanad yang dhaif, dan sampai kepada sebahagian ulama lain dengan sanad yang sahih melalui sanad yang lain daripada sanad yang dhaif tadi, maka ia menjadi hujah kepada ulama yang menerimanya melalui sanad yang sahih dan tidak kepada para ulama lain yang menerimanya melalui sanad yang dhaif.

Sebab ketiga

Yakin melalui ijtihadnya (yang bercanggah dengan ulama lain) bahawa hadith itu dhaif tanpa melihat kepada jalan (sanad) lain, samada kebenaran dipihaknya atau di pihak orang lain atau di kedua belah pihak bagi mereka yang berpendapat: Setiap mujtahid adalah benar.

Hal ini terjadi disebabkan beberapa faktor:

Percanggahan di antara para ahli hadith dalam menghukum kesahihan sesebuah hadith. Contohnya seperti: Seorang daripada mereka menganggap salah perawinya dhaif, manakala yang lain menganggapnya 'thiqah'. Lebih-lebih lagi, ilmu mengenai perawi-perawi hadith (ilmu ar rijal) adalah ilmu yang luas.

Kemudian, adakala kebenaran di pihak yang mendhaifkan hadith tersebut kerana melihat kepada sebab yang menjejaskan

perawi hadith tersebut, dan adakalanya kebenaran di pihak yang lain kerana mengetahui bahawa sebab itu tidak menjejaskannya.

Demikianlah pandangan Ibnu Taimiyah. Dalam masalah ini, beliau juga mengemukakan sebilangan contoh pada setiap sebab yang telah disebut tadi. Silalah merujuk kepada kitabnya itu sekiranya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut. Beliau juga menyatakan pada tempat yang lain di dalam kitabnya: “Sesiapa yang melazimi mazhab yang tertentu, kemudian melakukan sesuatu perbuatan yang bercanggah dengan mazhab tersebut, tanpa bertaqlid kepada fatwa ulama yang lain dan tidak juga berdalilkan dengan dalil lain yang bertentangan dengan mazhab itu, dan tanpa beralaskan keuzuran yang dibenarkan oleh syarak, maka dia adalah seorang yang mengikut hawa nafsunya dan beramal bukan berdasarkan ijtihad dan bukan juga bertaqlid, malah dia telah melakukan sesuatu yang haram tanpa uzur yang dibenarkan oleh syarak. Maka ini adalah ditegah.”

Menurut beliau juga pada tempat yang lain: “Sesiapa yang beranggapan bahawa Abu Hanifah atau selainnya daripada imam-imam besar umat Islam sengaja menyalahi hadith yang sahih kerana mementingkan qias atau lain-lain, maka dia telah menyalahkan mereka dan berkata mengikut andaian dan hawa nafsunya.”

“Bahkan apa yang pernah berlaku ialah Abu Hanifah beramal dengan hadith yang membolehkan berwudhuk dengan air nira tamar ketika bermusafir, sedangkan ia bercanggah dengan qias, kerana beliau meyakini kesahihan hadith tersebut. Manakala ahli hadith tidak mengesahkan kesahihannya...”

Menurut beliau lagi: “Tidak seorangpun di kalangan ulama Islam sengaja menyalahi sebuah hadith yang sahih tanpa keuzuran, bahkan mereka mempunyai 20 keuzuran atau alasan. Di antaranya seperti: Mereka tidak menemui sesebuah hadith atau hadith itu sampai kepada mereka tetapi dalam bentuk yang tidak diyakini

kesahihannya, atau kerana mereka menganggap hadith tersebut bukanlah ditujukan kepada sesuatu hukum, atau meyakini bahawa hadith itu bercanggah dengan dalil yang lebih kuat daripadanya seperti dalil yang memansuhkan (nasikh) atau apa yang menunjukkan maksud 'nasikh' dan seumpama dengannya..." (Al-Fatawa: Jld. 20/ms: 220, 304 dan 331)

16. IJTIHAD BERLAKU PADA IBADAH SEBAGAI-MANA BERLAKU DALAM MUAMALAH

Soalan:

Adakah ijtihaad dibolehkan dalam persoalan ibadah sepertimana ia berlaku di dalam mu'amalah?

Jawapan:

Sebahagian umat Islam melarang secara mutlak menggunakan kaedah qias atau ijtihaad di dalam persoalan ibadah. Mereka menghaddkannya pada persoalan muamalah sahaja. Ini tidaklah tepat.

Kerana persoalan-persoalan ibadah itu; ada yang dapat diketahui maksudnya melalui akal, maka ia boleh dijadikan sebagai sandaran qias, dan ada yang tidak diketahui maksudnya melalui akal, maka dilarang menggunakan qias dan ijtihaad padanya.

Contoh-persoalan-persoalan yang tidak diketahui maksudnya:

- a. Bilangan waktu solat fardhu.
- b. Bilangan rakaat solat fardhu.
- c. Rukuk hanya sekali, sedangkan sujud dua kali.
- d. Bilangan pusingan tawaf.
- e. Bilangan pusingan sa'ei.
- f. Bilangan melontar jumrah dengan anak batu.

- g. Kebanyakan amalan yang berkait dengan haji.
- h. Keseluruhan ibadah-ibadah yang terpokok.

Perkara-perkara tadi tidak dapat diketahui 'illah'nya (sebab yang mewajibkannya), walaupun terdapat para ulama yang cuba memperkatakan rahsia atau hikmah yang terkandung di sebaliknya.

Perkara-perkara tadi tidak diharuskan berijtihad padanya, tetapi kita melakukannya untuk berta'abbud (beribadah) kepada Allah sepertimana ia didatangkan.

Manakala perkara-perkara yang diketahui maksudnya terlalu banyak. Kami akan menyebutnya sebagai contoh, bukannya menghadkan setakat itu sahaja. Di antaranya ialah:

1. Nabi SAW pernah menyamakan (qias) hukum menunaikan haji dan berpuasa untuk seorang yang telah mati dengan hutang terhadap hamba Allah yang ia wajib ditunaikan. (Fath al-Bari, jid. 4, ms. 64)

Walaupun ini tidak dianggap hukum yang ditetapkan oleh qias tetapi dengan nas, kerana Rasulullah SAW diberi kebenaran untuk mengeluarkan hukum, tetapi ini sebenarnya baginda telah membuka satu peluang atau laluan atau pintu kepada umatnya secara umum akan keharusan menggunakan qias, terutama di dalam persoalan ibadah khusus kerana haji dan puasa adalah di antara bentuk ibadah.

2. Saidina Umar berpendapat bahawa tidak batal puasa seorang yang berkucup dengan isterinya, kerana mengqiaskannya dengan berkumur-kumur ketika berpuasa.

(Diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah dan Al-Baihaqi)

3. Dalam menetapkan satu miqad baru iaitu Zatu Ireq bagi jamaah haji atau umrah yang datang dari sebelah Iraq, Saidina Umar mengqiaskannya dengan tempat yang setentang dengannya iaitu Qarn Al-Manazil. Sedangkan Rasulullah

SAW hanya menetapkan empat tempat sahaja sebagai miqat, tetapi Saidina Umar menambah satu lagi iaitu Zatu Irq (menjadi lima). (Lihat: Al-Munghni, jid. 3, ms. 258 dan Fath al-Bari, jid. 3, ms. 389)

4. Saidina Othman mewujudkan azan dua kali (pertama dan kedua) pada hari Jumaat diqiaskan dengan azan dua kali pada solat Subuh dengan alasan bahawa azan yang pertama pada solat Subuh disyariatkan pada zaman Rasulullah SAW untuk mengejutkan mereka yang sedang tidur, maka begitu juga azan yang pertama pada solat Jumaat untuk mengingatkan mereka yang sedang sibuk berniaga di pasar dan yang bekerja. (Lihat: Nail al-Authar: 3/322)
5. Jumhur ulama mengharuskan solat sunat yang bersebab pada waktu yang makruh diqiaskan dengan solat sunat selepas Zuhur yang diqadha oleh Rasulullah SAW selepas solat Asar. (Lihat: Al-Nawawi, Syarah Sahih Muslim: 6/111)
6. Sebilangan besar para ulama berpendapat, menyapu tangan sampai ke siku ketika tayammum adalah wajib diqiaskan dengan membasuh kedua tangan ketika berwudhuk. (Lihat: Munghni al-Muhtaj: 1/99 dan Al-Mughni: 1/204)
7. Bagi ulama yang berpendapat bahawa solat sunat sebelum Jumaat adalah sunat muakkad mengqiaskannya dengan solat sunat sebelum Zuhur. Manakala sebilangan ulama lain di antaranya Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim berpendapat bahawa ia hanya sunat (sunat mutlak bukannya sunat muakkad) mengqiaskannya dengan solat sunat hari raya yang tidak ada solat sunat (muakkad) sebelum solat tersebut.. (Lihat: Al-Fatawa: 24/194)
8. Setengah ulama bermazhab Hanafi mengqiaskan air yang banyak yang tidak terjejas apabila jatuh najis ke dalamnya dengan air laut dari segi banyaknya. (Al-Mushili, Al-Ikhtiyar: 1/14)

9. Para ulama bermazhab Hambali mengharuskan ganti dengan memberi makanan sebagai kaffarat bunuh (yang tidak sengaja), kerana mengqiaskannya dengan kaffarat 'zihar' dan *kaffarat jimak* pada siang hari Ramadan... (Al-Mughni: 8/97)
10. Mereka juga mengharuskan berwudhuk dengan air baki minuman tikus kerana mengqiaskannya dengan air baki minuman kucing, kerana kedua-kedua binatang tersebut sentiasa berada di keliling manusia. (Al-Mughni: 1/15)
11. Mereka juga berpendapat bahawa sah sekiranya seorang yang bermusafir menyempurnakan solat yang dijamak dengan jamak taqdim apabila dia berniat menjadi imam pada solat yang kedua, atau apabila kapal yang dinaikinya telah memasuki ke dalam kawasan negerinya sebelum beliau sempat menyempurnakan solat yang kedua itu, kerana mengqiaskannya dengan seseorang mengerjakan solat jamak taqdim kerana hujan, tetapi hujan berhenti sebelum sempat menyempurnakan solat yang kedua. (Al-Mughni: 2/280)
12. Mereka juga berpendapat bahawa sekiranya seorang bersolat jamak taqdim di dalam keadaan musafir, kemudian niat bermukim selepas solat tadi dan sebelum masuk waktu yang kedua, maka dia tidak perlu mengulangi solat yang kedua pada waktunya, kerana mengqiaskannya dengan seorang bertayammum untuk bersolat, kemudian menemui air selepas solat, maka dia tidak perlu mengulangi solat tersebut. (Al-Mughni: 2/281)
13. Menurut Imam Ahmad dalam satu riwayat daripadanya, dibasuh setiap benda yang terkena najis sebanyak tujuh kali, salah satunya dengan air tanah, kerana beliau mengqiaskannya dengan sesuatu yang terkena najis anjing atau babi. (Al-Mughni: 1/54-55)

14. Menurut para ulama bermazhab Hambali juga, sekiranya seorang yang keuzuran (seperti kencing tidak lawas) berwudhuk kemudian memakai khuf, kemudian dia sembuh daripada uzurnya, maka wudhuk terbatal. Kerana mereka mengqiaskannya dengan seorang yang bertayammum kemudian menemui air. (Al-Mughni: 1/283)
15. Al-Qadhi dari kalangan ulama mazhab Hambali dan sebahagian ulama bermazhab Asy Syafei berpendapat bahawa kata-kata yang sedikit atau banyak ketika bersolat dalam keadaan terlupa tidak membatalkan solat kerana mengqiaskannya dengan seorang yang makan dengan terlupa ketika berpuasa. Mereka juga mengqiaskan wajib muwassa' pada solat dengan wajib muwassa' pada menunaikan kaffarat di antara membebaskan hamba, mengeluarkan makanan dan memberi pakaian. (Al-Mughni: 1/315 dan 2/49)
16. Menurut Imam Ahmad dalam salah satu pendapatnya, diwajibkan berdiri sekadar yang termampu bagi sesiapa yang tidak mampu berdiri dengan sempurna ketika solat samada kerana ketakutan atau kerana atap hendak roboh diqiaskan dengan hukum berdiri seorang yang bongkok. (Al-Mughni: 2/144)
17. Para ulama bermazhab Hambali dan Maliki mengharuskan tinggal puasa bagi mereka yang diwajibkan berpuasa dua bulan berturut ketika ditimpa sakit, diqiaskan dengan perempuan yang kedatangan haid, yang mana tidak dikira puasanya terputus (bagi yang wajib berpuasa dua bulan berturut-turut) ketika tempoh kedatangan haidnya. (Al-Mughni: 7/366)
18. Para ulama bermazhab As Syafei menganggap sentuhan lingkaran dubur membatalkan wudhuk diqiaskannya dengan menyentuh kemaluan. (Al-Mughni al-Muhtaj: 1/36)

19. Para ulama bermazhab Asy Syafei juga mengqiaskan dam kerana tertinggal wajib haji dengan dam tamattuk yang boleh berpindah daripada dam (sembelih kambing) kepada berpuasa bagi mereka yang tidak mampu. (Al-Mughni al-Muhtaj: 1/530)
20. Mereka juga berpendapat, perlu berteliti pada bekas ditakutkan bercampur air yang bersih dengan najis, diqiaskan dengan berteliti untuk menentukan arah qiblat. (Al-Mughni: 1/36)
21. Para ulama bermazhab Hanafi berpendapat seorang yang sengaja membuka puasa dengan makan atau minum pada siang hari Ramadan diwajib menunaikan kaffarat (puasa dua bulan berturut-turut) diqiaskan dengan jimak pada siang Ramadan. (Fath al-Qader: 2/264)
22. Imam Malik berpendapat, diharuskan melewati solat bagi mereka yang ketiadaan air diqiaskan dengan seorang perempuan yang kedatangan haid yang diharuskan melewati solatnya. (Al-Mughni: 1/250)
23. Imam Abu Hanifah dan Imam Asy Syafei berpendapat, sah tayammum bagi seorang yang berhadass besar dengan niat mengangkat hadas kecil diqiaskan dengan sahnya wudhuk selepas membuang air kecil atau besar (walaupun tanpa niat untuk mengerjakan solat). (Al-Mughni: 1/267)
24. Imam Malik membolehkan qadha solat malam yang terluput, iaitu dikerjakannya selepas terbit fajar sebelum solat Subuh diqiaskan dengan solat witir. Tetapi ini adalah salah satu pendapat Imam Malik berhubung dengan masalah ini. (Al-Mughni: 2/120)
25. Imam Abu Hanifah, Ath Thauri dan Al-Auza'ei membolehkan lewat solat bagi mereka yang tidak menemui air dan tanah sehinggalah menemuinya, kemudian mengqadhanya

difiaskan dengan melewati puasa bagi wanita yang kedatangan haid. (Al-Mughni: 1/267)

Ini hanya sebahagian kecil daripada sebilangan besar persoalan ibadah yang dikeluarkan hukumnya berdasarkan kaedah qias. Qias ini adalah ijtihad dan pandangan. Oleh itu sesiapa yang melarang menggunakan qias di dalam ibadah secara mutlak, maka pendapatnya tidak dapat diterima sebagaimana yang dinyatakan tadi.

Ibnu Umar ra. berpendapat, solat sunat Dhuha tidak digalakkan di dalam syariat melainkan bagi mereka yang tiba dari permusafiran. Beliau hanya mengerjakannya ketika tiba di Masjid Quba. Ini diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Mauriq katanya; "Aku pernah bertanya kepada Ibnu Umar ra." Adakah kamu bersolat Dhuha? Beliau menjawab: "Tidak". Aku bertanya lagi: "Adakah Umar mengerjakannya?" Beliau menjawab: "Tidak." Aku bertanya lagi: "Abu Bakar?" Jawabnya: "Tidak." Aku bertanya lagi: "Rasulullah SAW? Jawabnya: "Aku tidak pasti."

Menurut Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani: "Sebab tawaqqufnya Ibnu Umar pada masalah itu kerana beliau pernah mendengar daripada orang lain bahawa Rasulullah SAW pernah mengerjakannya tetapi beliau tidak begitu mempercayai perkara itu daripada seorang yang menyebut kepadanya itu."

Maka, beliau menganggap solat Dhuha adalah di antara bid'ah yang baik sepertimana yang diriwayatkan oleh Mujahid daripada beliau (Ibnu Umar).

Menurut Al A'Raj: "Aku pernah bertanya Ibnu Umar berkenaan dengan solat Dhuha? Beliau menjawab: "Ia adalah bid'ah dan sebaik-baik bid'ah." (Fath al-Bari: 3/52)

Sepertimana yang telah dinyatakan daripada Ibnu Umar tadi, membuktikan bahawa perkara-perkara yang baru diwujudkan

dalam ibadah memang berlaku dan ia diakui oleh para sahabat ra. sendiri.”

Satu peringatan juga:

Apa yang telah saya bantangkan tadi mengenai keharusan menggunakan kaedah qias di dalam persoalan ibadah, dan adakalanya masalah-masalah tadi bukan semuanya ditetapkan berdasarkan qias, tetapi ada yang disebut oleh hadith dan qias hanya untuk menguatkannya sahaja. Tetapi saya tetap menjadikannya sebagai bukti bahawa ijtihaad diharuskan dalam persoalan ibadah dan ia telahpun berlaku pada zaman salafus soleh.

2

JAWAPAN KEPADA PERSOALAN KHILAFIAH YANG DIKAITKAN DENGAN BID'AH

1. TAWASSUL DENGAN NAMA-NAMA ALLAH DAN AMALAN SOLEH

Soalan:

Apakah jenis tawassul yang dibolehkan tanpa ada khilaf dikalangan ulama?

Jawapan:

1. Bertawassul dengan Nama-nama Allah (Al Asma al Husna) dan sifat-sifatNya: Seperti engkau berdoa: “Aku memohon dengan RahmatMu, atau dengan kemurahanMu, dan dengan kasih sayangMu terhadap si polan, atau dengan kekuasaanMu, atau dengan ilmuMu” atau sebagainya.
2. Dengan amalan yang soleh: Seperti engkau sebut: “Aku memohon dengan berkat solatku, atau sedekahku, atau dengan berkat ikhlasku...” atau sebagainya.

Tawassul seperti di atas adalah dibolehkan oleh keseluruhan ulama Islam dan tidak ada seorangpun yang mengingkarinya. Kerana ia thabit di dalam beberapa hadith Rasulullah dan dilakukan sendiri oleh Baginda SAW. Di antara contoh, Baginda pernah menunaikan solat sunat Istikharah dan lain-lain, selepasnya baginda berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ... أَسْأَلُكَ
بِرَحْمَتِكَ

Ertinya:

“Ya Allah, sesungguhnya aku beristikharah (memohon kebaikan dengan sifat IlmuMu dan aku memohon ketentuan dengan sifat QudratMu,” atau baginda berdoa: “Ya Allah, aku memohon dengan RahmatMu... Dan sebagainya.

Begitu juga, Baginda SAW pernah menceritakan mengenai kisah tiga orang pemuda yang terperangkap dalam sebuah gua dan baginda tidak membantah perlakuan mereka bertiga yang berdoa dengan bertawassulkan amalan soleh sehinggalah Allah memakbulkan doa dan menyelamatkan mereka dari kecelakaan.

Kisah tersebut terdapat di dalam Sahih Al-Bukhari dan Muslim yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar ra. katanya yang bermaksud:

“Saya pernah mendengar Rasulullah SAW bercerita: “Pernah tiga orang pemuda daripada umat sebelum kamu keluar bermusafir. Apabila malam tiba, mereka mencari tempat untuk bermalam sehinggalah mereka menemui sebuah gua, lalu merekapun masuk ke dalamnya. Tiba-tiba seongkah batu yang besar tergolek dari atas sebuah gunung lalu menutup pintu gua itu. Mereka berkata: Kita semua tidak terlepas daripada batu ini melainkan kita berdoa dengan amalan soleh masing-masing.”

Salah seorang daripada merekapun berdoa: “Wahai Allah, sesungguhnya aku mempunyai dua ibubapa yang telah lanjut usia mereka. Aku tidak pernah mendahului mereka, bahkan ahli keluargaku dan milikku yang lain sebelum mereka minum (susu). Pada suatu hari, aku bercadang untuk mencari kayu api, tetapi aku tidak meninggalkan mereka sehinggalah

mereka berdua tidur. Aku pernah memerah susu kambing untuk mereka berdua. Setelah selesai aku dapati mereka telahpun tidur, tetapi aku tidak rela mengejutkan mereka atau memberi minum ahli keluargaku atau milikku sebelum mereka meminumnya, lalu aku tunggu mereka dengan memegang mangkuk susu tadi sehinggalah mereka jaga dari tidur (setelah menjelang fajar pagi), sedangkan anak-anakku menangis di kakiku kerana kelaparan. Apabila mereka terjaga daripada tidur, merekaupun menghirup minuman itu.

Ya Allah, sekiranya apa yang aku lakukan ini semata-mata mencari keredhaanMu, lepaskanlah kami dari kesusahan yang menimpa kami ini dengan sebab batu ini. Tiba-tiba batu tadi tergolek sedikit, tetapi mereka masih tidak boleh keluar dari gua tersebut.

Seorang yang lain pula berdoa:

“Ya Allah, aku mempunyai seorang sepupu perempuan yang paling aku cintai lebih daripada orang lain. Aku pernah cuba menggodanya, tetapi dia tetap menjauhkan dirinya daripadaku sehinggalah berlalu setahun. Pada suatu hari, dia datang kepadaku (untuk memohon bantuan), lalu aku memberinya seratus dua puluh dinar dengan syarat dia sanggup tidur denganku, lalu dia rela melakukannya. Tatkala aku berada di antara dua kakinya, tiba-tiba dia bersuara: “Takutkanlah kepada Allah, janganlah kamu cuba menyarung cincin melainkan dengan haknya, lalu aku tersedar dan berpaling darinya sedangkan dialah orang yang paling aku cintai dan aku tinggalkan emas yang aku berikan kepadanya tadi.

Ya Allah, sekiranya apa yang aku lakukan itu kerana mengharapkan keredhaanMu, maka lepaskanlah kami daripada kesusahan yang menimpa kami ini. Lalu batu tadi tergolek sedikit tetapi mereka masih tidak dapat keluar

daripada gua tersebut.

Selepas itu, lelaki yang ketiga pula berdoa:

“Ya Allah, aku pernah mengupah beberapa orang lelaki, dan aku membayar upahan mereka kecuali seorang lelaki yang meninggalkan haknya, lalu pergi. Wang upahannya itu aku laburkannya sehingga berkembang hartanya. Setelah berlalu begitu lama, pemuda tadi datang semula, lalu berkata: “Wahai Abdullah, tunaikanlah upahku dulu.” Lalu aku menjawab: “Lihatlah, itu semua hasil wang upahanmu seperti unta, lembu, kambing dan hamba sahaya. Katanya: “Wahai Abdullah, janganlah cuba kamu mempermainkan aku.” Aku menjawab: “Aku tidak mempermain-mainkan engkau.” Lalu diapun mengambil semuanya dan tidak meninggalkan sesuatupun daripadanya walaupun sedikit.”

Ya Allah, sekiranya apa yang aku lakukan itu semata-mata mengharapkan keredhaanMu, maka lepaskanlah kami daripada kesusahan yang menimpa kami ini, lalu batu tersebut tergolek sehingga mereka dapat keluar untuk menyambung perjalanan.”

(Riyadh al-Solihin, bab: Ikhlas, ms 18)

2. BERTAWASSUL DENGAN ‘JAH’ (KEDUDUKAN) YANG MULIA DI SISI ALLAH

Seperti kamu sebut:

“Ya Allah, aku bertawassul kepada Engkau dengan ‘jah’ Nabi ... atau orang soleh ... ”

Ini juga termasuk di dalam perkara yang sepatutnya tidak berlaku percanggahan pendapat akan keharusannya. Kerana ‘jah’ tadi bukanlah batang tubuh orang yang dijadikan ‘wasitah’ (perantaraan) itu, tetapi kedudukan atau martabatnya di sisi Allah dan ia juga dikira sebagai satu cabang daripada amalan soleh,

kerana Allah SWT pernah berfirman mengenai Nabi Musa as:

وَكَانَ عِنْدَ اللَّهِ وَجِيهًا

Ertinya:

“Dan dia (Musa) adalah seorang yang mempunyai kedudukan terhormat di sisi Allah.”

(Al-Ahzab: 69)

dan mengenai Nabi Isa as:

وَجِيهًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Ertinya:

“Al-Masih Isa bin Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di akhirat.”

(Ali Imran: 45)

Maka, tidak patut dihalang seorang yang bertawassul dengan ‘jah’ seseorang sekiranya kita benar-benar adil, kerana tidak berkemungkinan dengan itu dia mengaitkan ‘takthir’ (memberi bekas) kepada diri yang dijadikan ‘wasitah’ (perantaraan), tetapi yang dijadikan ‘wasitah’ hanya ‘jah’ atau kedudukannya di sisi Allah, tidak lebih daripada itu.

3. BERTAWASSUL DENGAN ORANG YANG MASIH HIDUP

Soalan:

Adakah diharuskan bertawassul dengan zat (jasad) sekiranya seseorang itu masih hidup?

Jawapan:

Tidak ada seorangpun di kalangan fuqaha dan ulama-ulama terdahulu berselisih pendapat berhubung dengan hukum harusnya bertawassul dengan Nabi-nabi dan orang-orang soleh di masa hayat mereka.

Ini berdasarkan sebuah hadith yang dikeluarkan oleh Imam Ahmad, At-Tirmidzi dan Al-Hakim. Al-Hakim mengesahkan kesahihannya mengikut syarat yang ditetapkan oleh Imam Al-Bukhari. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah, At-Tabrani di dalam 'Mu'jam'nya, Ibnu 'Adi, Al-Munziri dan Ibnu Majah daripada Othman bin Hanif ra. katanya: "Pada suatu ketika, seorang lelaki buta datang mengadap Rasulullah SAW, lalu berkata: "Wahai Rasulullah, tolong doakan kepada Allah SWT supaya Dia menyembuhkan penglihatanku ini." Baginda menjawab: "Atau aku membiarkan engkau." Katanya: "Wahai Rasulullah, sungguh menyulitkan aku dalam keadaan tiada penglihatan ini." Baginda menyambung: Beredarlah, kemudian pergi berwudhuk, kemudian solat dua rakaat, selepas itu bacalah doa ini:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ وَاُوْجِّهُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّ الرَّحْمَةِ، يَا مُحَمَّدُ
 اِنِّيْ اَتُوْجِّهُ اِلَى رَبِّيْ بِكَ اَنْ يَّكْشِفَ لِيْ عَنْ بَصْرِيْ، اَللّٰهُمَّ
 شَفِّعْهُ فِيَّ وَشَفِّعْنِيْ فِيْ نَفْسِيْ

Ertinya:

"Ya Allah, aku memohon dan bertawassul kepada Engkau dengan NabiMu, nabi yang membawa rahmat. Ya Muhammad sesungguhnya aku bermunajat kepada Tuhanku dengan perantaraanmu supaya dia memulihkan penglihatanku. Ya Allah, terimalah syafaatnya pada hakku dan terimalah syafaatku untuk diriku." Sesungguhnya Allah telah memulihkan penglihatannya."

Hadith di atas juga disahkan oleh Al-Baihaqi, Al-Haithami, An-Nawawi, Az Zahabi, Al-Albani dan lain-lain.

Selain itu, dalil yang kedua yang dijadikan sandaran oleh para ulama dalam masalah ini ialah sebuah athar yang diriwayatkan

oleh Al-Bukhari daripada Anas bin Malik ra. bahawa Umar bin Al-Khattab ra. pernah pada suatu ketika penduduk Madinah ditimpa musibah kemarau, lalu beliau meminta hujan dengan bertawassul dengan Abbas bin Abdul Mutalib. Beliau berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّنَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَتُسَقِّنَا، وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِعَمِّ نَبِيِّنَا فَاسْقِنَا

Ertinya:

“Ya Allah, dahulu kami pernah bertawassul kepada Engkau dengan NabiMu, lalu Engkau menurunkan hujan. Sekarang kami bertawassul kepada Engkau dengan bapa saudara Nabi kami, maka turunkanlah hujan kepada kami.” Anas berkata: Lalu mereka diturunkan hujan.”

(Al-Targhib wa al-Tarhib: 1/474)

Menurut Al-Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fath Al Bari: “Diambil kesimpulan daripada kisah Al-Abbas tadi, disunatkan berdoa meminta hujan dengan perantaraan orang-orang baik dan soleh, dan Ahlu Al-Bait (Kerabat dan keturunan Rasulullah SAW). Padanya juga menyatakan kelebihan Al-Abbas dan kelebihan Umar kerana tawadhuknya kepada Al-Abbas kerana beliau mengetahui kelebihanannya (Al-Abbas).”

Dengan kedua-dua dalil tadi, tidak seorangpun para ulama silam yang mengingkari keharusan bertawassul dengan orang-orang yang masih hidup. Termasuk juga di kalangan para ulama tadi: Ibnu Taimiyah.

Tetapi sejak akhir-akhir ini, timbul golongan yang menentang tawassul dengan ‘zat’ (jasad) secara mutlak, samada yang masih hidup atau yang telah mati.

Mereka cuba mentakwil kisah si buta tadi dengan mengatakan: “Si buta tadi tidak pernah bertawassul dan Rasulullah tidak pernah menyuruhnya, tetapi apa yang baginda ucapkan ialah: “Solatlah

dua rakaat, kemudian mintalah kepada ku supaya aku mendoakan untuk kamu. Lalu beliau (si buta) tadi melakukannya.”

Wahai saudaraku, cuba kamu baca nas hadith tadi dengan teliti, adakah takwil tadi bertepatan dengannya seperti yang didakwa? Ataukah lelaki tadi meminta kepada Allah dengan bertawassulkan Nabi SAW dan Rasulullah SAW tidak berdoa untuknya? Kalau itulah yang Rasulullah SAW mahukan, sudah tentu baginda akan berdoa untuknya sejak awal-awal lagi iaitu semenjak baginda diminta berdoa supaya dipulihkan penglihatannya, tetapi baginda enggan, bahkan baginda menyuruh lelaki buta tadi bersolat dan berdoa untuk dirinya sendiri.

Manakala kisah Saidina Umar dengan Al-Abbas tadi, mereka mentakwil dengan mengatakan bahawa Saidina Umar meminta kepada Abbas supaya berdoa, kerana mereka apabila ditimpa kemarau sebelum ini, mereka meminta kepada Rasulullah supaya mendoakan untuk mereka. Begitu juga di sini, mereka meminta doa daripada Al-Abbas.

Takwil ini tidak dapat diterima, apabila dilihatkan kepada dua sudut:

1. Seperti mana yang disebut di dalam sunnah, imam adalah orang yang patut berdoa dan orang ramai hanya mengaminkannya. Inilah yang berlaku, kerana yang berdoa ialah Saidina Umar, bukannya Al-Abbas.
2. Nas hadith secara zahirnya tidak menunjukkan yang Saidina Umar meminta doa daripada Al-Abbas, tetapi Saidina Umar sendiri yang berdoa berdasarkan kata-katanya: “Ya Allah, kami pernah bertawassul dengan NabiMu...,” dan ini adalah doa, dan tidak pernah disebut satu lafazpun yang mengisyaratkan bahawa Saidina Umar berkata kepada Al-Abbas: “Doakanlah untuk kami supaya diturunkan hujan.”

Di samping itu, apakah kecacatannya yang akan timbul di

dalam agama Islam ini atau aqidah sekiranya kita biarkan nas hadith tadi secara zahir, dan kita meninggalkan sikap degil dan 'ta'assub?'

4. BERTAWASSUL DENGAN ORANG YANG TELAH MATI

Soalan:

Sekiranya seorang itu telah mati, adakah diharuskan kita menjadikannya sebagai perantaraan?

Jawapan:

Para ulama telah berselisih pendapat mengenai masalah tersebut seperti berikut:

Pendapat pertama

Jumhur (kebanyakan) ulama berpendapat, ia adalah harus sepertimana dibolehkan pada seorang yang masih hidup dan tidak ada bezanya, kerana bertawassul adalah dengan sifat soleh atau martabat kenabian (jika yang dijadikan perantaraan itu seorang nabi) yang mana kedua-dua sifat tersebut berkekalan selepas mati, bahkan tidak terdapat tegahan mengenai perkara ini samada daripada Rasulullah SAW atau di kalangan para sahabat.

Dalam hal ini, mereka berdalilkan dengan sebuah athar yang diriwayatkan oleh At-Tabrani dan mengesahkan kesahihannya daripada Othman bin Hanif ra. menceritakan:

“Seorang lelaki pernah berulang-alik kepada Saidina Othman bin Affan ra. kerana sesuatu hajat untuknya. Tetapi Saidina Othman tidak menghiraukannya dan tidak melihat kepada hajatnya itu. Kemudian dia bertemu dengan Othman bin Hanif, lalu mengadu kepadanya berhubung dengan perkara itu. Maka Othman bin Hanif berkata kepada: “Pergilah ke tempat wudhuk, kemudian berwudhuk, kemudian pergilah ke masjid dan mengerjakan solat dua rakaat. Selepas itu berdoalah:

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Engkau dan bertawassul dengan NabiMu Muhammmad SAW, nabi yang membawa rahmat. Ya Muhammad, sesungguhnya aku bertawassul dengan engkau kepada Tuhanku, maka tunaikanlah hajatku.”

Sebutlah hajat engkau, kemudian datanglah kepada ku sehingga aku pergi bersama awak.” Lelaki tadi terus beredar dan melakukan sepertimana yang disyorkan. Selepas itu, dia terus pergi ke rumah Saidina Othman, kemudian datang penjaga pintu, lalu memegang tangannya dan membawanya berjumpa Saidina Othman, lalu Saidina Othman mempersilakannya duduk di atas hamparannya, dan bertanya: “Apakah hajat engkau?” Lelaki tadi memberitahu hajatnya dan ditunaikannya oleh Saidina Othman. Kemudian Saidina Othman berkata: “Aku tidak ingat akan hajat engkau itu, sehinggalah ke waktu ini, sekiranya kamu mempunyai hajat lagi, datanglah menemui kami.”

Kemudian lelaki tadi keluar dari Saidina Othman, dan terus menemui Othman bin Hanif, lalu berkata kepadanya: “Semoga Allah membalas kamu dengan kebaikan, beliau tidak memberi perhatian kepada hajatku dan tidak menoleh kepadaku sehinggalah engkau mengajar aku mengenai doa tadi.” Othman berkata: Demi Allah, itu bukannya daripada diri saya sendiri, tetapi saya saksikan Rasulullah SAW pernah dikunjungi seorang lelaki yang buta, lalu mengadu kepadanya mengenai hilang penglihatannya.

Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Atau kamu bersabar sahaja?” Lelaki tadi berkata: “Wahai Rasulullah, aku tidak mempunyai seorang yang dapat memimpinku, dan itu telah menyusahkanku.” Lalu Rasulullah SAW bersabda kepadanya: “Pergilah ke tempat wudhuk, kemudian berwudhuklah, kemudian kerjakan solat dua rakaat (solat hajat). Selepas itu berdoalah dengan doa-doa ini. Othman bin Hanif berkata lagi, Demi Allah, kami tidak berpisah dan tidak lama perbincangan kami sehinggalah lelaki tadi masuk

kepada kami, seolah-olah dia tidak pernah buta sebelum ini.”

Inilah dalil harusnya bertawassul dengan seorang yang telah mati dan padanya juga terdapat dalil yang mengharuskan menyeru Rasulullah SAW selepas baginda wafat seperti diseru: “Ya Rasulullah.” Itu adalah harus dengan syarat tidak mengiktihad bahawa yang diseru itu memberi bekas pada alam ini dan dia tidak diseru atau dipanggil sepertimana menyeru kepada Allah.

Ini akan kami huraikannya, Insya Allah.

Pendapat kedua

Ibnu Taimiyah pula berpendapat bahawa bertawassul dengan seorang yang telah mati adalah tidak harus (haram). Beliau mengemukakan dua alasan iaitu:

1. Ketika baginda masih hidup, tidak ada seorangpun yang datang menyembah di hadapannya. Sekiranya para nabi dan orang-orang soleh masih hidup, sudah tentu mereka tidak akan membiarkan seorangpun melakukan perbuatan syirik di hadapannya, bahkan mereka akan menegahinya dan menjatuhkan hukuman ke atasnya. Tegahan itu bertitik tolak dari rasa takut seandainya wujud iktihad yang syirik dengan sebab mereka yang dijadikan perantaraan itu.

Sebagai jawapan terhadap alasan ini:

Seorang yang bertawassul sekiranya menganggap seorang yang dijadikan ‘wasitah’ (perantaraan) itu memberi bekas, maka dia jatuh syirik, tidak kira samada yang dijadikan wasitah itu masih hidup atau telah mati, tanpa ada perbezaan.

Manakala pendapat iaitu: “Sekiranya orang-orang soleh masih hidup, maka tidaklah menjadi tegahan bertawassul dengan mereka, kerana sekiranya berlaku syirik di hadapan mereka, nescaya mereka akan menegahinya.”

Ini bercanggah sekiranya seorang yang dijadikan wasitah itu

masih hidup tetapi berada berjauhan. Maka kalau dilihat kepada pendapat Imam Ibnu Taimiyah tadi, tawassul dengannya adalah harus kerana dia masih hidup. Adakah dengan keadaan mereka yang berjauhan atau berada di tempat yang lain itu, menjadi kemestian daripada keadaan itu bahawa tidak menjadi kesalahan bertawassul dengan mereka dan berikhtiqad bahawa mereka memberi bekas sepertimana Allah?

Jadi jelaslah daripada ini bahawa alasan yang mengharuskan tawassul dengan sebab 'masih hidup' adalah sesuatu yang tidak tetap. Oleh itu, sebaiknya tidak dibezakan di antara hidup atau mati, kerana apabila seorang yang bertawassul dengan seseorang, dia bukanlah bertawassul dengan tubuh atau jasadnya tetapi bertawassul dengan keistimewaan yang dimilikinya iaitu kesolehan. Maka ini tidak ada perbezaan di antara hidup dan mati. Cuma dia perlu menjaga bersungguh-sungguh supaya tidak menganggap yang dijadikan wasitah itu samada yang masih hidup atau yang telah mati memberi bekas atau kesan, tetapi menjadikan permohonannya kepada Allah dengan bertawassul dengan kesolehan nabi atau wali itu dan tidak lebih daripada itu.

2. Ibnu Taimiyah juga menjadi kisah Saidina Umar dengan Abbas tadi sebagai sandaran dengan mengatakan. "Saidina Umar tidak bertawassul dengan Nabi SAW kerana baginda telah wafat dan bertawassul dengan Abbas kerana beliau masih hidup."

Hujah ini disangkal seperti berikut:

- a. Saidina Umar tidak berkata di dalam doa itu: "Hari Ini kami meminta hujan dengan bertawassulkan Abbas bin Abdul Mutalib..." tetapi apa yang beliau sebut ialah: "...dengan Abbas, bapa saudara nabi kami." Kemuliaan wujud pada Abbas kerana beliau adalah bapa saudara nabi

SAW. Ini juga secara tidak langsung merupakan satu pengiktirafan bahawa kemuliaan Rasulullah SAW berkekalan walaupun baginda telah wafat sehinggalah kemuliaan itu melimpah pula kepada bapa saudaranya. Sedangkan kalau dilihat, Saidina Umar, Othman dan Ali yang bersama-sama orang ramai untuk meminta hujan adalah lebih afdhal daripada Abbas secara qat'ei, tetapi Saidina Umar tidak bertawassul dengan mereka dan tidak cukup dengan doa mereka, tetapi beliau bertawassul dengan seorang yang mendapat kelebihan daripada Nabi SAW yang telah wafat.

- b. Saidina Umar tidak berdoa meminta hujan dengan bertawassulkan Nabi SAW, bukannya kerana baginda telah wafat, tetapi kerana di antara sunnah ketika upacara memohon hujan itu ialah bertawassul dengan seorang yang soleh yang keluar bersama-sama dengan orang ramai, walaupun terdapat seorang lain yang lebih soleh daripadanya, tetapi tidak keluar bersama dalam upacara itu. Di sini, dijadikan Abbas sebagai perantaraan kerana beliau keluar bersama-sama mereka, bukan kerana beliau masih hidup. Tidaklah pelik jikalau kita lihat di dalam sunnah, kenapa kita disuruh membawa bersama orang-orang tua, kanak-kanak dan binatang-binatang ternakan ke tempat lapang, dengan harapan semoga Allah menurunkan hujan dengan sebab mereka. Sedangkan Allah Maha Mengetahui mengenai mereka samada mereka keluar atau tidak.
- c. Rasulullah SAW sebenarnya hidup di dalam kuburnya iaitu kehidupan di alam barzakh sepertimana yang dinyatakan di dalam hadith sahih. Kalaulah 'hidup' dijadikan sebagai alasan, sudah tentu Saidina Umar akan bertawassul dengan baginda SAW kerana baginda tetap hidup di alam kubur.

Saya berasa pelik dengan pembahagian yang dibuat oleh seorang alim yang terkemuka ini, kerana selagi mana seorang yang bertawassul tidak beriktihad bahawa yang dijadikan wasitah itu samada yang masih hidup atau telah mati memberi bekas, maka ini tidaklah menjadi kesalahan. Ini kerana tawassul seperti mana yang telah kami nyatakan tadi ialah bertawassul dengan keistimewaan atau kemuliaan bukannya dengan jasad atau tubuh badannya. 'Hidup' tidak boleh dijadikan sebagai sesuatu ketetapan yang boleh kita menganggapnya memberi kesan atau tidak, kerana adakalanya seorang yang hidup tidak dapat menghalang orang lain dari menganggapnya boleh memberi bekas, sekiranya dia tidak bersama dengan seorang yang bertawassul atau kerana dia berada berjauhan.

Jadi, Ibnu Taimiyah telah mentakwil kisah Abbas tadi dengan satu takwil yang terkeluar daripada nas sama sekali. Ini dapat dilihat pada kata-kata beliau iaitu: "Para sahabat pernah bertawassul dengan Nabi mereka, dengan bapa saudara Nabi SAW dan dengan para solehin selain daripada bapa saudara baginda. Mereka bertawassul dengan doa dan syafaatnya seperti mana yang dinyatakan di dalam hadith sahih bahawa Umar bin Al-Khattab berdoa memohon hujan dengan bertawassulkan Abbas, dan beliau berdoa: "Ya Allah, sesungguhnya kami bertawassul dengan Nabi kami." Tetapi selepas wafat baginda, mereka bertawassul pula dengan Abbas sebagaimana mereka bertawassul dengan Nabi SAW ketika baginda masih hidup iaitu bertawassul dengan doa dan syafaatnya."

Beliau juga mentakwil kisah lelaki yang buta tadi selepas menyebut dan mengakui kesahihannya, menurut beliau: "Ini adalah permintaan daripada Nabi SAW dan perintah daripadanya supaya berdoa agar Allah menerima syafaat daripada Nabi ketika bertawassul dengannya, dan ia samalah seperti tawassul para sahabat yang lain kepada Allah. Sesungguhnya doa itu ialah doa dan bertawassul dengan doa dan syafaatnya."

Sedangkan kamu dapat lihat dengan jelas pada nas kedua-dua hadith tadi, yang mana kisah lelaki buta tadi jelas menyatakan bahawa Rasulullah SAW menyuruh supaya bertawassul dengannya dan tidak pernah mengatakan: “Berdoalah kepada Allah supaya menerima syafaat saya kepada engkau,” kerana Rasulullah SAW adalah seorang yang paling mustajab doanya di sisi Allah dan lebih hampir daripada lelaki yang buta tadi. Kalau baginda berdoa, nescaya Allah akan memakbulkan doanya lebih awal daripada doa lelaki buta itu, lebih-lebih lagi lelaki buta itu datang kepada Nabi dengan harapan baginda mendoakan untuknya, tetapi baginda tidak berdoa.

Baginda menyuruhnya supaya mengerjakan solat dan berdoa untuk dirinya sendiri. Kalaulah benar bahawa lelaki buta tadi berdoa supaya diterima syafaat Nabi iaitu dalam keadaan beliau seorang yang mustajab doa sudah tentu beliau tidak perlu menemui Nabi dan memohon doa daripada baginda. Sudah tentu beliau akan berdoa untuk dirinya sendiri tanpa perlu memohon supaya Rasulullah SAW mendoakan untuknya.

Begitu juga, dikira sesuatu yang penting kita beriktihad bahawa doa Rasulullah SAW tidak perlu kepada doa daripada orang lain agar dimakbulkan oleh Allah, kerana orang lain lebih rendah martabat dan kelebihan daripadanya secara qat’ei.

Pada tempat yang lain, kita juga dapat melihat satu pandangan Ibnu Taimiyah mengenai tawassul ini iaitu apabila dikatakan bertawassul dengan para nabi atau orang-orang soleh yang masih hidup bererti bertawassul dengan keimanan kepada mereka atau kecintaan terhadap mereka dan meletakkan kepimpinan kepada mereka. Jadi, perkara-perkara tersebut boleh diperolehi pada seorang yang telah mati sebagaimana ia wujud pada seorang yang masih hidup, kerana keimanan dan kecintaan kepada mereka tidak terputus selepas kematian. Oleh itu, di manakah letaknya larangan bertawassul dengan perkara itu selepas mereka mati sebagaimana ia wujud ketika hayat mereka?

Menurut Ibnu Taimiyah di dalam “Al Fatawanya” (27/133) Tawassul dengan para nabi ialah tawassul dengan keimanan kepada mereka, dengan melakukan ketaatan kepada mereka (seperti mengucap salawat dan salam ke atas mereka), kecintaan kepada mereka, meletakkan kepimpinan kepada mereka, atau dengan doa dan syafaat mereka. Manakala tubuh jasad mereka, bukanlah terletak padanya sesuatu yang dapat menunaikan apa yang dipohon oleh seorang hamba, walaupun mereka memiliki kemuliaan yang besar dan kedudukan yang tinggi dengan sebab kemuliaan, kebaikan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah kepada mereka. Di situ juga bukan terletaknya sesuatu yang menyebabkan diterima doa mereka, melainkan dengan sebab dirinya sendiri terhadap mereka iaitu keimanan dan ketaatan terhadap mereka, atau dengan sebab mereka terhadapnya seperti doa dan syafaat mereka untuknya. Jadi, kedua-dua perkara tersebutlah yang dijadikan sebagai wasitah.”

5. TAWASSUL DENGAN HAK SEORANG MAKHLUK

Soalan:

Adakah diharuskan sekiranya kita bertawassul dengan menyebut: “hak” seseorang?

Jawapan:

Abu Hanifah menghukumkannya sebagai makruh sekiranya disebut: Ya Allah, saya memohon dengan ‘hak’ para RasulMu atau para nabiMu atau para waliMu atau dengan ‘hak’ Baitullah (Kaabah). Alasan yang beliau kemukakan ialah tidak terdapat hak untuk seorang makhluk yang wajib ditunaikan oleh Khaliqnya (Allah SWT).

Alasan ini disangkal kerana ia bertentangan dengan beberapa buah hadith yang sahih yang menyatakan bahawa di sana terdapat hak untuk makhluk yang dijanjikan oleh Khaliqnya (Allah).

Antaranya ialah sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Muaz bin Jabal ra. katanya: “Rasulullah SAW pernah bertanya kepada ku:

هَلْ تَدْرِي مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ؟ قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ
أَعْلَمُ، قَالَ: فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا
بِهِ شَيْئًا، ثُمَّ سَارَ سَاعَةً، قَالَ: يَا مُعَاذُ قُلْتُ: لَبَّيْكَ رَسُولَ اللَّهِ
وَسَعْدَيْكَ، هَلْ تَدْرِي مَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ إِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ؟
قَالَ: قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: أَنْ لَا يُعَذِّبَهُمْ

Ertinya:

“Tahukah kamu apakah hak Allah yang ditunaikan oleh para hambaNya? Aku menjawab: “Allah dan RasulNya lebih mengetahui.” Baginda bersabda: “Sesungguhnya hak Allah yang mesti ditunaikan oleh para hambaNya ialah menyembahNya tanpa mensyirikkanNya dengan sesuatu.” Kemudian baginda berjalan seketika. Kemudian baginda memanggil, “Wahai Muaz! “Aku menyahut: “Aku menyahut panggilanmu: Ya Rasulullah..” Adakah kamu mengetahui, apakah hak para hamba yang dijanjikan oleh Allah sekiranya mereka melakukan perkara yang disebut tadi? Aku menjawab: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Jawab baginda: Bahawa Dia tidak akan mengazab mereka.”

Selain itu, terdapat sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh At-Tarmidzi, Ibnu Hibban dan Al-Hakim daripada Abu Hurairah ra. katanya: “Rasulullah SAW pernah bersabda:

ثَلَاثَةٌ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ عَوْنُهُمْ: الْمُجَاهِدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ،
وَالْمُكَاتِبُ الَّذِي يُرِيدُ الْأَدَاءَ، وَالنَّاكِحُ الَّذِي يُرِيدُ الْعَقَافَ

Ertinya:

“Tiga golongan yang terdapat hak yang dijanjikan oleh Allah untuk menolong mereka; seorang yang berjihad pada jalan Allah, hamba makatib yang ingin menunaikan perjanjiannya dan seorang yang ingin berkahwin (untuk menjaga dirinya).

Menurut At-Tarmidzi, “Hadith ini bertaraf hasan sahih. Menurut Al-Hakim pula, “Hadith ini sahih mengikut syarat yang ditetapkan oleh Muslim.”

Jadi, kedua-dua hadith tadi telah menyatakan dengan jelas bahawa terdapat hak yang dijanjikan oleh Allah untuk para hambaNya, tetapi hak tadi adalah sebagai memuliakan hambaNya, bukan sebagai suatu kemestian atau kewajipan.

Dengan itu juga, dibuat kesimpulan bahawa pendapat Abu Hanifah tadi jelas bercanggah dengan hadith-hadith yang menetapkan kewujudan hak seorang hamba yang dijanjikan oleh Allah. Oleh itu, tidak menjadi kesalahan sekiranya kita bertawassul dengan ‘hak’ tadi yang thabit bagi seorang hamba yang dijanjikan oleh Allah Taala itu.

6. MEMOHON BANTUAN ATAU PERTOLONGAN DARIPADA SEORANG YANG MASIH HIDUP

Soalan:

Adakah harus sekiranya saya mengucapkan: “Bantulah saya, wahai si polan, atau berilah pertolongan kepada saya, wahai si polan, atau berilah perhatian kepada saya, wahai sipolan,” sekiranya seorang yang diminta bantuan itu masih hidup?

Jawapan:

Ya, diharuskan yang sedemikian, kerana meminta bantuan atau pertolongan daripada seorang yang masih hidup, samada bantuan yang berbentuk maddi (material) dan ini ada yang termampu oleh manusia, atau memohon bantuan secara doa untuknya kepada

Allah Taala (bantuan maknawi).

Memohon bantuan dalam bentuk maddi, dibenarkan seperti mana yang disebut di dalam Al-Quran dan Sunnah.

Di dalam Al Quran, Allah Taala berfirman:

فَاسْتَغْنِهُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ

Ertinya:

“Maka seorang yang daripada golongannya meminta pertolongan kepadanya (Nabi Musa as), untuk mengalahkan orang yang dari musuhnya...”

(Al-Qashash: 15)

Manakala di dalam sunnah pula, terdapat hadith yang banyak yang menyebutnya. Di antaranya:

Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim di dalam: “Bab Besarnya Pengharaman Mencuri Harta Rampasan Perang,” yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. katanya yang bermaksud: “Rasulullah SAW pernah bangun berdiri ketika bersama kami, lalu baginda menyebut berkenaan hukum mencuri harta rampasan perang. Baginda mengutamakan dan membesarkan perkara itu, lalu bersabda: “Salah seorang daripada kamu akan dicampakkan di atas lehernya seekor kambing yang berbunyi, di atas lehernya seekor kuda yang berbunyi, dan di atas lehernya seekor keldai yang berbunyi, lalu dia berkata: “Wahai Rasulullah, tolonglah aku.” Maka aku menjawab: “Aku tidak dapat membantu kamu sesuatupun, aku telahpun menyampaikannya kepada kamu.”

Terdapat sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi daripada Ibnu Umar ra. bahawa beliau pernah diminta bantuan untuk membantu ahli keluarganya, lalu beliau bertekad untuk bermusafir. Beliau mentakhirkan (melewatkan) solat Maghrib sehingga hilang cahaya merah, kemudian beliau singgah

di satu tempat dan menjamakkan kedua-dua solat itu. Selepas itu beliau mengkhabarkan bahawa Rasulullah SAW melakukan sepertimana yang dia lakukan apabila baginda bertekad untuk bermusafir.”

Sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari di dalam: “Kitab Az Zakat” daripada Ibnu Umar ra. katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Pada hari Kiamat, matahari akan berada rendah sehingga ada yang berpeluh sampai ke peringkat separuh telinganya. Ketika mereka berada dalam keadaan itu, mereka cuba meminta pertolongan dengan Adam as, kemudian dengan Musa as, kemudian dengan Muhammad SAW.”

Setiap dalil yang dikemukakan tadi, membuktikan dengan jelas akan keharusan meminta pertolongan atau bantuan material daripada seorang yang masih hidup.

Manakala pertolongan dalam bentuk doa, terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan At-Tirmidzi daripada Umar bin Al-Khattab ra. katanya: “Aku pernah meminta izin daripada Rasulullah SAW untuk mengerjakan umrah, lalu baginda membenarkannya, dan baginda berpesan: “Wahai saudaraku, janganlah kamu melupai kami dalam doamu.”

Juga diriwayatkan oleh Muslim daripada Umar ra. juga katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Seorang lelaki akan mendatangi kamu dari Yaman yang dikenali sebagai “Uwais.” Beliau tidak meninggalkan sesuatupun di Yaman melainkan ibunya. Beliau pernah dihindangi sakit keputihan pada badannya, lalu beliau berdoa kepada Allah dan disembuhkannya melainkan tinggal setompok yang sebesar satu dinar atau dirham. Maka sesiapa yang menemuinya di kalangan kamu, mintalah supaya dia beristighfar untuk kamu.”

Di dalam riwayat yang lain: “Sekiranya kamu mampu memintanya supaya dia beristighfar untuk kamu, maka lakukanlah.” Menurut An-Nawawi. “Pada hadith itu menunjukkan

bahawa sunat meminta doa dan istighfar daripada orang-orang yang soleh, walaupun yang meminta itu lebih afdhal daripada mereka.” Jadi, sekiranya dia bermaksud dengan ucapannya: “Tolonglah aku” iaitu meminta doa daripadanya, maka itu tidaklah menjadi kesalahan atau tidaklah terdapat larangan pada yang tersebut. Manakala pihak yang melarangnya pula, berpandukan dengan Firman Allah iaitu:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Ertinya:

“Akan Dikau sahaja yang kami sembah, dan Akan Dikau sahaja kami memohon perlindungan.”

(Al-Fatihah: 4)

Dan Sabda Rasulullah SAW kepada Ibnu Abbas ra.

وَإِذَا اسْتَعْنَتْ فَاسْتَعْنِ بِاللَّهِ

Ertinya:

“Apabila kamu meminta tolong, maka mintalah pertolongan dengan Allah.”

Dan Sabda baginda yang lain:

لَا يُسْتَعَاثُ بِي، إِنَّمَا الْمُعِثُّ هُوَ اللَّهُ

Ertinya:

“Saya bukanlah tempat untuk memohon bantuan. Sesungguhnya yang memberi pertolongan hanyalah Allah.”

Jawapan terhadap hujah di atas:

Memohon perlindungan adakalanya secara hakikat dan ada yang berbentuk majaz. Penolong yang hakiki ialah Allah, dan meminta tolong daripada selain daripadaNya adalah majaz, kerana yang menolong kamu itu iaitu manusia, sekiranya tidak mendapat

bantuan dan kekuatan daripada Allah, nescaya dia tidak akan dapat membantu kamu. Jadi, memohon bantuan daripada manusia ialah memohon dengan kekuatan, bakat dan kekuasaan yang dikurniakan oleh Allah Taala kepada manusia tersebut, kerana tidak ada daya dan kekuatan melainkan dengan izin Allah. Ayat tadi hanya menyebutkan setakat memohon pertolongan yang hakiki dengan Allah.

Begitu juga pada wasiat Nabi SAW kepada Ibnu Abbas ra. lebih menjurus kepada sudut ini. Hadith tadi juga menggambarkan sebagai dorongan kepada manusia bahawa jangan mengaitkan daya dan kekuatan' kepada makhluk, sekiranya diminta pertolongan yang berbentuk majazi itu padanya. Sekiranya ayat Al-Quran dan hadith tadi tidak ditakwilkan seperti itu, nescaya ia akan didapati bercanggah dengan firman Allah Taala:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ

Ertinya:

"Bertolong-tolonglah ke atas kebaikan dan taqwa."

(Al-Maidah: 2)

Dan Sabda Rasululah SAW:

وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا دَامَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Ertinya:

"Dan Allah tetap menolong hambanya selama mana hamba tersebut menolong saudaranya (seIslam)."

Manakala hadith yang terakhir (Iaitu hadith yang bermaksud: "Aku bukanlah tempat untuk memohon bantuan), ia adalah hadith yang dhaif kerana di dalam sanandnya terdapat seorang perawi yang dikenali dengan Ibnu Lahi'ah (seorang yang dhaif), maka ia tidak setanding dengan hadith-hadith yang sahih dan kehendak ayat tadi. Wallahu a'lam.

7. MEMINTA PERTOLONGAN DARI SEORANG YANG TELAH MATI

Soalan:

Sesetengah daripada kami berpendapat, dibolehkan meminta pertolongan atau bantuan atau sesuatu hajat daripada para wali yang telah meninggal dunia, seperti diseru: “Tolonglah aku, wahai Syeikh Polan ...” Adakah kata-kata seperti ini dikira sebagai syirik, atau haram, atau hanya harus?

Jawapan:

Sepertimana yang telah saya perkatalkan tadi bahawa meminta bantuan atau pertolongan daripada seorang yang masih hidup adalah harus tanpa ada seorompok yang mengingkarinya, kerana memohon pertolongan yang berbentuk material (maddi), ada yang mampu dilakukan oleh seorang yang masih hidup untuk membantunya.

Manakala bagi seorang yang telah meninggal dunia, dia tidak dapat membantu dalam bentuk pertolongan ‘maddi’. Maka memohon pertolongan daripada mereka adalah pertolongan yang berbentuk maknawi, tidak lebih daripada itu. Perkara memerlukan kepada penjelasan yang detail seperti berikut:

Sekiranya seorang yang meminta pertolongan itu mengiktihad bahawa wali atau nabi itu dapat membantu sepertimana Allah membantu dalam satu bentuk yang sama, maka ini adalah syirik dan kufur. Wal ‘iyazubillah.

Tetapi sekiranya dia maksud dengan memohon pertolongan itu, memohon syafaat melalui wali atau nabi itu kepada Allah SWT, iaitu dengan iktihad bahawa Allah SWT akan menolongnya dengan sebab kemuliaan wali tadi, maka ia bukanlah kufur.

Begitu juga kalau disebut: Aku berharap si wali (yang telah mati) itu berdoa kepada Allah supaya memberi bantuan atau pertolongan.

Namun begitu, walaupun ia belum lagi menyebabkan kekufuran, seeloknya dielakkan perkataan yang boleh diertikan sebagai kafir atau maksud lain, kerana seorang muslim itu dituntut supaya kata-katanya jelas dan jauh daripada kata-kata yang perlu ditakwil.

Kalau kita melihat di dalam Al-Quran, terdapat larangan daripada menggunakan perkataan atau lafaz yang mengandungi makna yang buruk dan makna yang baik pada suatu masa. Di antara contohnya ialah:

Para sahabat Rasulullah SAW, sekiranya Rasulullah SAW bercakap kepada mereka tetapi baginda tidak menoleh kepada sebahagian daripada mereka, maka mereka akan berkata:

رَاعِنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ

Yang bererti: "Berilah perhatian kepada kami, wahai Rasulullah." Kata-kata ini apabila didengari oleh kaum Yahudi, mereka berasa gembira, kerana kata-kata tersebut mereka gunakan untuk mengeji atau mengejak, lalu turun perintah Allah iaitu ayat Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا
أَنْظُرْنَا

Ertinya:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu katakan (kepada Muhammad): 'Raa'ina,' tetapi katakanlah: 'unzhurna,' dan dengarlah."

(Al-Baqarah: 104)

Lihatlah pada kedua-dua lafaz tadi, ianya membawa kepada satu makna, tetapi lafaz yang pertama terdapat kemungkinan bermaksud yang lain.

Begitulah halnya ketika bertawassul, sebaiknya menggunakan kata-kata: “Tolonglah kami, Ya Allah sebagai memuliakan wali ini.” Dan ini lebih selamat pada aqidah.

Soalan:

Adakah diharuskan sekiranya saya berdiri di tepi kubur seorang lelaki yang soleh, lalu saya berseru.” Wahai polan, tolong doakan untuk aku begini ...“Atau,” Istighfarlah untuk diriku.” Adakah berseru kepada seorang yang telah mati itu dikira syirik atau haram?

Jawapan:

Soalan kamu tadi mengandungi tiga rangkuman persoalan iaitu:

1. Berseru kepada orang mati.
2. Doa kepada orang mati.
3. Memohon doa dari orang mati.

A. Berseru Kepada Orang Mati

Ia bukanlah menjadi syirik sepertimana pendapat sebahagian ulama, kerana di dalam sunnah memang terdapat seruan kepada orang-orang mati. Dikira sebagai satu kesilapan sekiranya dianggap menyeru kepada orang mati itu, berdoa kepadanya, melainkan wujud alasan yang menunjukkan seruan itu bermaksud doa. Contohnya seperti, dia menyebut ketika berdiri, duduk atau ketika melakukan sesuatu pekerjaan: Wahai Ali, wahai Muhammad. Wahai Husain, wahai Abdul Kadir, atau sebagainya. Ini adalah doa kepada mereka dan ia adalah syirik.

Mereka berdalilkan untuk menyatakan keharusan berseru kepada orang-orang yang telah mati dengan sebilangan dalil iaitu:

1. Rasulullah SAW ketika mengkebumikan mereka yang terbunuh dalam peperangan Badar di Qalib, baginda berdiri

di tepi kubur mereka dan memanggil nama setiap mereka.

2. Apabila setiap kali kita mengerjakan sembahyang, kita akan memanggil Rasulullah SAW iaitu ketika kita mengucapkan tahiyyat:

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ini adalah dialog dan menyeru orang yang mati.

3. Ketika mengunjungi kubur, Rasulullah SAW akan mengucapkan:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ أَوْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ

Ini juga adalah seruan kepada orang-orang yang telah mati.

4. Ibnu Umar ra, apabila beliau menziarahi kubur Rasulullah SAW dan kedua sahabat baginda, beliau akan mengucapkan:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا بَكْرٍ،
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبِي

5. Kisah Othman bin Hanif, sepertimana yang telah dinyatakan tadi iaitu mengenai kisah seorang lelaki yang berhajat dengan Saidina Othman bin Affan. Beliau menyeru: Ya Rasulullah..."

B. Berdoa Kepada Orang Mati

Sekiranya seorang yang berdoa kepada seorang yang telah mati itu menganggap si mati itu setaraf dengan Allah, dan berdoa kepadanya seperti berkata: "Berilah rezeki kepada aku, sembuhkanlah aku, angkatlah kesusahan yang aku hadapi ini daripadaku, atau sebagainya dan beriktihad bahawa si mati itu dapat melakukannya sebagaimana Allah, maka ini adalah syirik dan kufur. Wal'iyazubillah.

C. Memohon Doa Daripada Seorang Yang Telah Mati

Memohon doa daripada orang lain memang terdapat di dalam sunnah sepertimana yang kami sebutkan tadi, iaitu memohon doa daripada seorang yang masih hidup. Maka bagi kami, tidaklah menjadi satu tegahan sekiranya dipohon doa dari seorang yang telah mati, kerana ternyata bahawa si mati itu mendengar, mengenali seorang yang mengunjunginya dan berkata-kata di alam barzakh. Ini ternyata dengan apa yang kami akan kemukakannya nanti bahawa terdapat riwayat menyatakan Rasulullah SAW beristigfar untuk umatnya di dalam kuburnya.

Bahkan orang-orang yang telah mati itu juga berkata-kata sesama mereka dan mendengar ucapan seorang (di atas kubur). Manakala pendapat yang mengatakan bahawa doa adalah ibadah, dan ibadah digugurkan daripada orang-orang mati, maka hujah ini dapat disangkal dengan dua bentuk jawapan:

1. Ibadah yang digugurkan dari seorang yang telah mati adalah ibadah-ibadah yang berbentuk kewajipan (ibadah taklifiyah). Tetapi ini tidak semestinya, tidak ada ibadah berbentuk lain selain daripada 'ibadah taklifiyah', kerana disebut di dalam hadith yang sahih bahawa Rasulullah SAW, ketika peristiwa Israk dan Mikraj, baginda melihat Nabi Musa as. bersolat di kuburnya." Solat itu bukanlah ibadah taklifiyah.
2. Doa ada dua bentuk; doa untuk berta'abbud (beribadah) dan doa memohon hajat. Walaupun doa daripada bentuk yang pertama tadi telahpun luput daripada seorang yang telah mati, tetapi ini bukanlah bererti tertegah juga daripadanya doa bentuk yang kedua ini. Wallahu a'lam.

8. MEMOHON SESUATU HAJAT DARIPADA ORANG-ORANG SOLEH

Soalan:

Adakah diharuskan meminta sesuatu hajat atau penyembuhan daripada penyakit di kubur orang-orang yang soleh atau meminta hajat tersebut terus daripada penghuni kubur tersebut? Bagaimana pula hukum mengadakan jamuan makanan di atas kubur itu?

Jawapan:

Memohon penyembuhan atau sesuatu hajat di kubur orang-orang soleh, sekiranya permohonannya itu ditujukan terus kepada penghuni kubur tersebut, maka ia adalah kufur, wal'iyazubillah, kerana Penyembuh yang hakiki hanyalah Allah, dan Penunai segala hajat juga hanyalah Allah yang Esa. Selain itu, Nabi SAW bersabda yang maksudnya:

“Apabila kamu meminta, mintalah kepada Allah.”

Sekiranya dia memohon penyembuhan (dari penyakit) kepada Allah Taala atau ditunaikan sesuatu hajat dengan bertawassulkan dengan keberkatan wali tersebut, maka ini tidaklah ditegah sekiranya dipanjatkan doa terus kepada Allah seperti katanya: “Ya Allah, sembuhlah pesakit ini sebagai memuliakan wali ini atau dengan berkat kelebihan wali ini.”

Manakala hukum mengadakan jamuan, sekiranya ia diadakan dengan niat sedekah bagi pihak wali itu, maka ini tidaklah tertegah dan dihalalkan baginya kerana bersedekah bagi pihak orang-orang yang telah mati dianjurkan di dalam syariat dan pahala amalan tersebut akan sampai kepada mereka dengan syarat ia diagihkan kepada fakir miskin, kerana sedekah disyariatkan untuk mereka (fakir miskin dll). Demikian juga sekiranya diadakan jamuan itu dengan niat penyembuhan bagi pesakit, kerana Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: “Ubatilah pesakit di kalangan kamu dengan sedekah.”

9. MENZIARAHI KUBUR DAN BERMUSAFIR KE SITU

Soalan:

Adakah menziarahi kubur terdapat di dalam sunnah atau ia adalah bid'ah? Sekiranya ia dianjurkan oleh sunnah, adakah bermusafir untuk tujuan ziarah kubur dikira bid'ah dan haram, kerana Nabi SAW bersabda:

لَا تَشُدُّ الرَّحَالَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ،
وَمَسْجِدِي هَذَا، وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى

Ertinya:

“Janganlah kamu bermusafir melainkan ke tiga buah masjid; Masjid Al-Haram, masjidku ini (Masjid An Nabawi) dan Masjid Al-Aqsa.

Jawapan:

A. Ziarah Kubur

Tidak ada seorangpun yang bercanggah pendapat pada pensyariatan dan sunat menziarahi kubur, melainkan satu pendapat yang diriwayatkan daripada Ibnu Sirin, Asy Sya'bi dan An-Nakhaei.

Jadi, menziarahi kubur adalah sunat dan dalilnya ialah hadits Rasulullah SAW iaitu:

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَرُؤُوهَا فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ

Ertinya:

“Dulu aku pernah menegah kamu daripada menziarahi kubur, tetapi sekarang ziarahilah ia kerana ia dapat mengingatkan kamu kepada Akhirat.”

(Diriwayatkan oleh Muslim dan At-Tirmizi)

Kerana Rasulullah SAW pernah menziarahi tanah perkuburan Baqei' Al-Gharqad (di Madinah). Rasulullah SAW menegah mereka dari menziarahi kubur pada suatu ketika kerana mereka masih hampir dengan zaman jahiliah yang memuja kubur-kubur dan berhala.

Setelah mereka meninggalkan adat yang keji itu dan setelah iman sudah kukuh bertapak di hati mereka, maka Rasulullah SAW mengizinkannya kepada mereka supaya mereka ingat kepada Akhirat dan mengambil pengajaran dengan mereka yang telah mendahului mereka ke akhirat yang meninggalkan segala kelazatan dan perhiasan dunia, dan tidak ada yang mereka dapat membawanya melainkan amalan yang soleh.

Tetapi ketika menziarah, seseorang dikehendaki mengikut syariat dan tidak melakukan padanya sesuatu yang dikira bid'ah dan khurafat. Di antara adab-adabnya: Memberi salam kepada orang-orang mati, kemudian memohon istighfar dan mendoakan kesejahteraan untuk mereka. Diucapkan salam ke atas mereka dengan berkata:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَا حَقُّونَ، نَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ

Dijauhi ketika menziarahi kubur itu, menyapu-nyapu kubur (dengan tangan), mengucupnya, tawaf mengelilinginya dan bernazar kepada penghuni kubur, kerana perkara-perkara tadi termasuk amalan jahiliah, dan ia tidak pernah dianjurkan oleh syarak.

B. Hukum Wanita Yang Berziarah Kubur

Sekiranya boleh menyebabkan sesuatu fitnah berlaku ketika menziarahi kubur atau keluar dalam keadaan bersolek atau berlaku pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita di situ, atau datang

untuk meratap dan menangis, maka ia diharamkan tanpa ada khilaf lagi. Sekiranya tidak berlaku perkara-perkara yang tersebut tadi, para ulama berselisih pendapat pada keharusannya seperti berikut:

Sebahagian para fuqaha berpendapat bahawa diharamkan bagi wanita menziarahi kubur, kerana berpandukan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, At-Tirmidzi dan Ibnu Majah daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW melaknat para wanita yang menziarahi kubur.

Sebahagian fuqaha yang lain berpendapat bahawa ia hanya makruh iaitu 'makruh tahrim' bagi para ulama bermazhab Hanafi dan 'makruh tanzih' bagi para ulama bermazhab lain. Mereka berdalilkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Ummu Atiyah katanya: "Rasulullah SAW pernah menegah kami daripada menziarahi perkuburan tetapi baginda tidak mengetatkannya ke atas kami."

Sebahagian yang lain pula berpendapat, menziarahi kubur adalah harus. Inilah pendapat yang terkuat daripada Mazhab Asy Syafie dan pendapat yang kedua daripada pendapat-pendapat Imam Ahmad mengenai masalah ini.

Mereka berdalilkan dengan hadith-hadith yang menganjurkan ziarah kubur iaitu pada lafaz (فَزُورُوهَا). Arahan itu sekiranya ditujukan kepada para lelaki, maka ia merangkumi hukumnya kepada para wanita.

Dalam sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Aishah ra. katanya: "Apakah yang patut aku ucapkan ketika aku menziarahi perkuburan, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: "(السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ)".

Selain itu, terdapat juga sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari bahawa Rasulullah pernah terserempak dengan seorang perempuan yang sedang menangis di kubur, lalu baginda

menasihatkan: “Bertakwalah kepada Allah dan bersabarlah.” Sedangkan baginda tidak sedikitpun mengingkari ziarah kubur. Saidatina Aisyah sendiri pernah menziarahi kubur saudaranya, Abdul Rahman. Kisah ini diriwayatkan oleh At-Tirmidzi.

Para ulama (golongan yang ketiga) ini mentakwilkan hadith yang melaknat wanita yang menziarahi kubur tadi iaitu: sekiranya tujuan ziarah itu untuk meratap dan menangis.

C. Musafir Untuk Menziarahi Perkuburan

Menurut Imam Abu Muhammad Al-Juwaini pada salah satu pendapatnya yang dipersetujui oleh Al-Qadhi ‘Iyadh dan Ibnu Taimiyah bahawa bermusafir untuk menziarahi kubur dan makam walaupun ke kubur Rasulullah SAW dan para solihin adalah ditegah (haram).

Mereka berpandukan dengan sebuah hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim tadi yang bermaksud:

“Tidak boleh bermusafir melainkan ke tiga buah masjid; Masjid Al Haram, masjidku ini (Masjid An-Nabawi) dan Masjid Al-Aqsa.” Di dalam satu riwayat yang lain dengan lafaz (لا تشدوا) dalam bentuk tegahan.

Pendalilan dengan hadith ini dilihat pada sudut larangan bermusafir ke mana-mana tempat melainkan ke tiga masjid tersebut.

Manakala Jumhur (kebanyakan) ulama mengharuskan safar untuk tujuan ziarah kubur. Di antara mereka ialah Imam Al-Juwaini di dalam salah satu pendapatnya yang dipersetujui olehnya. Ini juga adalah pendapat yang dipegang oleh para ulama muftabar di dalam Mazhab Asy Syafei. Mereka mentakwil bahawa yang dimaksudkan dengan hadith tadi ialah kelebihan yang lengkap (yang lebih) sekiranya bermusafir ke masjid-masjid tersebut (kelebihan lebih banyak daripada tempat-tempat lain).

Kemudian menurut mereka lagi: “Tegahan bermusafir di dalam hadith tadi ditujukan kepada masjid-masjid selain daripada ketiga-tiga masjid tadi, kerana bermusafir ke masjid-masjid (selain ketiga masjid itu) untuk bersolat semata-mata di situ lebih memenatkan badan tanpa mendapat imbalan atau pahala yang lebih, kerana pahala solat di mana-mana masjid adalah sama. Ini berbeza dengan masjid-masjid yang tiga itu, kerana beribadah di Masjid Al-Haram mendapat sepuluh ribu pahala, di Masjid Nabawi mendapat seribu pahala dan di Masjid Al-Aqsa mendapat lima ratus pahala. Maka dilihat kepada kelebihan pahalanya, syariat menggalakkan safar ke masjid-masjid tersebut.

Huraiannya adalah seperti berikut:

‘Al mustathna minhu’ (الْمُسْتَثْنَى مِنْهُ) di dalam hadith tadi tidak disebut dan ia boleh ditentukan dengan salah satu daripada dua perkara berikut:

1. Tempat-tempat secara umum. Iaitu: Jangan kamu bermusafir “ke tempat-tempat” melainkan ke tiga buah masjid. Ini kurang tepat, kerana ia bererti melarang safar untuk tujuan berniaga, belajar dan berbagai lagi.
2. Tempat-tempat tertentu yang khusus iaitu mengikut yang sejenis dengan perkara yang dikecualikan. Ertinya: Jangan kamu bermusafir ke masjid-masjid melainkan ke tiga buah masjid ...”

Yang kedua inilah yang dipegang oleh para ulama, termasuklah Ibnu Taimiyah sendiri. Beliau menentukan ‘al mustathna minhu’ ialah masjid-masjid, tetapi beliau menjadikannya sebagai dalil larangan safar menziarahi kubur para nabi dan orang-orang soleh berdasarkan kaedah ‘qias aula’. Menurut beliau: “Sekiranya bermusafir menuju ke rumah-rumah Allah (masjid-masjid) selain daripada tiga buah itu tidak dianjurkan oleh syariat sepertimana yang dipersetujui oleh imam-imam mazhab yang empat, bahkan terdapat tegahan daripada Rasulullah SAW, maka apatah lagi

sekiranya bermusafir menuju ke rumah-rumah makhluk yang dijadikan kubur-kubur mereka sebagai masjid, tempat penyembahan dan perayaan untuk melakukan syirik dan diseru selain daripada Allah, bahkan kebanyakan pemuja-pemujanya lebih mengutamakan menuju ke situ melebihi daripada menunaikan haji di Baitullah.”

Pendapat beliau itu disangkal, kerana qias tidak boleh bercanggah dengan arahan (فَزُورُوهَا), kerana arahan menziarahi kubur didatangkan dalam bentuk yang umum, tidak kira samada perkuburan yang berdekatan atau perkuburan yang berjauhan yang memerlukan safar. Adakalanya bermusafir adalah sunat sekiranya ziarah kubur tidak tercapai melainkan dengan safar, kerana tidak menyempurnakan sesuatu yang sunat melainkan dengannya, maka ia juga jatuh sunat, sebagaimana tidak menjadi sempurna sesuatu yang wajib melainkan dengannya, maka ia menjadi wajib.

Sebagai contoh:

Sekiranya di kawasan kediamannya tidak terdapat perkuburan, tetapi dia ingin mendapat pahala sunat ziarah kubur yang ia tidak tercapai melainkan terpaksa musafir ke satu tempat yang agak jauh yang terdapat perkuburan di situ, maka safarnya itu menjadi sunat sekiranya dengan niat itu. Bahkan Nabi SAW pernah bermusafir kerana semata-mata menziarahi kubur ibunya di Abwa'. Kamu juga dapat melihat dengan jelas akan alasan yang dikemukakan oleh Ibnu Taimiyah untuk melarang safar menziarahi kubur, kerana kubur dijadikan sebagai masjid, tempat penyembahan dan syirik, serta diseru nama selain daripada Allah di situ dan mengutamakan lebih daripada menunaikan haji di Kaabah.

Sebab-sebab yang disebut oleh Ibnu Taimiyah ini adakalanya dilakukan oleh seorang yang tinggal berhampiran dengan kubur

yang tidak perlu bermusafir ke situ. Maka sepatutnya, larangan hendaklah dibuat pada perkara-perkara itu, dan bukannya melarang daripada bermusafir ziarah kubur. Kerana adakalanya perkara-perkara tadi dilakukan oleh seorang yang tinggal bersebelahan dengan kubur, sedangkan orang yang datang dari jauh tidak melakukannya.

Larangan ziarah kubur sepatutnya dikenakan sekiranya ia disertai dengan pemujaan kubur seperti mengucup kubur, menyapu-nyapu, bertawaf kelilingnya atau berlaku pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita di situ samada ia dilakukan oleh ahli setempat atau yang datang dari jauh. Ziarah tidak patut dilarang sekiranya tidak timbul perkara-perkara yang diharamkan tadi. Jadi, menziarahi kubur adalah sunat, tetapi adakalanya ia menjadi haram dengan sebab yang lain iaitu apabila ia disertakan dengan perkara-perkara bid'ah dan mungkar, maka ia menjadi haram dengan sebab yang lain. Oleh itu tegahan sepatutnya kepada perkara-perkara bid'ah yang disertakan bersamanya dan bukannya melarang safar untuk menziarahi kubur.

Terdapat juga pendapat mengatakan, anjuran yang disebut di dalam hadith 'Ziarah Kubur' ialah menziarah perkuburan (yang terdapat banyak kubur). Oleh itu, tidak boleh menziarahi sebuah kubur sahaja. Pendapat di atas juga kurang tepat dan ini boleh disuluh pada dua sudut:

1. Alif Lam Al Jinsiyah (أَلِ الْجَنْسِيَّةِ) apabila ia masuk ke atas perkataan 'jama' (yang rāmai atau banyak), maka ia membatalkan kehendak 'jama' itu, dan ia bertukar kepada maksud lain iaitu kepada mana-mana yang termasuk di dalam jenis kubur, dan ia menyamai samada satu atau banyak.
2. Rasulullah SAW pernah mengkhususkan kubur-kubur tertentu untuk diziarahi. Baginda pernah meletakkan beberapa ketul batu di atas kubur saudara susuannya, Othman bin Maz'un,

dan bersabda: “Tahukah kamu bahawa ini kubur saudaraku.” Tidak ada faedah memperkenalkannya melainkan untuk diziarahi. Selain daripada itu, sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa Saidatina Aishah ra. juga pernah menziarahi kubur saudaranya, Abdul Rahman secara khusus. (Lihat: Al-Fatawa: 24/334, Al-Mughni: 2/270, Al-Majmu’: 5/309, Syarah Sahih Muslim: 9/106, Nail Al-Authar: 4/164)

10. KATA-KATA AKU BERGANTUNG KEPADA ALLAH DAN KEPADA ENKKAU

Soalan:

Saya lihat kebanyakan umat Islam hari ini mengengkari ke atas seorang yang berkata kepada seorang yang lain:

أَعْتَمِدُ عَلَى اللَّهِ وَعَلَيْكَ، أَسْتَعِينُ بِاللَّهِ وَبِكَ، شَافَانِي اللَّهُ
وَالدَّوَاءُ أَوْ الطَّبِيبُ

Ertinya:

Saya bergantung kepada Allah dan kepada engkau, atau saya meminta tolong kepada Allah dan kepada engkau, atau saya telah disembuhkan oleh Allah dan oleh ubat atau doktor.”

Adakalanya mereka menganggap ungkapan seperti itu adalah syirik, kerana padanya terdapat kata penyambung (’ataf) di antara makhluk dengan Khaliq (Allah) dengan menggunakan huruf ‘wau’ yang bererti ‘dan’ yang ianya bermaksud perkongsian. Mereka ini menguatkan hujah mereka dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Ibnu Majah dan Abu Daud daripada Abu Huzaifah ra. katanya: “Rasulullah SAW telah bersabda yang maksudnya: “Jangan kamu kata:

مَا شَاءَ اللَّهُ وَشَاءَ فَلَانُ

tetapi ucapanlah:

مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شَاءَ فَلَانٌ

An-Nasai juga meriwayatkan dengan sanad yang bersambung daripada Ibnu Abbas ra. katanya: Rasulullah SAW pernah bersabda: “Sekiranya salah seorang daripada kamu bersumpah, maka jangan dia berkata: (مَا شَاءَ اللَّهُ وَشِئْتُ) tetapi katalah: (مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شِئْتُ) “Adakah anggapan seperti ini benar?

Jawapan:

Saya berasa musykil terhadap apa yang diengkari oleh Nabi SAW itu disebabkan dua perkara:

Pertama

(و، ف، ثم) adalah huruf-huruf penghubung kata (‘ataf) yang membawa maksud perkongsian pada hukum.

Apabila kamu sebut: (دَخَلَ عَلَيَّ وَخَالِدٌ) atau (دَخَلَ عَلَيَّ فَخَالِدٌ) atau (دَخَلَ عَلَيَّ ثُمَّ خَالِدٌ) yang bererti: Ali dan Khalid telah masuk/ Ali telah masuk, kemudian Khalid/ Ali telah masuk, kemudian Khalid.

دَخَلَ - فَعَلَ

عَلَيَّ - مَعْطُوفٌ عَلَيْهِ

خَالِدٌ - مَعْطُوفٌ

و، ف، ثم - حُرُوفُ عَطْفٍ

Kesemua tadi menggambarkan bahawa Khalid ikut menyertai

Ali dalam perbuatan 'masuk'. Cuma perbezaan di antara ketiga-tiga tadi ialah: (و) digunakan untuk menyatakan persamaan secara mutlak tanpa melihat kepada adakah perkara itu berlaku serentak atau salah satunya samada 'ma'tuf' atau 'ma'tuf' alaih' mendahului yang lain. Manakala (ف) digunakan untuk menyatakan bahawa 'ma'tuf' melakukan perbuatan selepas 'ma'tuf' alaih' tanpa renggang (jarak) masa yang lama. Manakala (ثم) digunakan sepertimana (ف) tetapi dengan renggang masa yang lama. Persoalannya, kenapa dikhususkan (و) sahaja untuk menyatakan persamaan?

Kedua

Apabila kita membaca Al-Quran dan Hadith, akan didapati banyak dihubungkan makhluk dengan Allah atau perbuatan makhluk dengan perbuatan Allah dengan menggunakan huruf 'ataf (و).

Contohnya: Firman Allah Taal

هُوَ الَّذِي آتَاكَ بِنَصْرِهِ وَبِالْمُؤْمِنِينَ

Ertinya:

"Dialah yang memperkuatkanmu dengan pertolonganNya dan dengan para mukminun."

(Al-Anfal: 62)

Firman Allah juga:

وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ
نَارًا خَالِدًا فِيهَا

Ertinya:

“Sesiapa yang menderhakai Allah dan rasulNya, dan melanggar sempadanNya (laranganNya), nescaya dimasukkannya ke dalam neraka yang kekal di dalamnya.”

(An-Nisa: 14)

Manakala di dalam hadith pula, di antaranya ialah:

Satu kisah bagaimana Rasulullah SAW membetulkan ungkapan yang diucapkan oleh seorang khatib (di kalangan para sahabat) ketika menyampaikan khutbah di sisi Rasulullah SAW. Sahabat itu menyebut:

مَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ رَشَدَ، وَمَنْ يَعْصِيهِمَا فَقَدْ غَوَى

Ertinya:

“Sesiapa yang yang mentaati Allah dan RasulNya, sesungguhnya dia mendapat petunjuk, dan sesiapa yang mendurhakai ‘keduanya,’ sesungguhnya dia telah sesat.”

Lalu Rasulullah SAW bersabda kepadanya:

“Seburuk-buruk khatib (penyampai khutbah) ialah kamu. Sepatutnya kamu hendaklah menyebut:

وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ غَوَى

Iaitu dengan disebut “Allah wa rasulahu” menggantikan penggunaan ganti nama “huma.” Rasulullah hanya mengingkari penggunaan gantinama iaitu ‘huma,’ tetapi baginda tidak pula mengingkari penggunaan huruf ‘ataf (و). Baginda hanya membetulkan penggunaan gantinama, tetapi pada masa yang sama baginda tetap menggunakan huruf ‘ataf (و).

Sebenarnya, punca yang menyebabkan timbulnya tandatanya dalam diri saya berhubung dengan perkara tadi kerana saya tidak

memahami maksudnya. Sehingga lah kemusykilan itu hilang setelah saya menemui di dalam kitab yang dikarang oleh Imam Asy Syauckani (Nail al-Authar: 7/33) yang mana beliau memindahkan kata-kata Imam Asy Syaifei iaitu: “Sebab larangan Rasulullah SAW terhadap kata-kata lelaki: (مَا شَاءَ اللَّهُ وَشِئْتُ) tetapi baginda mengizinkan kata-kata: (مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شَاءَ فُلَانٌ), kerana kehendak dari seorang hamba berlaku selepas kehendak atau ‘iradah’ Allah SWT.

Allah SWT berfirman:

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ

Ertinya:

“... dan kamu tidak mampu melainkan setelah dikehendaki oleh Allah.”

(Al-Insan: 30)

Menurut Imam Asy Syaifei lagi: “Kemudian Allah memberitahu makhluknya bahawa sifat kehendakNya berbeza dengan sifat ‘mengadakan’, dan kehendak mereka (manusia) tidak terjadi melainkan setelah dikehendaki oleh Allah. Itulah sebab, dikhabarkan kepada RasulNya bahawa disebut:

(مَا شَاءَ اللَّهُ وَشِئْتُ) dan tidak disebut: (مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شِئْتُ).”

Demikianlah kata-kata Imam Asy Syaifei.

Jadi, jelaslah kepada kita bahawa penggunaan huruf ‘ataf

(ثم) pada ‘kehendak’ sahaja dan tidak kepada perbuatan-perbuatan lain, kerana tidak ada perbezaan di antara (و) dengan (ثم) dari segi persamaan hukum, sebagaimana yang telah kami jelaskan sebentar tadi.

Manakala larangan Rasulullah SAW terhadap kata-kata khatib tadi bukannya pada penggunaan huruf 'ataf (و) tetapi kerana penggunaan gantinama '(هما)', kerana apabila berkhotbah, mestilah mengutamakan penjelasan bukannya kesamaran. Penggunaan gantinama menjurus ke arah kesamaran dan 'kinayah'.

Kemudian Rasulullah SAW menganggap sahabat tadi menyamakan Allah dengan RasulNya, lalu baginda ingin disebutkan perkataan asal yang zahir (bukan gantinama) supaya dapat dibezakan di antara kedua-duanya. Tetapi pada waktu yang lain, Rasulullah SAW menggunakan juga gantinama, kerana ketika itu baginda bukannya berkhotbah, tetapi ia lebih berbentuk pengajaran iaitu sabda baginda:

أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا

Ertinya:

"Bahawa Allah dan RasulNya lebih dicintai daripada selain keduanya."

Berdasarkan apa yang telah dibentangkan ini, dibuat kesimpulan bahawa sesiapa yang melemparkan tuduhan syirik terhadap mereka yang menggunakan huruf 'ataf (و) bukannya (ثم) adalah kurang tepat. Yang sebenarnya, penggunaan ungkapan tadi adalah harus sepertimana yang kamu sedia maklum dalam pembentangan tadi.

Sesuatu yang menyedihkan juga, kerana terdapat segolongan yang begitu berani mempertikaikan kedudukan Abu Bakar as. Siddiq di sisi Rasulullah SAW. Menurut mereka: "Ditakutkan Abu Bakar melakukan sesuatu yang syirik, kerana ketika beliau mengorbankan segala harta yang dimilikinya untuk jihad, dan baginda ditanya oleh Rasulullah SAW: "Apakah yang kamu tinggalkan, wahai Abu Bakar? Lalu beliau menjawab:

أَبْقَيْتُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

Ertinya:

"Aku tinggalkan Allah dan RasulNya."

Di dalam kata-katanya itu, beliau menggunakan huruf 'ataf (و) sebagai kata penghubung di antara Allah dan Rasul.

Alangkah malangnya, tidak tahukah mereka bahawa kata-kata seperti itu juga adalah dalil keharusannya, kerana Rasulullah tidak mengingkari kata-katanya itu. Adakah perlakuan seperti ini boleh dianggap untuk menegakkan sunnah atau semata-mata ta'assub kepada prinsip hidup tertentu sepertimana yang berlaku kepada kumpulan-kumpulan yang menyeleweng kerana ta'assub dengan pandangan dan prinsip-prinsipnya.

11. MELAFAZKAN NIAT KETIKA HENDAK SOLAT

Soalan:

Adakah seorang yang hendak mengerjakan solat berniat dengan hatinya atau dengan lidahnya? Adakah melafazkan niat itu dikira sebagai perkara yang bid'ah?

Jawapan:

Tempat niat ialah di dalam hati, tetapi menurutkannya bersama azam hati untuk mengerjakannya adalah lebih afdhal kerana menurutkannya dengan lidah dapat membantu hati. Menurutkannya sahaja, tetapi hatinya tidak berniat, maka ibadahnya tidak dikira sah, kerana asalnya hati hendaklah sedar untuk mengerjakannya, manakala menurutkannya dengan lidah hanya untuk menguatkan hati sahaja.

Sebagai contoh:

Sekiranya kamu hendak memberi sesuatu bantuan atau keperluan kepada manusia, memadai sekiranya kamu menghulurkan bantuan itu dengan tangan supaya dia dapat

menerima. Tetapi sekiranya kamu lafazkan: “Ambillah, atau persilakan” sambil tangan menghulurkan bantuan adalah lebih baik.

Seandainya kita dapati setengah ulama berpendapat, menuturkan niat adalah bid'ah, mereka sebenarnya bermaksud bid'ah dari segi bahasa iaitu sesuatu yang baru diwujudkan tanpa ada contoh sepertinya sebelum ini, bukanlah bermaksud bid'ah dari segi syariat, kerana sekadar menuturkannya tidak boleh dikatakan sesat yang menjerumuskan pelakunya ke dalam neraka, kerana bid'ah (dari segi syariat) ialah yang sesat dan setiap kesesatan akibatnya ialah neraka, sebagaimana yang telah pun kamu ketahuinya sebelum daripada ini.

12. MEMBACA AYAT AL-KURSI SELEPAS SOLAT LIMA WAKTU

Soalan:

Adakah membaca Ayat Al Kursi setiap kali selepas solat fardhu digalakkan oleh syarak atau ianya adalah bid'ah?

Jawapan:

Membacanya adalah digalakkan oleh syarak. Ini berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh An Nasai dan diperakui kesahihannya oleh Ibnu Hibban daripada Abu Umamah ra. katanya: Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبِّرَ كُلَّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ يَمْنَعَهُ مِنْ دُحُولِ الْجَنَّةِ إِلَّا الْمَوْتُ

Ertinya:

Sesiapa yang membaca ayat Al-Kursi setiap kali selepas solat fardhu, tidak ada sesuatu yang menghalangnya daripada memasuki syurga (ketika itu) melainkan kematian.

Di dalam hadith lain yang diriwayatkan oleh At-Tabrani terdapat tambahan: “Ayat Al-Kursi dan (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ). Imam AsSayuthi menghukumkan hadith di atas sebagai hadith sahih di dalam kitabnya ‘Al-Jamei’ As- Shaghir.”

Menurut Al Manawi di dalam kitabnya ‘Al Faidhu Al Qadir, (6/102)’ Ibnu Al-Jauzi menyenaraikan hadith itu di dalam hadith-hadith maudhu’ (palsu), kerana ia diriwayatkan oleh Muhammad bin Humaid secara bersendirian. Pendapat Ibnu Jauzi ini disangkal oleh para ulama dengan alasan bahawa Muhammad bin Humaid diterima oleh seorang yang paling mulia dalam menyusun hadith-hadith sahih iaitu Imam Al-Bukhari, dan dianggap sebagai ‘thiqah’ (dipercayai) oleh seorang yang paling ketat dalam menilai perawi-perawi hadith iaitu Ibnu Ma’ain.”

Menurut Ibnu Qayyim di dalam kitabnya ‘Zadu Al-Ma’ad, (1/160)” Hadith ini disahkan oleh sebilangan ulama. Menurutnyanya: “Al-Husain bin Basyir pernah diperkatakan mengenainya oleh An-Nasai dan menurutnya. “Dia tidak mengapa” dan pada tempat yang lain beliau (An-Nasai) berpendapat: “Dia adalah thiqah (dipercayai).

Manakala, Muhammad bin Humaid dan Muhammad bin Zayyad Al-Alhani diterima oleh Al-Bukhari di dalam sahihnya. Jadi menurut mereka, hadith ini mengikut syarat yang dilakarkan oleh Al-Bukhari. Sebahagian ulama berpendapat hadith tersebut adalah palsu dan Ibnu Al-Jauzi menyenaraikannya di dalam kitabnya ‘Al Maudhu’at’, kerana ia diriwayatkan secara bersendirian oleh Muhammad bin Humaid. Abu Hatim Ar Razi berpendapat, “Muhammad tersebut tidak boleh dijadikan hujah (diterima).” Menurut Yaakob bin Sufian, “Dia bukanlah seorang yang kuat (untuk diterima hadithnya).”

Setengah ahli hadith menafikan kritikan di atas dan mereka menerima Muhammad bin Humaid tadi sebagai seorang yang ‘thiqah’ dan beliau lebih mulia daripada memiliki hadith maudhu

(palsu), bahkan dia diterima oleh seorang yang paling mulia dalam menyusun hadith-hadith sahih iaitu Al- Bukhari dan dianggap sebagai 'thiqah' oleh seorang yang paling ketat dalam menilai perawi-perawi hadith iaitu Yahya bin Ma'ein.

Hadith tadi juga diriwayatkan oleh At Tabrani di dalam Al-Mu'jam melalui sanad Abdullah bin Hasan daripada bapanya daripada datuknya katanya: Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Sesiapa yang membaca ayat Al-Kursi selepas solat fardhu, maka dia berada di bawah pemeliharaan Allah sehinggalah ke solat waktu yang lain."

Selain daripada itu, hadith ini juga diriwayatkan daripada Abu Umamah, Ali bin Abu Talib, Abdullah bin Umar, Al-Mughirah bin Syu'bah, Jabir bin Abdullah dan Anas bin Malik, tetapi setiap sanadnya terdapat perawi-perawi yang dhaif. Namun begitu, sekiranya ia digabungkan di antara satu sama lain walaupun ia berlainan sanad dan sumbernya, akan ternyata kepada kamu bahawa perkara itu ada asasnya dan bukanlah sesuatu yang palsu. Dan saya mendapat berita berkenaan dengan guru kami Abu Al-Abbas Ibnu Taimiyah, semoga Allah menyucikan rohnya bahawa beliau tidak pernah meninggalkan bacaan ayat Al-Kursi tadi setiap kali selepas solat. (Demikianlah pandangan Ibnu Qayyim).

Menurut Al-Munziri di dalam kitabnya At Targhib wa At-Tarhib (2/453), "Ia diriwayatkan oleh An-Nasai dan At-Tabrani dengan beberapa sanad, salah satunya adalah sahih. Menurut guru kami, Abu Al Hasan." Ia mengikut syarat yang ditetapkan oleh Imam Al-Bukhari dan Ibnu Hibban di dalam kitab As Sholah dan mengakui kesahihannya. Ia juga disebut oleh Al-Haithami di dalam kitab 'Majma Az Zawaid (1/102),' katanya: "Hadith itu diriwayatkan oleh At-Tabrani di dalam 'Mu'jam Al-Kabir' dan 'Mu'jam Al-Ausat' dengan beberapa sanad, dan salah satunya adalah baik."

13 MENINGGIKAN SUARA KETIKA BERADA DI DALAM MASJID

Soalan:

Apakah hukum dari segi syarak berhubung dengan berzikir dengan suara yang lantang di dalam masjid? Bagaimana pula hukum memberi salam ketika berada di dalam masjid?

Jawapan:

Berzikrullah di dalam masjid ada dua bentuk:

- Yang disebut di dalam sunnah bahawa ia dilakukan selepas solat fardhu.
- Yang disebut di dalam sunnah bahawa ia dilakukan selain daripada waktu solat.

Zikir yang sunat dilakukan pada setiap kali selepas solat fardhu adalah seperti berikut:

Terdapat sebuah hadith yang menyatakan fadhilat zikir iaitu sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah ra. daripada Rasulullah SAW sabdanya:

“Sesiapa yang mengucapkan tasbih (سُبْحَانَ اللَّهِ) setiap kali selepas solat sebanyak 33 kali, dan tahmid (الْحَمْدُ لِلَّهِ) sebanyak 33 kali dan takbir (اللَّهُ أَكْبَرُ) sebanyak 33 kali, jadi kesemuanya 99 kali, kemudian menyebut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

untuk menggenapkannya sebanyak 100 kali, nescaya diampunkan dosa-dosanya walaupun umpama buih di lautan.”

Menyebut zikir tersebut secara lantang juga digalakkan oleh

syarak iaitu berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Abbas ra. katanya:

رَفَعَ الصَّوْتِ بِالذِّكْرِ حِينَ يَنْصَرِفُ النَّاسُ مِنَ الْمَكْتُوبَةِ كَانَ
عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Ertinya:

“Meninggikan suara dengan zikir ketika orang ramai selesai daripada solat fardhu telahpun berlaku pada zaman Rasulullah SAW.”

Menurut Ibnu Abbas lagi, “Saya tahu bahawa mereka selesai menunaikan solat apabila saya mendengar zikir.”

Manakala di dalam sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari menyatakan bahawa: “Saya (Ibnu Abbas) mengetahui tamatnya solat Rasulullah SAW dengan laungan takbir.” Ibnu Hajar mengulas di dalam kitab ‘Fath Al Bari’ berhubung dengan perkara ini. Daripada riwayat di atas seolah-olah menggambarkan bahawa mereka (para sahabat) memulakan zikir mereka dengan takbir selepas solat mendahului tasbih dan tahmid, kerana hadith mengenai zikir selepas solat didatangkan dengan beberapa riwayat yang menyatakan bahawa tasbih didahulukan daripada tahmid dan takbir, bahkan terdapat di dalam riwayat Ibnu Ajlan bahawa takbir didahulukan daripada tahmid secara khusus.

Kemudian Ibnu Hajar menyambung lagi, terdapat juga sebuah hadith yang seumpama dengan hadith tadi yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Abu Hurairah ra. iaitu dengan lafaz: “Takbir, tahmid dan tasbih.” Demikian juga pada hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar. Selepas itu, Ibnu Hajar menyambung lagi, perselisihan yang berlaku ini menunjukkan bahawa zikir tersebut tidak mempunyai tertib yang tertentu...,” dan pendapatnya itu dikuatkan dengan hadith yang menyatakan ‘Al Baqiat As Solehat’ yang di dalamnya menyatakan: “Tidaklah

menjadi mudharat ke atas kamu sekiranya kamu mulai dengan mana-mana zikir itu.”

Di sini, satu perkara yang saya ingin katakan:

Sebahagian daripada umat Islam menganggap zikir yang dilakukan selepas solat secara berjamaah dan serentak adalah bid'ah dan sesat, sebagaimana mereka menganggap sekiranya seorang di kalangan ahli jamaah yang hadir bersolat menjadi mubaligh (menyampaikan kepada ahli jamaah yang lain) dengan melaungkan Subhanallah, Al Hamdulillah, Allahu Akbar supaya ia dilakukan serentak, adalah bid'ah juga.

Tahukah kamu, di manakah bid'ah pada perkara tersebut?

Adakah kerana dia menguatkan suara ketika menyebut kalimah-kalimah zikir itu? Sedangkan kamu telahpun mengetahui bahawa meninggikan suara ketika zikir digalakkan di dalam syariat untuk semua orang dan bukannya dikhususkan kepada mubaligh sahaja.

Atau adakah ia boleh dianggap sebagai bid'ah kerana ia dilakukan secara berjamaah dan serentak? Dalam masalah ini terdapat banyak hadith yang sahih yang menyebut tentang galakan berzikir secara berjamaah dan serentak, malah hadith-hadith itu lebih masyhur.

Atau bid'ah kerana perlakuan mubaligh ketika menasihati, menggalakan atau mengajar mereka supaya mereka mengucapkan zikir-zikir itu?

Tidak... tidak sama sekali wahai para pemuda Islam. Itu tidak boleh dianggap sebagai bid'ah, tidak boleh dianggap duduk untuk melakukan zikir secara serentak sebagai bid'ah, tetapi bid'ah ialah apabila kita menganggap sesuatu yang termasuk di dalam mana-mana 'qawaid syar'iiyyah' dan tidak ditolaknya, itulah sebenarnya bid'ah. Menghukum ke atas sesuatu perkara yang tidak diterima oleh akal sebagai bid'ah, itu sebenarnya bid'ah.

Kemudian, zikir yang dilakukan secara beramai-ramai, dan adanya seorang mubaligh (yang menyampaikannya kepada ahli jamaah) itulah faktor yang menyebabkan zikir ini diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Jika mubaligh tidak ada dan ia dilakukan secara berseorangan, ia adalah faktor yang menyebabkan lupusnya amalan dan hafalan zikir tersebut. Untuk pengetahuan juga, para ahli jamaah tetap berzikir dengan perlahan dan masing-masing menyebutkannya sebagaimana yang disampaikan oleh mubaligh. Maka di manakah bid'ah dalam masalah ini?

Bentuk yang kedua daripada jenis zikir ialah:

Sekiranya satu kumpulan berhimpun di satu tempat pada waktu selain daripada waktu solat, kemudian berzikir kepada Allah dalam bentuk berjamaah. Ini juga tidaklah menjadi tegahan selagi mana ia tidak mengganggu orang lain yang sedang bersolat.

Allah SWT berfirman:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تَرْفَعَ
وَيُذَكِّرَ فِيهَا أَسْمَهُ، يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿٣٦﴾

Ertinya:

“Di masjid-masjid yang telah diperintahkan oleh Allah untuk dimuliakan dan dizikir (disebut) namaNya di dalamnya, pada waktu pagi dan petang, mereka ialah lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan...”

(An Nuur: 36)

‘Zikir’ yang dianjurkan di dalam ayat di atas adalah lebih umum samada ia dilakukan selepas solat atau pada waktu yang bukannya waktu solat, sepertimana yang kami telah sebutkan bahawa hadith mengenai kelebihan berzikir secara berjamaah

adalah lebih terkenal.

Manakala apa yang diriwayatkan bahawa Ibnu Masud pernah mengingkari perlakuan sekumpulan para sahabat yang berkumpul di dalam sebuah masjid untuk berzikir kepada Allah, dan menganggapnya sebagai suatu yang bid'ah. Itu berlaku kerana kemungkinan Ibnu Mas'ud tidak sampai kepadanya hadith-hadith yang menyatakan keharusan berzikir beramai-ramai, kerana tidak semestinya setiap sahabat Rasulullah SAW mengetahui segala hadith. Selain daripada itu, bantahannya tadi dikira termasuk dalam 'qaul sahabi' (pendapat sahabat) dan ia tidak boleh bercanggah dengan apa yang ternyata pasti daripada Rasulullah SAW.

14. MEMBERI SALAM DI DALAM MASJID

Tidak terdapat larangan memberi salam di dalam masjid, selagi tidak terdapat seorang yang sedang bersolat yang boleh mengganggunya. Sekiranya perlakuan itu mengganggu, maka lebih utama salam itu ditinggalkan. Demikian juga sekiranya di dalam masjid terdapat mereka yang sedang sibuk membaca Al-Quran atau belajar ilmu atau berzikir, maka lebih baik salam tidak diucapkan ke atas mereka.

Sekiranya salam diucapkan ke atas mereka, adakah wajib menjawabnya? Para ulama berselisih pendapat dalam masalah ini kepada dua pendapat, iaitu:

Sebahagiannya berpendapat bahawa menjawab salam adalah tidak wajib bagi mereka.

Sebahagian lain berpendapat bahawa salam itu dijawab selepas selesai membaca Al-Quran. Sekiranya dia menjawab ketika sedang membaca Al-Quran, maka sebaiknya dia mengulangi semula bacaan 'isti'azah' (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) kerana memulakan satu bacaan yang baru. Wallahu a'lam. (Lihat: Syarah

Sahih Muslim: 5/83, Al-Mughni: 1/560)

15. MEMBILANG TASBIH, TAHMID DAN TAKBIR DENGAN JARI-JARI TANGAN

Soalan:

Bagaimanakah cara membilang zikir seperti tasbih, tahmid dan takbir setiap selepas solat fardhu, adakah dengan jari-jari tangan kanan sahaja atau dengan jari-jari tangan kanan dan kiri?

Jawapan:

1. Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, At-Tirmidzi dan Abu Daud daripada Basrah (daripada kalangan wanita Muhajirin) katanya: "Rasulullah SAW pernah bersabda kepada kami:

عَلَيْكُمْ بِالتَّهْلِيلِ أَوْ التَّسْبِيحِ وَالتَّقْدِيسِ، وَلَا تَفْعَلْنَ فِتْنَسَيْنِ
الرَّحْمَةَ وَأَعْقِدْنَ بِالْأَنَامِلِ فَإِنَّهُنَّ مَسْئُولَاتٌ مُسْتَنْطَقَاتٌ

Ertinya:

"Kamu hendaklah bertahlil (لا إله إلا الله) atau bertasbih dan bertaqdis. Janganlah kamu tidak melakukannya sehingga kamu tidak mendapat rahmat, kiralah ia dengan jari-jari kamu, kerana ia akan dipersoalkan dan berkata-kata (pada hari qiamat)"

2. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud, At-Tirmidzi, An-Nasai dan Al-Hakim daripada Ibnu Umar ra. katanya: "Aku melihat Rasulullah SAW membilang tasbih." Di dalam riwayat Abu Daud terdapat tambahan: "Dengan tangan kanannya."

Jadi jelaslah melalui hadith-hadith di atas bahawa kebanyakan riwayat menyebut kiraan zikir dengan jari-jari secara umum (tanpa ditentukan jari-jari tangan kanan atau kiri). Alasannya ialah kerana

jari-jari itu akan berkata-kata untuk menjadi saksi kepada seorang yang berzikir. Apabila banyak menggunakan jari-jari, maka banyaklah yang akan menjadi saksi. Cuma hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud sahaja yang datang dengan mengkhususkan jari-jari tangan kanan. Bagi mereka yang menganggap hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud tadi mengkhususkan umum pada hadith lain, maka tidaklah menjadi tegahan sekiranya mereka membilang zikir dengan jari-jari tangan kanan sahaja, walaupun kedua-kedua keadaan tadi ada keistimewaannya.

Di antara keistimewaannya:

- a. Keadaan yang Pertama: Mempunyai saksi yang banyak.
- b. Keadaan kedua: Afdhal menggunakan tangan kanan.

Tetapi ianya bukanlah alasan untuk ta'assub dengan satu keadaan dan menganggap yang keduanya bid'ah, tetapi seorang itu berhak untuk membilang tasbeih samada dengan kedua tangannya atau tangan kanan sahaja.

16. HUKUM MEMAKAI PAKAIAN YANG LABUH

Soalan:

Apakah hukum memakai pakaian yang labuh bagi lelaki?

Jawapan:

Hukum memakai pakaian bagi lelaki adalah seperti berikut:

1. Sunat sampai ke paras separuh betis.

Ini berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Ibnu Umar ra. katanya: "Aku melintasi Rasulullah SAW, dan kain sarungku sedikit labuh, lalu baginda menegur. "Wahai Abdullah, angkat kain kamu itu." Akupun mengangkatnya, bahkan sentiasalah aku memeliharanya selepas daripada itu. Sebahagian bertanya: "Sampai di paras mana? Jawabnya: "Di paras separuh lutut."

Hukum ini sepatutnya disamakan kepada semua bentuk pakaian selain daripada kain seperti seluar panjang atau jubah. Kita tidak patut mengkhususkannya kepada satu jenis pakaian sahaja tanpa mengaitkannya dengan yang lain. Hadith tadi menyebut mengenai kain sarung kerana ia adalah pakaian yang umum dipakai oleh masyarakat Arab ketika itu sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Jarir At-Tabari.

Yang peliknya, apa yang kita selalu lihat ialah sebahagian memakai jubah yang singkat sampai ke paras separuh betis, tetapi membiarkan seluar panjangnya labuh sehingga ke bawah buku lali. Sesiapa yang ingin untuk mempraktikkan sunnah berhubung dengan cara berpakaian, maka hendaklah dia meratakan hukum yang disebut dalam hadith tadi kepada semua bentuk pakaian seperti kain sarung dan segala pakaian yang menggantikan kain sarung. Kerana Syu'bah bertanya kepada Muharib yang mendengar hadith tadi daripada Ibnu Umar tadi seperti berikut: Syu'bah: Adakah dia (Ibnu Umar) hanya mengkhususkan kain sarung? Muharib: Dia tidak mengkhususkan kain sarung dan jubah.

2. Harus sampai ke paras buku lali.

Ini disebabkan tidak terdapat nas yang melarangnya pada had ini. Demikian juga sekiranya dilabuhkan sehingga ke bawah buku lali kerana sakit atau luka atau keperluan yang lain.

3. Tegahan yang haram.

Iaitu sekiranya dilabuhkan pakaian sehingga ke bawah buku lali dan dengan niat untuk membangga diri. Kerana keadaan seperti ini pernah wujud tiga puluh tahun lebih kurang sebelum zaman kita ini yang mana di antara sindrom untuk bertakabbur dan membangga diri, ketua-ketua qabilah Arab melabuhkan hujung pakaian mereka sehasta atau kurang sehingga ia melerek ke tanah. Ada kalanya mereka menugaskan seorang supaya mengikut di belakang mereka untuk mengangkat pakaian mereka itu sekiranya terdapat air atau kekotoran.

Tegahan ini berdasar dalil daripada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar ra. katanya: “Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ جَرَّ ثَوْبَهُ مَخِيلَةً لَمْ يَنْظُرُ اللَّهُ عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Ertinya:

“Sesiapa yang melabuhkan pakaiannya kerana berbangga-bangga, nescaya Allah tidak akan memandangnya pada hari qiamat.”

4. Tegahan yang makruh.

Iaitu pakaian yang labuh ke bawah buku lali tetapi bukanlah dengan niat takabbur atau berbangga-bangga, kerana Saidina Abu Bakar As-Siddiq tatkala beliau mendengar hadith Rasulullah SAW yang baru berlalu tadi, beliau bertanya: “Ya Rasulullah, *sesungguhnya di antara bucu kainku melabuh tetapi ia bukanlah disengajakan. Baginda menjawab: “Kamu bukanlah di kalangan yang melakukannya dalam keadaan untuk bertakabbur.” Dalam satu riwayat: “Kamu bukanlah daripada kalangan mereka.”*

Demikian juga, makruh hukumnya sekiranya ditakutkan pakaiannya terkena najis tanpa disedari atau diyakininya, kerana Allah Taala berfirman:

وَيَا بَكَ فَطَهِّرْ

Ertinya:

“Pakaian kamu hendaklah dibersihkannya.”

(Al-Muddasthir: 4)

Menurut setengah ahli tafsir,” iaitu dengan cara memendekkannya (menyingkatkannya) sehingga ia tidak terkena najis.” (Lihat: Syarah Sahih Muslim: 14/60-64, Fath al-Bari: 10/254-264)

17. MENYAPU KE ATAS DUA STOKIN

Soalan:

Pernah berlaku pertengkaran sengit berhubung dengan hukum menyapu ke atas stokin bulu atau kapas atau yang dibikin dengan campuran bahan nylon, adakah diharuskan menyapu ke atasnya (ketika berwudhuk)? Kami mengharapkan satu penjelasan berdasarkan pendapat yang benar dan dalil sekiranya ada?

Jawapan:

Dibolehkan menyapu ke atas stokin ketika berwudhuk. Ini adalah pendapat yang dipegang oleh kebanyakan 'ahl al ilmu'. Di antara mereka ialah Umar, Ali, Ibnu Mas'ud, Al-Bara, Anas, Abu Umamah, Abu Hanifah, Ibnu Al-Mubarak, Ahmad, Ishaq dan ia juga pendapat yang kemukakan oleh Imam As Syafi'i sekiranya stokin itu bertapak di bawahnya. (Al-Mughni. 1/294)

Mereka berpandukan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Al-Mughirah bin Syu'bah katanya:

"Rasulullah SAW pernah berwudhuk dan menyapu ke atas dua stokin dan capal." Hadith ini diriwayatkan oleh At-Tarmizi dan menurutnya: "Ia adalah hadith hasan sahih." (Sunan At-Tirmizi: 1/867)

Tetapi mereka menetapkan dua syarat yang wajib ada sepertimana syarat pada dua khuf, kerana kedua stokin mengambil tempat kedua khuf.

Kedua syarat itu adalah seperti berikut:

1. Kedua-dua stokin itu mestilah tebal sehingga ia tidak menampakkan kulit kaki.
2. Kedua-keduanya boleh digunakan untuk berjalan sejauh satu batu tanpa tercarik atau terbakar.

Kedua-dua sifat itu ada pada stokin yang ditenun daripada

bulu asli atau daripada jenis yang tidak menampakkan kulit kaki dan tidak dirasai kelembapan tangan yang basah ketika menyapu ke atasnya.

Oleh itu, pendapat yang membolehkan menyapu ke atas kedua stokin secara mutlak, walaupun ia daripada jenis yang nipis seperti yang dihasilkan daripada nylon dengan berhujahkan bahawa ia disebut secara mutlak di dalam hadith tadi, tidak dapat diterima.

Kerana dalam hal ini, patut dilihat kepada suasana pendapat yang membolehkan menyapu ke atas kedua stokin ini timbul dan suasana yang menyebabkan syariat mengenai perkara ini berlaku yang mana tidak terdapat jenis stokin ketika itu melainkan yang tebal.

Manakala stokin daripada jenis yang nipis ini baru sahaja diwujudkan, dan ia tidak lebih daripada 30 tahun. Sebab itu, disebut bahawa stokin yang dipakai oleh Rasulullah SAW dan baginda menyapu ke atasnya adalah daripada jenis yang tebal, dan bukannya daripada jenis nylon yang baru dihasilkan dan nipis yang menampakkan kulit atau sebahagiannya atau terasa kelembapan tangan ketika menyapu ke atasnya.

18. CARA MELETAK TANGAN KETIKA BERDIRI BETUL DI DALAM SOLAT

Soalan:

Terdapat setengah yang bersolat melepaskan kedua tangan mereka di rusuk mereka, setengahnya meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri di bawah pusat, setengah yang lain meletakkan di atas dada dan tangan kanan disampaikan ke pergelangan tangan kiri, dan setengah yang lain meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri dan diserongkan sedikit sehingga ke sebelah hati sehingga siku kirinya terhulur ke belakang, dan adakalanya perlakuan seperti itu menjejaskan dada seorang yang lain yang bersolat bersamanya sehingga terpesong dari qiblat? Di antara

keadaan-keadaan tersebut, yang manakah yang disebut di dalam sunnah?

Jawapan:

Pertama

Melepaskan kedua tangan di sebelah rusuk ialah pendapat yang dikemukakan oleh Ibnu Zubair, Hasan Al-Basri, Ibrahim An Nakhaei, Laith bin Saad dan salah satu pendapat daripada Imam Malik yang diriwayatkan melalui Ibnu Al-Qasim dan ia dikira pendapat yang paling masyhur di kalangan ulama Mazhab Maliki.

Mereka berpandukan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud daripada Jabir bin Sumrah katanya: *“Rasululullah SAW pernah keluar untuk menemui kami, lalu baginda bersabda.” Kenapa aku lihat kamu mengangkat tangan-tangan kamu seperti ekor-ekor kuda, bertenanglah ketika dalam solat.”*

Hujah di atas disangkal kerana mengangkat tangan bukan bererti meletakkannya. Kalau itulah yang Rasulullah maksudkan, ia dikhususkan dengan hadith-hadith yang akan disebut nanti.

Mereka juga berhujah bahawa Rasulullah SAW tidak pernah mengajar seorang badwi yang tidak sempurna solatnya mengenai perkara itu.

Disangkal bahawa Rasulullah hanya mengajar perkara-perkara yang wajib dan rukun tanpa menyentuh mengenai sunat-sunat hai'at, sedangkan meletakkan tangan itu hanya sunat hai'at.

Mereka juga berpendapat bahawa meletakkan tangan boleh menjejaskan khushyuk yang diperintahkan ketika solat.

Alasan di atas ini mungkin boleh disangkal dengan hujah

bahawa: Meletakkan tangan lebih menegah daripada bermain-main dan lebih dekat kepada khususnya.

Kedua

Meletakkan tangan kanan di atas siku tangan kiri. Cara ini tidak terdapat nas atau dalil mengenainya. Manakala meletakkan tapak tangan kanan di atas tangan kiri di atas dada dan di bawah leher adalah satu pendapat yang diriwayatkan daripada Saidina Ali dan Ibnu Abbas ra. kerana beliau mentafsirkan ayat Al-Quran:

(فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ) iaitu meletakkan kedua tangan kamu di leher.

Tafsiran ini bercanggah dengan apa yang dipegang oleh kebanyakan ahli tafsir, kerana yang dimaksudkan dengan 'nahr' ialah menyembelih unta pada hari raya qurban.

Maka, yang tinggal kepada kita ada dua keadaan iaitu:

1. Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri di bawah pusat.
2. Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri di atas pusat dan di bawah dada.

Kedua-dua cara tersebut memang disebut di dalam sunnah:

Cara yang pertama ini adalah pendapat yang dikemukakan oleh Saidina Ali, Abu Hurairah, Abu Hanifah, Sufian Ath Thauri, Ishaq bin Rahawaih, Abu Al-Hajjaz, Abu Ishaq Al-Marwazi (dari ulama mazhab Sya'fi) dan salah satu pendapat Imam Ahmad.

Mereka berdalilkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud daripada Saidina Ali ra. katanya: "Sesungguhnya termasuk daripada sunnah ketika solat, meletakkan tapak-tapak tangan di bawah pusat."

Di dalam sanadnya terdapat seorang perawi iaitu Abdul Rahman bin Ishak Al-Kufi, dianggap oleh Imam Ahmad sebagai seorang yang dhaif. Menurut Al-Bukhari mengenainya: "Padanya ada sesuatu (komen)." Menurut An-Nawawi: "Dia adalah seorang yang dhaif, tanpa khilaf lagi: Mereka juga berdalilkan dengan perlakuan Abu Hurairah ra. bahawa beliau: "meletakkan tapak tangan ke atas tangan di bawah pusat." Tetapi di dalam sanadnya juga Abdul Rahman bin Ishaq Al-Kufi.

Cara yang kedua pula adalah pendapat yang dikemukakan oleh majoriti fuqaha. Di antaranya ialah Imam Asy Syafei, salah satu pendapat Imam Ahmad dan satu pendapat Imam Malik yang tidak begitu masyhur.

Mereka berdalilkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Wail bin Hujur ra. katanya: *"Aku pernah melihat Nabi SAW bersolat. Baginda meletakkan kedua tangannya di atas dada, salah satunya di atas yang lain."* Yang dimaksudkan ialah meletakkannya di bawah dada dan di atas pusat." Hadith ini diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah dan mengesahkan kesahihannya. (Lihat: Al-Mughni: 1/472, Nail al-Authar: 2/200, Sahih Ibnu Khuzaimah: 1/243)

Jadi jelaslah daripada ini bahawa cara meletakkan kedua tangan di bawah leher di atas dada, dan cara kedua-kedua belah tapak tangan memegang kedua siku, dan cara kedua-dua tapak tangan di letakkan berbetulan dengan dada, tidak disebut di dalam sunnah.

19. CARA BERTIDUR KETIKA SOLAT

Soalan:

Bagaimanakah kedudukan kedua kaki seorang yang bersolat ketika mengerjakan solat? Bagaimanakah cara yang sepatutnya untuk menyempurnakan atau menyamakan saf-saf dan berdiri di sebelah orang lain ketika mengerjakan solat jamaah?

Jawapan:

Jarak di antara dua kaki sepatutnya tidak melebihi daripada kadar sejengkal, kerana sekiranya ia diletakkan daripada kadar tersebut akan menyebabkan wujudnya ruang di antara bahu seorang yang bersolat dengan seorang yang lain di sebelahnya, kerana jarak sejengkal itu dicampur dengan lebar kedua tapak kaki menyamai kedua belah bahu seorang manusia. Jadi, sekiranya jarak di antara kedua tapak kaki itu dibesarkan, maka akan wujudlah ruang di dalam saf-saf solat.

Dalam hal ini, An-Nukman bin Basyir ra. menceritakan: *“Rasulullah apabila baginda menyamakan saf-saf kami seolah-olah baginda menyamakan bekas-bekas minuman sehingga baginda meyakini bahawa kami telahpun memahaminya. Pada suatu hari, baginda hendak mendirikan solat (sebagai imam) sehingga hampir-hampir baginda hendak mengangkat takbir, baginda terlihat seorang lelaki yang terkehadapan sedikit dadanya daripada saf, lalu baginda bersabda: “Wahai para hamba Allah, betulkanlah saf-saf kamu atau (kalau tidak) Allah akan memecah belahkan di antara diri-diri kamu.”* Hadith ini diriwayatkan oleh ‘Al-Jamaah’ dan di dalam hadith riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud terdapat tambahan: *“Lalu aku lihat lelaki itu merapatkan buku lalinya dengan buku lali sahabatnya, lututnya dengan lutut sahabatnya dan bahunya dengan bahu sahabatnya.”*

Daripada ini dapat difahami bahawa membesarkan bukaan kedua kaki melebihi daripada kadar sejengkal boleh menyebabkan berlaku ruang di antara bahu dengan bahu seorang lain yang bersolat di sebelahnya.

Dapat difahami juga bahawa ketika berdiri hendaklah dirapatkan buku lali dengan buku lali seorang yang lain, dan bukannya merapatkan anak jari kaki dengan anak jari kaki seorang

yang lain. Jadi, apa yang kita lihat pada hari ini iaitu merapatkan anak jari kaki dengan anak jari kaki seorang yang lain sebenar tidak disebut di dalam sunnah.

Begitu juga merapatkan kedua-dua kakinya ketika berdiri juga bercanggah dengan sunnah, kerana ia boleh menyebabkan kesusahan untuk berdiri, kerana dengan membuka kedua kaki lebih memudahkan dia berdiri lebih lama. Wallahu a'lam. (Lihat: Nail al-Authar)

20. BERDIRI LAMA KETIKA BERSOLAT

Soalan:

Adakah patut bagi seorang imam memanjangkan bacaannya ketika qiyam (berdiri betul) dengan hujah bahawa Rasulullah membaca surah Al-Baqarah dan surah Ali Imran atau dengan hujah bahawa Rasulullah SAW membaca sampai dua ratus ayat ketika solat Subuh?

Jawapan:

1. Sekiranya seorang bersolat seorang diri, maka dia bebas untuk memanjangkan bacaan surah di dalam solat atau memendekkannya. Solat dengan lebih lama adalah lebih afdal terutamanya pada solat malam (qiamullail).
2. Sekiranya dia bersolat dalam satu jamaah yang terhad iaitu tidak berkemungkinan datangnya orang lain, dan ahli jamaah bersetuju untuk solat dengan lebih lama, maka tidaklah menjadi tegahan dengan memanjangkan solat kerana ahli jamaah bersetuju dengan itu.
3. Sekiranya dia menjadi imam pada satu jamaah yang tidak terhad, maka memanjangkan bacaan ketika solat adalah haram, kerana kemungkinan di kalangan ahli jamaah yang merasai tidak selesa dengan itu, mungkin kerana sakit, atau tua atau

sesuatu keperluan atau lemah berdiri, atau mungkin boleh menyebabkan orang lari daripada menunaikan solat berjamaah.

Ini berdasarkan dalil (hadith) yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan sanad yang sahih daripada Buraidah Al-Aslami menceritakan bahawa Muaz bin Jabal pernah bersolat (menjadi imam) bersama para sahabatnya iaitu solat Isyak. Beliau membaca surah (اِقْرَأِ السَّاعَةَ) di dalam solat tersebut, kemudian bangun seorang lelaki (dengan niat mufaraqah) menyempurnakan solatnya seorang diri, kemudian terus beredar. Selepas solat Muaz mengeluarkan kata-kata yang keras terhadapnya. Selepas itu lelaki tersebut terus menemui Nabi SAW dan meminta maaf kepada baginda (terhadap apa yang telah terjadi), dan berkata: “Sesungguhnya aku bekerja di ladang tamar dan aku takut berlaku sesuatu ke atas air. Lalu Rasulullah berkata kepada Muaz: “Solatlah dengan (membaca) surah (وَالشَّمْسُ وَضُحَاهَا), dan surah-surah yang seumpamanya (yang sama panjang).

Juga diriwayatkan daripada Anas bin Malik ra. katanya, Muaz bin Jabal pernah menjadi imam solat bersama kaumnya, kemudian Hiram masuk ke masjid sedangkan beliau juga bercadang untuk menyiram pokok tamarnya. Apabila beliau melihat Muaz memanjangkan bacaan, beliau mempercepatkan solatnya (seorang diri), dan terus menuju ke kebun tamarnya. Setelah Muaz selesai mengerjakan solat itu, diberitahu kepadanya mengenai lelaki tadi. Beliau berkata: “Sesungguhnya dia seorang munafiq, adakah patut dia mencepatkan solat kerana semata-mata hendak menyiram pohon tamar.”

Menurut Anas lagi: Kemudian Hiram pergi menemui Nabi SAW dan Muaz berada di sisi baginda, lalu berkata: “Wahai Nabi Allah, sebenarnya aku hendak menyiram pokok tamar kepunyaan

saya, kemudian saya masuk ke masjid (untuk bersolat jamaah) bersama orang ramai. Tatkala dia (Muaz) memanjangkan (bacaan), akupun mempercepatkan solat (dengan solat seorang diri), dan aku menuju ke kebun tamar untuk menyiramnya, lalu dia menganggapku seorang munafiq.” Lalu Rasulullah memaling ke arah Muaz, lalu bersabda: “Adakah engkau seorang yang membawa fitnah, adakah engkau seorang yang membawa fitnah, janganlah kamu memanjangkan (bacaan) ketika bersembahyang dengan mereka. Bacalah surah (اقْرَأْ بِسْمِ رَبِّكَ)

dan (وَالشَّمْسُ وَضُحَاهَا) atau seumpamanya (dari segi panjang ayat). Disebut di dalam sebahagian hadith yang diriwayatkan daripada Jabir bahawa surah yang dibaca oleh Muaz ialah surah Al-Baqarah dan solat adalah solat Isyak.

Terdapat sebuah hadith lain yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik daripada Nabi SAW sabdanya: “Sesungguhnya aku masuk untuk mengerjakan solat dan aku bercadang untuk memanjangkannya (bacaan), kemudian aku terdengar tangisan seorang kanak-kanak, maka akupun mempercepatkannya, kerana aku merasa betapa susahny hati ibunya terhadap tangisan itu.”

(Lihat: Nail al-Authar: 3/166, 176)

21. CARA UNTUK TURUN KE SUJUD

Soalan:

Apakah cara yang sepatutnya dilakukan oleh seorang yang bersolat ketika hendak turun ke sujud, adakah lebih baik diletakkan kedua lututnya terlebih dahulu, kemudian kedua tangannya atau sebaliknya?

Jawapan:

Ini juga di antara masalah yang sepatutnya tidak dijadikan bahan perbalahan, kerana yang dikehendaki ialah seorang hamba itu sujud kepada Tuhannya dengan apa cara sekalipun, tetapi perselisihan pendapat (di kalangan ulama) berlaku dari segi cara yang paling afdhal dan lebih disukai, bukannya dari segi adakah cara tersebut terdapat di dalam sunnah dan cara yang lain bid'ah, sepertimana yang berlaku pada sebahagian umat Islam.

Di atas dasar untuk menerangkan cara yang lebih afdhal, para fuqaha berselisih pendapat kepada dua golongan:

1. Iaitu meletakkan kedua lutut terlebih dahulu di atas bumi, kemudian kedua tangannya, kemudian dahi dan hidungnya. Inilah pendapat yang dikemukakan oleh jumhur fuqaha. Di antara mereka Umar ra. Muslim bin Yasar, An-Nakhaei, Ishaq, Abu Hanifah, Asy Syafei dan pendapat yang termasyhur daripada Imam Ahmad.
2. Meletakkan kedua tangannya, kemudian kedua lututnya. Iaitu pendapat yang dikemukakan oleh Imam Malik, pendapat yang kedua daripada Imam Ahmad, Al-Auzaei dan Ibnu Hazam.

Golongan yang pertama berhujah dengan berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud, An-Nasaei, At Tirmidzi daripada Wail bin Hujur ra. katanya:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ إِذَا سَجَدَ وَضَعَ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ، وَإِذَا نَهَضَ رَفَعَ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ

Ertinya:

"Aku pernah melihat Rasulullah SAW apabila hendak sujud, baginda meletakkan kedua lututnya sebelum kedua tangannya, dan apabila baginda hendak bangun, baginda mengangkat kedua tangannya sebelum kedua lututnya."

Dan sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Al-Hakim, Ad-Daruqutni dan Al-Baihaqi daripada Anas ra. yang maksudnya: *“Bahawa Rasulullah SAW turun (untuk sujud) dengan mengucapkan takbir, lalu kedua lututnya mendahului kedua tangannya.”* Namun begitu, kedua-dua golongan mengakui wujudnya kelemahan di dalam hadits ini.

Selain daripada itu, terdapat sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Abu Said Al-Khudri ra. katanya yang bermaksud: *“Kami (pada mulanya) meletakkan kedua tangan sebelum kedua lutut, kemudian kami diperintah (oleh Rasulullah SAW) meletakkan kedua lutut sebelum dua tangan.”*

Manakala golongan yang kedua pula berhujah dengan berpandukan hadits yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Imam Ahmad, An-Nasaie daripada Abu Hurairah ra. katanya: Rasulullah SAW telah bersabda:

إِذَا سَجَدَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَبْرُكْ كَمَا يَبْرُكُ الْبَعِيرُ، وَلْيَضَعْ يَدَيْهِ ثُمَّ رُكْبَتَيْهِ

Ertinya:

“Apabila salah seorang daripada kamu hendak sujud, maka janganlah kamu turun untuk duduk sebagaimana duduknya unta, letakkanlah kedua tangannya, kemudian barulah kedua lututnya.”

Sekiranya kita mengkaji dalil-dalil yang dikemukakan oleh kedua belah pihak, didapati kedua-duanya tidak terlepas daripada kelemahan (dhaif), tetapi kedua-dua golongan tetap mendakwa dalil masing-masing adalah lebih kuat.

Sebagai contoh, Al-Khattabi berpendapat, hadits yang diriwayatkan daripada Wail bin Hujur ra. adalah lebih kuat daripada hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah.

Manakala golongan yang kedua berpendapat hadith Abu Hurairah lebih kuat, kerana ia mempunyai 'syahid' iaitu hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. yang dikeluarkan oleh Ibnu Khuzaimah, bahkan disahkan dan disebut oleh Imam Al-Bukhari secara 'takliq' (tanpa disebut sanadnya) serta 'mauquf' (terhenti setakat sahabat ra), sepertimana dinyatakan oleh Al-Hafiz Ibnu Hajar di dalam Bulughu Al-Muram.

Mereka lebih menerimanya kerana hadith Abu Hurairah berbentuk arahan (kata-kata), manakala hadith Wail bin Hujur hanya perbuatan, sedangkan perbuatan Rasulullah SAW tidak boleh bercanggah dengan perkataannya yang dikhususkan untuk ummatnya. Bahkan hadith Abu Hurairah ra. mengandungi tegahan yang membawa maksud larangan dan larangan didahulukan daripada keharusan.

Golongan yang pertama menjawab berkenaan dengan hadith Abu Hurairah dengan beberapa jawapan, tetapi jawapan tersebut tidak terlepas juga daripada komentar.

Di antara jawapannya ialah:

- a. Hadith Abu Hurairah dimansuhkan dengan hadith Saad bin Abu Waqqas.
- b. Hadith tersebut juga, ditukar pada matannya oleh sebahagian para perawi hadith. Kemungkinan ia menyatakan: "Letakkanlah kedua lututnya sebelum kedua tangannya." Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah.

Ibnu Qayyim menjawab semula hujah di atas bahawa seandainya diletakkan kedua lututnya sebelum kedua tangannya, sudah tentu permulaan hadith bercanggah dengan hujungnya, kerana apabila diletakkan kedua tangan terlebih dahulu daripada kedua lutut, maka dia telah duduk sepertimana duduknya unta.

Manakala pendapat yang mengatakan kedua lutut unta terletak pada kedua tangannya (kedua kaki sebelah hadapan) bukan pada kedua kakinya (sebelah belakang), apabila ia hendak duduk, maka ia meletakkan kedua lututnya terlebih dahulu, dan inilah yang ditegah oleh Rasulullah SAW.

Ibnu Qayyim menjawab semula hujah tersebut dengan mengatakan: “Ini adalah pendapat yang salah, kerana unta apabila hendak duduk, ia akan meletakkan kedua tangannya sedangkan kedua kakinya dalam keadaan tegak, dan inilah yang ditegah. Dan pendapat yang mengatakan kedua lutut unta terletak pada kedua tangannya (kaki sebelah hadapan) adalah pendapat yang tidak pernah di ketengahkan oleh ahli bahasa...”

Hadith tadi juga terdapat percanggahan kerana adakalanya ia menyebut dengan didahului kedua tangan, dan pada riwayat yang lain mendahulukan kedua lutut.

Setelah dibentangkan kedua-dua pendapat tadi, saya merasai persoalan tadi bukanlah sesuatu yang penting sehingga mencetuskan perselisihan, kamu boleh memilih mana-mana cara tesebut untuk kamu turun bersujud, walaupun pada saya pendapat golongan yang pertama adalah lebih ‘rajih’ (kuat). Wallahu Muwaffiq (yang memberi taufiq). (Rujukan: Al-Mughni: 1/514, Nail al-Author: 2/281, Subul al-Salam: 1/178)

22. CARA BANGUN DARI SUJUD KE BERDIRI BETUL DI DALAM SOLAT

Soalan:

Yang manakah lebih afdhal: Adakah dengan cara seorang yang bersolat bangun dengan hujung jejari kakinya dibantu dengan kedua lututnya? Atau dengan bantuan kedua belah tangannya yang ditekan ke atas lantai?

Jawapan:

Ini juga adalah persoalan yang menjadi perselisihan pendapat

para fuqaha mengenainya iaitu dari sudut yang manakah lebih afdhal kepada dua pendapat iaitu:

Pendapat pertama

Yang afdhal ialah bangun untuk berdiri betul dengan perut jejari kaki dengan bantuan kedua lututnya, dan bukannya dengan bantuan lantai, samada bangun daripada sujud atau duduk istikharah atau daripada tahiyyat awal. Ini adalah pendapat yang dikemukakan oleh jumhur fuqaha.

Mereka berdalilkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh An-Nasai dan Abu Daud daripada Wail bin Hujur ra. katanya yang bermaksud: *“Aku melihat Rasulullah SAW apabila hendak sujud, baginda meletakkan kedua lututnya sebelum kedua tangannya, dan apabila baginda hendak bangun daripadanya, baginda mengangkat kedua tangannya sebelum kedua lututnya.”*

Juga dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Ibnu Umar ra. katanya: *“Rasulullah SAW pernah melarang seorang lelaki daripada bergantung (mengharapkan bantuan) dengan kedua tangannya ketika bangun (untuk berdiri betul) ketika bersolat.”*

Menurut Saidina Ali ra, sesungguhnya di antara sunnah ketika solat fardhu ialah seorang lelaki bangun pada dua rakaat yang pertama tanpa bergantung dengan kedua tangannya yang ditekan ke atas lantai, melainkan seorang yang telah tua dan tidak berdaya.”

Pendapat kedua

Iaitu pendapat yang dikemukakan oleh Imam Malik dan Imam Asy Syafei. Menurut mereka, yang afdhal ialah bergantung dengan bantuan kedua tangannya ketika bangun. Mereka berdalilkan bahawa Malik bin Huwairith ra. menceritakan berhubung dengan sifat solat yang dikerjakan oleh Rasulullah

SAW: “.. *tatkala baginda mengangkat kedua kepalanya daripada sujud yang kedua, baginda akan duduk, kemudian bergantung (dengan bantuan) lantai.*” Hadith ini diriwayatkan oleh An-Nasai. Kerana ia juga lebih membantu mereka yang bersolat.

Mungkin boleh disangkal hujah di atas dengan mengatakan bahawa keadaan tersebut berlaku ketika mana baginda telah tua dan lemah yang mana dapat diketahui bahawa baginda bersabda yang maksudnya: “Sesungguhnya aku telah lanjut umur, maka janganlah mendahului aku ketika rukuk dan sujud.” Sebab itu para ulama tidak seorangpun bercanggah pendapat sekiranya seorang yang sakit atau lemah atau gemuk atau telah tua bergantung dengan bantuan lantai ketika bangun untuk berdiri betul.

Jadi, ternyata daripada pembentangan ini bahawa pendapat jumhur fuqaha adalah lebih utama diamalkan. Wallahu a’lam.

23. MELETAKKAN KEDUA TAPAK TANGAN DI ATAS PAHA

Soalan:

Bagaimanakah caranya meletakkan kedua tapak tangan di atas kedua paha ketika tahiyat, dan bagaimana pula kedudukan jari-jarinya?

Jawapan:

Kedua tapak tangan diletakkan di atas kedua paha mengikut cara berikut:

1. Tapak tangan kiri dibuka jari-jarinya dan diletakkan di hujung paha yang mana hujung-hujung jari sama dengan lutut sebelah kiri. Ini tidak ada seorangpun yang mempertikaikannya.
2. Manakala tapak tangan kanan, terdapat banyak riwayat yang menyatakan cara meletakkannya. Yang paling menonjol ialah

dua sifat iaitu:

- a. Dibuka sepertimana tapak tangan kiri dan hujung-hujung jarinya selari dengan lutut kanan, melainkan jari telunjuk (di sebelah ibu jari) diangkat ketika menyebut di dalam tahiyat: (لا إله) dan diturunkan ketika menyebut: (إلا الله). Ini adalah pendapat Imam Abu Hanifah, kerana dengan cara ini hujung-hujung jari dikekalkan mengadap qiblat, dan ia juga adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Wail bin Hujur ra. dan Aishah ra. daripada Rasulullah SAW. Tetapi Imam Muhammad bin Hasan berpendapat bahawa sekiranya dia hendak menyebut kalimah syahadah, digenggamkan jari kelingking dan jari manis, manakala jari tengah dikenakan dengan ibu jari dan jari telunjuk diangkat sebagai isyarat ketika menyebut kalimah nafi (لا إله) dan diturunkan ketika kalimah ithbat (إلا الله), kemudian jari-jari tadi dibuka semula seperti asalnya.
- b. Iaitu pendapat yang dikemukakan oleh jumhur fuqaha bahawa jari kelingking, jari manis dan jari tengah digenggamkan, dan ibu jari dikenakan atau dirapatkan dengan jari telunjuk dalam keadaan jari telunjuk dibetulkan ke hadapan. Atau boleh juga sekiranya ibu jari dikenakan dengan jari tengah dan jari telunjuk dibetulkan. Sekiranya sampai masa untuk menurut dua kalimah syahadah diangkat jari telunjuk dan dikekalkannya terangkat sehinggalah memberi salam. Inilah yang dipersetujui oleh jumhur fuqaha.

Cuma mereka masih berselisih pendapat berkenaan dengan gerakan jari telunjuk, adakah ia digerakkan atau dikekalkan tanpa gerakan. Kebanyakan daripada mereka berpendapat bahawa ia tidak digerakkan. Dan ini juga adalah satu riwayat hadith yang diambil daripada Ibnu Zubair ra.

Manakala Imam Malik berpendapat bahawa jari tersebut digerakkan semenjak permulaan tahiyat sehinggalah salam, tetapi gerakan itu daripada kanan ke kiri dengan pergerakan yang sederhana di antara cepat dan perlahan. Tetapi terdapat riwayat di dalam kitab Al-Muwatta' menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan menggerakkannya ialah mengisyaratkan sahaja sepertimana cara yang diriwayatkan daripada Ibnu Zubair ra. Ini juga adalah bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW ketika baginda duduk (tahiyat) di dalam solat, baginda meletakkan tapak tangan kanan di atas pahanya yang kanan, dan digenggamkan jari-jarinya melainkan jari telunjuk dibetulkan (sebagai isyarat). Baginda meletakkan tapak tangan kirinya di atas paha kirinya. Beginilah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW."

Menurut Al-Baihaqi, yang dimaksudkan dengan riwayat yang menggerakkan jari telunjuk ialah mengisyaratkan sahaja, bukannya menggerakkannya berulang-ulang, supaya ia dapat diselaraskan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Zubair.

Kamu juga boleh mendapat maklumat yang lebih jelas pada jawapan terhadap persoalan selepas ini.

Jadi, jelaslah daripada ini bahawa seorang yang bersolat boleh memilih samada membuka tapak tangan kanan, atau menggenggamkannya dan mengisyaratkan dengan jari telunjuk, dan inilah pendapat yang terkuat. Kalau dia mahu, dia boleh menggerakkannya ke kanan atau ke kiri. Kerana semua ini diriwayatkan pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Pada masa yang sama janganlah dijadikan masalah yang kecil di dalam Islam ini sebagai bahan untuk bertelagah sesama muslim.

24. MENGERAKKAN ATAU MENGANGKAT JARI TELUNJUK KETIKA TAHIYYAT

Soalan:

Adakah diharuskan bagi seorang muslim menggerakkan jari telunjuknya ketika membaca tahiyyat? Adakah solatnya batal dengan menggerakkannya atau perbuatan tersebut termasuk salah satu sunnah Rasulullah SAW?

Jawapan:

Para fuqaha berselisih pendapat berhubung dengan masalah menggerakkan jari telunjuk ketika membaca tahiyyat;

Jumhur fuqaha berpendapat bahawa jari tersebut hanya diangkat sebagai isyarat dan ia tidak digerakkan, kerana berpandukan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Abdullah bin Zubair ra. bahawa Rasulullah SAW mengisyaratkan dengan jarinya dan tidak menggerakkannya.”

Manakala para fuqaha bermazhab Maliki berpendapat bahawa menggerakkannya secara berterusan daripada permulaan tahiyyat sehingga selesai adalah sunat. Pergerakan jari itu daripada kanan ke kiri, bukannya daripada atas ke bawah, dan pergerakan itu juga secara pertengahan di antara cepat dan lambat.

Mereka bersandarkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Wail bin Hujur ra. bahawa Rasulullah SAW meletakkan tapak tangannya yang kiri di atas paha dan lututnya yang kiri. Manakala hujung sikunya sebelah kanan diletakkan di atas pahanya yang kanan, kemudian baginda menggenggam jari-jari (tangan kanannya), lalu membentuk satu bulatan, kemudian mengangkat jarinya (telunjuk). Aku lihat baginda menggerakkannya dalam keadaan menyebut bacaan tahiyyat.”

Hikmah menggerakkannya ialah:

Ia boleh menghancurkan syaitan. Jari tersebut dijadikan pilihan, tidak jari-jari lain kerana pada jari tersebut ada satu urat yang bersambung dengan detikan hati. Maka setiap kali syaitan meletakkan muncungnya di atas hati, dia (syaitan) akan tersingkir dengan sebab pergerakan itu. Inilah yang diperkatakan oleh para fuqaha bermazhab Maliki. Tetapi Ibnu Rusyd yang juga salah seorang fuqaha bermazhab Maliki berbeza pula pendapatnya kerana beliau menyatakan di dalam kitabnya 'Bidayah Al-Mujtahid.' Para fuqaha berselisih pendapat berhubung dengan menggerakkan jari telunjuk ketika membaca tahiyat kerana terdapat 'athar' yang bercanggah pada masalah tersebut. Dan yang pastinya baginda SAW hanya mengisyaratkan sahaja.

Mengangkat jari sebagai isyarat itu adalah apa yang diriwayatkan oleh Imam Malik di dalam kitabnya 'Al-Muwatta' bahawa Rasulullah SAW apabila baginda duduk (tahiyat) ketika solat, baginda meletakkan tapak tangannya yang kanan di atas paha kanannya dan menggenggam ke semua jari-jarinya, dan mengisyaratkan dengan jari (telunjuk) yang di sebelah ibu jari, dan meletakkan tapak tangan kirinya di atas paha kirinya." Menurut Ibnu Umar, "Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW." Hadith ini diriwayatkan oleh Ibnu Umar daripada Rasulullah SAW.

Menurut Al-Baihaqi berkenaan dengan hadith yang diriwayatkan daripada Wail bin Hujur tadi: "Berkemungkinan bahawa yang dimaksudkan dengan 'menggerakkan jari itu' mengisyratkannya bukan menggerakkannya berkali-kali, supaya ia dapat diselaraskan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Zubair."

Namun, seorang yang menggerakkannya, tidak lagi membatalkan solatnya sekiranya pergerakan itu secara sederhana, dan tidak dikeji ke atas perbuatan tersebut, walaupun pendapat

yang kuat ialah tidak menggerakkannya, sepertimana yang kamu tahu berdasarkan dalil.”

(Rujukan: Bidayah al-Mujtahid: 1/99, Syarah ‘ala al-Muwattha: 1/183, Al-Mughni: 1/534, Al-Majmu’: 3/454)

25. HUKUM MENGGUNAKAN BIJI TASBIH

Soalan:

Adakah menggunakan biji tasbih dikira sebagai sesuatu yang bid’ah di dalam Islam atau ia sesuatu yang digalakkan oleh syarak?

Jawapan:

Membawa biji tasbih bukanlah satu ibadah, tetapi ia adalah sebahagian daripada adat. Tetapi membilang bacaan tasbih dan zikir dengan benda tersebut bukanlah sesuatu yang bid’ah, kerana Rasulullah SAW mengakui perlakuan seorang yang membilang bacaan tasbih dengan menggunakan anak batu atau biji tamar. Biji tasbih termasuklah dalam kategori benda-benda itu, bahkan ia lebih baik daripada yang lain kerana kebersihan, penjagaan dan tidak mencemarkan suasana. Oleh itu, membawanya dan menjadikannya sebagai alat untuk mengira bacaan zikir adalah lebih baik daripada menggunakan benda-benda yang terkena najis atau kekotoran.

Untuk kamu, saya ingin mengemukakan sebilangan dalil berhubung dengan masalah ini:

1. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud, At-Tirmidzi daripada Saad bin Abi Waqqas bahawa beliau pernah masuk bersama Rasulullah untuk menemui seorang wanita, dan di hadapan wanita tersebut biji-biji tamar atau anak-anak batu yang dia jadikan untuk membilang bacaan tasbih dengan benda tersebut, lalu Rasulullah SAW bersabda kepadanya: “Aku ingin memberitahu engkau sesuatu yang lebih mudah atau afdhal untuk kamu daripada benda itu? Iaitu kamu

mengucapkan:

سُبْحَانَ اللَّهِ عَدَدَ مَا خُلِقَ فِي السَّمَاءِ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ عَدَدَ مَا
خُلِقَ فِي الْأَرْضِ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ عَدَدَ مَا هُوَ خَالِقٌ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ
مِثْلَ ذَلِكَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مِثْلَ ذَلِكَ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مِثْلَ ذَلِكَ،
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ مِثْلَ ذَلِكَ

2. Sebuah hadits yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi daripada Safiyyah katanya: *"Rasulullah SAW pernah masuk untuk menemui ku dan di hadapan ku ada empat ribu biji-biji tamar yang aku gunakan untuk membilang tasbih dengannya, lalu baginda bersabda: "Engkau bertasbih dengan benda ini? Mahukah aku ajarkan kamu sesuatu yang lebih banyak daripada apa yang kamu jadikan untuk membilang tasbih dengannya? "Sofiah berkata: "Ajarkanlah daku." Maka Rasulullah menyambung: Ucapkanlah:*

سُبْحَانَ اللَّهِ عَدَدَ خَلْقِهِ

Yang boleh dijadikan dalil di sini ialah Rasulullah SAW tidakpun menegah perempuan tersebut daripada menggunakan biji-biji tamar itu untuk mengira tasbih, tetapi baginda hanya mengajar sesuatu yang lebih afdhal daripada itu. Sesuatu yang bukan afdhal, bukan semestinya ia dikira sebagai bid'ah.

3. Abu Sofiyah, seorang bekas hamba yang dibebaskan oleh Rasulullah SAW dihampar untuknya hamparan dan dibawakan kepadanya satu bekas yang berisi anak-anak batu, lalu dia bertasbih dengan menggunakan anak-anak batu itu sehingga ke tengahari, kemudian diangkat hamparan. Apabila dia mengerjakan solat (Zuhur), dibawakan semula, lalu dia

bertasbih dengannya sehinggalah ke petang.” Kisah ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam kitabnya ‘Az Zuhud’.

4. Ibnu Saad juga meriwayatkan di dalam kitabnya ‘At-Thabaqat’ bahawa Fatimah binti Husain bin Ali bin Abi Talib ra. pernah bertasbih dengan menggunakan benang yang disimpul padanya.
5. Imam Ahmad juga meriwayatkan di dalam kitabnya ‘Az Zuhud’ bahawa Abu Hurairah mempunyai seutas benang yang pada terdapat dua ribu simpulan. Beliau tidak tidur sehingga beliau bertasbih (sebanyak itu).

Athar-athar (kata-kata dan perlakuan sahabat) berhubung dengan masalah ini terlalu banyak. Tetapi ini sudah cukup untuk menyekat peluang supaya tidak menghukumkannya sebagai satu yang bid’ah.

26. BERDOA SELEPAS SOLAT FARDHU

Soalan:

Adakah berdoa selepas solat fardhu digalakkan di dalam syarak atau ia sesuatu yang bid’ah? Adakah ia boleh dibacakan secara lantang oleh salah seorang ahli jamaah supaya ia dapat diaminkan oleh mereka yang mendengar?

Jawapan:

Berdoa setiap kali selepas solat fardhu adalah digalakkan oleh syarak dan bukannya sesuatu yang bid’ah berdasarkan dalil-dalil berikut:

1. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Saad bin Abi Waqqas bahawa beliau mengajar anak-anaknya ungkapan doa berikut sebagaimana guru mengajar kanak-kanak menulis dan berkata: “Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah membaca doa berikut sebagai doa pelindung selepas

solat iaitu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ،
وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أَرُدَّ أَرْذَلَ الْعُمْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

Ertinya:

"Ya Allah, aku memohon dengan Engkau daripada sifat bakhil, dan aku memohon perlindungan dengan Engkau daripada sifat penakut, dan aku memohon perlindungan dengan Engkau daripada umur yang terlalu tua (nyanyok), dan aku memohon dengan Engkau daripada azab kubur."

Hadith ini diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dan mengakui kesahihannya.

2. Imam Ahmad dan Ibnu Majah meriwayatkan daripada Ummu Salamah ra. bahawa Rasulullah SAW pernah berdoa selepas solat Subuh selepas memberi salam:

اللهم إني أسألك علما نافعا ورزقا وعملا متقبلا

Ertinya:

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu ilmu yang berguna, rezeki yang baik dan amalan yang diterima."

3. At-Tirmidzi juga meriwayatkan daripada Abu Umamah ra. katanya: Rasulullah SAW pernah ditanya: "Apakah doa yang paling dimakbulkan? Baginda menjawab: "Doa di akhir penghujung malam dan selepas solat-solat fardhu." Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan sanad yang dhaif tetapi dikuatkan oleh beberapa hadith lain, maka hadith tersebut menjadi kuat dengan hadith-hadith itu.

4. Abu Daud dan An-Nasai mengeluarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Zaid bin Arqam katanya: “Rasulullah SAW mengucapkan setiap kali selepas solat fardhu:

اللهم ربنا رب كل شيء إنا نشهد إنك أنت الرب وحدك لا شريك لك، اللهم ربنا ورب كل شيء، أنا شهيد أن محمدا عبدك ورسولك، اللهم ربنا ورب كل شيء إن العباد كلهم اخوة، اللهم ربنا ورب كل شيء اجعلني مخلصا لك وأهلي في كل ساعة من الدنيا والآخرة يا ذا الجلال والإكرام، اسمع، استجب الله أكبر الأكر، اللهم نور السموات والأرض، الله أكبر الأكر حسبي ونعم الوكيل الله أكبر الأكر

Ertinya:

“Ya Allah Tuhan kami, Tuhan setiap sesuatu, sesungguhnya kami bersaksi bahawa Engkau adalah Tuhan yang Esa yang tidak ada sekutu bagiMu. Ya Allah, Engkaulah Tuhan kami dan Tuhan segala sesuatu, aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hambaMu dan rasulMu. Ya Allah, Tuhan kami dan Tuhan segala sesuatu, sesungguhnya para hamba kesemuanya adalah bersaudara. Ya Allah, Tuhan kami dan Tuhan segala sesuatu, jadikanlah diriku ini seorang yang ikhlas semata keranaMu, begitu juga ahli keluargaku pada setiap detik di dunia ini dan di Akhirat, wahai Yang Memiliki Kemuliaan dan Kemurahan, dengarkanlah dan perkenankanlah, wahai Allah Yang Maha Besar, ya Allah yang menerangi langit dan bumi, Allah Yang Maha Besar.”

Hadith ini walaupun dhaif tetapi matannya adalah 'hasan' kerana terdapat hadith-hadith lain yang menguatkannya.

5. Abu Daud dan At-Tirmidzi mengeluarkan sebuah hadith daripada Saidina Ali ra. katanya: "Rasulullah SAW mengucapkan apabila memberi salam ketika solat:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ مَا قَدَّمْتُ وَمَا اَخَّرْتُ، وَمَا اَسْرَرْتُ وَمَا اَعْلَنْتُ
وَمَا اَسْرَفْتُ، وَمَا اَنْتَ اَعْلَمُ بِهِ مِنِّيْ، اَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَاَنْتَ
الْمُؤَخِّرُ

Ertinya:

"Ya Allah, ampunilah daku dosa apa yang telah aku lakukan terdahulu, apa yang telah aku lakukan terkemudian, apa yang aku rahsiakan, apa yang aku lakukan secara terang-terangan, apa yang aku lakukan secara berlebihan dan apa yang Engkau lebih mengetahui daripadaku, Engkaulah Yang Awal dan Engkaulah Yang Akhir."

Hadith ini dikeluarkan oleh Abu Daud dan At-Tirmidzi.

6. Muslim meriwayatkan daripada Al- Barra' ra. bahawa Rasulullah SAW mengucapkan selepas solat:

رَبِّ قَنِيْ عَذَابَكَ يَوْمَ تُبْعَثُ عِبَادَكَ

Ertinya:

"Wahai Tuhan, peliharalah daku daripada azabMu pada hari dibangkitkan sekalian hambaMu."

(Riwayat Muslim)

7. Imam Ahmad dan At-Tabrani meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW mengucapkan selepas solat lima waktu:

اَللّٰهُمَّ اَصْلِحْ لِيْ دِيْنِيْ وَوَسَّعْ لِيْ فِيْ دَارِيْ وَبَارِكْ لِيْ فِيْ رَزْقِيْ

Ertinya:

“Ya Allah, perelokkanlah untukku pengamalan agamaku, lapangkanlah (hatiku) di dalam rumahku, berkatilah untukku pada rezekiku.”

Malah hadith-hadith dan athar-athar yang menyatakan persoalan ini terlalu banyak. Ia disebut sebahagian daripadanya oleh Ibnu Qayyim di dalam kitabnya: *Zad al Ma’ad*. (2/106)

27. DOA SECARA BERJAMAAH

Doa dari seorang selepas bersolat berjamaah kemudian diaminkan oleh ahli jamaah yang lain yang mendengarnya juga tidak boleh dianggap sesuatu yang bid’ah kerana telah thabit bahawa Hubaib bin Maslamah Al-Fihry salah seorang yang mustajab doanya bahawa beliau pernah memimpin satu gerombolan tentera, lalu beliau menyusun pertahanan. Tatkala bertemu dengan musuh, beliau berkata kepada para tenteranya: “Aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

Tidak berkumpul satu kumpulan, lalu salah seorang berdoa dan diaminkan oleh baki yang lain melainkan Allah akan menyahutnya (memakbulkannya,) lalu beliau mengucapkan tahmid dan pujian kepada Allah dan berdoa: Ya Allah, peliharalah darah-darah kami dan jadikanlah pahala kami seperti pahala syuhada’. Tatkala mereka dalam keadaan tersebut, tiba-tiba datang ketua tentera musuh (menyerah diri), lalu masuk menemui Hubaid di kubu pertahanannya. Kisah ini diriwayatkan oleh Tabrani.

Menurut Al-Hafiz Al-Haithami di dalam *Majma’ Az Zawaid* (5/109), para perawi yang meriwayatkan hadith adalah para perawi yang meriwayatkan di dalam hadith sahih melainkan Ibnu Lahi’ah seorang yang dhaif (dalam meriwayatkan hadith).

Walaupun taraf hadith di atas dhaif, ia boleh diamalkan kerana perkara tersebut termasuk di dalam ‘fadhail al a’ mal’, dan tidak

harus menyifatkan perlakuan tersebut sebagai bid'ah atau pelaku sebagai 'mubtade' (pencetus bid'ah).

28. MENYAPU MUKA DENGAN KEDUA TAPAK TANGAN SELEPAS MEMBACA AL-FATIAH ATAUDOA

Soalan:

Apakah hukum menyapu kedua tapak tangan ke muka selepas membaca surah Al-Fatihah? Demikian juga selepas selesai berdoa, kerana kami pernah terbaca satu fatwa yang mengatakan bahawa perbuatan menyapu tersebut adalah satu yang bid'ah kerana tidak terdapat athar yang menyebutnya. Kami pernah membaca fatwa Syeikh Al-Albani bahawa perkara tersebut adalah bid'ah dan hadith yang bermaksud: Apabila kamu selesai berdoa, maka sapukanlah tapak tangan ke muka kamu..." adalah sebuah hadith yang dhaif walaupun ia diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, kerana salah seorang perawi iaitu Abdullah bin Ishak Al Qarzi seorang lelaki yang diragui, dan kami mendapati satu pendapat Syeikh 'Iz bin Abdus Salam: Tidak menyapunya melainkan seorang yang jahil." Aku harap diungkapkan kemusykilan ini yang telah mencetuskan satu pertengkaran di kalangan para pemuda di tempat kami, semoga Allah membalas kamu dengan sebaik-baik balasan.

Jawapan:

Menyapu muka dengan kedua tapak tangan selepas berdoa, bukanlah sesuatu yang bid'ah bahkan ia disebut di dalam sunnah dan terdapat di dalam sebilangan hadith yang diriwayatkan melalui beberapa jalan.

Di antara ialah:

Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Ibnu Abbas ra. katanya: Rasulullah SAW pernah bersabda:

سَلُّوا اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ بِيْطُوْنٍ اَكْفِكُمْ وَلَا تَسْأَلُوْهُ بِظُهُوْرَهَا، فَاِذَا
فَرَعْتُمْ فَاَمْسَحُوْا بِهَا وَجْهَكُمْ

Ertinya:

“Mohonlah kepada Allah dengan tapak tangan kamu dan jangan kamu memohonnya dengan belakang tangan kamu. Apabila kamu selesai berdoa, maka sapulah ia ke muka kamu.”

Di antaranya juga ialah sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang bermaksud: *“Apabila kamu berdoa kepada Allah, maka berdoalah dengan menadah kedua tapak tangan kamu, dan janganlah kamu berdoa dengan menadah belakang tangan. Kemudian apabila kamu selesai, maka sapulah kedua tangan itu ke muka kamu.”*

Selain itu terdapat sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi daripada Ibnu Umar ra. katanya: *“Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya:*

“Sesungguhnya Tuhan kamu yang Maha Hidup lagi Maha Pemurah malu sekiranya ada seorang hambaNya mengangkat tangan (untuk berdoa), untuk ditolaknya dalam keadaan kosong tanpa apa-apa kebaikan padanya. Maka sekiranya kamu hendak berdoa, ucapkanlah:

(يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ) sebanyak tiga kali. Apabila hendak meletakkan kedua tangannya, maka sudahilah kebaikan itu ke mukanya.” Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi ada menyebutkan: *“Apabila kamu menadah kedua tangan kamu ketika berdoa, maka janganlah kamu meletakkannya sehinggalah kamu menyapukannya ke muka kamu.”*

Namun riwayat-riwayat yang telah kami sebut tadi, setiap

sanadnya tidak terlepas daripada dhaif, tetapi dhaif yang berlaku pada sanad tidak semestinya menyebabkan dhaif pada matannya, kerana matan akan menjadi kuat sekiranya ia diriwayatkan melalui beberapa sanad, walaupun setiap sanadnya dhaif. Tetapi jika ia digabungkan kepada sanad-sanad yang lain, ia akan menaikkan taraf hadith tersebut daripada taraf 'dhaif' ke taraf 'hasan li ghairihi.' Begitu juga sekiranya ia mempunyai 'syahid' sepertimana yang dinyatakan pada permulaan buku ini.

Dalam hal ini, Al-Hafiz Ibnu Hajar membuat satu ulasan berhubung dengan hadith yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi daripada Ibnu Umar tadi. Menurutnyanya: "Hadith itu diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dan mempunyai beberapa 'syahid'; di antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Ibnu Abbas dan lain-lain. Sekiranya digabungkan kesemuanya, akan menyebabkan hadith itu naik ke taraf 'hasan.'" (Lihat: *As Shan'ani: Subul as Salam*: 4/19)

Oleh itu, pandangan yang dikeluarkan oleh Al-Albani sepertimana kelazimannya yang mengatakan mengangkat tangan ketika doa adalah bid'ah adalah tidak benar, kerana bid'ah ialah sesuatu yang baru diwujudkan yang tidak pernah diriwayatkannya daripada Nabi SAW, dan tidak disebut di dalam Al-Quran, atau ijma' atau qias bahkan tidak termasuk di dalam mana-mana kaedah-kaedah am yang terdapat di dalam Islam. Kerana sesuatu yang baru diwujudkan itu, sekiranya ia termasuk di dalam mana-mana kaedah yang terdapat dalam syariat, maka tidak boleh dihukumkannya sebagai sesuatu yang bid'ah. Apatah lagi sekiranya ia disebut oleh beberapa buah hadith.

Seandainya kesemua hadith-hadith diterima sebagai hadith-hadith dhaif, ia juga masih tidak boleh dihukumkannya sebagai bid'ah kerana hadith-hadith dhaif boleh dijadikan sandaran pada 'fadhail al a'mal', melainkan kita tidak boleh menghubungkannya secara terus kepada Rasulullah sepertimana yang telah dinyatakan

sebelum ini. Kamu juga telahpun mengetahui bagaimana untuk menaikkan taraf hadith dhaif ke taraf 'hasan' mengikut kaedah-kaedah yang telah digariskan oleh para ahli hadith.

Saya juga suka menyatakan kepada saudara yang bertanya bahawa Al-Albani mempunyai kemahiran di dalam bidang hadith sahaja, dan beliau bukanlah seorang yang pakar dalam bidang feqh. Jadi sekiranya kita hendak meminta satu-satu fatwa, ambillah daripada para fuqaha. Peranan seorang ahli hadith ialah membuat penilaian terhadap hadith sahaja, kemudian menyerahkan kepada para fuqaha kerana merekalah yang pakar yang dapat menilai adakah hukum boleh diambil daripada hadith itu atau tidak?

Kaulah Al-Albani meneruskan kerjanya dalam bidang ilmu hadith tanpa mencampuri urusan dalam persoalan-persoalan feqh, nescaya dia akan dapat menyumbangkan satu jasa yang besar, tetapi beliau telah memasuki ke satu bidang yang bukan sepatutnya.

Berbalik kepada persoalan dan kita tanya kepada mereka yang menghukum menyapu tapak tangan ke muka selepas doa sebagai sesuatu yang bid'ah: "Adakah kita berdoa dengan menadah kedua tapak tangan atau tidak? Dan adakah kita mengucapkan: "Ya Hayyu Ya Qayyum." Sebanyak tiga kali? Tanpa syak lagi dia akan menjawab: "Ya, kami berdoa dengan menadah kedua tapak tangan kami, dan kami mengucapkan doa tersebut." Kita tanya kembali kepadanya: "Kenapa pula kamu beramal dengan hadith dhaif yang menyatakan berdoa dengan menadah kedua tapak tangan dan membaca doa tersebut, dan tidak pula kamu mengatakannya sebagai bid'ah, tetapi yang kamu hukum sebagai bid'ah hanya pada menyapu tapak tangan ke muka, sedangkan kesemua perkara tadi disebut di dalam satu hadith? Di manakah alasan perbezaan ini?"

29. MENGANGKAT TANGAN KETIKA MEMBACA SURAH AL-FATIHAH

Soalan:

Adakah diharuskan mengangkat tangan ketika membaca surah Al-Fatihah dan menyapukan kedua tapak tangan itu ke muka selepas selesai membacanya? Adakah menadah kedua tapak tangan itu dikhususkan ketika berdoa sahaja? Adakah perkara itu juga boleh dilakukan ketika membaca ayat Al-Kursi selepas solat Isyak?

Jawapan:

Menadah kedua tapak tangan ketika membaca surah Al-Fatihah adalah harus, kerana surah Al-Fatihah mengandungi doa di dalamnya, iaitu ketika kita membaca:

اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ.

Disunatkan menadah kedua tapak tangan ketika berdoa. Manakala ayat Al-Kursi, tidak dimestikan mengangkat tangan ketika membacanya, kerana ia bukanlah satu doa, walaupun ia dibaca untuk mendapat berkat, pendinding dan penawar.

Manakala menyapu kedua tapak tangan selepas selesai membaca Al-Fatihah dan ayat Al-Kursi, tidaklah menjadi tegahan, kerana ternyata di dalam hadith bahawa kedua-kedua tadi adalah jampian untuk tujuan penyembuhan dari penyakit. Malah Rasulullah SAW sendiri, apabila membaca sesuatu daripada ayat-ayat Al-Quran dengan niat berjampi, baginda akan menghembus ke kedua tapak tangannya, kemudian menyapunya ke mukanya.

Di antaranya, sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Aishah ra. katanya: "Rasulullah SAW ketika baginda hendak tidur di katilnya, baginda menghembus kedua tapak tangannya selepas membaca:

قل هو الله أحد قل أعوذ برب الفلق قل أعوذ
 برب الناس ...

Kemudian menyapu ke mukanya dan ke tempat yang dapat dicapai oleh tangannya di badannya. *Aishah menyambung: "Apabila baginda jatuh sakit, baginda menyuruh ku melakukan seperti tadi untuk dirinya."* Kemudian Al-Bukhari berkata: "Yunus berkata: "Aku pernah melihat Ibnu Syihab melakukan seperti itu ketika beliau hendak tidur."

Diriwayatkan juga bahawa Saidatina Aishah berkata sepertimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari: *"Ketika Rasulullah SAW ditimpa sakit yang berat, akulah yang menghembus selepas membaca surah-surah tadi, dan aku menyapunya dengan menggunakan tangan baginda sendiri kerana keberkatannya."*

Di samping itu, surah Al-Fatihah sepertimana yang telah kami perkatakan tadi bahawa ia mengandungi doa di dalamnya, dan menyapu kedua tapak tangan ke muka selepas berdoa adalah digalakkan oleh syarak. Ini terbukti dengan perlakuan Rasulullah SAW yang diriwayatkan melalui beberapa sanad yang dhaif, tetapi hadith yang menyatakan mengenai menyapu tangan ke muka itu sekiranya digabungkan di antara satu sama lain, maka ia naik ke taraf 'hasan' dan boleh dijadikan dalil. (Lihat: Fath al-Bari (Syarah Sahih Al- Bukhari: 7/26)

30. MEMBACA QUNUT DALAM SOLAT SUBUH

Soalan:

Adakah membaca doa qunut di dalam solat Subuh sesuatu yang dianjurkan oleh syarak atau ia adalah satu yang bid'ah?

Jawapan:

Sekiranya qunut dibaca dengan sebab musibah yang menimpa umat Islam atau diri yang bersolat itu sendiri, maka para ulama bersepakat mengatakan ia adalah dianjurkan oleh syarak.

Sekiranya bukan kerana musibah yang menimpa, maka dalam hal ini para ulama mempunyai beberapa pandangan seperti berikut:

Pertama

Pendapat yang dikemukakan oleh para imam besar seperti Malik, Asy Syafei, Ibnu Abi Laila, Hasan bin Soleh, Abu Ishaq Al-Ghazali, Abu Bakar bin Muhammad, Hakam bin Utaibah, Hammad, Ahli Hijaz, Al Auza'ei, kebanyakan ahli Syam, malah menurut An-Nawawi di dalam 'Majmu'. "Ia adalah pendapat yang dipegang oleh kebanyakan ulama salaf dan generasi selepas daripada mereka bahawa doa qunut disunatkan pada solat Subuh setiap hari."

Mereka berdalilkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Anas bin Malik ra. katanya: "*Sentiāsalah Rasulullah SAW berqunut pada solat Subuh sehinggalah baginda wafat.*" Diriwayatkan juga bahawa Saidina Umar membaca doa qunut pada solat Subuh di hadapan para sahabat dan selainnya. Berkenaan dengan hadith yang diriwayatkan daripada Anas ini, menurut Al-Haithami, "Para perawinya adalah dipercayai." Menurut An-Nawawi, ia diriwayatkan oleh sekumpulan 'huffaz' (ahli hadith) dan mengakui kesahihannya. Kesahihan itu dinyatakan oleh Al-Hafiz Al-Balkhi, Al-Hakim, Al-Baihaqi, dan ia juga diriwayatkan oleh Ad-Daruqutni melalui beberapa jalan dengan sanad yang sahih.

Kedua

Iaitu pendapat yang dikemukakan oleh Ibnu Abbas, Ibnu Mas'ud, Ibnu Umar, Abu Ad Darda, Ath-Thauri, Ibnu Al-Mubarak, Abu Ishaq dan para pengikutnya, Imam Ahmad dan

Abu Hanifah bahawa qunut bukanlah dianjurkan oleh syarak melainkan pada ketika waktu menerima mala petaka. Mereka ini berdalilkan dengan sebilangan dalil, di antaranya:

1. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah ra. bahawa Nabi SAW pernah berqunut sebulan berdoa ke atas satu puak daripada puak-puak Arab, kemudian meninggalkannya.”
2. Hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. bahawa Nabi SAW tidak melakukan doa qunut pada solat Subuh melainkan apabila berdoa untuk satu kaum (doa kebaikan) atau berdoa ke atas satu kaum (doa keburukan).

Manakala hadith yang diriwayatkan daripada Anas ra. yang dijadikan dalil oleh golongan yang pertama adalah hadith yang sahih, maka mereka mentakwilnya dengan mengatakan: Yang dimaksudkan dengan ‘qunut’ dalam hadith itu ialah berdiri yang lama, kerana ia juga dinamakan ‘qunut’.

Bagi saya, hadith itu tidak perlu ditakwil selagi makna sebenar bagi qunut iaitu ‘doa’ tidak ditegah di sini, kerana membawa lafaz tersebut kepada makna hakikat (zahir) sekiranya tidak ada sesuatu yang menegahnya adalah lebih utama daripada mentakwilnya.

Mereka juga mentakwil qunut yang dilakukan oleh Saidina Umar sebagai ‘qunut nazilah’ (ketika kegawatan atau musibah).

Pada hemat ku, kalaulah yang dilakukan oleh beliau itu adalah qunut nazilah, nescaya beliau akan melakukan pada solat-solat waktu yang lain juga, dan beliau tidak akan melakukannya setakat solat Subuh sahaja, sepertimana yang dianjurkan oleh syariat, atau beliau akan melakukannya juga pada solat Maghrib sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika ditimpa musibah.

Pada masa yang sama, tidak diharuskan menghukumkannya sebagai satu yang bid’ah, dan seorang yang melakukan doa qunut

bukanlah ‘mubtadei’ (pembawa bid’ah). Jadi, sesiapa yang hendak berqunut, silalah melakukannya, dan sesiapa yang hendak meninggalkannya tidaklah menjadi kesalahan. Sebagai tambahan, apakah salahnya jika qunut dilakukan lebih-lebih lagi pada zaman kita ini penuh dengan musibah dan kecelakaan yang menimpa umat Islam? Jadi di atas alasan apakah lagi penolakan dan penyesatan terhadap perkara tersebut? (Rujukan: Al-Munghni: 1/155, Al-Fath Al-Rabbani: 3/303, Fath al-Bari: 3/303, Zad al-Ma’ad: 1/144).

31. MALAM NISFU SYABAN

Soalan:

“Adakah berqiamullail (bangun malam) pada malam Nisfu Sya’ban dan berpuasa pada siang harinya dikira sebagai sesuatu yang bid’ah atau ia dianjurkan oleh syarak?”

Jawapan:

Melakukan qiamullail pada malam nisfu Sya’ban adalah satu perkara yang digalakkan oleh syarak. Terdapat banyak hadith yang sahih yang menyatakan perkara ini. Kami akan menyebut sebahagian daripadanya seperti berikut:

1. Hadith yang diriwayatkan oleh At-Tabrani dan Ibnu Hibban di dalam sahihnya daripada Muaz bin Jabal ra. daripada Nabi SAW sabdanya:

“Allah melihat kepada setiap makhluknya pada malam Nisfu Sya’ban, lalu Dia mengampuni sekalian makhlukNya melainkan musyrik dan lelaki yang berseteru.”

2. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Aishah ra. katanya: *“Aku pernah ditinggalkan Nabi SAW pada suatu malam, lalu aku keluar untuk mencarinya. Pada waktu itu baginda sedang berada di Bage’ dalam keadaan kepala mendongak ke langit, lalu baginda bertanya: “Wahai Aishah, adakah kamu takut sekiranya Allah memurkai kami dan juga*

RasulNya? Aku menjawab: “Itulah yang Aku tidak mahu, tetapi Aku sangka kamu pergi ke rumah isteri-isterimu yang lain..” Lalu baginda bersabda: “Sesungguhnya Allah turun (menurunkan rahmat) ke langit dunia pada malam Nisfu Sya’ban, lalu dia mengampuni hamba-hambanya lebih ramai daripada bilangan bulu-bulu kambing ...”

Ini jelas bahawa pendapat yang mengatakan “tidak terdapat hadith yang sahih dalam masalah ini” boleh dipertikaikan, kerana seorang yang menghafal hadith tersebut menjadi hujah kepada mereka yang tidak menghafalnya.

Manakala berpuasa pada hari Nisfu Sya’ban, terdapat sebuah hadith yang sanadnya dhaif yang menyatakan mengenai masalah ini, iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Saidina Ali ra. katanya: “Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila menjelang malam Nisfu Sya’ban, maka bangunklah menghidupkan malamnya, dan berpuasalah pada sianginya, kerana Allah Taala turun pada malam tersebut menjelangny gelincir matahari ke langit dunia, lalu Dia menyeru: “Tiadakah seorang yang memohon keampunan, nescaya Aku mengampuninya. “Tiadakah seorang yang meminta rezeki, nescaya Aku memberi rezeki kepadanya. Tiadakah seorang yang sakit, nescaya Aku menyembuhkannya. Sehingga lah terbit fajar.”

Tetapi di kalangan perawi hadith ini terdapat seorang yang dikenali dengan ‘Ibnu Abi Sabrah’ yang dihukumkan oleh Imam Ahmad dan Yahya Ibnu Maein sebagai ‘pemalsu hadith’. Melainkan matannya menjadi kuat dengan perkara-perkara berikut:

1. Melakukan qiamullail memang dinyatakan oleh hadith-hadith yang sahih sepertimana yang dinyatakan sebelum ini.
2. Manakala berpuasa pula, walaupun sanad hadith tadi terdapat

kelemahan tetapi ia dikuatkan dan dikira termasuk di dalam syariat kerana hari Nisfu Sya'ban itu termasuk di antara "hari-hari putih" (ayyam al baiydh- hari-hari yang terdapat bulan padanya) dan tidak ada seorang pun yang berbeza pendapat berhubung dengan galakan berpuasa pada hari-hari tersebut. Ia juga boleh dianggap sebagai hari-hari dalam bulan Sya'ban yang ternyata melalui hadith anjuran berpuasa pada bulan Sya'ban. Iaitu sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Aishah ra. katanya yang bermaksud: *"Rasulullah SAW apabila berpuasa sehinggakan kami menganggapnya tidak pernah berbuka, dan apabila baginda tidak berpuasa sehingga kami menganggapnya tidak pernah berpuasa. Aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW berpuasa penuh pada sebulan melainkan pada bulan Ramadan, dan aku tidak melihat baginda lebih banyak berpuasa (daripada bulan-bulan lain selain Ramadan) melainkan pada bulan Sya'ban."*

Dan sebuah hadith lain yang diriwayatkan daripada Abi Salamah daripada Aishah ra. bahawa beliau pernah menceritakan: *"Rasulullah SAW tidak pernah berpuasa pada sebulan lebih banyak daripada bulan Sya'ban, bahkan baginda pernah berpuasa sebulan penuh pada bulan tersebut, dan baginda bersabda: "Ambillah daripada amalan yang kamu mampu melakukannya. Sesungguhnya Allah tidak jemu (untuk memberi pahala) melainkan setelah kamu jemu. Dan solat (solat sunat) yang paling disukai oleh Rasulullah SAW ialah solat yang dilakukan secara berterusan walaupun ia sedikit, dan baginda apabila mengerjakan satu solat sunat, baginda akan melakukannya secara berterusan."*

Dan sebuah hadith lain yang daripada Umran ra. daripada Rasulullah SAW bahawa baginda pernah bertanya:

هَلْ صُمْتُ مِنْ سُرَرِ شَعْبَانَ؟

Adakah kamu berpuasa pada permulaan atau penghujung bulan Sya'ban? Umran menjawab: "Tidak, wahai Rasulullah." Sabdanya: "Sekiranya kamu tidak berpuasa, maka puasalah selama dua hari." Perkataan (سر) seperti yang tersebut di dalam hadith di atas, adakalanya bermaksud: awal bulan atau penghujungnya kerana pada waktu tersebut bulan tidak kelihatan. Tetapi bagi Abu Daud dan lain-lain, ia bermaksud pertengahan bulan kerana (سر) juga bermaksud 'pusat'. Pusat sesuatu perkara ialah pertengahannya. Ini menguatkan bahawa hari-hari tersebut ialah 'ayyam al baiydh.'

Manakala hadith yang menyatakan larangan melakukan puasa selepas pertengahan bulan Sya'ban iaitu hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah yang bermaksud:

"Apabila pertengahan bulan Sya'ban, janganlah kamu berpuasa."

Hadith ini diriwayatkan oleh sebilangan penyusun kitab-kitab hadith dan diperakui kesahihannya oleh Ibnu Hibban dan lain-lain. Tetapi hadith ini boleh dijawab berhubung dengan hukum padanya seperti berikut:

1. Apabila disebut Nisfu Sya'ban, ia bererti hari yang kelima belas dan ia masih dikira termasuk dalam pertengahan yang pertama dalam bulan Sya'ban. Sedangkan pertengahan yang kedua bermula pada hari yang keenam belas.
2. Hadith ini didapati bercanggah dengan hadith-hadith lain yang sahih yang menggalakkan berpuasa pada sebulan penuh pada bulan Sya'ban.
3. Hadith ini dihukum sebagai hadith yang dhaif oleh Imam Ahmad dan Ibnu Ma'ein, malah mereka menganggapnya sebagai 'hadith mungkar'. Selain mereka berdua, hadith tersebut juga dianggap dhaif oleh Al-Baihaqi dan At-Thahawi

dan mereka lebih mengutamakan hadith yang menyatakan keharusan daripada hadith larangan. Ibnu Rejab juga mendhaifkan hadith yang menyatakan larangan tadi.

4. Seandainya hadith tersebut memang sahih, ia boleh ditujukan bagi mereka yang lemah iaitu sekiranya mereka berpuasa pada pertengahan bulan Sya'ban akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk meneruskan puasa pada bulan Ramadan. Atau ditujukan kepada mereka yang tidak berpuasa sebelum pertengahan bulan, kemudian mereka sengaja hendak berpuasa selepas pertengahan bulan. (Rujukan: Fath al-Bari: 4/129, 231, Sunan Ibnu Majah: 1/444).

32. HUKUM SEORANG YANG MENINGGALKAN SOLAT DAN PERKAHWINANNYA

Soalan:

Adakah seorang yang meninggalkan solat boleh dianggap sebagai kafir, atau dia hanya seorang yang 'ashi (derhaka)? Sekiranya dia menjadi kafir, bagaimana pula kedudukan anak-anaknya, adakah mereka boleh dianggap sebagai anak zina? Adakah akad nikah seorang yang meninggalkan solat terbatal?

Jawapan:

Seorang yang meninggalkan solat dalam keadaan mengingkari kewajibannya, maka dia jatuh kafir sepertimana yang diputuskan oleh ijma' ulama. Dia diarahkan supaya bertaubat. Sekiranya dia kembali mengakui kewajibannya dan mengerjakan solat, maka dia terselamat. Sekiranya dia tetap enggan, maka dia hendaklah dibunuh kerana kekafiran. Setelah itu dia tidak boleh dimandikan, disolatkan ke atasnya dan dikebumikan secara Islam.

Sekiranya seorang itu meninggalkan solat kerana malas atau sibuk, para ulama berselisih pendapat dalam masalah ini:

Menurut Imam Ahmad pada salah satu pendapatnya, seorang

yang meninggalkan solat dengan alasan itu tetap jatuh kafir dan hukumnya sepertiilah hukum mereka yang mengingkari kewajibannya. Dia diarahkan bertaubat selama tiga hari. Sekiranya dia kembali bersolat, maka terlepas daripada hukuman. Sekiranya dia enggan, maka dia boleh dibunuh kerana kafir.

Beliau mengemukakan beberapa dalil untuk menguatkan pendapatnya itu. Yang paling jelas ialah sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa Nabi SAW bersabda:

بَيْنَ الْعَبْدِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

Ertinya:

“Persamaan di antara seorang hamba dengan kekufuran ialah meninggalkan solat.”

Pada riwayat yang lain menyebutkan:

بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ تَرْكُ الصَّلَاةِ، فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

Ertinya:

“Perbezaan di antara kita dengan mereka (orang-orang kafir) ialah meninggalkan solat. Maka sesiapa yang meninggalkan solat, sesungguhnya dia telah menjadi kafir.”

Jadi, dalam hadith tadi menyebut lafaz ‘kafir’ secara mutlak ke atas sesiapa yang meninggalkan solat.

Manakala majoriti fuqaha berpendapat bahawa seorang yang meninggal solat menjadi fasiq dan dia diarahkan bertaubat. Sekiranya dia mengerjakan solat, maka dia terselamat. Tetapi sekiranya dia tetap enggan, maka dia boleh dihukum bunuh dengan pedang sepertimana yang dikemukakan oleh Imam Malik, Hammad, Waqei’ dan As Syafei. Hukum bunuh di sini ialah sebagai salah satu hukum hudud dan sebagai pembersihan (dosa) untuknya. Sebab itu, dia tetap dimandikan, disolatkan ke atasnya dan dikebumikan di perkuburan umat Islam.

Manakala Az-Zuhri dan Abu Hanifah pula berpendapat, seorang yang meninggalkan solat hendaklah dipenjarakan dan dirotan sehinggalah dia mahu mengerjakan solat, tetapi dia tidak boleh dibunuh.

Pendapat yang mengatakan, seorang yang meninggalkan solat menjadi fasiq dan belum lagi menjadi kafir adalah juga salah satu pendapat Imam Ahmad yang lain, dan pendapat ini dipersetujui oleh Abu Abdullah Ibnu Batthah dan mengingkari pendapat yang mengatakan seorang yang meninggalkan solat menjadi kafir. Menurut Ibnu Qudamah di dalam Al-Mughni: "Ia adalah pendapat yang paling tepat."

Para ulama golongan ini berdalilkan dengan beberapa hadith Rasulullah SAW di antaranya:

إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَى النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَبْتَغِيْ بِذَلِكَ
وَجْهَ اللَّهِ

Ertinya:

"Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas api neraka daripada sesiapa yang mengucapkan: La ila ha illallah yang mengharapkan semata-mata Zat Allah."

Rasulullah SAW bersabda:

يَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَكَانَ فِي قَلْبِهِ مِنَ
الْخَيْرِ مَا يَزِنُ الْبُرَّةَ

Ertinya:

"Akan keluar daripada neraka sesiapa yang mengucapkan: La ilaha illallah, sedangkan kebaikan yang ada di dalam hatinya hanyalah seberat biji gandum."

Rasulullah SAW juga bersabda:

حَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعَبْدِ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ، فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يُضَيِّعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتَحْقَاقًا بِحَقِّهِنَّ كَانَ لَهُ عَهْدٌ عِنْدَ اللَّهِ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ، وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ، إِنْ شَاءَ عَذْبُهُ وَإِنْ شَاءَ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ.

Ertinya:

Solat lima waktu yang diwajibkan oleh Allah ke atas hambaNya pada siang dan malam. Maka sesiapa yang mengerjakannya tanpa meninggalkan sedikitpun daripadanya serta meremeh-remehkan haknya, maka untuknya satu janji daripada Allah bahawa akan dimasukkannya ke dalam syurga. Dan sesiapa yang tidak mengerjakannya, maka dia tidak mendapat apa-apa janji di sisi Allah. Sekiranya Allah mengkehendaki, akan diazabkannya, atau dimasukkannya ke dalam syurga.”

Kalaulah seorang yang meninggalkan solat itu benar-benar menjadi kafir, kenapa pula Allah memasukkannya di dalam kehendakNya? Bukankah lebih patut dimasukkan ke dalam neraka, tidak yang lain?

Mereka juga menyangkal hujah yang dikemukakan oleh golongan yang pertama seperti berikut:

Kebanyakan hadith-hadith itu didatangkan dengan menggunakan ungkapan untuk tujuan membesarkan perkara itu dan penyerupaan dengan orang-orang kafir, bukannya bermaksud kafir yang hakiki, atau menjadi kafir kerana menghalalkan peninggalan solat. Kerana adakalanya Rasulullah menggunakan kalimah ‘kufur’ ke atas beberapa perkara, tetapi baginda bukanlah bermaksud kufur yang terkeluar daripada agama tetapi kufur nikmat. Rasulullah SAW pernah menyatakan bahawa:

“Aku melihat kebanyakan ahli neraka terdiri daripada wanita.” Kemudian baginda ditanya apakah sebabnya. Baginda menjawab: Mereka kufur.” Ditanya lagi: “Ya Rasulullah, adakah mereka kufur dengan Allah? Jawabnya: “Mereka kufur dengan suami mereka.” Yakni kufur dengan nikmat suami. Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

“Mencaci seorang muslim fasiq, dan membunuhnya adalah kufur.”

Sedangkan membunuh sesama muslim, sekiranya bukan dengan niat menghalalkannya, tidak lagi jatuh kafir, kerana Allah menyifatkan di dalam Al-Quran dua golongan yang berperang atau berbunuh-bunuhan dengan panggilan “orang-orang yang beriman” iaitu pada FimanNya:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلَحُوا بَيْنَهُمَا

Ertinya:

“Sekiranya dua golongan daripada “orang-orang yang beriman” berbunuh-bunuhan, maka damaikanlah di antara keduanya ...”

(Al-Hujurat: 9)

Jadi Allah memanggil mereka sebagai ‘orang-orang yang beriman’, walaupun mereka telah melakukan pembunuhan.

Pendapat yang mengatakan seorang yang meninggalkan solat menjadi kafir secara mutlak ini adalah pendapat yang merbahaya dan boleh menimbulkan satu kemudharatan ke atas masyarakat. Oleh sebab itu, Ibnu Qudamah Al-Hambali berpendapat di dalam kitabnya Al-Mughni (2/446-447): “Kami tidak mengetahui pada zaman-zaman tertentu bahawa mereka yang meninggalkan solat tidak dimandikan, disolatkan dan dikebumikan di perkuburan umat Islam. Tidak pernah dihalang pewarisnya menerima harta pusaka daripadanya dan tidak pula dia ditegah daripada menerima

harta pusaka daripada orang lain. Dan tidak juga dipisahkan di antara suami isteri kerana salah seorangnya seorang yang tidak mengerjakan solat.

Sekiranya mereka seorang kafir, nescaya dijalankan kesemua hukum tersebut. Kami juga tidak mengetahui seorompok di kalangan umat Islam yang berbeza pendapat berhubung dengan hukum seorang yang meninggalkan solat wajib mengqadha solatnya (yang ditinggalkannya). Sekiranya dia seorang yang murtad, maka dia tidak wajib mengqadha solat atau puasa...”

Berdasarkan ini, dibuat kesimpulan bahawa akad nikah masih lagi sah sekiranya salah seorang daripada suami isteri tidak bersolat, dan anak-anak mereka bukanlah anak-anak zina, tetapi para wali diingatkan supaya tidak mengahwinkan anak-anak perempuan mereka atau saudara-saudara perempuan mereka melainkan dengan lelaki-lelaki yang memiliki keelokan dari segi agama dan takwanya. Kerana itu lebih selamat, lebih berhati-hati dan lebih ke arah melaksanakan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sekiranya kamu didatangi oleh seorang yang kamu redhai agamanya dan akhlaknya, maka kahwinilah dia. Sekiranya kamu tidak melakukannya, akan menyebabkan fitnah di atas muka bumi dan kerosakan yang besar...”

33. QADHA SOLAT YANG LUPUT

Soalan:

Sekiranya seorang muslim meninggalkan solat kerana terlupa atau malas, adakah dia wajib mengqadhanya?

Jawapan:

Sekiranya solat yang terluput itu dengan sebab lupa atau tertidur, maka wajib diqadha tanpa ada seorompok di kalangan ulama yang berbeza pendapat pada masalah ini. Ini berasaskan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan

Muslim daripada Anas ra. bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ نَسِيَ صَلَاةً فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا لَا كَفَّارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكَ

Ertinya:

“Sesiapa yang terlupa untuk mengerjakan sembahyang, maka hendaklah dikerjakannya apabila dia teringat. Tidak ada kaffarat (yang menghapuskan dosanya) untuknya melainkan dengan itu (dengan mengqadhanya).”

Dalam sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh Muslim ada menyatakan yang maksudnya: *“Apabila salah seorang daripada kamu tidur sehingga terluput solat, atau terlupa, maka kerjakanlah ia apabila teringat, kerana Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Kerjakan solat untuk mengingatiKu.”*

Manakala solat yang ditinggalkan secara sengaja atau kerana malas, majoriti ulama berpendapat bahawa ia wajib diqadha berdasarkan hadith di atas juga. Kerana bagi mereka, sekiranya seorang yang terluput solat dengan sebab tertidur atau terlupa dan seorang muslim dikira tidak berdosa dengan demikian. Di samping itu, dia tetap wajib mengqadha solatnya, dan tidak ada kaffarah melainkan qadha. Maka seorang yang meninggalkannya secara sengaja adalah lebih patut mengqadhanya.

Selain itu, mereka juga berdalilkan dengan qias kepada puasa. Sekiranya puasa yang terluput wajib diqadhakannya tanpa khilaf lagi, sedangkan kedudukannya lebih rendah daripada solat, maka mengqadha solat adalah lebih patut, kerana Rasulullah SAW pernah menyatakan berhubung dengan hukum puasa dan haji adakah ia wajib diqadha. Lalu baginda menjawab: *“Hutang kepada Allah adalah lebih patut ditunaikan.”* Jadi solat adalah hutang kepada Allah yang paling penting.

Sebahagian ulama lain pula berpendapat bahawa solat yang

terluput tidak diwajibkan qadha. Mereka berasaskan dengan beberapa buah hadith yang hanya menyentuh mengenai hukum seorang yang lupa atau tidur. Oleh itu, seorang yang meninggalkannya secara sengaja, qadha tidak mendatangkan faedah apa-apa untuknya, bahkan dia akan mendapat azab di akhirat. Malah sepertimana yang dikemukakan oleh Imam Ahmad bahawa seorang yang meninggalkan solat menjadi kafir dan dia dikira kembali menjadi Islam apabila mengerjakan solat semula. Manakala solat yang terluput, dia tidak diarahkan mengqadhanya kerana Islam menghapuskan apa yang sebelumnya (sebelum Islam).

Tetapi setelah diteliti di antara kedua-dua golongan ini, dibuat kesimpulan bahawa pandangan yang dikemukakan oleh majoriti ulama adalah lebih tepat. Wallahu a'lam. (Rujukan: Al-Mughni: 2/107, Al-Majmu': 3/68-71)

34. SOLAT DI PERKUBURAN ATAU DI DALAM MASJID YANG TERDAPAT KUBUR PADANYA

Soalan:

Apakah hukum mengerjakan solat di perkuburan? Bagaimana pula bersolat di masjid yang terdapat kubur di dalamnya?

Jawapan:

Sebelum kami menyatakan hukum bersolat di perkuburan dan di masjid yang terdapat kubur padanya, terlebih dahulu patut kita membezakan di antara solat di masjid yang terdapat kubur padanya dengan solat di perkuburan dan solat mengadap ke arah kubur.

1. **Bersolat di perkuburan.** Iaitu apabila seorang yang ingin bersolat berdiri di antara perkuburan dan mengerjakan solat di situ, atau mendapati di tengah-tengah kawasan kubur terdapat satu tempat atau bilik dan sebagainya, lalu dia bersolat di situ.

Ianya tidak termasuk dalam kategori ini sekiranya perkuburan itu adalah satu kawasan yang luas, dan padanya terdapat satu kawasan yang tidak dijadikan kubur atau tidak dikebumikan mayat padanya. Demikian juga Ibnu Qudamah mengecualikan sekiranya satu tempat terdapat sebuah kubur atau dua, kerana ia tidak dinamakan 'tanah perkuburan'.

2. **Bersolat di masjid yang terdapat kubur padanya.** Iaitu dibina masjid dan di sebelahnya atau pada halamannya atau satu bahagian daripadanya terdapat kubur. Ini juga tidak dinamakan perkuburan, dan larangan hanya disebut pada perkuburan sahaja.
3. **Solat Mengadap Ke Arah Kubur.** Iaitu menjadikan kubur di hadapannya, lalu dia sengaja bersujud kepada kubur itu atau sujud kepadanya tanpa sengaja. Ini saya akan membahaskannya pada satu tajuk secara berasingan.

A. Hukum Solat Di Perkuburan

Para ulama berselisih pendapat berhubung dengan hukum ini seperti berikut:

1. Haram

Hukumnya sama samada kubur itu digali semula atau tidak digali, walaupun dihampar sesuatu di atas kubur itu lalu bersolat di atas hamparan itu, dan samada perkuburan umat Islam atau orang-orang kafir.

Pendapat ini dikemukakan oleh Imam Ahmad. Di kalangan sahabat yang berpendapat seperti ini ialah Saidina Umar, Ali, Abu Hurairah, Anas, Ibnu Abbas. Manakala di kalangan tabi'ain: Ibrahim An Nakhaei, Nafei' bin Jubair bin Mut'eim, Thawus, Amru bin Dinar, Khaithamah dan lain-lain. Pendapat ini juga dipegang oleh Al-Mansur Billah dan Al Hadawiyah. Berasaskan pendapat ini, solat dikira batal, kerana larangan itu bererti rosaknya

solat.

Mereka berdalilkan dengan beberapa buah hadith. Di antaranya hadith yang diriwayatkan daripada Abu Said daripada Nabi SAW bersabda:

“Bumi keseluruhannya boleh dijadikan masjid (tempat bersolat) melainkan perkuburan dan tandas.”

(Diriwayatkan oleh ‘Al-Khamsah’ kecuali An Nasai)

Di antaranya juga ialah sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. katanya: Rasulullah SAW ada bersabda yang bermaksud:

“Kerjakanlah di antara solat kamu (solat sunat) di rumah-rumah kamu, dan jangan kamu jadikananya seperti kubur.”

(Diriwayatkan oleh ‘Al Jamakah’ kecuali Ibnu Majah)

Baginda memperumpamakan kubur sebagai tempat yang tidak dikerjakan solat padanya. Maka difahamkan daripada ini bahawa kubur bukanlah tempat untuk dikerjakan solat.

2. Haram

Sekiranya kubur itu digali atau dibongkar semula. Pendapat ini dikemukakan oleh Imam As Syafei, Al-Bukhari, Abu Al-Abbas, Imam Yahya dan Abu Talib. Iaitu ketika kubur itu tidak ada dinding dan makruh sekiranya terdapat dinding. Alasan mereka ialah: Perkuburan yang dibongkar itu, tanahnya telah bercampur dengan daging dan tulang orang-orang mati. Tidak diharuskan bersolat di situ kerana bernajis. Namun sekiranya dia bersolat di tempat yang bersih yang jauh daripada kubur yang digali semula itu, maka solatnya sah tetapi makruh.

3. Makruh samada kubur yang digali semula atau tidak

Iaitu pendapat yang dikemukakan oleh Abu Hanifah, Ath-Thauri, Al-Auzaei, salah satu pendapat Imam Ahmad. Ia juga dipersetujui

oleh Ar Rafei (di kalangan ulama bermazhab As-Syafei). Kerana mereka menafsirkan hadith-hadith yang menyatakan larangannya sepertimana yang dipegang oleh golongan yang pertama tadi kepada larangan yang berbentuk makruh (bukannya haram). Golongan ini juga berdalilkan dengan hadith yang menyebut secara umum yang bermaksud: *“Di mana sahaja masuknya waktu solat, maka hendaklah kamu mengerjakannya di situ, kerana ia adalah masjid (tempat solat).”*

(*Riwayat Al-Bukhari dan Muslim*)

4. Harus

Iaitu pendapat yang dikemukakan oleh Imam Malik dan pendapat Ibnu Umar ra. (dari kalangan sahabat). Pendapat ini berpandukan dengan hadith bahawa Rasulullah SAW pernah mengerjakan solat di atas kubur seorang wanita yang miskin yang berkulit hitam di kawasan perkuburan.” Pendapat ini adalah bercanggah dengan dalil-dalil yang menyatakan larangannya sepertimana yang telah dikemukakan tadi.

B. Hukum Solat Di Dalam Masjid Yang Terdapat Kubur Atau Di Selaunya Ada Kubur

Tidak terdapat satupun dalil yang menyatakan haram bersolat di masjid yang terdapat kubur, samada masjid itu dibina selepas adanya kubur atau wujud kubur selepas dibina masjid.

Oleh itu, hujah yang dikemukakan oleh segolongan yang menganggap solat di masjid yang terdapat kubur adalah tidak sah iaitu berdasarkan hadith-hadith yang melarang menjadi kubur-kubur sebagai masjid (tempat bersolat), boleh dipertikaikan.

Hadith-hadith itu seperti berikut:

Rasulullah SAW bersabda sebelum baginda wafat yang maksudnya:

“Sesungguhnya umat-umat sebelum kamu menjadikan kubur

para nabi dan orang-orang soleh di kalangan mereka sebagai masjid. Janganlah kamu menjadikan kubur-kubur sebagai masjid, sesungguhnya aku melarang kamu akan yang demikian.”

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Rasulullah SAW juga bersabda:

“Allah melaknat orang-orang Yahudi dan Nasrani kerana mereka menjadikan kubur-kubur para nabi mereka sebagai masjid (tempat untuk beribadat).”

Kedua-dua hadith tadi tidak kuat atau dijadikan sandaran untuk dijadikan dalil bahawa solat menjadi batal sekiranya dikerjakan di dalam masjid yang terdapat kubur padanya, kerana perkataan ‘masjid’ berkemungkinan bermaksud nama tempat, dan kemungkinan juga bermaksud kata terbitan. Tidak mungkin diterima sekiranya ditafsirkan dengan maksud yang pertama (iaitu nama tempat) kerana dua sebab iaitu:

1. Sekiranya dimaksudkan dengan nama tempat sudah tentu lafaz hadith akan menyebut: “Jangan kamu jadikan ‘di atas’ perkuburan sebagai masjid-masjid” atau “kerana mereka menjadikan di atas perkuburan nabi-nabi mereka sebagai masjid, sepertimana di dalam ayat Al-Quran:

لَنَتَّخِذَ عَلَيْهِمْ مَسْجِدًا

Ertinya:

“Sesungguhnya kami akan mendirikan masjid (tempat ibadah) di atas kubur mereka.”

(Al-Kahfi: 21)

2. Sekiranya bermaksud nama tempat di sini, maka sembahyang sepatutnya tetap dihukum sebagai sah dan tidak haram, kerana pada lafaz hadith yang pertama tadi melarang pembinaan masjid di atas kubur, dan hadith yang kedua melaknat mereka yang membina masjid di atas kubur. Jadi hukum haram dan

laknat itu dikenakan ke atas orang yang membinanya atau yang menjadikannya sebagai masjid, bukannya ke atas mereka yang bersolat, kerana dia tidaklah menjadikan tempat tersebut sebagai masjid tetapi orang lainlah yang menjadikannya. Oleh itu, lafaz 'masjid' hendaklah ditafsirkan sebagai kata terbitan iaitu maksud masjid di sini ialah tempat sujud. Iaitu janganlah dijadikan kubur-kubur untuk bersujud kepadanya atau menyembahnya atau mengagungkannya. Inilah yang akan kami huraikan pada bentuk yang seterusnya.

C. Bersolat Ke Arah Kubur

Iaitu bersolat mengadap ke arah kubur samada untuk menyembahnya atau menjadikannya sebagai kiblat sebagaimana Kaabah, maka inilah yang dimaksudkan pada kedua-dua hadith tadi dan sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh Muslim yang maksudnya: "*Janganlah kamu duduk di atas kubur, dan janganlah kamu bersolat ke arahnya.*"

Jadi, pada bentuk ini, sekiranya kubur dijadikan tempat sembah, maka perbuatan tersebut adalah syirik dan kufur. Sekiranya dia sengaja mengadap ke arah kubur, bukan untuk menyembahnya tetapi untuk bertabarruk (mengharap keberkatan), maka ini adalah satu dosa dan termasuk di dalam kejahatan. Sekiranya dia tidak berniat apa-apa seperti yang dinyatakan tadi, tetapi oleh kerana kubur memang sedia ada di hadapannya sebagai sebahagian daripada masjid dalam keadaan ianya mempunyai dinding sebagai sebuah binaan atau sebagainya, maka dia tidaklah dianggap berdosa dan solatnya tidak batal.

Sekiranya kita menghukum solat menjadi batal sepertimana yang dilakukan oleh segolongan umat Islam, nescaya kita telah menghukum setiap yang mengerjakan solat di Masjid Nabawi semenjak zaman Umar bin Abdul Aziz sehinggalah ke hari ini semuanya batal, kerana pada zaman Umar bin Abdul Aziz bermulanya perluasan masjid dengan memasukkan bilik-bilik para

isteri Rasulullah SAW dan termasuk di antaranya bilik Saidatina Aishah yang terdapat di dalamnya ketiga-tiga kubur sebagai sebahagian daripada perluasan masjid.

Para ahli hadith yang ulung, para mujtahid, para ulama dan orang-orang soleh telah mengerjakan solat di masjid tersebut, dan tidak seorangpun yang mengingkarinya. Sekiranya dikatakan bahawa masjid dibina terlebih dahulu sebelum dimasukkan kubur sebagai sebahagian daripadanya?

Ini boleh dijawab dengan dua bentuk jawapan:

1. Sekiranya 'illah' (sebab) yang membatalkan solat kerana terdapat kubur di dalam masjid, maka tidak ada bezanya di antara kewujudan kubur sebelum dibina masjid atau selepasnya.
2. Sekiranya dimasukkan bahagian tersebut ke dalam masjid, maka ia dikira sebagai sebahagian daripada masjid kerana perluasan masjid dikira sebagai masjid dan ia dijadikan tempat solat sebagaimana masjid asal. Oleh itu, tempat yang diperluaskan itu menepati apa yang dikatakan menjadikan kubur sebagai masjid. Tidak seorangpun yang menghukum solat menjadi batal sekiranya dikerjakan di tempat seperti ini atau pada bahagian masjid yang lain. Dakwaan pengecualiannya (pada Masjid Nabawi) perlu kepada dalil. (Rujukan: Mughni al-Muhtaj: 1/203, Nail al-Authar: 2/135-140, Al-Mughni: 2/67)

35. HUKUM BERSALAWAT SELEPAS AZAN

Soalan:

Apakah hukum bersalawat ke atas Nabi SAW selepas laungan azan? Adakah ia dikira sebagai satu yang bid'ah atau ia terdapat di dalam syariat? Sekiranya ia digalakkan oleh syarak, apakah hukum pula sekiranya ia disebut secara lantang? Yang manakah lebih afdhal di antara menyebutnya secara perlahan atau dikuatkan suara? Adakah dengan perlakuan itu dikira sebagai menambah

ke atas azan yang diperintah oleh syarak?

Jawapan:

Bersalawat selepas azan sememangnya digalakkan oleh syarak samada bagi muazzin (yang melaungkan azan) atau yang mendengarnya, kerana terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abdullah bin Amru bin Al-As bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Sekiranya kamu mendengar muazzin melaungkan azan, maka ucapkanlah sepertimana yang diucapkan oleh muazzin, kemudian bersalawatlah ke atas aku, kerana sesungguhnya sesiapa yang bersalawat ke atas aku sekali salawat, nescaya Allah akan bersalawat ke atasnya sepuluh kali, kemudian mohonlah ‘wasilah’ utukku, kerana ia adalah satu martabat di dalam syurga yang tidak layak melainkan hanya untuk seorang sahaja daripada hamba-hamba Allah, dan aku harapkan hamba tersebut ialah aku. Maka sesiapa yang mendoakan utukku akan ‘wasilah’ itu, nescaya dia akan mendapat syafaatku.”

Daripada hadith ini, jelaslah kepada kita bahawa salawat selepas azan disebut oleh sunnah dan bukannya satu yang bid'ah.

Mungkin ada yang menyangkal seperti katanya: Hadith tadi hanya menyatakan galakannya oleh syarak untuk yang mendengarnya, bukannya untuk muazzin.

Kami akan menjawab terhadap sangkalan tersebut melalui dua bentuk:

1. Muazzin juga tetap dikira sebagai ‘yang mendengar’ kerana dia mendengar azan yang dilaungkan oleh dirinya. Maka dia termasuk dalam kategori mereka yang dinyatakan dalam hadith: ‘Apabila kamu mendengar...’

2. Doa 'wasilah' tidak dianjurkan melainkan selepas azan dan ia tidak dianjurkan pada tempat yang lain selain daripada azan. Seorang yang mendoakannya akan mendapat satu hadiah yang bernilai iaitu memperolehi syafaat daripada Rasulullah SAW.

Berdasarkan daripada ini, kita tanya semula kepada yang menyangkal tadi: Adakah muazzin dianjurkan memohon doa 'wasilah' atau yang mendengarnya sahaja yang berdoa? Sekiranya dia menjawab, 'ya', maka kita tanya lagi: Doa 'wasilah' itu adalah hubung kata dengan salawat iaitu dengan menggunakan alat penghubung (ثم) yang bererti: "kemudian", jadi kenapa kamu mengharuskan doa "wasilah" sedangkan kamu melarang salawat, bukankah salah satunya adalah hubung kata dengan yang lain?

Sekiranya dia menjawab, doa "wasilah" tidak dianjurkan oleh syarak ke atas muazzin tetapi dikhususkan untuk yang mendengar azan sahaja. Maka kita jawab: Sekiranya itu, akan menyebabkan orang akan menjauhkan diri daripada melakukan azan dan menggalakkan untuk menjadi pendengar sahaja, kerana seorang muslim amat berharap untuk mendapat syafaat dengan sebab doa 'wasilah' itu. Jadi lebih baik dia menjadi pendengar supaya dia dapat berdoa daripada menjadi muazzin yang ditegah daripada melakukan doa.

Ini akan menyebabkan orang kurang gemar untuk melakukan azan dan mungkin azan akan ditinggalkan terus, tetapi ini tidak terjadi. Oleh itu, semestinya kita berpegang dengan hukum yang merangkumi muazzin dengan dikirakannya sebagai pendengar juga. Jika tidak, apakah dosanya muazzin sehingga dia ditegah untuk berdoa 'wasilah?' Adakah kerana dia seorang yang melaungkan azan dan bukannya yang mendengar?

Sekiranya disangkal lagi: Ia hanya digalakkan dalam keadaan perlahan, bukannya dengan lantang, kerana tidak pernah diketahui bahawa para muazzin pada zaman Rasulullah SAW atau pada

zaman sahabat melakukannya dengan suara yang lantang.

Kami akan menjawab: Tidak dilakukan sesuatu perbuatan pada zaman Rasulullah SAW atau pada zaman para sahabatnya tidak semestinya menjadi dalil bahawa ia ditegah, seterusnya menjadi dalil bahawa ia adalah haram dan perlakuannya dikira sebagai bid'ah. Sebaliknya, ia mungkin boleh diertikan bahawa peninggalan (tidak dilakukan) sesuatu amalan kerana ia 'aula' (utama) ditinggalkan. Selagi mana tidak terdapat larangan yang jelas yang menjadi dalil ke atas tegahan melakukannya secara lantang, maka pendapat yang melarangnya adalah kurang tepat.

Terdapat sesetengah para fuqaha yang terdahulu menghukumkan bid'ah ke atas perlakuan melantangkan salawat selepas azan. Kemungkinan mereka bermaksud bid'ah dari segi bahasa iaitu: Sesuatu yang baru diwujudkan, tetapi ia bukanlah sesuatu yang sesat.

Sekiranya dikatakan: Melakukannya secara perlahan adalah lebih afdhal daripada melaungkannya dengan lantang, kerana melakukannya dengan perlahan lebih ke arah mencontohi perlakuan salaf. Kami akan menjawab: 'Ya, mengikuti jejak langkah salaf adalah lebih afdhal, tetapi adakalanya yang tidak afdhal (pada asalnya) itu akan menjadi afdhal sekiranya perlakuan itu bersangkutpaut dengan maslahat kepada Islam.

Contohnya: Untuk meningkatkan penyiaran dan peringatan atau untuk menzahirkan seruan Islam ke setiap pelusuk setanding dengan seruan-seruan yang diharamkan dan yang mungkar, atau untuk meningkatkan syiar Islam. Di atas alasan inilah, Sultan Solehuddin Al-Ayubi memerintahkan agar salawat selepas azan dilaungkan dengan lantang, dan perkara itu berterusan sehinggalah ke hari ini.

Seandainya tidak terdapat dalil khas yang menyatakan salawat dilaungkan secara lantang selepas azan, maka dalil am yang

menggalakkan salawat ke atas Nabi SAW sudah cukup untuk dirangkumkan hukum dengan perlakuannya selepas azan, yang mana tidak terdapat satupun dalil yang mengkhususkannya atau yang menegahnyanya pada waktu-waktu tertentu.

Sekiranya ditanya: Bukankah dengan melakukan salawat itu beerti kita telah melakukan penambahan ke atas ibadah azan?

Jawapan kami: Penambahan dikategorikan kepada dua bentuk: Penambahan di dalam ibadah dan penambahan ke atas ibadah. Penambahan bentuk yang pertama adalah ditegah.

Manakala bentuk yang kedua (penambahan ke atas ibadah): Sekiranya ia dilakukan oleh seorang muslim dengan anggapan bahawa ibadah itu terdapat kekurangan, lalu disempurnakan dengan penambahan itu, atau dengan anggapan bahawa penambahan itu dilakukan atau diperintahkan oleh Rasulullah SAW, lalu diapun melakukannya di atas dasar tersebut, maka perlakuan seperti ini adalah haram dan bid'ah. Tetapi jika dia melakukannya dengan anggapan bahawa ia satu ibadah lain yang berasingan yang tidak terdapat satupun dalil yang menegah perlakuannya pada tempat tersebut atau kerana ia dianjurkan dalam bentuk yang umum, maka hukumnya adalah harus. Ini telahpun kami nyatakannya pada permulaan buku ini.

Selepas penjelasan ini, maka saya ingin menasihati kepada saudara-saudara yang mengingkari amalan salawat selepas azan atau kerana ia dilaungkan dengan lantang supaya menghentikan penentangan ke atas mereka yang melakukannya dan tidak menyifatkan mereka sebagai 'pembawa bid'ah' kerana bid'ah ialah sesuatu yang sesat yang melayakkan seorang untuk masuk neraka. Adakah patut Allah akan memasukkan seorang yang bersalawat ke atas Nabi SAW ke dalam neraka. Di samping itu perkara ini adalah termasuk dalam persoalan yang furu' dalam agama, yang tidak sepatutnya diwujudkan bibit perselisihan di kalangan umat Islam. Di sana terdapat banyak lagi kemungkaran

yang lebih patut ditentang daripada ini, maka marilah kita semua sama-sama berganding bahu menentangnya.

Begitu juga, saya menasihati saudara-saudara muazzin supaya tidak berlebih-lebih dengan salawat tersebut atau menggunakan sifat-sifat dan nama-nama yang tidak terdapat di dalam syariat mengenai diri Nabi SAW.

Adakala salawat menjadi haram sekiranya ia mengganggu seorang yang sedang bersolat atau menjadi penghalang daripada mengerjakan solat sunat qabliyyah atau menyakiti seorang yang sedang sakit. Muazzin dikira melaksanakan satu sunnah dengan menyebut salawat:

وصلی اللہ علی سیدنا محمد وعلی آلہ وصحبہ وسلم.

Atau dengan mengucap 'Salawat Ibrahimiyah' kerana ia adalah sebaik-baik lafaz salawat ke atas Nabi SAW, kemudian berdoa 'wasilah'. Sebaik-baik perkara ialah yang pertengahan, tidak melampau dalam bersalawat dan tidak mencuaikannya iaitu dengan cara melarang orang lain daripada melakukannya atau mengingkarinya. Wallahu a'lam. (Rujukan: Syarah Sahih Muslim: 1/289, Mughni al-Muhtaj: 1/141)

36. MEMOHON SYAFAAT DENGAN RASULULLAH SAW

Soalan:

Apakah hukum dari segi syariat memohon syafaat dengan Rasulullah SAW selepas azan?

Jawapan:

Tidak terdapat di dalam syariat anjuran memohon syafaat daripada Rasulullah SAW selepas azan. Yang ada cuma bersalawat ke atas Rasulullah SAW selepas azan dan mendoakan 'wasilah' untuk baginda. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ra. bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Apabila kamu mendengar laungan muazzin, maka ucapkanlah sepertimana yang diucapkannya, kemudian bersalawatlah ke atasku, kerana sesiapa yang bersalawat ke atasku sekali, nescaya Allah akan bersalawat ke atasnya sepuluh kali, kemudian doalah meminta ‘wasilah’ untukku, kerana ia adalah satu kedudukan di dalam syurga yang tidak layak untuknya melainkan seorang sahaja daripada sekalian hamba Allah, dan saya harapkan bahawa hamba itu ialah saya. Sesiapa yang mendoakan untukku ‘wasilah’, nescaya dia akan mendapat syafaat.”

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam bab: Sunat menyebut sepertimana ucapan muazzin bagi mereka yang mendengarnya.

Doa ‘wasilah’ adalah seperti berikut:

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ الثَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ، آتِ مُحَمَّدًا
بِالْوَسِيلَةِ وَالْفَضِيلَةِ وَالدَّرَجَةِ الرَّقِيعَةِ، وَأَبْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا
بِالَّذِي وَعَدْتَهُ

Di dalam satu riwayat yang lain terdapat tambahan:

إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ

Manakala memohon syafaat daripada Rasulullah SAW dalam bentuk yang umum iaitu tanpa dikaitkan dengan waktu tertentu samada selepas azan atau selainnya memang terdapat di dalam sunnah. Yang mana terdapat di kalangan para sahabat ra. memohon syafaat daripada Rasulullah SAW tanpa diingkar oleh baginda. Hadith-hadith yang diriwayatkan berkenaan dengan persoalan ini terlalu banyak, kami akan menyebut sebahagian daripadanya:

Diriwayatkan daripada Mus’ab Al-Aslami katanya: “Seorang

hamba di kalangan kami pergi lalu menemui Rasulullah SAW dan berkata: Aku ingin memohon kepada engkau satu perkara. Baginda bertanya: Apakah itu? katanya: Aku memohon supaya engkau menjadikan aku salah seorang daripada mereka yang engkau beri syafaat kepadanya di hari Qiamat. Baginda bertanya: Siapakah yang menyuruh awak akan ini? atau siapakah yang mengajar awak atau siapakah yang menunjukkan ini kepada awak?" Beliau menjawab: Tidak ada seorangpun yang menyuruhnya melainkan diriku sendiri. Baginda bersabda: Sesungguhnya engkau termasuk di kalangan mereka yang aku memberi syafaat kepadanya pada hari Qiamat."

Kisah ini disebut oleh Al-Haithami di dalam kitabnya: *Ma'maj Az-Zawaid* dan menurutnya: Ia diriwayatkan oleh At-Tabrani dan para perawinya adalah para perawi hadith yang sahih.

Al-Haithami juga menyebut sebilangan hadith-hadith berhubung dengan persoalan ini.

(Majma' az Zawaid: 10/369)

Ini adalah memohon syafaat ketika Rasulullah SAW masih hidup.

Manakala selepas baginda wafat, adakah dibolehkan memohon syafaat daripada baginda, terutamanya di hadapan maqam baginda yang mulia dan ketika memberi salam ke atas baginda? Berdasarkan apa yang 'thabit' (ternyata) yang tidak perlu diragui lagi bahawa orang-orang mati mendengar, berkata-kata dan berdoa di alam barzakh, terutama Rasulullah SAW yang mana roh baginda akan dikembalikan ketika seorang mengucapkan salam ke atasnya. Maka, tidak patut dibezakan di antara memohon syafaat ketika baginda SAW masih hidup dengan memohon syafaat setelah baginda wafat kerana baginda tetap hidup di alam barzakh. Sesiapa yang mendakwa terdapat larangannya, maka hendaklah dia mengemukakan dalil. Semoga Allah memberi taufiq.

37. BERBILANG-BILANG SOLAT JUMAAT DAN MENGULANGI SOLAT ZUHUR SELEPASNYA

Soalan:

Apakah hukum wujudnya solat Jumaat lebih daripada satu jamaah (berbilang-bilang Jumaat) di dalam satu negeri (atau satu daerah)? Sekiranya ia berbilang-bilang Jumaat, adakah solat Zuhur yang dikerjakan selepasnya dikira sebagai satu yang dianjurkan oleh syarak atau satu yang bid'ah? Sekiranya solat Zuhur yang dikerjakan itu dianjurkan di dalam syariat, adakah ia dikerjakan seorang diri atau dikerjakan secara berjamaah? Tetapi sekiranya dengan mengerjakannya secara berjamaah akan menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan umat Islam, contohnya: terdapat seorang yang bersolat bersendirian di celah saf-saf mereka yang bersolat jamaah, maka apakah yang lebih 'aula' (utama)?

Jawapan:

Pertama

Sekiranya mengadakan beberapa kelompok solat Jumaat tanpa sesuatu hajat, contohnya: sebuah masjid begitu luas sehingga boleh menampung semua yang ahli jamaah tanpa mudharat atau kesempitan. Maka, dalam keadaan seperti ini, tidak diharuskan mewujudkan beberapa jamaah untuk solat Jumaat di dalam satu negeri (satu daerah), tetapi diwajibkan mengadakan solat Jumaat di sebuah masjid sahaja. Sekiranya memerlukan kepada masjid yang kedua, tidak harus mengadakannya pada masjid yang ketiga. Begitulah seterusnya.

Menurut Ibnu Qudamah di dalam Al- Mughni, 'Kami tidak ketahui seorangpun yang berselisih pendapat berhubung dengan masalah ini, melainkan Atha' pernah ditanya: 'Sesungguhnya penduduk Basrah tidak dapat dimuatkan pada Masjid Besar.' Beliau menjawab: "Setiap kaum mempunyai masjid yang boleh dikerjakan solat Jumaat di situ, dan memadai dengan demikian

tanpa perlu bersolat Jumaat di Masjid Besar.” Tetapi pendapat yang dikemukakan oleh jumhur (majoriti ulama) adalah lebih utama; kerana tidak pernah diriwayatkan daripada Nabi SAW dan para Khulafa Ar-Rasyidin bahawa mereka mengadakan solat Jumaat lebih daripada satu tempat, kerana tidak mempunyai apa-apa hajat untuk itu, dan tidak diharuskan menetapkan hukum-hakam secara rambang tanpa mengemukakan dalil.”

Berdasarkan pendapat ini, dibuat kesimpulan bahawa mewujudkan jamaah yang kedua untuk solat Jumaat atau lebih tanpa sesuatu keperluan adalah batal dan yang terdahulu sahaja yang sah. Yang terdahulu ialah jamaah yang terdahulu mengangkat takbiratul ihram, kerana apabila salah satu daripada dua jamaah mendahului mengangkat takbiratul ihram, maka jamaah yang lain diharamkan mengangkat takbiratul ihram, kerana yang pertama sudah memadai. Sekiranya takbiratul ihram diangkat serentak oleh kedua-dua jamaah, maka kedua-dua jamaah tersebut menjadi batal, kerana tidak mungkin kita dapat menghukum kedua-duanya sah dalam satu masa, dan bukanlah salah satunya lebih mulia daripada yang lain, dan solat Jumaat diulangi semula sekiranya waktu Zuhur masih ada dan belum lagi terkeluar waktunya.

Sekiranya tidak dapat dipastikan yang manakah yang terdahulu, maka tidak perlu mengulangi solat Jumaat, kerana solat Jumaat telahpun diadakan di dalam satu negeri, maka gugurlah tuntutan fardhu Jumaat untuk negeri itu, cuma mereka tidak mengetahui yang manakah yang sah.

Hukum mengadakan solat Zuhur pada keadaan seperti ini:

Dalam keadaan terbatalnya kedua-dua Jumaat, dan tidak dapat diulangi semula solat Jumaat, maka melakukan solat Zuhur samada tunai atau qadha telah menjadi wajib, kerana ia adalah ganti kepada solat Jumaat, seandainya tidak dikerjakan solat Jumaat.

Dalam keadaan salah satunya sah, manakala yang lain terbatal, dan diketahui mana yang sah, maka ahli jamaah yang terbatal diwajibkan mengerjakan solat Zuhur. Sekiranya tidak diketahui yang manakah yang sah, maka diwajibkan kesemuanya mengerjakan solat Zuhur.

Kedua

Sekiranya diadakan beberapa jamaah untuk solat Jumaat kerana sesuatu keperluan, maka dalam hal ini para ulama berselisih pendapat berhubung dengan keharusannya seperti berikut:

1. Abu Hanifah, Malik dan Asy Syafi'e (salah satu daripada pendapatnya) berpendapat: Tidak diharuskan sama sekali mewujudkan jamaah yang lain untuk solat Jumaat.

Mereka berdalilkan bahawa Nabi SAW dan para Khulafa Ar Rasyidin selepas baginda tidak pernah mengadakan solat Jumaat pada hari yang sama melainkan di sebuah masjid sahaja. Sekiranya diharuskan mengadakan beberapa solat Jumaat, nescaya tidak akan dibiarkan masjid-masjid lain di sekitar Madinah menjadi kosong.

Ibnu Umar ra. pernah berkata: "Tidak dikerjakan solat Jumaat melainkan di masjid yang terbesar..." tetapi beliau tidak membezakan di antara keadaan yang berlaku itu satu keperluan atau tidak.

2. Imam Ahmad, Atha' dan Imam Asy Syafi'e (salah satu daripada pendapatnya) berpendapat bahawa mewujudkan beberapa Jumaat adalah harus sekiranya terdapat sesuatu keperluan iaitu sekiranya sesuatu negeri itu luas yang terpaksa dipecahkan kepada dua kawasan dengan ditetapkan sempadannya, atau menjadi dua kawasan yang terpisah dengan sebatang sungai seperti Baghdad. Ini juga adalah pendapat yang dipersetujui oleh Abu Yusuf dan Ibnu Al-Mubarak.

Menurut Muhammad bin Al-Hasan: “Tidak mengapa mengadakan solat Jumaat di dalam satu negeri pada dua tempat atau tiga, tetapi tidak boleh lebih daripada itu, kerana satu negeri sekiranya jauh penghujungnya tentu akan menyusahkan penduduknya berjalan dari satu kawasan ke kawasan yang lain, maka diharuskan (mengadakan lebih daripada tiga Jumaat) kerana mengelakkan daripada kepayahan.” Jadi difahami daripada alasan yang dikemukakan oleh Muhammad bin Al-Hasan tadi iaitu mengelak kepayahan, sekiranya kepayahan berlaku dan tidak dapat dielakkan dengan tiga jamaah Jumaat, maka diharuskan mewujudkannya lebih daripada tiga untuk mengelak kesusahan. Mereka juga berhujah bahawa solat Jumaat disyariatkan untuk tujuan perhimpunan dan khutbah, maka diharuskan apa yang diperlukan untuk tujuan itu, sebagaimana solat hari raya. Kerana Imam Ali ra. pernah keluar untuk mengadakan solat hari raya di tempat solat (kawasan lapang) dan beliau mengarahkan Abu Mas’ud Al-Badri untuk mengimami mereka yang lemah yang tidak mampu keluar ke tempat orang ramai berkumpul. Perbezaan di antara solat Jumaat dan solat hari raya hanya satu.

Imam Asy Syafi’e juga pada suatu ketika beliau tiba di Baghdad didapati penduduknya mengadakan dua kumpulan untuk mengadakan solat Jumaat, malah terdapat riwayat yang mengatakan: tiga kumpulan, beliau tidakpun mengingkarinya.

Mereka juga menjawab terhadap alasan yang dikemukakan oleh golongan yang pertama seperti berikut:

Rasulullah SAW dan para Khulafa Ar Rasyidin tidak mengadakan solat Jumaat lebih daripada satu perkumpulan kerana mereka memadai dengan satu, dan kerana para sahabat Nabi SAW lebih mengutamakan untuk mendengar khutbah Rasulullah SAW dan bersolat Jumaat dengan baginda, walaupun rumah mereka jauh, kerana Rasulullah SAW adalah penyampai apa yang diperintah daripada Allah dan penetap hukum syariat. Oleh itu,

apabila keadaan memerlukan kepada mewujudkan beberapa perkumpulan, maka diadakan beberapa kumpulan pada beberapa tempat tanpa diingkari oleh baginda. Mereka juga mentakwilkan kata-kata Ibnu Umar dengan takwilan: supaya solat Jumaat tidak dikerjakan pada masjid-masjid yang kecil sedangkan masjid besar dibiarkan kosong. Tetapi alasan yang mereka kemukakan iaitu: “.. kerana para sahabat lebih mungutamakan untuk mendengar khutbah Rasulullah SAW dan bersolat Jumaat bersama baginda ..î adalah satu alasan yang kurang kuat kerana ia ternafi pada zaman Khulafa Ar Rasyidin, sedangkan Jumaat tetap tidak diwujudkan lebih daripada satu sedangkan alasan di atas tidak wujud lagi.

Hukum mengerjakan solat Zuhur pada keadaan seperti di atas:

1. Bagi golongan yang pertama iaitu mereka yang melarang mewujudkan perkumpulan solat Jumaat lebih daripada satu walaupun ketika perlu: Hukum mengerjakan solat Zuhur semula adalah sama seperti hukumnya pada keadaan yang pertama sepertimana yang telah dinyatakan tadi.
2. Manakala mereka yang mengharuskannya pula berpendapat: Disunatkan mengerjakan solat Zuhur atas dasar ‘ihtiyat’ (langkah berhati-hati). Di kalangan mereka ada yang berpendapat, mengerjakan solat Zuhur adalah wajib. Para ulama bermazhab Asy Syafi’e mengharuskan solat Zuhur itu dikerjakan secara berjamaah, sedangkan para ulama yang lain berpendapat ianya dikerjakan secara perseorangan. Sekiranya berlaku perpecahan di kalangan umat Islam dengan sebab mengerjakannya secara berjamaah, contohnya: berlaku campur-aduk di antara mereka yang bersolat seorang diri dengan mereka yang bersolat jamaah, atau tertonjol satu pemandangan yang buruk di kalangan umat Islam pada ketika itu iaitu satu kumpulan mengikut imam dan satu kumpulan lain bersolat bersendirian, maka pada ketika itu, dikerjakan

solat secara perseorangan adalah lebih utama. Wallahu a'lam. (Rujukan: Al-Mughni: 2/33, Mughni al-Muhtaj: 1/28, Al-Ikhtiyar: 1/83)

38. MEMBACA AL-QURAN PADA HARI JUMAAT DAN UCAPAN (صدق الله العظيم)

Soalan:

Adakah diharuskan membaca Al-Quran pada hari Jumaat dengan suara yang lantang (iaitu dengan menggunakan pembesar suara)? Adakah diharuskan mengucapkan (صدق الله العظيم) selepas selesai bacaan tersebut?

Jawapan:

Terdapat banyak hadith yang sahih berhubung dengan kelebihan membaca Al-Quran yang tidak dikaitkan dengan waktu atau tempat atau cara samada dengan suara yang perlahan atau dengan suara yang lantang, perseorangan atau secara perkumpulan. Terdapat kaedah yang mengatakan: Sesuatu yang didatangkan oleh syarak yang berbentuk perintah atau anjuran tanpa dikaitkan dengan waktu tertentu atau tempat tertentu atau cara tertentu atau bilangan tertentu, maka kita bebas untuk memilih waktu, tempat, cara dan bilangan. Maka tidak boleh dianggap mengkhususkan waktu tertentu untuk membaca Al-Quran sebagai bid'ah dan sesat sepertimana yang didakwa oleh sebahagian umat Islam.

Kerana bid'ah ialah sesuatu amalan atau iktiqad yang tidak terdapat satu nas atau kaedah tertentu yang menyentuh mengenainya di dalam syariat, atau mengadakan sesuatu amalan yang bercanggah dengan nas-nas dan kaedah-kaedah syariat.

Jadi, membaca Al-Quran pada hari Jumaat mengikut cara yang dilakukan oleh masyarakat Islam pada hari ini bukanlah sesuatu yang bid'ah, bahkan ia termasuk di dalam syariat yang menggalakkan pembacaan Al-Quran dengan apa cara sekalipun.

termasuk di dalam sebuah hadits Rasulullah SAW iaitu:

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ
وَيَتَدَارَسُونَ رَسُولَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمْ
الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ.

Ertinya:

“Tidaklah berkumpul satu kaum di dalam sebuah rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid-masjid) untuk membaca Al-Quran dan bertadarrus sesama mereka melainkan akan turun ketenangan ke atas mereka, diliputi oleh rahmat dan para malaikat akan menaungi mereka dan mereka akan disebut-sebut oleh Allah di sisi mereka yang dekat denganNya.”

Jadi hadits ini menjadi dalil bahawa syarak menggalakkan pembacaan Al-Quran dan bertadarrus Al-Quran di masjid.

Maka sesiapa yang membacanya sahaja tanpa bertadarrus bererti dia memperolehi separuh sahaja daripada kelebihan ini. Dan tidak syak lagi bahawa pembacaan tersebut bersama orang ramai bukanlah bermaksud membacanya dengan perlahan, tetapi ia dibaca samada dengan suara yang serentak dan dengan cara beramai-ramai atau seorang di kalangan mereka membaca dan yang lain mendengarnya.

Kemudian Rasulullah SAW pernah bersabda kepada Ubai bin Ka’ab ra. “Bacakanlah Al-Quran kepadaku.” Ubai berkata: “Adakah layak saya membaca kepadamu sedangkan ia diturunkan ke atasmu? Baginda menjawab: “Saya suka agar dapat mendengarnya daripada orang lain.” Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“Iaitu mereka yang apabila disebut nama Allah gementar hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayatNya (Al-Quran) ke

atas mereka bertambahlah iman mereka.”

Pembacaan ke atas mereka tidak berlaku melainkan dengan suara yang lantang.

A. Hukum Membaca (صدق الله العظيم)

ia tidaklah menjadi kesalahan sekiranya diucapkan selepas membaca Al-Quran, dan ianya bukanlah sesuatu yang bid'ah sebagaimana yang disangka oleh sebahagian umat Islam, kerana tidak terdapat satupun larangan daripadanya dan ia tidaklah bertentangan dengan kaedah-kaedah am syariat (qawaid syar'iiyyah). Selain daripada itu, Allah Taala sendiri menyebut ungkapan ini di dalam KitabNya yang mulia iaitu FirmanNya:

قُلْ صَدَقَ اللَّهُ فَاتَّبِعُوا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ
الْمُشْرِكِينَ

Ertinya:

“Katakanlah: (Benarlah apa yang difirmankan Allah). Maka ikutilah agama Nabi Ibrahim yang lurus, dan dia bukanlah termasuk orang-orang yang musyrik.”

(Ali Imran: 95)

Sebab itu para salafussoleh apabila dibacakan satu ayat Al-Quran di hadapan mereka, mereka akan mengucapkan:

(صدق الله العظيم)

B. Hukum Membaca Surah Al-Fatihah

Tidak terdapat satu dalil yang khusus yang membolehkannya dibaca untuk orang-orang yang telah mati, melainkan ketika solat jenazah. Namun begitu, ia tidaklah menjadi tegahan sekiranya

dihadiahkan pahalanya kepada orang-orang mati dengan anggapan bahawa ia adalah pahala membaca Al-Quran, lebih-lebih lagi surah Al-Fatihah ini mempunyai satu keistimewaan yang khusus kerana ia adalah 'Fatimah al Kitab' (pembukaan Al-Quran), As Sab'u Al-Mathani dan ia dibaca pada setiap solat. Kalaupun tidak kerana keistimewaannya itu dan orang-orang mati tidak memperolehi pahala daripadanya, sudah tentu ia tidak disyariatkan pembacaannya pada solat jenazah yang mana asas utama daripada solat tersebut ialah berdoa untuk orang mati bukan semata-mata membacanya. Maka pembacaan Al-Fatihah pada solat tersebut sudah semestinya menunjukkan kepada sesuatu yang memberi faedah untuk si mati daripadanya. Wallahu a'lam.

Setiap yang telah diperkatakan tadi juga boleh dikategorikan termasuk di bawah kaedah: "Buatlah kebaikan, semoga kamu berjaya." Namun begitu, walaupun kami berpendapat perkara yang telah berlaku tadi bukanlah satu yang bid'ah di dalam agama, tetapi patut juga kamu ketahui bahawa ia dikira sebagai bid'ah sekiranya kamu melakukannya, kemudian menghubungkannya secara terus kepada Rasulullah SAW dan mengatakan bahawa Rasulullah SAW pernah melakukan yang demikian atau berkata: Rasulullah telah bersabda: "Lakukan seperti berikut..." kerana itu adalah satu pendustaan terhadap Rasulullah SAW. Tetapi kita melakukannya berdasarkan satu keizinan yang umum, kerana itu kita tidak mengaitkannya dengan masa atau tempat atau sifat atau cara tertentu bagi keizinan tersebut. Wallahu a'lam.

39. AZAN PERTAMA PADA HARI JUMAAT

Soalan:

Yang manakah lebih benar; adakah azan dikumandangkan dua kali atau sekali sahaja ketika masuknya waktu Zuhur pada hari Jumaat?

Jawapan:

Pada zaman Rasulullah SAW, Saidina Abu Bakar dan Saidina

Umar ra, azan hanya sekali sahaja iaitu dikumandangkan di hadapan khatib.

Azan itu dikumandangkan di dalam masjid, bukannya di atas tempat yang tinggi (seperti menara) supaya ia dapat didengari oleh umat Islam akan seruan tersebut. Cara ini adakalanya menyebabkan mereka yang sibuk dengan berjual beli di pasar tidak menyedari masuknya waktu solat Jumaat. Maka di atas dasar itulah, Saidina Othman ra. mengumpulkan para sahabat ra. dan berbincang bersama mereka untuk mewujudkan azan yang lain sebelum azan ini untuk memberi pemakluman kepada orang ramai akan masuknya waktu Jumaat. Ia diqiaskan dengan azan pertama pada solat Subuh kerana ia (azan pertama Subuh) disyariatkan untuk mengejutkan manusia dan memberi tahu akan hampirnya terbit fajar supaya mereka dapat bersiap sedia untuk mengerjakan solat dan bersahur. Lalu para sahabat ra. bersetuju ke atas pendapat ini dan tidak seorangpun yang membantahnya.

Jadi, azan tadi disyariatkan melalui dua jalan:

1. Ijmak para sahabat ra. Ijmak adalah hujah selepas Al-Quran dan Sunnah. Sesiapa yang menolak ijmak, maka dia jatuh kafir, wal 'iyazubillah.
2. Walaupun azan yang pertama ini disyariatkan pada zaman Saidina Othman, tetapi ia tetap dikira sebagai syariat yang diakui oleh Rasulullah SAW dengan sabdanya yang bermaksud:

"Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khalifah Ar Rasyidin selepasku, gigitlah ia dengan geraham-geraham kamu (berpegang teguh)."

Seandainya ijmak tidak berlaku, sudah memadai sekiranya azan yang pertama itu dikategorikan sebagai salah satu sunnah yang diwujudkan oleh para Khulafa Ar- Rasyidin. Oleh itu, ditakuti ke atas mereka yang mengingkari azan yang pertama ini

jatuh kufur (wal'iyazubillah) kerana menyanggahi ijmak.

40. SUNAT QABLIYYAH JUMAAT

Soalan:

Adakah benar pendapat yang mengatakan bahawa solat sunat sebelum Jumaat adalah bid'ah kerana Rasulullah SAW tidak pernah mengerjakannya? Apakah kesan yang akan diterima oleh mereka yang mengerjakannya; adakah akan mendapat dosa atau diberi pahala?

Jawapan:

Solat sunat qabliyyah Jumaat termasuk di dalam perkara *furu'* di dalam agama dan bukannya termasuk di dalam persoalan aqidah. Oleh itu, tidak sepatutnya ia dijadikan titik tolak untuk perselisihan pendapat dan pertelagahan sesama muslimin. Kerana didapati sebahagian daripada umat Islam bersungguh-sungguh mengingkarinya dan melarang orang lain daripada mengerjakan solat tersebut melebihi daripada kemungkaran-kemungkaran lain yang para ulama telah bersepakat tentang pengharamannya. Sikap seperti ini lebih didorong oleh hawa nafsu, bukannya di atas dasar berdiri di atas pendapat yang benar dan terkuat.

Huraian kepada jawapan ini seperti berikut:

Tidak harus meletakkan label 'bid'ah' ke atas solat sunat qabliyyah Jumaat, dan tidak harus melabelkan perkataan 'mubtadie' (pencetus bid'ah) ke atas sesiapa yang mengerjakannya kerana beberapa perkara:

1. Para ulama tidak berselisih pendapat mengenai anjuran solat sunat sebelum solat fardhu Jumaat. Cuma mereka bercanggah pendapat, adakah solat tersebut dinamakan solat 'sunat qabliyyah Jumaat' atau hanya solat sunat mutlak. Jadi berdasarkan kedua-dua pendapat itu, solat sunat sebelum Jumaat tetap dikira sebagai ibadah yang dianjurkan oleh

syariat, dan bukannya satu yang bid'ah yang mana pelakunya akan dimasukkan ke dalam neraka dengan sebab itu.

2. Ia termasuk di dalam masalah khilafiah di antara ada atau tiada. Setiap yang menjadi persoalan khilafiah di kalangan ulama, tidak harus melabelkannya sebagai bid'ah, kerana terdapat kesamaran pada pensyariatannya.
3. Seandainya memang benar tidak ada dalil yang menyatakan kewujudannya, ia tetap tidak boleh dikatakan bahawa mengerjakan solat tersebut adalah bid'ah, kerana ia tidak dikerjakan pada waktu yang ditegah. Seorang muslim berhak untuk mengerjakan solat sunat pada mana-mana waktu yang disukainya selagi ia bukannya waktu yang makruh.

Adakah ia thabit sebagai salah satu sunat rawatib sebelum Jumaat?

Khilaf yang berlaku adalah seperti berikut:

Perdapat pertama

Iaitu pendapat yang dikemukakan oleh jumhur (sebilangan besar) fuqaha bahawa ia adalah sunnat muakkad dan dikira termasuk di dalam sunat rawatib sebelum solat Jumaat. Di kalangan fuqaha yang mengeluarkan pendapat di atas ialah kebanyakan fuqaha dari mazhab yang empat, Ibnu Mas'ud ra, Ibnu Abbas ra, Ibnu Zubair ra, Ath-Thauri, An Nakha'ei dan Ibnu Al Mubarak. Mereka berasaskan dengan sebilangan dalil seperti berikut:

1. Hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Zubair ra. bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَا مِنْ صَلَاةٍ مَفْرُوضَةٍ إِلَّا وَبَيْنَ يَدَيْهَا رَكْعَتَانِ

Ertinya:

"Tidak ada satupun solat fardhu melainkan di hadapannya

(sebelumnya) ada dua rakaat (solat sunat)."

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dan memperakui kesahihannya. Hadith ini menyatakan hukumnya secara umum, maka dimasukkan solat Jumaat ke dalam kehendaknya, lebih-lebih lagi tidak terdapat dalil lain yang mengkhususkan solat Jumaat daripada hadith ini.

2. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan At Tabrani di dalam al Mu'jam al Kabir daripada Ibnu Abbas ra. katanya: "Rasulullah SAW pernah mengerjakan solat empat rakaat sebelum Jumaat." Tetapi hadith ini dhaif.

Menurut An Nawawi berkenaan hadith ini, "Ia adalah hadith yang batil (palsu) yang terkumpul padanya (para perawinya) empat orang kesemuanya termasuk 'dhu'afa" (orang-orang yang lemah dalam meriwayatkan hadith) dan Mubassyr adalah pemalsu hadith yang memiliki hadith-hadith palsu. Keempat-empat tersebut yang bakinya di antara Al-Walid mengambil daripada Mubassyr bin 'Ubaid daripada Hajjaj bin Arttaah daripada 'Atiyah Al 'Aufi.

Tetapi matan hadith ini diriwayatkan sepertinya oleh Abu Al Hasan Al Khal'i di dalam kitabnya 'Al Fawa'id' dengan sanad-sanad yang baik, sepertimana yang dinyatakan oleh Az Zain Al 'Iraqi di dalam kitabnya 'Tharhu al Tathrib' iaitu melalui jalan Abu Ishaq daripada 'Ashim bin Hamzah daripada Ali ra. daripada Nabi SAW. Bahkan ia juga diriwayatkan oleh At Tabrani dengan sanad seperti di atas di dalam kitabnya: 'Al Mu'jam al Ausat' daripada Ali ra, kemudian hadith tadi dikuatkan dengan athar yang seterusnya:

3. Abdur Razzaq meriwayatkan sebuah athar daripada Ibnu Mas'ud ra. dengan sanad yang sahih bahawa beliau pernah mengerjakan solat empat rakaat sebelum Jumaat dan selepasnya empat rakaat." Athar seperti ini juga diriwayatkan oleh At- Tabrani melalui Abu Ishaq daripada Ibnu Mas'ud.

Bahkan ia juga diriwayatkan oleh At Tirmidzi dan Ibnu Abi Syaibah.

4. Abdur Razzaq juga meriwayatkan daripada Ath Thauri daripada 'Atha bin As Saib daripada Abu Abdul Rahman Al-Sulami katanya: "Abdullah Ibnu Mas'ud ra. pernah memerintahkan kami mengerjakan solat empat rakaat sebelum solat Jumaat dan selepasnya empat rakaat juga." Athar ini juga diriwayatkan oleh At-Tabrani melalui Abdur Razzaq dan lain-lain.

Sekiranya dipertikaikan bahawa pada sanadnya terdapat 'Atha Ibnu Saib walaupun dia seorang yang thiqah tetapi hafalannya bercampur-aduk kerana nyanyuk di akhir hayatnya. Dijawab: Bahawa riwayat ini diambil daripada Ath-Thauri yang mana beliau mendengarnya daripada 'Atha sebelum berlaku nyanyuk dan ini dipersetujui oleh kesemua muhadiththin (ahli hadith). Dengan ini ternyata athar yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud itu adalah benar bahawa beliau mengerjakan solat sunat empat rakaat sebelum solat Jumaat dan beliau juga menganjurkannya kepada orang lain. Tidak perlu diragui lagi bahawa perbuatan dan perkataan para sahabat pada perkara yang tidak dapat diterima ijtihaad padanya menyamai hukum 'hadith marfu.'

5. Boleh juga dijadikan dalil iaitu dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Abdullah bin Mughaffal bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلَاةٌ

Ertinya:

"Di antara dua azan ada solat (sunat)."

Hadith ini mengisyaratkan adanya solat di antara azan yang pertama dan azan yang kedua, dan ia tidak lain melainkan solat sunat sebelum Jumaat.

Sekiranya dipertikaikan bahawa azan pertama tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah SAW ketika mana baginda melafazkan hadith tadi.

Kami akan menjawab: Ianya disyariatkan mengikut sunnah (jalan) Saidina Othman ra. dan ianya diakui oleh para sahabat tanpa ada seorangpun yang membantahnya, maka ia dikira sebagai 'ijma'. Bahkan tidak diragui juga bahawa setiap sunnah yang diwujudkan oleh para khulafa Ar Rasyidin sudahpun diperakui oleh Rasulullah SAW melalui hadith baginda iaitu: *"Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khalifah yang mendapat petunjuk selepasku ..."*

6. Termasuk di dalam fiqh Imam Al Bukhari, mengakui adanya solat sunat sebelum solat Jumaat. Fiqh beliau ini tertera melalui tajuk-tajuk di dalam 'Sahih Al-Bukhari' yang mana terdapat satu tajuk mengatakan: Bab Solat Selepas Jumaat dan Sebelumnya. Jadi jelas pada tajuk itu, beliau menyebut solat sunat qabliyyah, walaupun beliau tidak menyebut hadith mengenainya, mungkin kerana prinsip yang dipegangnya di dalam sahihnya iaitu beliau tidak menulis di dalamnya semua hadith sahih melainkan ternyata bahawa perawi hadith hidup sezaman dan bertemu dengan perawi yang diambil daripadanya.

Kemungkinan ternyata padanya dalil yang mengakui kewujudannya (solat sunat sebelum Jumaat), tetapi dalil tersebut tidak mencapai ke peringkat yang dilaziminya di dalam sahihnya. Beliau hanya mengemukakan sebuah hadith daripada Ibnu Umar ra. bahawa Rasulullah SAW pernah mengerjakan solat (sunat) dua rakaat sebelum Zuhur dan dua rakaat selepasnya, dua rakaat selepas solat Maghrib di rumahnya, dua rakaat selepas solat Isyak dan baginda tidak mengerjakan solat sunat selepas Jumaat sehinggalah baginda beredar, lalu baginda mengerjakan solat sebanyak dua rakaat.

Menurut Ibnu Hajar di dalam Fath Al-Bari, "Ibnu Tin berkata: "Tidak berlaku sebutan solat sebelum Jumaat di dalam hadith ini. Kemungkinan Al-Bukhari ingin menetapkannya berdasarkan qias dengan solat Zuhur."

Az Zain bin Al-Munir menguatkan pendapat di atas, menurutnya: "Beliau (Al-Bukhari) bermaksud untuk menyamakan di antara solat Jumaat dengan solat Zuhur pada hukum mengerjakan solat sunat sebagaimana beliau bermaksud untuk menyamakan di antara imam dan makmun pada hukum tersebut. Itu bererti bahawa solat sunat untuk kedua-duanya adalah sama."

Sekiranya dipertikaikan dengan mengatakan: Kemungkinan yang dimaksudkan dengan solat sunat tadi ialah solat sunat sebelum masuk waktu Jumaat bukannya sebelum solat Jumaat.

Kami akan menjawab begini: Asal perkataan "Sebelum" digunakan sebelum solat, bukannya sebelum masuk waktu. Sebab itu para ulama telah bersepakat ke atas maksud kehendak hadith Rasulullah SAW yang baru disebut tadi: "... baginda bersolat sebelum Zuhur..." yakni sebelum solat Zuhur bukannya sebelum waktunya. Jadi dimaksudkan dengan solat di sini ialah solat sunat qabliyyah Zuhur, bukannya solat sunat mutlak dan bukannya sebelum gelincir matahari ke barat.

7. Terdapat sebuah athar yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Hibban melalui jalan (sanad) Ayyub bin Nafei' katanya: "Ibnu Umar ra. pernah memanjangkan solat sebelum Jumaat dan mengerjakan dua rakaat selepas solat Jumaat di rumahnya dan menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah melakukan seperti tersebut."

Menurut Ibnu Hajar, "Athar tadi diambil sebagai hujah oleh An-Nawawi sebagai kesimpulan untuk menetapkan wujudnya solat sunat sebelum Jumaat."

8. Ibnu Qudamah menyebut di dalam Al-Mughni, "Umar bin Said bin Al 'As meriwayatkan daripada bapanya katanya: Saya pernah tinggal bersama para sahabat Rasulullah SAW. Apabila gelincirnya matahari, mereka akan bangun lalu bersolat sebanyak empat rakaat. Abu Bakar berkata: "Kami pernah bersama dengan Hubaib bin Abi Thabit pada hari Jumaat. Lalu beliau bertanya: "Adakah telah gelincir matahari? Dan beliaupun menoleh dan melihat, sekiranya matahari telah gelincir, beliau mengerjakan solat empat rakaat yang sebelum Jumaat."

Jadi, dengan keseluruhan dalil-dalil yang dikemukakan tadi bolehlah dikatakan bahawa sembahyang sunat sebelum Jumaat memang terdapat di dalam syariat, dan ia bukannya satu yang bid'ah, bahkan ia juga boleh dikira sebagai salah satu solat sunat rawatib sebagaimana solat sunat qabliyyah Zuhur.

Pendapat kedua

Iaitu pendapat yang dipegangi oleh kebanyakan para ulama bermazhab Hambali termasuk di kalangan mereka Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Qayyim, dan sebahagian para ulama bermazhab Asy Syafie. Menurut mereka, tidak wujud solat sunat qabliyyah Jumaat dan apa yang diriwayatkan berhubung dengan solat sunat pada waktu tersebut adalah solat sunat mutlak.

Mereka berhujah untuk menguatkan pendapat mereka dengan mengatakan bahawa Rasulullah SAW pernah keluar dari rumahnya pada hari Jumaat, lalu baginda terus menaiki mimbar, kemudian Bilal melaungkan azan di hadapan baginda. Setelah Bilal selesai melakukan azan, baginda SAW bangun lalu terus menyampaikan khutbah tanpa baginda pisahkan dan para sahabatnya dengan solat sunat di antara azan dengan khutbah. Tidak terdapat azan pada zaman Rasulullah SAW melainkan sekali sahaja azan. Dengan ini ternyata bahawa Rasulullah SAW tidak pernah mengerjakan solat sunat qabliyyah (sebelum solat

Jumaat), begitu juga para sahabatnya. Tidaklah solat Jumaat melainkan ia seperti solat hariraya yang tidak ada sunat qabliyyah sebelumnya. Seterusnya, solat sebelum Jumaat bukanlah terdapat di dalam syariat dari segi ia sebagai sunat rawatib atau sunat qabliyyah Jumaat.

Hujah di atas ini boleh disangkal melalui beberapa sudut seperti berikut:

Pertama

Ini tidak menunjukkan ternafinya solat sunat sebelum Jumaat tetapi ia menafikan solat di antara keluarnya Rasulullah SAW dari rumahnya dengan khutbah. Penafian solat selepas baginda keluar tidak semestinya menunjukkan bahawa baginda tidak mengerjakan solat sunat selepas gelincir matahari dan sebelum mengerjakan solat Jumaat. Kerana berkemungkinan baginda mengerjakannya di rumah sebelum keluar sebagaimana tradisi yang baginda lakukan dengan solat-solat sunat rawatib yang lain yang mana kebiasaannya baginda mengerjakan solat-solat tersebut di rumahnya, terutamanya sebagaimana yang disebut pada dalil-dalil yang dikemukakan oleh jumhur ulama tadi yang mengatakan baginda mengerjakan solat sunat ba'diyyah di rumah, maka begitu juga sunat-solat qabliyyah.

Imam Muslim meriwayatkan daripada Aishah ra. katanya: "Rasulullah SAW mengerjakan solat (sunat) empat rakaat sebelum Zuhur di rumahnya, kemudian baginda keluar dan mengerjakan solat jamaah bersama orang-ramai, kemudian baginda masuk semula ke rumah dan mengerjakan solat dua rakaat. Begitu juga baginda mengerjakan solat Maghrib berjamaah bersama orang-ramai, kemudian baginda masuk ke rumah, lalu mengerjakan solat dua rakaat. Selepas itu baginda mengerjakan solat Isyak berjamaah bersama orang-ramai, kemudian baginda masuk ke rumahnya, lalu mengerjakan solat dua rakaat ..."

Juga terdapat hadith lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan At- Tirmidzi serta diperakui kesahihannya oleh Syeikh Ahmad Syakir daripada Abdullah bin Saib ra. bahawa beliau pernah mengerjakan solat (sunat) sebanyak empat rakaat selepas gelincir matahari sebelum (solat) Zuhur, lalu beliau berkata: “Inilah saat (waktu) dibukakan padanya pintu-pintu langit. Aku suka sekiranya dibawa naik padanya amalan yang soleh.”

Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad: “Rasulullah SAW mengekalkan solat sebanyak empat rakaat ketika(sejurus selepas) gelincirnya matahari.” Sebabnya ialah: Pintu-pintu langit dibuka pada saat itu. Adakah pintu-pintu langit itu dibuka pada setiap hari kecuali hari Jumaat? Di manakah perbezaannya di antara hari Jumaat dengan hari-hari lain?

Kedua

Kesemua dalil-dalil yang dikemukakan oleh jumhur adalah dalil-dalil yang menetapkan wujudnya solat sunat qabliyyah Jumaat. Manakala dalil yang dikemukakan oleh golongan yang kedua adalah dalil-dalil yang menafikan. Seandainya dalil mereka tadi yang menafikan wujudnya solat sunat itu benar dan kekuatannya menyamai dalil-dalil yang dikemukakan oleh jumhur, tetapi dalam hal ini dalil yang menetapkan didahulukan daripada yang menafikan sepertimana yang digariskan dalam kaedah usuliyyah (kaedah usul fiqh).

Ketiga

Qias solat Jumaat dengan solat hariraya untuk menafikan kewujudan solat sunat qabliyyah adalah qias yang kurang tepat, kerana solat Jumaat adalah fardhu yang membolehkan wujud solat sunat sebelum dan selepasnya, sedangkan solat hariraya hanyalah sunat muakkad (berdasarkan pendapat yang terkuat). Oleh itu, adakah mungkin satu solat yang sunat muakkad terdapat solat sunat yang sepertinya sebelum atau selepasnya?

Keempat

Pensyariatan azan yang pertama pada zaman Saidina Othman telahpun dipersetujui oleh keseluruhan umat Islam. Maka jadilah azan sebagai sebahagian daripada syariat. Oleh itu, menjadi kemestian supaya dirangkumkan hukum tersebut di dalam hukum hadith Rasulullah SAW iaitu: “Di antara setiap dua azan ada solat (sunat).” Oleh sebab itu, Imam Ibnu Taimiyyah berpendapat di dalam fatwanya: “Boleh sekiranya dikatakan: Azan yang pertama ini ketika ia diwujudkan pada zaman Saidina Othman dan dipersetujui oleh keseluruhan umat Islam, maka jadilah ia sebagai azan yang diterima oleh syarak.

Pada ketika itu, mengerjakan solat di antara azan yang pertama dengan azan yang kedua menjadi harus lagi baik, tetapi ia bukanlah boleh dianggap solat sunat ratibah sepertimana solat sunat sebelum solat Maghrib. Dan ketika itu juga, sesiapa yang melakukannya tidak boleh dibantah ke atasnya dan sesiapa yang meninggalkannya juga tidak boleh dibantah ke atasnya. Dan inilah pendapat yang paling adil.”

Selepas ini, diharapkan tidak wujud lagi peluang bagi mereka untuk mengingkari kewujudan solat sunat sebelum Jumaat. Saya berpesan kepada saudara-saudara yang begitu lantang menentangnya supaya mengurangkan penentangannya ke atas perkara seperti ini untuk menjaga perpaduan umat Islam. (Rujukan: Fath al-Bari: 2/426, Al-Fatawa: 4/193, Al-Mughni: 2/365, Tharah al-Tathrib: 2/42)

41. BILANGAN RAKAAT SOLAT TARAWIH

Soalan:

Berapakah bilangan rakaat solat Tarawih yang dikerjakan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya? Adakah ia hanya lapan rakaat atau dua puluh rakaat atau lebih? Adakah Rasulullah SAW pernah mengerjakannya sebanyak duapuluh rakaat atau bilangan sebanyak itu dilakukan pada zaman Saidina Umar ra?

Jawapan:

Solat Tarawih juga termasuk dalam masalah-masalah yang furu' dalam agama dan bukanlah termasuk dalam perkara aqidah. Tetapi apa yang menyedihkan, terdapat segolongan yang setiap kali tibanya bulan Ramadan membangkitkan bibit perselisihan dan perpecahan di kalangan umat Islam samada di dalam masjid atau di luarnya dengan dakwaan bahawa mengerjakan solat tarawih melebihi lapan rakaat adalah bid'ah dan sesiapa yang melakukannya adalah 'mubtadei' (pembawa bid'ah) yang layak untuk masuk neraka dengan sebab itu kerana setiap yang bid'ah itu sesat dan setiap yang sesat akan masuk ke dalam neraka.

Berikut adalah jawapan terhadap persoalan tersebut selengkapnya:

1. Sesungguhnya solat tarawih hanyalah sunat muakkad. Sekiranya seorang muslim meninggalkannya, dia tidaklah dianggap sebagai berdosa. Tetapi ia akan menjadi dosa sekiranya kita menjadikan bilangan rakaatnya sebagai bahan untuk perselisih pendapat dan pertelagahan sesama muslim dan mewujudkan keributan di dalam masjid atau sebagainya.
2. Para fuqaha dan muhadithin secara ijmak telah menyetujui bahawa Rasulullah SAW mengerjakannya secara berjamaah bersama sahabatnya tiga hari atau empat hari, kemudian baginda tidak keluar pada hari seterusnya untuk mengerjakan solat tersebut. Baginda menerangkan sebab yang memaksa baginda memutuskannya iaitu sabdanya: "Aku takut ianya diwajibkan ke atas kamu." Kerana sekiranya ia dilakukan secara berterusan tanpa putus, ia menjadi dalil kewajibannya.
3. Mengerjakan solat tarawih secara berjamaah adalah lebih afdhal daripada mengerjakannya bersendirian. Inilah pendapat yang dipegangi oleh jumhur fuqaha dan ia adalah pendapat yang terkuat. Ini kerana Saidina Umar mengumpulkan umat Islam dengan berimamkan Ubai bin Ka'ab dan beliau sendiri

mengerjakannya secara berjamaah bersama umat Islam pada bulan Ramadan. Bahkan Rasulullah SAW sendiri mengerjakannya secara berjamaah sebelum baginda meninggalkannya.

Terdapat juga pendapat iaitu pendapat yang diriwayatkan daripada Imam Malik, Abu Yusuf dan sebahagian ulama bermazhab Asy Syafie mengatakan bahawa mengerjakannya di rumah adalah lebih afdhal sebagaimana solat-solat sunat yang lain.

4. Tidak terdapat dalil yang qat'ei yang menunjukkan ke atas bilangan rakaatnya yang dikerjakan oleh Rasulullah SAW, kerana terdapat berbagai riwayat yang berbeza mengenai bilangan rakaatnya.

Oleh sebab itu, Imam Ibnu Taimiyyah berpendapat, bahawa tidak ditetapkan bilangan yang tertentu pada menghidupkan malam (qiamullail) Ramadan, kerana Rasulullah SAW tidak pernah menetapkan bilangan yang tertentu.

Solat tarawih tidaklah lain melainkan untuk menghidupkan malam Ramadan. Setiap kali seorang muslim membanyakkannya, maka banyaklah pahala yang diperolehinya dan dia telah melaksanakan anjuran agar menghidupkan malam-malam bulan Ramadan.

5. Sebahagian mendakwa bahawa bilangan rakaatnya ialah lapan rakaat dan menambah lebih daripada itu adalah bid'ah yakni sesiapa yang melebihkannya akan dimasukkan ke dalam neraka kerana setiap yang bid'ah adalah sesat dan setiap yang sesat akan dimasukkan ke dalam neraka. Mereka ini berdalilkan dengan sebuah athar yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Abu Salamah bin Abdul Rahman bahawa beliau pernah bertanya kepada Aishah ra: Bagaimanakah solat Rasulullah SAW pada bulan Ramadan? Lalu Aishah ra. menjawab: "Baginda tidak menambah pada bulan Ramadan

dan pada selainnya melebihi sebelas rakaat.”

Manakala jumhur ulama berpendapat bahawa bilangan rakaatnya ialah duapuluh. Iaitu pendapat yang dipegang oleh para ulama bermazhab Asy Syafie, Hanafi dan pendapat yang terkuat daripada Imam Ahmad. Ia juga adalah pendapat Ath-Thauri, Daud Az Zhohiri dan lain-lain. Mereka berasaskan dengan sebilangan dalil seperti berikut:

- a. Sebuah athar yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dan lain-lain dengan sanad yang sahih daripada Saib bin Yazid ra. katanya: “Mereka mengerjakan pada zaman Umar bin Al Khattab ra. pada bulan Ramadan sebanyak dua puluh rakaat. Mereka mengerjakannya dengan kadar dua ratus ayat padanya.” Athar ini diperakui kesahihannya oleh Al Hafiz Al Iraqi dan As Subki.
- b. Al-Hafiz Ibnu Hajar menyebut di dalam Fath Al Bari satu riwayat daripada Abdul Razzaq daripada Muhammad bin Yusuf bahawa bilangan rakaatnya ialah dua puluh satu rakaat.

Sanad riwayat ini adalah sahih. Walaupun sebahagian mempertikaikan Abdul Razzaq, pengarang kitab Al-Mushannif (Mushannif Abdul Razzaq) ini. Tetapi Ibnu Hajar menegaskan di dalam ‘Hadyu As Sari’ mengenai Abdul Razzaq ini katanya: “Dia adalah salah seorang imam yang dipercayai dan tidak seorangpun yang mempertikakannya melainkan Al-Abbas bin Abdul ‘Azim Al ‘Anbari seorang sahaja.

- c. Ibnu Abi Syaibah meriwayatkan bahawa Ibnu Abi Mulaikah mengerjakan solat pada bulan Ramadan duapuluh rakaat. Sanadnya juga adalah sahih.
- d. Ibnu Abi Syaibah juga meriwayatkan daripada Al-Buhturi bahawa beliau pernah mengerjakan lima kali solat tarawih

dengan bilangan duapuluh rakaat dan melakukan witr tiga rakaat.

Terdapat banyak lagi riwayat yang menyatakan bahawa salafussoleh mengerjakan solat tarawih sebanyak dua puluh rakaat. Riwayat-riwayat itu, walaupun pada sanadnya terdapat kelemahan, ia boleh dikuatkan dan dinaikkan tarafnya ke taraf 'hasan li ghairihi' bersama riwayat-riwayat yang telah disebut di atas.

Disangkal terhadap pendapat yang mengatakan ia hanya lapan rakaat seperti berikut:

Athar yang diriwayatkan daripada Aishah ra. tidak lain melainkan satu ijtihad daripada beliau. Buktinya adalah seperti berikut:

1. Kerana ia bertentangan dengan riwayat-riwayat yang telah kami sebutkan tadi bahawa salafussoleh daripada para sahabat dan tabe'in mengerjakannya lebih daripada lapan rakaat. Kalaulah lapan rakaat itulah yang sebenarnya daripada Rasulullah SAW, nescaya mereka tidak akan melebihinya kerana mengerjakannya lebih daripada lapan rakaat bererti menyalahi sunnah Rasulullah SAW.

Kerana terdapat juga beberapa riwayat daripada sebahagian salafussoleh yang tidak dapat untuk dinyatakan di sini yang mengatakan bahawa mereka mengerjakan solat tarawih lebih daripada duapuluh rakaat. Terdapat setengah daripada mereka mengerjakannya sebanyak 46 rakaat, ada yang 41 rakaat, ada yang 39 rakaat, ada yang 36 rakaat, ada yang 34 rakaat dan ada yang 24 rakaat. Terdapat juga yang mengerjakan sebanyak 16 rakaat dan 13 rakaat. Keseluruhan riwayat-riwayat tadi telah bercanggah dengan athar yang menafikan bilangan yang lebih daripada lapan rakaat.

2. Pernafian bilangan rakaat yang melebihi lapan rakaat daripada Aishah ra. boleh dipertikaikan. Kerana walaupun beliau boleh

menafikannya berdasarkan perlakuan Rasulullah SAW ketika malam gilirannya, tetapi beliau tidak dapat menafikan ketika Rasulullah SAW bersama isteri-isterinya yang lain. Kemungkinan Rasulullah SAW mengerjakannya lebih daripada lapan rakaat pada malam lain yang bukan gilirannya iaitu ketika bersama isteri-isterinya yang lain.

3. Pernafian dalam bentuk ini juga bertentangan dengan apa yang diriwayatkan yang menyatakan bahawa Rasulullah akan berqiamullail dan mengejutkan juga ahli keluarganya untuk menghidupkan malam pada sepuluh malam yang terakhir pada bulan Ramadan. Menghidupkan malam bererti membanyakkan solat dan melebihkannya daripada malam-malam yang lain. Jadi, menjadi satu yang penting ditakwilkan pernafian tersebut kepada malam yang Rasulullah SAW bersama Aishah ra. sahaja tanpa menafikan perlakuan Rasulullah SAW pada malam-malam lain ketika Baginda bersama isteri-isteri yang lain.

(Rujukan: Fath al-Bari: 4/253, Al-Munghni: 2/167, 'Umdah al-Qari: 7/204, Syarah Az Zaraqani 'ala Al-Muwatta': 1/239, Mushannif Ibni Abi Syaibah: 2/392, Minhaj Al-Sunnah: 4/225, Al-Majmu': 4/32, Al-Fatawa: 23/112)

42. SOLAT SUNAT TASBIH

Soalan:

Adakah benar solat tasbih itu diragui anjurannya dalam syariat? Adakah ia boleh dikerjakan selepas solat witir?

Jawapan:

Solat Tasbih memang terdapat di dalam syariat. Ia disebut dalam sunnah dan ia bukanlah satu yang bid'ah. Hadith mengenainya adalah sebuah hadith yang sahih yang diakui kasahihannya oleh mereka seperti berikut: Al-Aajiri, Ibnu Mundah, Ibnu Al-Madini, Ibnu Nasiruddin Ad Dimasyqi, Ibnu

Hajar, As Sayuthi, Al-Albani dan lain-lain di kalangan para ulama. Berikut ialah nas hadithnya:

Diriwayatkan daripada Abu Rafie' katanya: Rasulullah SAW pernah bersabda kepada Al- Abbas yang bermaksud:

"Wahai bapa saudaraku, bukankah aku mencintai engkau, bukankah aku memberi maanfaat kepada engkau, bukankah aku menghubungkan silaturrahim dengan engkau? Al-Abbas menjawab: Sudah tentu, wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Kerjakanlah sembahyang sebanyak empat rakaat. Bacalah surah Al fatihah dan surah pada tiap-tiap rakaat. Apabila kamu selesai membacanya, maka sebutlah:

سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر

sebanyak lima belas kali sebelum kamu rukuk. Kemudian rukuk dan sebutlah tasbih tadi sebanyak sepuluh kali. Kemudian bangun daripada rukuk dan ucapkanlah tasbih sebanyak sepuluh kali. Kemudian sujud dan ucapkanlah tasbih itu sebanyak sepuluh kali, kemudian angkat kepala kamu dan ucapkanlah tasbih sebanyak sepuluh kali. Kemudian sujud dan ucapkanlah sebanyak sepuluh kali, kemudian angkatlah kepala kamu dan ucapkanlah sebanyak sepuluh kali iaitu sebelum kamu bangun. Demikianlah bilangannya sebanyak tujuh puluh lima pada setiap rakaat dan jumlah kesemuanya ialah tiga ratus kali pada keempat-empat rakaat. Kalaulah dosa-dosa kamu bagaikan pasir sekalipun, nescaya Allah akan mengampuninya untuk kamu." Abbas bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana bagi mereka yang tidak mampu melakukannya pada setiap hari? Baginda menjawab: Lakukanlah pada setiap Jumaat, kalaulah dia tidak mampu lakukanlah pada setiap bulan." Sehingga baginda menyebut: "Lakukan pada setiap setahun."

Hadith ini adalah sahih (Lihat At-Targhib wa At Tarhib, karangan Al-Munziri: 1/467-472).

Selepas ini diharapkan tidak ada ruang lagi untuk mengingkari solat ini atau mendhaifkan hadithnya. Mereka yang mendhaifkan hadithnya, mungkin kerana tidak menemui mereka yang mengakui kesahihannya.

Solat tasbih ini tidak terikat dengan waktu samada malam ataupun siang, sebelum Isyak atau selepasnya. Tetapi sekiranya ia dikerjakan pada malam, seeloknya dilewatkan solat witir selepas solat tasbih supaya solat witir itu menjadi penutup kepada solat-solat sunat yang dikerjakan pada waktu malam. Wallahu a'lam.

43. BERKUMPUL UNTUK MENGUCAP TAKZIAH

Soalan:

Adakah duduk dan berkumpul untuk bertakziah (kerana kematian) dianjurkan oleh syarak? Apakah pula hukum membaca Al-Quran dalam majlis tersebut? Adakah membaca Al-Fatihah untuk dihadiahkan kepada orang-orang yang telah mati termasuk di dalam bid'ah yang mungkar yang setiap muslim wajib meninggalkannya?

Jawapan:

Mengucapkan takziah kepada keluarga si mati adalah sunat yang digalakkan oleh Islam, kerana ia bertujuan untuk menenangkan hati dan memberi galakan bersabar kepada keluarga si mati. Di antara ucapan yang boleh diucapkan kepada mereka: "Semoga Allah memberi pahala yang besar kepada kamu dan mengampuni dosa si mati" atau sebagainya. Manakala hukum duduk atau berkumpul untuk bertakziah, terdapat sebahagian fuqaha yang menghukumkannya sebagai makruh dan sebahagian yang lain mengatakan ia tidak menjadi kesalahan (harus).

Namun begitu, takziah dalam bentuk yang menjadi kebiasaan masyarakat pada hari ini ada yang haram dan ada yang makruh. Huraianya adalah seperti berikut:

1. Sunnah Rasulullah SAW menganjurkan jiran-jiran menyediakan makanan untuk keluarga si mati, kerana pada ketika itu mereka disibukkan dengan musibah yang menimpa mereka sehingga menyebabkan mereka tidak sempat untuk menyediakan makanan. Sebab itu, Rasulullah SAW pernah bersabda ketika syahidnya Jaafar bin Abi Talib yang maksudnya: *"Buatkanlah makanan untuk keluarga Jaafar, kerana mereka didatangi sesuatu yang menyibukkan mereka."*

Majlis takziah pada hari ini berlaku sebaliknya iaitu keluarga si mati yang menyediakan makanan kepada mereka yang datang untuk mengucapkan takziah kepada mereka. Ini bercanggah dengan sunnah dan makruh hukumnya.

2. Perkara tadi juga telah menyebabkan satu bebanan samada berbentuk material dan jasmani. Bebanan yang berbentuk material itu adakalanya berlaku sesuatu pembaziran padanya, menyediakan makanan kepada bukan fakir miskin dan orang-orang yang memerlukan. Pembaziran berlaku apabila makanan itu berlebihan yang terpaksa dibuang begitu sahaja. Ini adalah haram dari segi syarak.

Adakalanya seseorang terjebak dalam hutang yang banyak disebabkan pembaziran ini atau ahli keluarganya terpaksa menanggung segala bebanan perbelanjaan tersebut. Bahkan adakalanya terpaksa menggunakan harta pusaka si mati yang di dalamnya terdapat hak pewaris-pewaris yang lemah yang belum baligh. Semua itu diharamkan oleh syarak.

Manakala bebanan dari segi jasmani ialah ahli keluarga yang menerima musibah terpaksa mengorbankan jasmani mereka di samping musibah yang menimpa mereka. Alangkah baiknya sekiranya perbelanjaan itu disedekah untuk mereka yang berhajat atau pada jalan kebaikan dan pahalanya untuk roh si mati.

3. Membaca Al-Quran pada majlis takziah bukanlah sesuatu yang dianjurkan oleh syarak, kerana ia telah mengubah hikmah sebenar daripada penurunan Al-Quran. Kerana Allah SWT menurunkan Al-Quran supaya hukum-hakamnya diamalkan dan beribadah dengan pembacaannya atau mendengarnya. Apa yang berlaku pada majlis takziah, Al-Quran dijadikan sebagai simbol atau tanda untuk menyatakan itu adalah majlis kematian, seolah-olah dianggap Allah menurunkan Al-Quran supaya ia dibaca pada majlis-majlis seperti itu atau untuk orang-orang mati sahaja. Kemudian adakalanya berlaku penghinaan terhadap Al-Quran kerana ia tidak dihormati oleh para pengunjung kerana mereka asyik dengan merokok, berbual kosong tanpa mendengar pembacaan Al-Quran.

Adakalanya perlu dipelihara bersungguh-sungguh supaya Al-Quran tidak dikumandangkan melalui pembesar suara di dalam majlis-majlis seperti itu oleh mereka yang tidak menghiraukan Al-Quran, hukum-hakamnya atau mereka yang meninggalkan solat. Itu untuk menjaga kehormatan surah Al-Fatihah supaya ia tidak dibaca melainkan pada tempat yang diperintahkan oleh syarak iaitu di dalam solat, sedangkan yang membaca itu sendiri malas atau cuai dari mengerjakan solat.

A. Membaca Surah Al-Fatihah Untuk Orang-Orang Mati

Hukum membaca Al-Fatihah dan menghadihkan pahalanya untuk orang-orang yang telah mati:

Menghadih pahala bacaan Al-Quran dianjurkan oleh syarak dalam bentuk yang umum dan pahalanya sampai kepada si mati. Oleh itu, tidaklah menjadi larangan sekiranya surah Al-Fatihah dibacakan secara khusus, kerana ia dibaca ketika solat jenazah, atau kerana ia 'Ummu al Kitab' atau 'Sab'u al Mathani.' Rasulullah SAW pernah menjadikannya sebagai jampian, malah berbagai lagi fadhilat sepertimana yang telah kami nyatakan sebelum ini.

Asy-Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab An Najdi menyebut sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. di dalam kitabnya: Ahkam Tamanni bi al Maut (Hukum-hakam yang berkait dengan bercita-cita untuk mati) seperti berikut:

“Sesiapa yang memasuki kawasan perkuburan, kemudian membaca Al-Fatihah dan (قل هو الله أحد، الهاكم التكاثر), kemudian berdoa: Aku jadikan pahala apa yang aku baca ini daripada KalamMu untuk penghuni-penghuni kubur daripada orang-orang yang beriman lelaki dan wanita...,” nescaya mereka akan memberi syafaat untuknya.”

(*Majmu'ah Muallafat Muhammad Abd. al-Wahhab: 2/75*)

Seandainya tidak terdapat satupun athar berhubung dengan masalah ini, membaca Al-Fatihah tidak boleh lagi dianggap sebagai satu yang bid'ah, kerana bid'ah ialah sesuatu amalan yang tidak dinyatakan di dalam nas samada daripada Al-Quran atau Sunnah atau Ijma' atau Qias atau ia tidak termasuk di dalam kaedah-kaedah am Islam (qawaid syar'iyah).

44. MEMBACA AL-QURAN DENGAN IMBALAN ATAU UPAH

Soalan:

Adakah diharuskan membaca Al-Quran dengan mengambil upah khususnya ketika majlis-majlis kematian? Yang mana didapati setengah qari (yang mahir membaca Al-Quran) mencari peluang dalam keadaan seperti ini untuk mendapat sejumlah wang dengan membaca Al-Quran di majlis-majlis takziah. Adakah boleh menetapkan upah terhadap bacaan Al-Quran itu? Adakah diharuskan mencari keuntungan dengan perlakuan tersebut? Siapakah yang akan dipersoalkan dalam hal ini?

Jawapan:

Membaca Al-Quran adalah ibadah. Para ulama berselisih

pendapat, adakah dibolehkan mengambil upah atau imbalan ke atas ibadah yang dilakukan termasuk di antaranya ialah membaca Al-Quran atau mengajarnya.

Sebahagian fuqaha berpendapat, mengambil upah hasil pembacaan Al-Quran adalah tidak harus. Ini adalah salah satu pendapat yang dikemukakan oleh Imam Ahmad, para ulama bermazhab Hanafi yang terawal dan Ishaq bin Rahawaih. Manakala para ulama Hanafiyah yang terkemudian mengharuskan pengambilan upah hasil menjadi imam, mengajar dan muazzin. Alasan mereka ialah sekiranya dipegang pendapat yang melarang pengambilan upah, maka ia akan menyebabkan tugas-tugas tersebut terabai kerana mereka yang layak untuk melaksanakan tugas tersebut terpaksa meninggalkannya untuk mencari sara hidup, seterusnya menyebabkan tugas tersebut terabai atau berlaku kepincangan.

Manakala sebahagian ulama yang lain seperti Imam Malik, Asy Syafie, Ibnu Al Munzir dan Ahmad pada satu riwayat yang lain mengharuskan pengambilan upah hasil membaca Al Quran. Mereka berdalilkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحَقُّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ

Ertinya:

“Yang paling berhak kamu mengambil upah ke atasnya ialah Kitab Allah (Al-Quran).”

Kerana Nabi SAW tidak membantah ke atas para sahabat yang mengambil upah hasil jampian dengan Al-Quran.

Manakala golongan yang pertama (yang melarang) berdalilkan dengan kisah Ubadah bin Ash Shamit yang mengajar Al-Quran kepada seorang lelaki. Kemudian lelaki tersebut menghadiahkan kepadanya satu busar panah. Selepas itu Ubadah bertanyakan mengenai masalah itu kepada Rasulullah SAW. Lalu Rasulullah

SAW menjawab; “Sekiranya kamu suka sekiranya disangkutkan (ke bahu) satu busar daripada api neraka, maka sangkutlah ia (ke bahu).” Juga kerana Rasulullah SAW pernah bersabda kepada Othman bin Abi Al As yang telah dilantik sebagai muazzin: Janganlah dia mengambil sebarang upah di atas azannya.”

Kerana membaca Al-Quran adalah ibadah. Maka tidak harus mengambil upah hasil daripadanya sebagaimana ibadah-ibadah lain seperti solat, puasa dan sebagainya. Mereka (golongan yang melarang) juga menyangkal dalil yang dikemukakan oleh para ulama yang mengharuskannya bahawa dalil mereka itu dikhususkan dengan jampian sahaja.

Namun bagi para ulama yang mengharuskannya, kesemua mereka bersepakat bahawa sekiranya seorang qari (yang membaca Al-Quran) membaca dengan niat untuk mendapat upah dan mengaut harta, maka dia tidak mendapat pahala, dan berkemungkinan dia berdosa kerana dia membaca Al-Quran bukan kerana Allah SWT (ikhlas kerana Allah). Mereka juga berpendapat, sekiranya pembacaan Al-Quran dijadikan sebagai kerja untuk mengaut keuntungan dan harta yang banyak, maka hukumnya adalah haram yang tidak diakui oleh syarak.

Sebagai tambahan juga kepada perkara di atas, pembacaan Al-Quran pada majlis-majlis kematian tidak dianjurkan oleh syarak, kerana ia hanya dijadikan sebagai simbol kepada majlis takziah, sedangkan para hadirin tidak mendengarnya dengan teliti atau mereka merokok ketika Quran itu dibaca.

45. MENGHADIAHKAN PAHALA BACAAN AL-QURAN KEPADA MEREKA YANG TELAH MATI

Soalan:

Adakah diharuskan membaca Al-Quran dan menghadiahkan pahala bacaannya kepada ibubapa atau saudara yang telah mati secara yakin? Adakah pahala itu sampai kepada mereka,

sedangkan mereka bukanlah golongan yang benar berpegang-teguh dengan amalan Islam (ketika hidup), cuma mereka mati di dalam Islam?

Jawapan:

Menghadihkan pahala bacaan Al-Quran kepada kedua ibubapa atau saudara kamu atau sesiapa sahaja yang telah mati adalah harus dan pahalanya sampai kepada mereka walaupun mereka bukanlah golongan yang mampu membacanya dengan baik ketika mereka masih hidup. Kerana ibadat terbahagi kepada dua bahagian:

- a. Ibadah maliyyah (yang berkait dengan harta).
- b. Ibadah badaniyyah (yang berkait dengan jasmani).

Maka, ibadah maliyah seperti sedekah, memberi makan dan sebagainya, tidak seorangpun yang berselisih pendapat akan sampainya pahala ibadat tersebut.

Manakala ibadah badaniyyah seperti solat, puasa, membaca Al-Quran dan sebagainya, hanya Imam Asy Syafie sahaja yang berbeza pendapat berhubung dengan sampainya pahala kepada mereka yang telah mati.

Sedangkan jumhur ulama termasuklah Ibnu Taimiyah berpendapat bahawa pahala ibadah badaniyyah ini sampai kepada orang-orang yang telah mati.

Imam Asy Syafie berdalilkan dengan Firman Allah Taala:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

Ertinya:

“Seorang manusia tidak memperolehi melainkan apa yang dia usahakannya.”

(An Najm: 39)

Dan dengan hadits Rasulullah SAW:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، وَعِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوهُ.

Ertinya

“Sekiranya mati seorang anak Adam, terputuslah amalannya melainkan tiga perkara iaitu: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakan untuknya.”

Manakala jumhur ulama, termasuklah Ibnu Taimiyyah beliau mengeluarkan dalil di dalam ‘Fatawa’nya untuk menyatakan sampainya pahala ibadah kepada seorang yang telah mati dengan sebilangan hadits yang sahih yang tidak dapat dimuatkan di sini.

Kemudian selepas mengemukakan dalil-dalil tersebut, beliau (Ibnu Taimiyah) berkata: “Inilah yang thabit melalui Kitab, Sunnah dan Ijma sebagai ilmu yang detail dan jelas.

Maka difahami juga bahawa ia tidaklah bercanggah dengan ayat Al Quran:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

dan hadis:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ

tetapi ia juga benar. Manakala hadits iaitu:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، وَعِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوهُ.

Disebut anak dan doanya kerana dua kelebihan: Kerana anak juga adalah hasil usahanya (amalannya) sepertimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firmanNya:

مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ

Ertinya:

“Tidaklah berfaedah kepadanya hartabenda dan apa yang dia usahakannya.”

(Al-Lahab: 2)

Lafaz (وما كسب) “apa yang telah diusahakan” mengikut tafsirannya ialah anaknya. Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya makanan yang paling baik yang dijamah oleh seorang lelaki ialah daripada hasil usahanya sendiri...”

Anaknya juga termasuk hasil usahanya, kerana dialah yang berusaha untuk mewujudkan anak itu. Maka ia adalah amalannya daripada usahanya. Ini berbeza dengan saudara, bapa saudara, bapa dan lain-lain. Namun begitu, seseorang tetap mendapat manfaat melalui doa mereka, bahkan doa orang lain yang tidak ada talian kekeluargaan dengannya, walaupun itu bukan daripada amalannya.

Nabi SAW bersabda: “Terputus amalan anak Adam melainkan tiga perkara ...” Baginda tidak menyatakan bahawa seseorang tidak mendapat faedah daripada amalan orang lain. Sekiranya anaknya berdoa untuknya, maka itu adalah daripada amalannya yang tidak terputus. Sekiranya orang lain mendoakan untuknya, walaupun itu bukan daripada amalannya, tetapi dia tetap mendapat faedah dengannya.

Manakala ayat Al-Quran: (وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى), para ulama mempunyai pelbagai jawapan atau tafsiran. Antaranya ada yang mengatakan ayat tadi ditujukan kepada syariat umat-umat terdahulu. Ada yang mengatakan ia dikhususkan (dengan dalil lain). Ada yang mengatakan ia dimansuhkan. Ada yang

mengatakan ia ditujukan kepada usaha samada yang 'direct' atau sebab seperti iman yang menjadi penyebab yang tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain. Bahkan ayat itu secara zahirnya tidak bercanggah dengan nas-nas yang lain.

Allah SWT berfirman:

وَأَنْ لِّسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

Ia memang benar, kerana seseorang memang berhak terhadap usahanya, dialah yang memilikinya dan berhak ke atasnya. Dialah yang memiliki hasil usahanya itu daripada apa yang diusahakannya. Manakala usaha orang lain, itu adalah hak dan milik orang itu, bukan miliknya, tetapi dia tidaklah tertegah daripada mendapat faedah daripada usaha orang lain, sebagaimana seorang lelaki boleh mendapat faedah daripada hasil usaha orang lain." Demikianlah apa yang diperkatakan oleh Ibnu Taimiyyah.

Menghadihkan pahala kepada orang-orang yang telah mati kebiasaannya menggunakan lafaz yang mengandungi maksud doa. Permohonan ditujukan kepada Allah supaya Dia menyampaikan pahala itu kepada si mati. Berdoa untuk orang yang telah mati dianjurkan di dalam syariat dan diterima secara ijma'. Tidak ada perbezaannya sekiranya disebut: Ya Allah, ampunilah si polan yang telah mati.." dengan katanya: "Ya Allah, sampaikanlah pahala bacaan saya ini kepadanya..."

Namun begitu, walaupun kami berpegang dengan pendapat sampainya pahala ibadat kepada si mati, ini tidaklah bererti kami mengatakan solat daripada orang lain memadai atau dapat menampung solat fardhu yang ditinggalkan oleh si mati ketika hidupnya, kerana kewajipan solat tidak terluput daripada seseorang manusia melainkan dikerjakan oleh dirinya sendiri.

(Rujukan: Kitab al-Roh: 162-174, Al-Fatawa: 24/306-313, Hasyiyah Ibnu 'Abidin: 2/243, Syarah Sahih Muslim: 7/90, Bazl al-Majhud: 14/147)

46. MENGHADIAHKAN PAHALA BACAAN AL-QURAN UNTUK MEREKA YANG MASIH HIDUP

Soalan:

Adakah diharuskan menghadiahkan pahala bacaan Al-Quran untuk kedua ibubapa sedangkan mereka berdua masih lagi hidup? Adakah pahala sampai kepada mereka? Bilakah waktu yang terbaik untuk membaca Al-Quran?

Jawapan:

Nas-nas atau dalil-dalil yang menyatakan keharusan menghadiah pahala bacaan Al-Quran kepada kedua ibubapa dan lain-lain bukanlah mengkhususkan kepada yang telah mati sahaja bahkan ia merangkumi secara umum kepada mereka yang masih hidup dan mereka yang telah mati. Terdapat sebilangan hadith yang menyatakan bahawa manusia diberi pahala dengan sebab amalan yang dilakukan oleh orang lain iaitu sekiranya dia menjadi penunjuk atau pemberi panduan atau penyebab kepada amalan tersebut. Rasulullah SAW pernah bersabda:

الدَّالُّ عَلَى الْخَيْرِ كَفَاعِلِهِ.

Ertinya:

“Yang menunjuk ke atas satu kebaikan sepertilah yang melakukannya.”

Selain itu, terdapat kisah seorang wanita yang mengangkat anaknya kepada Rasulullah SAW lalu bertanya, “Wahai Rasulullah, adakah hamba ini boleh mengerjakan haji? Rasulullah SAW menjawab: “Ya, dan engkau mendapat pahala.”

Sampainya pahala kepada seorang yang masih hidup, tidak seorangpun yang berselisih pendapat mengenainya. Yang berlakunya ialah adakah pahala sampai kepada mereka yang telah mati.

Manakala waktu yang sesuai untuk membaca Al-Quran tidak

ditentukan oleh syarak, bahkan ia diharuskan pada sebarang waktu terutamanya ketika waktu lapang dan fikiran masih bersih. Itulah waktu yang paling sesuai membaca Al-Quran dan kamu dapat menghayati makna apa yang kamu baca pada waktu itu.

47. MEMBACA SURAH YAA SIN KE ATAS MAYAT

Soalan:

Sejauh manakah kesahihan hadith:

يس قَلْبُ الْقُرْآنِ فَاقْرُؤْهَا عَلَى مَوْتَاكُمْ.

Ertinya:

“Surah Yaa Sin adalah hati Al-Quran, maka bacakanlah ia ke atas orang-orang mati di kalangan kamu.”

Jawapan:

Hadith di atas diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Daud, An-Nasaei, Ibnu Majah, Ibnu Abi Syaibah dan Al-Hakim. Imam Ahmad meriwayatkan hadith tersebut daripada Ma’qal bin Yasar ra.

Berhubung dengan kesahihannya, para muhaddithin berselisih pendapat mengenainya seperti berikut:

Al-Hakim dan Ibnu Hibban mengakui kesahihan. Abu Daud dan Al-Munziri mendiamkan diri (tanpa menghukum ke atas hadith tersebut).

Ibnu Qattan mempertikaikannya dan menghukumnya sebagai ‘hadith mudhtharib’ (yang bercanggah), ‘mauquf’ (terputus sanad pada sahabat), dan kerana salah seorang perawinya tidak dikenali iaitu Abu Othman dan bapanya. Imam An Nawawi mendhaifkannya di dalam kitabnya Al- Azkar. Begitu juga didhaifkan oleh Ad Daruqutni.

Walaupun hadith tadi dhaif mengikut pandangan mereka tadi,

ia boleh dikuatkan dengan athar yang sahih yang dinyatakan oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya melalui jalan Safwan katanya: Al-masyikhah (syekh-syekh atau guru-guru) menceritakan kepadaku bahawa mereka pernah menghadiri saat kematian Ghadhib bin al Harith Asy Syimali ketika nazaknya, dia (Ghadhib) bertanya: “Adakah di kalangan kamu seorang yang boleh membaca Yaa Sin? Lalu Soleh bin Syuraih As Sukuti membacanya. Tatkala sampai ke ayat 40, diapun mati. Menurut Safwan: “Para masyikhah berkata: “Sekiranya Yaa Sin dibacakan di sisi seorang yang hendak mati, dia akan diringankan dengan sebab bacaan itu.”

Menurut Safwan juga, Isa bin Al Mu'tamar juga pernah membacakannya di sisi Ibnu Ma'bad.” Athar tadi walaupun pada sanadnya terdapat satu yang samar iaitu lafaz: masyikhah, tetapi Ibnu Hajar berpendapat di dalam kitabnya Talkhis Al Khabir (2/ 104): Ia dikuat oleh sebuah hadith yang dinyatakan oleh At-Tabrani pengarang Al-Firdaus melalui jalan Marwan bin Salim daripada Safwan bin Umar daripada Syuraih daripada Abu Darda' dan Abu Zar berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مَيِّتٍ يَمُوتُ فَيَقْرَأُ عِنْدَهُ يَسَ إِلَّا هَوَّنَ اللَّهُ عَلَيْهِ.

Ertinya:

“Tidak seorangpun yang (hampir) mati, lalu dibacakan di sisinya Yaa Sin melainkan Allah akan memudahkan untuknya.”

Berdasarkan ini, martabat hadith tadi:

يس قلب القرآن فاقرواوها على موتاكم

tidaklah kurang daripada martabat ‘hasan li ghairhi’ dan seperti mana sedia maklum masalah ini termasuk di dalam ‘fadhail al a’mal’, maka hadith ini boleh diamalkan walaupun ia sebuah hadith dhaif.

Soalan:

Seandainya hadits tadi sahih atau hasan, apakah yang dimaksudkan dengan lafaz (مَوْتَاكُمْ) Adakah bermaksud seorang yang hampir mati atau seorang yang telah mati yang rohnya telah keluar daripada jasadnya dengan yakin atau yang telah dikebumikan di dalam kubur?

Jawapan:

Lafaz ‘mayyit’ disebut secara hakikat ke atas seorang yang telah keluar rohnya daripada jasad. Dan digunakan secara majaz ke atas seorang yang sedang menghadapi nazak. Ini bererti dia masih lagi hidup dan bukannya telah mati. Kalau dilihat di dalam Kaedah Usuliyyah, diharuskan menggunakan satu lafaz secara hakikat atau majaz, maka tidaklah menjadi tegahan sekiranya digunakan perkataan ‘mautakum’ ke atas seorang yang sedang nazak dan seorang yang telah mati dengan sebenarnya, kerana pahala bacaan tetap sampai kepadanya dan dia merasa senang sebagaimana seorang yang nazak merasa senang dengan bacaan surah tersebut.

Mereka yang menafsirkannya kepada makna majaz semata-mata mengqiaskannya dengan hadits Rasulullah SAW yang lain iaitu:

لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Ertinya:

“Ajarkanlah orang-orang yang (hampir) mati di kalangan kamu dengan kalimah La ilaha illallah.”

Yang dimaksudkan dengan “mautakum” di sini ialah mereka yang hampir mati, bukannya seorang yang benar-benar telah mati.

Dijawab ke atas hujah di atas: Perkataan (لَقِّنُوا) yang bererti: “ajarkanlah” sudah cukup menjadi qarinah (bukti) yang

mengubahkannya daripada hakikat ke majaz, kerana apabila diminta: “ajarkan” supaya seorang yang hampir mati itu dapat mengucapkannya sebelum rohnya keluar, bukan selepas keluar roh. Lebih-lebih lagi terdapat sebuah hadith lain yang menyatakan maksudnya: “*Sesiapa yang perkataannya yang terakhir ketika di dunia: Lailahaillah, nescaya akan masuk syurga.*” Di atas dasar ini, tidak ada faedah diajarkannya selepas keluar roh atau selepas kematiannya.

Manakala hadith Yaa Sin menggunakan lafaz (فَاقْرَؤُهَا) yang bererti: bacakanlah ia. Perkataan ini sesuai untuk seorang yang hampir mati dan seorang yang telah mati, kerana kedua-dua mereka merasa senang dengan bacaan surah tersebut, di samping pahalanya tetap sampai sekiranya dia telah mati. Inilah yang diperkatakan oleh Al-Muhib At-Tabari dan lain-lain.

48. KEADAAN ORANG-ORANG MATI DI DALAM BARZAKH

Soalan:

Adakah orang-orang mati mendengar percakapan atau salam atau bacaan Al-Quran dan doa daripada orang-orang yang masih hidup untuknya atau tidak mendengarnya? Sekiranya jawapan dengan “Ya”, adakah perkara itu sama samada orang kafir atau mukmin? Adakah orang-orang mati berkata-kata sesama mereka di alam barzakh? Adakah seorang yang mati mengenali seorang yang menziarahinya di atas kubur?

Jawapan:

Sebelum menjawab persoalan-persoalan di atas, sukacita sekiranya kita memahami bahawa pada manusia ini terdapat dua jenis roh iaitu:

- a. Roh al Hayat.
- b. Roh al Idrak.

A. Roh al Hayat

Roh inilah yang menyebabkan perjalanan darah di urat-urat dan sel-sel di dalam tubuh manusia, dan ia mencetuskan pergerakan, perasaan dan deria pada anggota-anggota lahir dan pancaindera. Penggerak yang utama kepada perkara tadi ialah hati atau jantung dan paru-paru melalui pernafasan.

Roh inilah yang membezakan manusia ketika hidupnya, tidur atau jaganya dan roh inilah yang menyebabkan kematian.

Roh jenis ini melihat dengan perantaraan mata, mendengar dengan telinga, berkata-kata dengan lidah, memukul dengan tangan dan berjalan dengan kaki. Begitulah seterusnya.

B. Roh al Idrak

Iaitu yang memahami dan berfikir pada diri manusia. Roh bentuk inilah yang keluar daripada manusia ketika tidur dan yang menyebabkan berlakunya mimpi. Ia tidak terikat dengan masa atau tempat. Sebab itu, adakalanya ia dapat melihat dalam tempoh satu saat beberapa perkara yang memerlukan beberapa jam atau beberapa hari pada alam biasa. Roh ini tidak menyebabkan kematian (yang sebenar) tetapi tidur itu adalah kematian sementara bagi roh ini. Roh jenis inilah yang akan bersama manusia selepas matinya, dan dengannya akan berlaku hisab dan azab di alam kubur. Jadi, roh inilah yang akan mendapat nikmat dan azab.

Roh jenis ini berkata-kata, melihat, mendengar, memukul, mendapat nikmat, menerima azab dan sebagainya bukan melalui perantaraan anggota-anggota lahir sebagaimana yang menjadi pengalaman kita bersama iaitu ketika mana seorang yang tidur itu bermimpi melihat sesuatu atau mendengar atau berjalan atau memukul atau berkata-kata sesuatu sedangkan anggotanya tetap diam tanpa bergerak.

Allah SWT berfirman:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي
لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ
وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى

Ertinya:

“Allah memegang jiwa (roh) ketika matinya dan (memegang) jiwa (roh) yang belum mati di waktu tidurnya. Maka Dialah yang menahan jiwa (roh) yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai ke waktu yang ditentukan.”

(Az Zumar: 42)

Kita kembali kepada menjawab persoalan tadi:

Adakah orang-orang mati mendengar?

Sebenarnya orang-orang yang mati mendengar percakapan seorang yang bercakap berdekatan dengan kuburnya. Pendengarannya bukan dengan perantaraan kedua telinga lahir tetapi dengan kedua telinga roh. Kerana roh mempunyai perhubungan tetap dengan jasad yang berpisah daripadanya, tetapi ia bukanlah bererti roh itu juga bersama-sama dengan jasad di dalam kubur sebagaimana ketika hayatnya yang mana roh tadi sentiasa bersama manusia tetapi ia bukanlah di tempat tertentu pada jasad.

Untuk menguatkan pandangan ini, terdapat beberapa dalil daripada sunnah Rasulullah SAW, tetapi saya akan menyebut sebahagian daripadanya seperti berikut:

1. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al Bukhari daripada Anas bin Malik ra., bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda

yang bermaksud:

“Sesungguhnya seorang hamba itu apabila diletakkan di liang kuburnya dan para sahabatnya berangkat pulang, sesungguhnya dia mendengar hentakan kasut-kasut mereka. Kemudian dia didatangi dua malaikat, lalu mendudukkannya, kemudian mereka bertanya: “Apakah yang telah kamu katakan mengenai lelaki ini (Nabi Muhammad SAW)? Sekiranya dia seorang mukmin, dia akan berkata: “Aku bersaksi bahawa dia adalah hamba Allah dan RasulNya.” Lalu diucapkan kepadanya: “Lihatlah kepada tempat duduk engkau di dalam neraka, telah Allah gantikan tempat duduk di dalam syurga.” Dia dapat melihat kedua-duanya (neraka dan syurga). Manakala seorang munafiq dan kafir akan ditanya kepadanya: “Apakah yang telah kamu katakan mengenai lelaki ini? Dia akan menjawab: Aku tidak tahu, aku berkata sepertimana yang diperkatakan oleh orang ramai.” Dikatakan kepadanya: Kamu tidak tahu dan kamu tidak pernah membaca, kemudian dia dipukul dengan penukul daripada besi sekali pukulan, lalu dia menjerit satu jeritan yang didengari oleh makhluk yang berdekatan dengannya kecuali jin dan manusia.”

Sudut yang dijadikan dalil ialah pada lafaz: “Sesungguhnya dia mendengar hentakan kasut-kasut mereka.” Jadi sekiranya, seorang yang mati mendengar hentakan kasut, maka mendengar percakapan tentulah lebih patut.

2. Kisah ahli Qalib di Badar: Imam Al-Bukhari juga meriwayatkan daripada Nafie' daripada Ibnu Umar ra. katanya: “Rasulullah pernah menuju ke tempat ahli Qalib nama sebuah telaga di Badar (kubur pemuka-pemuka musyrikin yang terbunuh dalam peperangan Badar), lalu menyeru: “Adakah kamu mendapati apa yang dijanjikan oleh Tuhan kamu itu benar?” Baginda ditanya: “Adakah kamu menyeru orang-orang yang

telah mati?” Baginda menjawab: “Kamu tidaklah lebih mendengar daripada mereka, cuma mereka tidak dapat menyahutnya.”

Sudut yang boleh dijadikan dalil ialah pada lafaz: “Kamu tidaklah lebih mendengar daripada mereka....” yang mana dapat difahami daripada: Samada kamu dan mereka menyamai dari segi pendengaran atau mereka lebih mendengar daripada kamu.

3. Rasulullah SAW mengucapkan salam ke atas orang-orang yang telah mati dan menganjurkannya kepada umatnya: Sekiranya mereka tidak mendengar seperti benda-benda keras, sudah tentu memberi salam ke atas mereka sesuatu yang sia-sia, kerana itu tidak disyariatkan memberi salam ke atas tumbuhan, benda-benda pejal dan binatang-binatang. Melakukan perkara sia-sia adalah mustahil bagi Rasulullah SAW.

Dalil-dalil di atas sudah cukup sebagai bukti bahawa orang-orang mati mendengar di dalam kubur mereka.

Dalam masalah ini, Saidah Aishah ra. sahaja yang berbeza pendapat. Beliau berkata: Sebenarnya apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW ialah: “Sesungguhnya mereka (ahli Qalib) mengetahui sekarang apa yang aku katakan itu adalah benar.” Beliau juga berhujah dengan membawa ayat Al-Quran:

إِنَّكَ لَا تَسْمَعُ الْمَوْتَى ...

Ertinya:

“Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati mendengar ... ”

(An Naml: 80)

Kemungkinan juga seorang yang ingin menafikan bahawa orang-orang mati mendengar dengan berhujah dengan ayat Al-Quran:

وَمَا أَنْتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِي الْقُبُورِ

Ertinya:

“Kami tidak dapat menjadikan orang yang di dalam kubur dapat mendengar.”

(*Faathir: 22*)

Hujah di atas ini boleh disangkal seperti berikut:

Rasulullah SAW telahpun menjawab kemusykilan yang ditimbulkan oleh Saidina Umar dengan sabdanya: “Kamu tidaklah lebih mendengar daripada mereka.” Hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar ra. ini dijadikan oleh jumhur ulama sebagai dalil mereka.

Manakala kedua-dua ayat tadi bermaksud: Mereka sebenarnya dapat mendengar daripada kamu, tetapi mereka tidak dapat mengambil faedah lagi daripada perkataan kamu, kerana waktu untuk menerima dan beramal sudah luput. Oleh itu, kedua-dua ayat tadi hanya menafikan penerimaan dan mengambil manfaat, bukannya menafikan pendengaran.

Inilah yang dipegang oleh mufasssirun (ahli tafsir) dan ia juga dikemukakan oleh Ibnu Hajar Al-Asqalani di dalam Fath Al-Bari dengan katanya: Ternyata daripada ini, orang-orang mati mendengar perkataan, doa, salam dan bacaan Al-Quran daripada orang-orang yang hidup dengan kedua telinga roh, bukannya dengan kedua telinga jasad sebagaimana orang yang tidur mendengar, melihat, berkata-kata dengan rohnya, bukannya dengan anggota-anggota lahir dan pancainderanya.

Adakah orang yang mati berkata-kata di alam barzakh?

Terdapat banyak ayat dan hadith yang menyatakan bahawa orang-orang mati berkata-kata di alam barzakh.

Di antara ayat Al Quran ialah:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي
 سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءُ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾ فَرِحِينَ
 بِمَآءِ اتَّخَذَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۚ وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا
 بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

Ertinya:

“Jangan kamu menyangka bahawa orang-orang yang terbunuh pada jalan Allah itu mati; bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhannya dengan mendapat rezeki. Mereka dalam keadaan gembira disebabkan kurniaan Allah yang diberikanNya kepada mereka dan mereka bergembira (menyampaikan berita gembira) terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang yang belum menyusul mereka (yang masih hidup dan berjihad di jalan Allah) bahawa tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.”

(Ali Imran: 169-170)

Sudut yang dijadikan dalil ialah pada lafaz (يَسْتَبْشِرُونَ) yang bermaksud: menyampaikan khabar gembira sesama mereka mengenai saudara-saudara mereka yang masih hidup di dunia bahawa mereka tidak ada kebimbangan dan tidak pula bersedih hati.

Di antara hadith pula ialah:

1. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh At Tirmidzi, Ibnu Majah dengan sanad yang baik dan Al-Hakim daripada Jabir ra. bin Abdullah bahawa tatkala bapanya terbunuh (dalam peperangan

Uhud), Rasulullah SAW bersabda kepadanya: “Wahai Jabir, mahukah saya khabarkan kepada kamu tentang apa yang Allah firmankan kepada bapa kamu? Saya (Jabir) menjawab: “Sudah tentu.” Baginda bersabda: “Allah tidak berkata-kata dengan seseorang melainkan di sebalik hijab, tetapi Allah berkata-kata dengan bapa kamu secara berdepan. Allah Taala berkata: “Wahai Abdullah, bercita-citalah kepada Aku, nescaya Aku memberi kepada engkau.” Lalu Abdullah berkata: “Ya Tuhan, semoga Engkau menghidupkan saya semula, supaya aku dapat mati pada jalan Engkau kali kedua. Allah berkata: “Ketetapan telahpun berlalu bahawa mereka tidak akan kembali ke dunia.” Lalu Abdullah berkata: “Sampaikanlah kepada mereka di belakangku (di dunia), lalu Allah SWT menurunkan ayat ini:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي
 سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءُ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٣٠﴾ فَرِحِينَ
 بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُوا
 بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٧٠﴾

Ini adalah dalil bahawa orang-orang mati berkata-kata di alam barzakh.

2. Kisah Hubaib An Najjar: Selepas dibunuh, beliau berkata: “Alangkah baiknya sekiranya kaumku mengetahui bahawa Tuhanku telah mengampuniku dan menjadikanku di kalangan orang-orang yang dimuliakan.” Ini juga adalah contoh perkataan orang-orang mati di alam barzakh.
3. Imam Al Bukhari meriwayatkan sebuah hadith daripada Abu Said Al Khudri ra. katanya: “Rasulullah SAW telah bersabda

yang maksudnya:

“Apabila jenazah diletakkan di atas keranda, kemudian ia diusung oleh beberapa lelaki di atas bahu-bahu mereka. Sekiranya jenazah itu soleh, ia akan berkata: “Cepatkanlah.” Sekiranya tidak soleh, ia berkata kepada kaum keluarganya: “Alangkah celaknya, ke manakah kamu hendak bawa dengannya? Setiap sesuatu mendengar suara itu melainkan manusia. Seandainya manusia mendengarnya nescaya dia akan menjerit.”

Pada lafaz yang bermaksud: (Cepatkanlah) dan (Alangkah celaknya, ke manakah kamu hendak bawa dengannya?) adalah contoh perkataan di alam barzakh.

Berdasarkan kepada dalil-dalil tadi juga, tidak menjadi tegahan sekiranya diminta doa melalui orang yang telah mati, supaya si mati itu berdoa kepada Allah untuk kamu, kerana dia mendengar dan berkata-kata.

Sekiranya kamu bertanya: “Bukankah doa itu termasuk di dalam bab ibadah dan ia telahpun diangkat daripada seorang yang mati?” Kami akan menjawab seperti berikut:

1. Memang seorang yang telah mati digugurkan daripadanya ibadah taklifiyyah (berbentuk kewajipan), tetapi ibadah ikhtiyariyyah (berbentuk sukarela) tidaklah ditegah daripadanya. Bukankah Rasulullah SAW pernah bersolat dengan para anbiya pada malam baginda diisrakkan? Bukankah baginda pernah mengkhabarkan dengan sabdanya: “Aku melihat Nabi Musa bersolat di kuburnya?” Sedangkan para nabi telahpun digugurkan kewajipan daripada mereka.
2. Doa ada dua bentuk: ibadah dan permohonan. Walaupun doa bentuk yang pertama tidak lagi ada bagi orang yang telah mati, itu bukan bererti doa dalam bentuk yang kedua (permohonan) juga telah tiada. Lebih-lebih lagi ternyata di dalam hadith

bahawa Rasulullah SAW beristighfar untuk umatnya di dalam kubur. Sedangkan baginda tidak lagi ditakliffkan (dibebankan dengan kewajiban) selepas menemui Allah SWT (wafat).

3. Rasulullah SAW juga bersabda yang maksudnya:

“Hidupku baik bagi kamu... Sekiranya aku mati, kematian itu juga baik untuk kamu, dibentangkan kepadaku segala amalan kamu. Sekiranya aku melihat kebajikan, maka aku mengucap pujian ke Allah. Sekiranya aku melihat yang sebaliknya, aku beristighfar kepada Allah untuk kamu.”

Hadith ini diriwayatkan oleh Al-Bazzar dan diakui kesahihannya oleh Al-Hafiz Al-Iraqi, Al- Haithami, Al-Qasthalani, Az Zarqani, Al- Allamah Ali al-Qari, Asy Syihab Al- Khufaji, As-Sayuthi dan lain-lain lagi.

Adakah orang-orang yang mati mengenali seorang yang menziarahi kuburnya.

Disebut di dalam Fatawa Ibnu Taimiyyah: “Berhubung dengan masalah orang yang mati mengenali seorang hidup yang menziarahinya dan mengucapkan salam ke atasnya, maka disebut di dalam sebuah hadith daripada Ibnu Abbas ra. katanya: “Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Tidak seorangpun yang melintasi kubur saudaranya semuslim yang dikenalnya di dunia, lalu diucapkan salam ke atasnya (si mati), melainkan si mati tersebut mengenalinya dan menjawab salam kepadanya.”

Ibnu Al-Mubarak berkata: “Itu adalah thabit (pasti) daripada Nabi SAW dan diakui kesahihannya oleh Abdul Haq pengarang kitab Al Ahkam.” (Rujukan: Fath al-Bari 3/234, Al-Fatawa: 24/ 317, Al-Mughni: 2/567, Syarah Sahih Muslim: 2/139)

49. MEMBACA AL-QURAN DI PERKUBURAN

Soalan:

Adakah diboleh membaca Al-Quran di makam-makam atau di perkuburan?

Jawapan:

Tidak terdapat nas yang thabit (jelas) yang mengatakan Nabi SAW pernah membaca sesuatu daripada ayat-ayat Al-Quran ketika baginda menziarahi perkuburan melainkan sebuah hadith iaitu: Maksudnya: “Yaa sin ialah hati/jantung Al-Quran, bacakanlah ia ke atas ‘orang-orang yang mati’ di kalangan kamu.” Sekiranya kita tafsirkan pengertian ‘mautakum’ mengikut maknanya yang sebenar (hakikat) iaitu seorang itu dikira sebagai mayat atau seorang yang mati apabila rohnya keluar daripada jasad. Kerana sekiranya dibawa kepada erti: yang sedang nazak, bererti kita menafsirkannya dengan makna majazi. Dalam hal ini menafsirkannya kepada maknanya yang sebenar (hakikat) lebih diutamakan daripada makna majazi. Dengan itu, tidaklah menjadi tegahan sekiranya dibacakan Al-Quran di perkuburan kerana tidak ada satupun dalil yang melarangnya, dan kerana orang-orang mati mendengar bacaan Al-Quran dan mereka merasa senang dengan bacaan itu.

Imam Ahmad pada mulanya pernah melarang seorang buta daripada membaca Al-Quran di atas kubur, kemudian beliau (Imam Ahmad) mengizinkannya setelah mendengar khabar yang mengatakan Ibnu Umar pernah berwasiat supaya dibacakan permulaan dan penghujung surah Al-Baqarah di sisinya ketika dikebumikan. Kisah ini disebut oleh Ibnu Qudamah di dalam kitabnya ‘Al-Mughni (2/567) di dalam masalah: Ziarah Kubur.

Oleh itu, pendapat yang mengatakan pembacaan Al-Quran di kubur adalah satu yang bid'ah tidak dapat diterima, kerana bid'ah ialah sesuatu yang tidak nyatakan melalui nas yang khusus atau tidak termasuk di dalam mana-mana kaedah syariah. Sedangkan

membaca Al-Quran dianjurkan oleh syariat secara umum, tanpa ditentukan tempatnya atau masanya selagimana tidak terdapat larangan pembacaannya pada waktu atau tempat tertentu.

50. BERDIRI KERANA MENGHORMATI SESEORANG YANG DATANG ATAU KETIKA MELIHAT SESEORANG

Soalan:

Adakah berdiri di hadapan seorang yang baru tiba atau seorang yang masuk atau yang melintasinya dikira sebagai satu yang bid'ah atau ia dianjurkan oleh syarak?

Jawapan:

Para ulama telah berselisih pendapat berhubung dengan perkara ini seperti berikut:

Di antara mereka ada yang melarang berdiri secara mutlak. Di antara ulama yang berpendapat sedemikian ialah: Ahmad bin Muhammad Al-Azdi yang lebih dikenali dengan: Ibnu Al Haj.

Beliau berhujah dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah daripada Abu Umamah ra. katanya: "Rasulullah SAW pernah keluar untuk menemui kami dalam keadaan berpapahkan tongkat, lalu kami bangun berdiri kepadanya. Lalu Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَقُومُوا كَمَا تَقُومُ الْأَعَاجِمُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا.

Ertinya:

"Jangan kamu berdiri sebagaimana orang-orang ajam (bukan Arab) bangun berdiri sesama mereka."

At Tabari menjawab berhubung dengan hadith tadi bahawa ia adalah hadith 'dhaif mudhtharib' (hadith lemah yang bercanggah) dan di dalam sanadnya terdapat seorang yang tidak dikenali. Ini berhubung dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud.

Manakala hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah pula, di dalam sanadnya pula terdapat Abu Ghalib. Sebahagian ulama hadith berpendapat, Abu Ghalib adalah seorang yang 'mungkar' (riwayatnya bercanggah dengan perawi yang thiqah yang lain). Menurut An-Nasaei, Abu Ghalib hanya seorang yang 'dhaif'.

Seandainya hadith tadi tidak terdapat sebarang kecacatan, larangan berdiri padanya bukanlah satu larangan yang mutlak, tetapi yang dilarang ialah berdiri yang ada unsur-unsur penyerupaan dengan orang-orang 'ajam (orang-orang bukan Arab yang kafir) yang disertakan dengan takzim (pengagungan). Itu dapat diketahui pada lafaz hadith iaitu: “.. sebagaimana orang-orang ajam (bukan Arab) bangun berdiri sesama mereka.” Kalaulah yang dilarang oleh Rasulullah SAW itu ialah berdiri untuk menghormati, sudah tentu baginda hanya menyebut: “janganlah kamu berdiri” sahaja (tanpa menyebut orang-orang 'ajam).

Tetapi ia dikaitkan dengan cara berdiri orang-orang 'ajam. Sebab itu ia disentuh oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat ketika mana mereka bangun berdiri.

Selain hadith di atas, golongan yang melarang bangun berdiri itu juga berhujah dengan hadith yang diriwayatkan daripada Muawiyah ra. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَتَمَثَّلَ لَهُ الرَّجَالُ قِيَامًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ .

Ertinya:

“Sesiapa yang suka diwujudkan satu kumpulan lelaki bangun berdiri untuknya, maka sediakanlah tempat duduknya daripada api neraka.”

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad yang sahih dan menurut At-Tirmidzi, ia adalah hadith 'hasan'. Hujah di atas (golongan yang melarang) dapat disangkal seperti berikut:

1. Hadith tadi tidak menunjukkan larangan bangun berdiri daripada seseorang, tetapi larangan ditujukan kepada 'seorang yang orang lain berdiri untuknya' (المقام له) supaya dia tidak mengharap orang lain berdiri untuknya sehingga menjadi tertipu atau takabbur (bangga diri) dengan sebab itu.
2. Hadith tadi juga tidak melarang seorang lelaki daripada bangun berdiri untuk menghormati saudaranya, tetapi yang dimaksudkan ialah membentuk sekumpulan lelaki iaitu dengan cara, dia duduk sedangkan orang lain berdiri di hadapannya sebagaimana dilakukan terhadap raja-raja bukan Arab. Tafsiran inilah yang disokong oleh Al-Munziri, Al-Khattabi, At-Tabrani dan An Nawawi.

Tafsiran ini dikuatkan dengan sebuah athar yang dikeluarkan oleh At-Tabrani di dalam Mu'jam al Ausat daripada Anas ra. katanya: "Sesungguhnya sebab binasanya umat-umat yang terdahulu, kerana mereka mengagungkan raja-raja mereka dengan cara, bangun berdiri sedangkan raja-raja itu dalam keadaan duduk."

Jumhur ulama mengharuskan bangun berdiri kepada seseorang sekiranya di atas dasar melakukan kebaikan dan memuliakannya, bukannya untuk mengagung-agungkannya. Mereka mengeluarkan hujah terhadap pendapat itu seperti berikut:

1. Hadith yang diriwayatkan oleh Al Bukhari daripada Abu Said Al Khudri ra. bahawa ketika Banu Quraizah (satu puak Yahudi) selepas menyerah kalah sanggup menerima hukuman yang dijatuhkan oleh Saad bin Muaz ra., lalu Rasulullah SAW mengutuskan utusan untuk menjemputnya (Saad). Tak lama kemudian Saad pun tiba, lalu Rasulullah bersabda: "Bangunlah berdiri untuk tuan kamu." Atau di dalam satu riwayat: "... seorang yang terbaik di kalangan kamu." Arahan ini adalah jelas supaya bangun berdiri untuk Saad.

Menurut An-Nawawi di dalam kitabnya 'Syarah Sahih Muslim' (12/93): 'Padanya anjuran memuliakan mereka yang memiliki kelebihan dan menyambut mereka dengan cara bangun berdiri ketika mereka tiba. Inilah yang dijadikan hujah oleh jumhur ulama untuk menyatakan sunatnya berdiri. Al-Qadhi berkata: Ini bukanlah termasuk di dalam kategori berdiri yang ditegah, tetapi tegahan ditujukan kepada mereka yang mengarah orang lain berdiri untuknya sedangkan dia dalam keadaan duduk dan berdiri itu berterusan sepanjang masa dia duduk.' Saya (An-Nawawi) berpendapat, bangun berdiri untuk seorang yang datang yang memiliki kelebihan adalah sunat. Anjuran itu dinyatakan dalam beberapa hadith, manakala larangan mengenainya tidak dinyatakan dengan jelas."

Golongan yang melarang berdiri tetap menolak hujah di atas dengan mengatakan bahawa arahan bangun berdiri itu dengan tujuan untuk menurunkannya dari kenderaannya, kerana di waktu itu beliau masih tercedera... Kerana terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Yazid daripada Muhammad bin Amru daripada bapanya daripada datuknya Alqamah bin Waqqas katanya: "Aishah (ra.) menceritakan kepadaku (sebagaimana kisah di atas)... Terdapat tambahan pada riwayat ini iaitu: maka mereka menurunkannya (menurunkan Saad daripada kenderaannya)."

(*Lihat Al-Fath Ar Rabbani: 26/83*)

Pada hemat ku, hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad pada beberapa tempat tanpa menyebut tambahan seperti di atas. Begitu juga, Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan tanpa ada tambahan itu. Kesemua mereka meriwayatkan daripada Syu'bah daripada Saab bin Ibrahim.

(*Lihat Fath al-Bari: 7/49*).

Seandainya kita menerima kaedah (ulum hadith) yang mengatakan: (زيادة الثقة مقبولة) iaitu penambahan yang

dibuat oleh perawi hadis diterima, maka tidaklah menjadi tegahan sekiranya arahan Rasulullah SAW supaya bangun berdiri itu bermaksud dua tujuan iaitu:

Menurunkannya daripada kenderaan dan menghormatinya. Kerana arahan bangun berdiri untuk tujuan menurunkannya daripada kenderaan bukanlah begitu penting, kerana Saad pada waktu itu masih tercedera dan tidak tergambar beliau datang seorang diri tanpa ada seorang yang membantu menaikkannya ke atas kenderaannya dan menurunkannya daripada kenderaan atau mengiringinya sepanjang perjalanan. Maka sudah tentu beliau mempunyai pengiring untuk tujuan itu dan memadai dengan pertolongan mereka sahaja untuk membantunya turun daripada kenderaan tanpa memerlukan pertolongan daripada hadirin yang lain.

2. Hadith yang diriwayatkan oleh An- Nasa'ei, Abu Daud dan At-Tirmidzi daripada Aishah binti Thalhaf daripada Aishah ra. katanya: "Rasulullah SAW apabila melihat anak perempuannya, Fatimah tiba, baginda akan mengucapkan aluan kepadanya, kemudian baginda bangun lalu mengucapkan, kemudian memegang tangannya sehinggalah mendudukkannya di tempat duduk baginda."
3. Bahawa Rasulullah SAW, tatkala tibanya Jaafar dari Habsyah (di waktu itu baginda berada di Khaibar), baginda bangun berdiri dan mengucapnya dan baginda bersabda: "Aku tidak tahu yang manakah lebih aku sukai di antara kepulangan Jaafar dengan pembukaan Khaibar."
4. Hadith yang diriwayatkan daripada Aishah ra: Zaid bin Harithah ketika tiba di Madinah sedangkan pada waktu itu Rasulullah SAW berada di dalam rumahnya, lalu beliau mengetuk pintu, segera Rasulullah SAW bangun berdiri ke arahnya, kemudian memeluk dan mengucapnya."

5. Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Abu Hurairah ra. katanya: 'Rasulullah SAW pernah menyampaikan hadith kepada kami. Apabila baginda bangun, kamipun bangun berdiri sehinggalah kami melihat baginda telah masuk ke rumahnya.'

Bagi Ibnu Al Haj (di antara ulama yang melarang berdiri) mempunyai takwilan tersendiri terhadap dalil-dalil yang dikemukakan di atas. Takwilan terhadap dalil-dalil tadi tidaklah perlu, kerana membawa nas kepada maknanya yang zahir lebih utama daripada mentakwilnya melainkan dalam keadaan darurat (memerlukan).

6. Imam An-Nawawi mengeluarkan hujahnya dengan dalil-dalil umum yang menganjurkan supaya meletakkan manusia sesuai di tempatnya, memuliakan orang tua dan menghormati orang yang lebih tua umurnya daripada kita.
7. Perlakuan bangun berdiri itu diterima oleh fitrah yang murni, ia disukai oleh hati dan diakui oleh akal. Kerana ia selari dengan ajaran Islam yang menyeru supaya saling hormat-menghormati, mulia-memuliai, kasih-sayang, tawadhuk (merendah diri) dan sebagainya. Kalaulah bangun berdiri itu bid'ah, nescaya ia akan memberi kesan di dalam diri dan tidak disukai sekiranya ia dilihat oleh manusia sebagaimana bid'ah-bid'ah lain dan perkara. yang mungkar.

Di manakah bid'ahnya, seandainya bangun berdiri untuk tujuan menghormati, yang bukan untuk mengagung-agungkan dan apakah dosa yang akan diterima oleh pelakunya? Adakah dengan menentang perbuatan itu boleh memberi satu khidmat kepada agama Islam? Atau perkara yang sebaliknya yang berlaku? Kemungkinan bangun berdiri yang bertitik tolak daripada akhlak Islam itu boleh menyebabkan ramai orang-orang yang sesat dan melampaui batas mendapat hidayah daripada Allah.

Abu Al-Walid Ibnu Rusy telah mengeluarkan satu pendapat yang terbaik yang mana beliau mengkategorikannya kepada empat hukum:

1. **Haram** iaitu jika bangun berdiri berlaku ke atas seorang yang ingin orang lain berdiri untuknya untuk bertakabbur atau merasa diri lebih besar daripada mereka yang berdiri untuknya.
2. **Makruh** iaitu jika ia berlaku ke atas seorang bukan untuk bertakabbur dan tidak pula berasa diri lebih besar daripada orang-orang yang berdiri, tetapi ditakutkan dirinya terjebak dengan sesuatu yang dilarang dengan sebab itu, dan kerana ia ada unsur penyerupaan dengan orang-orang yang zalim.
3. **Harus** iaitu sekiranya ia berlaku di atas dasar kebaikan dan memuliakan seorang yang bukan menghendaki perkara itu dilakukan kepadanya dan dapat mengelakkan dirinya daripada penyerupaan dengan orang-orang zalim.
4. **Sunat** iaitu bangun berdiri bagi seorang yang tiba dari safar sebagai melahirkan kegembiraan di atas kedatangannya supaya dia dapat mengucapkan salam ke atasnya, atau kepada seorang yang baru mendapat nikmat supaya dia dapat mengucapkan tahniah di atas penerimaan nikmat itu, atau kepada seorang yang mendapat musibah supaya dia dapat mengucapkan takziah terhadap musibah itu. (Rujukan: Fath al-Bari: 11/49-45, Al-Fath al-Rabbani: 6/83, 22/256, 7/325, Syarah Sahih Muslim: 12/93)

51. MENCIUM TANGAN ULAMA DAN ORANG SOLEH

Soalan:

Apakah hukum mencium tangan para ulama dan orang soleh? Adakah ia suatu yang bid'ah atau ia dianjurkan oleh syarak?

Jawapan:

Mencium tangan ulama, orang-orang soleh dan pemimpin yang adil adalah sunat, dan bukannya suatu yang bid'ah sepertimana yang didakwa oleh sebahagian umat Islam selagi mana ia tidak menyebabkan mereka yang dicium tangan itu tertipu (ghurur). Sekiranya keadaan itu terjadi, dosa dibebankan kepada orang yang diciumkan tangannya dan bukannya kepada orang yang mencium, kerana yang mencium itu hanya bermaksud untuk memuliakan dan menghormatinya.

Dalil bagi masalah ini adalah seperti berikut:

1. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dan Abu Daud dengan sanad yang 'hasan sahih' daripada Safwan bin 'Assal ra. katanya: "Seorang Yahudi berkata kepada sahabatnya: "Mari kita pergi bertemu dengan nabi ini." Lalu mereka berdua pergi menemui Nabi SAW dan bertanya kepadanya sembilan tanda yang nyata. Maka Rasulullahpun menjawab: "Janganlah kamu mensyirikkan Allah dengan sesuatu apapun, jangan kamu mencuri, jangan kamu berzina, jangan kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah melainkan dengan haknya, jangan kamu berjalan dengan bebas kepada seorang yang mempunyai kekuasaan lalu dia membunuh kamu, jangan kamu mengamalkan sihir, jangan kamu memakan riba, jangan kamu menuduh melakukan zina kepada seorang wanita yang suci, jangan kamu berpaling tadah (berundur) dari medan peperangan, jangan kamu bekerja pada hari Sabtu."

Safwan berkata: "Lalu kedua Yahudi itu mencium tangan dan kaki baginda SAW dan berkata: "Kami bersaksi bahawa engkau adalah seorang nabi." Nabi SAW bertanya: "Apakah yang menghalang kamu daripada mengikutiku?" Salah seorangnya menjawab: "Sesungguhnya Nabi Daud as. pernah mendoakan kepada Tuhannya supaya sentiasa mengutuskan nabi di kalangan zuriatnya, dan kami takut sekiranya kami

mengikutimu, kami akan dibunuh oleh orang-orang Yahudi.”

2. Hadith yang diriwayatkan dengan sanad yang sahih bahawa Ummu Aban binti Wazei' bin Zarei' daripada datuknya Zarei' ra. dan beliau bersama-sama di dalam rombongan qabilah Abdul Qais katanya: “Tatkala kami tiba di Madinah, kami segera meninggalkan kenderaan-kenderaan kami, lalu kami mencup tangan dan kaki Rasulullah SAW. Tetapi Al-Munzir Al-Arsyah menunggu sehingga tibanya Utbah, lalu beliau memakai kedua pakaiannya, kemudian pergi menemui Nabi SAW. Nabi bersabda kepadanya:

“Sesungguhnya pada kamu ada dua sifat yang dikasihi oleh Allah iaitu: sabar dan lemah lembut.” Al-Munzir bertanya: Wahai Rasulullah adakah aku yang berusaha untuk berakhlak dengan kedua-dua sifat itu atau ianya dikurniakan oleh Allah? Rasulullah SAW menjawab: Ia dikurniakan oleh Allah kepada kamu.” Lalu Al-Munzir mengucap: “Alhamdulillah yang telah mengurniakan kepadaku dua sifat yang dicintai Allah dan rasulNya.”

Jika terdapat dakwaan mengatakan ia hanya dikhususkan kepada Nabi SAW. Maka kami akan menjawab begini: Dakwaan ini perlulah dikemukakan bersama dalil yang menyatakan mencup tangan dan kaki hanya khusus untuk Rasulullah SAW tetapi tidak ada satupun dalil mengenai perkara tersebut. Prinsip asalnya ialah setiap sesuatu yang diakui oleh Rasulullah SAW atau dilakukan dan diucapkan oleh baginda menjadi syariat untuk baginda dan umatnya selagimana tidak ada dalil yang menyatakan ia dikhususkan untuk Rasulullah SAW.

Manakala pendapat yang mengatakan sekiranya diharuskan mencup tangan atau kaki, nescaya ia membawa kepada tunduk yang dilarang. Maka jawapannya begini: Bukan semestinya setiap bentuk tunduk itu ditegah oleh syarak, tetapi yang ditegah ialah tunduk untuk tujuan mengagungkan dan rukuk. Bukankah apabila

sesuatu barang kamu jatuh ke tanah, maka kamu menundukkan badan untuk mengambilnya? Jadi, begitulah juga menundukkan badan di sini adalah untuk mengucup tangan atau kaki, bukannya untuk menyembah atau mengagungkan.

52. PERAYAAN MAULID AR RASUL

Soalan:

Apakah hukum perayaan dan perhimpunan untuk mengingati kelahiran Rasulullah SAW? Adalah ia sesuatu yang bid'ah atau dianjurkan oleh syarak?

Jawapan:

Perayaan sempena mengingati maulid Ar Rasul SAW tidaklah diketahui bahawa ia pernah dilakukan pada zaman para sahabat ra. Namun begitu, tidak semestinya sesuatu perkara yang tidak dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, maka ia dikira sebagai sesuatu bid'ah yang keji atau menafikan apa yang dibawa oleh syarak. Tetapi sekiranya perayaan maulid itu dilakukan dengan alasan ia termasuk ibadah yang diperintahkan oleh syarak sepertimana puasa, solat dan ibadah-ibadah lain, maka barulah ia dikatakan bid'ah.

Jika sekiranya ia dilakukan di atas dasar untuk mengingati maulid (kelahiran) Rasulullah SAW dan mengenang semula sirahnya (perjalanan hidupnya) yang mulia dan majlis itu suci daripada kemungkaran atau pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita atau berlebihan-lebihan di dalam memuji Rasulullah SAW, maka ia tidak boleh dianggap sebagai satu bid'ah yang pelakunya dianggap sesat dan berhak untuk dimasukkan ke dalam neraka dengan sebab itu, kerana bid'ah telahpun diperjelaskan oleh Nabi SAW dengan sabdanya yang bermaksud:

“Sesiapa yang mewujudkan pada urusan kami ini sesuatu yang bukan daripadanya, maka ia tertolak.” Mafhum mukhalafah hadith ini ialah: Sesiapa yang mewujudkan sesuatu pada urusan kami

yang termasuk di dalamnya, maka ia diterima.” Sebagaimana yang telahpun kami nyatakan lebih daripada sekali di dalam buku ini.

Faedah daripada perayaan maulid ialah:

1. Perhimpunan umat Islam- Mengumpulkan umat Islam memang dianjurkan dan digalakan oleh Islam. Maka ia dikira termasuk di dalam syariat Islam.
2. Penyampaian nasihat-nasihat dan khutbat-khutbah. Ia juga dianjurkan oleh Islam dan termasuk di dalamnya.
3. Pujian kepada Rasulullah SAW tanpa berlebih-lebih. Ia juga termasuk di dalam Islam kerana para penyair pernah memuji Rasulullah SAW di hadapan baginda tanpa apa-apa bantahan daripada Rasulullah SAW.
4. Jamuan makanan. Ia juga termasuk di dalam Islam.

Maka isi kandungan maulid/ajenda tersebut tidak bercanggah dengan Islam dan kaedah-kaedahnya (qawaid syar’iyyah). Cuma cara pelaksanaannya sahaja yang baru. Selagimana ajendanya tidak ditolak oleh Islam, maka tidak harus kita melabelkannya sebagai satu bid’ah yang sesat.

53. MENGADAKAN BACAAN MAULID SEMPENA KEMATIAN SESEORANG

Soalan:

Apakah hukumnya mengadakan majlis bacaan Maulid Nabawi selepas tiga hari atau seminggu atau empat puluh hari atau setahun daripada tarikh kematian seseorang, terutamanya sekiranya si mati itu seorang alim atau mempunyai kedudukan, maka adakah ia bid’ah yang dikeji atau tidak?

Jawapan:

Pertama

Mengadakan Maulid Nabawi semata-mata, tidak boleh kita

melabelkannya sebagai bid'ah yang dimaksudkan oleh syarak, kerana bid'ah dari segi syarak ialah satu yang sesat, dan kesesatan adalah neraka padahnya. Selagimana agenda/isi kandungan maulid itu tidak menyalahi syariat dan kaedah-kaedahnya seperti jamuan makanan, perhimpunan umat Islam, penyampaian nasihat-nasihat, puji-pujian yang jauh daripada melampau-lampau dan dengan menggunakan lafaz yang dibenarkan syarak, maka tidak dihukum ke atasnya sebagai satu yang bid'ah yang membawa ke arah kesesatan.

Mungkin didapati sesetengah ulama menghukumnya sebagai bid'ah, tetapi bid'ah yang dimaksudkan itu ialah bid'ah dari segi bahasa iaitu sesuatu yang baru, kerana ia baru diwujudkan dan tidak pernah wujud sebelum itu.

Sekiranya seorang muslim yang mengadakan maulid itu dengan iktiqad bahawa ia termasuk di dalam sunnah Rasulullah SAW atau para khulafa ar Rasyidin, atau berlaku padanya sesuatu yang bercanggah dengan syariat atau perkara yang ditolak oleh nas-nas (dari Al-Quran atau hadith) atau bertentangan dengan qawaid syar'iyah, maka pelaksanaannya berdasarkan asas tadi dikira sebagai bid'ah yang dimaksudkan oleh syarak dan ia adalah sesat.

Kedua: Mengadakan Maulid Sempena Kematian

Mengucapkan takziah dianjurkan oleh syarak sehingga hari yang ketiga (selepas kematian) yang padanya tidak dilakukan pembacaan Al-Quran melalui pembesar suara, ahli keluarga si mati tidak menyediakan jamuan untuk orang ramai, tidak berlaku padanya unsur-unsur pembaziran, tidak sepertimana yang berlaku pada majlis-majlis takziah pada waktu ini dan ia tidak ditutup dengan pembacaan manaqib dan maulid nabawi SAW.

Sekiranya ia diadakan melebihi tiga hari, dan mengadakan semula pada hari-hari raya atau pada setiap tahun, maka itu adalah

perkara yang bercanggah dengan syariat Islam. Kerana mengadakannya pada hari yang keempat puluh atau pada awal tahun adalah adat yang biasa dilakukan oleh orang-orang Nasrani yang kita tidak diharuskan beramal dengannya. Jadi, mengadakan maulid sempena asas tadi adalah bid'ah yang bercanggah dengan sunnah mengucap takziah. Maka, ia menjadi haram dengan sebab yang lain iaitu penyerupaan dengan orang-orang bukan Islam ketika mereka bertakziah dan terpengaruh dengan bentuk ibadah mereka, sedangkan kita diperintahkan supaya menyalahi Yahudi dan Nasrani sehinggakan di dalam bentuk pelaksanaan ibadah mereka.

54. AL-ASYA'IRAH (PENDOKONG MAZHAB IMAM ABU HASAN AL ASY'AARI)

Soalan:

Terdapat golongan yang mendakwa 'berilmu mengenai Al-Quran dan hadith', bangun mengkafirkan satu kumpulan daripada umat Islam yang dikenali sebagai: Al-Asya'irah. Apakah hukum mereka yang mengkafirkan mereka ini dan apakah peranan yang telah dimainkan oleh kumpulan Asya'irah ini dalam berkhidmat untuk Islam?

Jawapan:

Al-Asya'irah ialah para pengikut Imam Abu Hasan Al-Asy'ari yang mempunyai jasa yang besar dalam membersihkan aqidah ahli Sunnah wal Jamaah daripada kekeruhan yang dicetuskan oleh golongan Muktazilah. Kebanyakan pendokong dan ulama-ulama ulung umat ini daripada golongan Asya'irah ini. Sedangkan golongan yang mempertikaikan mereka ini tidakpun mencapai separas buku lali mereka dari segi ilmu, warak dan takwa.

Di antara ulama Asya'irah ialah: Imam Al-Haramain, Al-Ghazali, Ibnu Hajar Al-Asqalani, Fakhruddin Ar-Razi dan lain-lain. Apakah dosa yang mereka telah lakukan? Adakah kerana

mereka bertungkus lumus untuk membuat penolakan ke atas kekeliruan yang ditimbulkan oleh golongan Musyabbihah berhubung dengan Zat Allah? Golongan Musyabbihah ini cuba untuk menetapkan bahawa Allah SWT mempunyai jisim melalui ayat-ayat mutasyabihat dan hadith-hadith yang menyatakan secara zahirnya bahawa Allah mempunyai tangan, mata, siku, jari-jari dan sebagainya.

Lalu ulama Asya'irah bangun membuat penolakan ke atas kekeliruan mereka itu dengan membawa ayat-ayat dan hadith-hadith tadi kepada makna majaz, kerana golongan musyabbihah ini tidak menerima prinsip 'tafwidh' (penyerahan maknanya kepada Allah), maka hujah Musyabbihah itu tidak dapat ditolak melainkan dengan menggunakan kaedah 'takwil'. Walaupun begitu, mereka (Asya'irah) tetap berpendapat, 'At tafwidh' dan tidak mendalami untuk mengetahui maksud sebenarnya adalah lebih selamat bagi aqidah.

Syubhat (kesamaran) yang digunakan oleh golongan yang mengkafirkan ulama Asya'irah ini ialah dengan menuduh mereka (Asya'irah) menolak sebahagian sifat Allah kerana golongan tadi menganggap bahawa tangan, kaki, mata adalah sifat-sifat bagi Allah sepertimana qudrat, iradat dan ilmu. Menurut mereka, sebagaimana Allah Taala mempunyai qudrat yang bukannya seperti qudrat kita, ilmu yang bukannya seperti ilmu kita, maka begitu juga Dia mempunyai tangan tetapi bukannya seperti tangan kita, mata bukannya seperti mata kita.

Sedangkan tidak sedikitpun tersembunyi, bahawa lafaz tangan, mata dan jari-jari adalah nama-nama zat dan bukannya nama-nama sifat. Sekiranya kita menyebut 'tangan', maka akan tergambar di dalam benak fikiran kita tangan yang berjasad (mempunyai bentuk). Tetapi sekiranya kita menyebut 'qudrah' (berkuasa), tidaklah tergambar ke fikiran kita qudrah yang berjasad (yang boleh dirupakan dengan bentuk). Jadi qias

yang mereka gunakan itu adalah qias yang tidak tepat.

Oleh itu, melemparkan kejian ke atas ulama Asya'irah yang mentakwil ketika berhadapan dengan golongan Musyabbihah, bererti telah mencabul kemuliaan mereka dan melakukan kezaliman ke atas mereka dan menolak jasa yang mereka curahkan untuk menjaga aqidah. Apatah lagi sekiranya mereka ini dikafirkan. Mereka yang mengkafirkan golongan Asya'irah ini akan digolongkan ke dalam mereka yang dimaksudkan oleh hadith Rasulullah yang bermaksud:

“Sekiranya seorang lelaki memanggil kepada saudaranya seislam, “wahai kafir”, maka kata-kata itu akan terkena kepada salah seorang daripada keduanya. Sekiranya benar seperti yang dikatakan, maka dia selamat. Jika tidak tepat, maka tuduhan itu akan kembali kepadanya.”(muttafaq ‘alaih). Dan hadith: “Sesiapa yang memanggil seorang lelaki dengan lafaz kekufuran atau memanggil, “wahai musuh Allah,” sedangkan yang dituduh itu bukanlah seperti yang dikatakan, maka tuduhan itu kembali kepada penuduh.”

(Muttafaq ‘alaih).

Perumpamaan mereka yang mengkafirkan ulama Asya'irah atau Imam Abu Hasan Al Asy'ari sendiri bagaikan seorang pelatih yang baru ditempatkan di hospital untuk belajar dengan seorang doktor pakar yang mempunyai sijil yang tertinggi dalam bidang perubatan dan memiliki gelaran keilmuan yang tertinggi, sedangkan pelajar yang baru tadi sekadar membaca atau belajar cara membalut luka. Kemudian selepas belajar cara membalut luka itu, dia bangun mempertikaikan doktor pakar tadi dan melemparkan tuduhan mengatakan doktor tadi tersilap dan jahil dan meragukan orang ramai pada maklumat yang dimiliki oleh doktor pakar tersebut.

55. HUKUM TEMPAT ZIKIR DI DALAM ISLAM

Soalan:

Apakah hukum tempat berzikir mengikut pandangan Islam?

Jawapan:

Tempat berzikir ialah rumah yang dikhususkan sebagai tempat perhimpunan umat Islam untuk berzikrullah dan mempelajari ilmu. Ianya tidak pernah diwujudkan pada kurun pertama dalam Islam.

Oleh itu, ia dikira sebagai satu perkara yang baru diwujudkan. Jadi, sekiranya ia memiliki syarat-syarat yang akan dikemukakan selepas ini, maka kewujudannya adalah baik, kerana ia termasuk di dalam kategori majlis zikir yang digalakkan oleh Rasulullah SAW. Kerana terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah ra. daripada Nabi SAW bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya Allah memiliki malaikat yang mulia yang sentiasa meronda untuk mengikuti majlis-majlis zikir. Sekiranya mereka menemui satu majlis zikir, maka mereka akan duduk di situ sambil sesama mereka akan memben-tangkan sayap-sayap mereka sehingga memenuhi ruang di antara mereka dengan langit dunia. Setelah ahli majlis itu berpisah, maka para malaikat tadi naik ke langit. Lalu Allah bertanya kepada mereka sedangkan Dia Maha Mengetahui:

Dari mana kamu datang?

Malaikat menjawab: Kami datang dari sisi hamba-hambaMu di dunia yang bertasbih, bertakbir, bertahlil dan memohon kepada Engkau.”

Allah bertanya lagi: Apa yang mereka memohon?

Mereka menjawab: Mereka memohon syurgaMu.

Allah bertanya: Apakah mereka pernah melihat syurgaKu?

Mereka menjawab: Tidak, wahai Tuhan.

Allah berkata: Maka, bagaimanalah sekiranya mereka pernah melihat syurgaKu?

Para malaikat berkata: Mereka juga meminta dijauhkan kepadaMu.

Allah bertanya: Daripada apa yang mereka minta dijauhkan?

Mereka menjawab: Daripada nerakaMu?

Allah bertanya: Adakah mereka pernah melihat nerakaKu?

Mereka menjawab: Tidak.

Allah berkata: Bagaimanakah kalau mereka pernah melihat nerakaKu?

Para malaikat memberitahu lagi: Mereka juga beristighfar kepada Engkau?

Allah berkata: Aku telah mengampuni mereka, dan Aku berikan kepada mereka apa yang mereka minta dan menjauhkan mereka daripada apa yang mereka minta jauhkan.

Para malaikat berkata lagi: Ya Tuhan, di kalangan mereka ada seorang hamba yang bersalah. Dia melintasi majlis mereka, lalu duduk bersama mereka.

Allah berkata: Aku telah ampuninya, mereka adalah kaum yang tidak merugikan sesiapa yang duduk bersama mereka.”

A. Perkara Baru Yang Dibawa Masuk Ke Tempat- Zikir Dan Tasauf

Apabila kami katakan bahawa tempat-tempat zikir memang dianjurkan oleh syarak, tetapi ia mestilah dipelihara beberapa perkara berikut:

1. Pemimpin tempat-tempat itu hendaklah seorang lelaki yang

bertakwa, warak, alim dalam bidang syariat atau seorang yang masih belajar dengan ulama yang boleh dijadikan tempat rujuk mengenai setiap persoalan agamanya.

2. Tempat-tempat itu tidak dijadikan wasilah/alat untuk mencari rezeki atau sumber pendapatan hidup atau tempat mengumpulkan harta.
3. Zikir-zikir yang diamalkan di situ hendaklah diambil daripada sunnah Nabi SAW.
4. Tempat-tempat itu hendaklah terhindar daripada perkara-perkara yang diharamkan seperti gambar-gambar dan sebagainya, dan hendaklah juga terhindar daripada kata-kata atau syiar-syiar yang bercanggah dengan syariat.
5. Zikir hendaklah terhindar daripada alat-alat muzik dan melalaikan seperti piano, gendang, seruling dan muzik kerana perkara-perkara tadi ditegah oleh syariat melainkan paluan kompang. Tetapi sebaik-baiknya, kompang juga ditinggalkan ketika berzikir.
6. Pada ketika berzikir itu janganlah terdapat tarian-tarian atau hayunan badan yang berlebihan dan memberatkan atau memenatkan diri melebihi daripada keadaan biasa.
7. Janganlah terdapat unsur-unsur penyerupaan dengan apa yang dilakukan oleh penari-penari seperti berpusing-pusing badan dan sebagainya.
8. Janganlah terdapat di kalangan ahli zikir itu yang berambut panjang sampai ke had punggung dengan tujuan ia dapat dihayunkan bersama-sama ketika berzikir.
9. Lafaz zikir itu hendaklah disebut dengan lafaz yang jelas dan sebutan yang terang. Jangan dilakukan dengan sebutan yang tidak difahami iaitu apa yang dinamakan: Zikir khafi. Demikian juga lafaz Jalalah (nama Allah) hendaklah disebut

dengan sempurna dan terang.

10. Janganlah menzahirkan padanya perkara-perkara yang adakalanya dikira sebagai karamah dan adakalanya bukan seperti memukul-mukul badan dengan senjata tajam, menelan ular-ular berbisa, memamah kaca dan sebagainya melainkan ketika dicabar.
11. Tidak berlebih-lebih dalam menghormati syeikh sehingga ke peringkat menundukkan badan kepadanya atau menyungkurkan badan untuk mencium kaki syeikh itu atau keluar daripada syeikh dalam keadaan berundur iaitu muka mengadap syeikh dan berjalan keluar secara berundur ke belakang.

Itulah di antara perkara yang dibawa masuk ke atas ilmu Tasauf yang bukannya diterima secara bersambung 'silah', tetapi ia adalah perkara yang baru diwujudkan.

56. HUKUM TARIQAT SUFIYYAH

Soalan:

Adakah tariqat itu dianjurkan oleh syarak atau tidak? Adakah termasuk di dalam amalan tariqat memukul-mukul badan dengan pedang atau lembing, memegang ular-ular berbisa, mengunyah kaca dan mata pisau cukur?

Jawapan:

Tasauf yang sebenar ialah berusaha untuk memiliki akhlak sepertimana akhlak Rasulullah SAW di dalam amalan, percakapan dan segala tindakan serta berpegang teguh dengan apa yang disampaikan oleh syarak iaitu dengan cara mematuhi segala perintah, menjauhi segala larangan dan menyerah diri kepada ketentuan qadha dan qadar. Ahli tasauf yang benar ialah seorang yang tidak bera.mal dengan sesuatu yang bercanggah dengan yang 'aula' (utama) disamping menjauhkan diri daripada perkara haram dan makruh.

Dan ahli tasauf juga tidak menjadikan tasauf sebagai sumber rezeki dan kehidupan serta tidak menggunakan helah atau mengeluarkan kata-kata melebihi had yang dibenarkan oleh syarak. Dia juga tidak berhasad dengki dan membenci melainkan kerana Allah dan menghadapi kejahatan dengan kebaikan.

Sekiranya sesuatu tariqat bersifat seperti di atas maka ia dikira termasuk di dalam syariat kerana ia berakhlak dengan akhlak dan adab-adab Islam. Sekiranya ia bercanggah dengan apa yang disebut tadi, contohnya: ahli tariqat itu mengeluarkan kata-kata yang tidak diperakui oleh syariat atau berlebihan-lebih atau menyifatkan imam-imam tasauf dengan sifat-sifat yang berlebihan seperti menganggap mereka itu sehingga melebihi taraf sebagai seorang manusia, atau mengambil kesempatan daripada tasauf untuk mengaut harta dan sumber pendapatan hidup atau malas untuk bekerja sehingga dia bergantung kepada orang ramai, maka tasauf seperti ini adalah satu kejahilan. Adakala ia membawa kepada kesesatan dan bukannya tasauf yang digariskan oleh syarak.

Di antara syarat-syarat yang mesti dimiliki oleh ahli tariqat ialah seperti berikut:

- a. Ahli tariqat itu mestilah 'alim (pakar) dengan ilmu Fiqh dan syariat Islam atau sentiasa belajar dengan alim ulama.
- b. Dia hendaklah beramal dengan ilmunya.
- c. Dia hendaklah melazimi adab-adab Islam.
- d. Dia sentiasa mendampingi orang-orang soleh untuk mencontohi mereka.

Sekiranya dia tidak memiliki satu sahaja daripada syarat-syarat di atas, maka dia bukanlah seorang sufi yang sebenar. Manakala pertanyaan mengenai hukum memukul-mukul badan dengan tombak atau pedang, memamah kaca dan memegang ular-ular berbisa. Sekiranya perlakuan itu berlaku daripada seorang lelaki yang bertakwa, ahli ibadah dan soleh, maka tidaklah menjadi

tegahan sekiranya dianggapnya sebagai karamah atau kemuliaan untuknya daripada Allah Taala.

Sekiranya lelaki itu tidak bertakwa atau cuai daripada melaksanakan syariat, maka perkara itu dikira sebagai 'istidraj' yang mana Allah SWT memberinya perkara seperti itu supaya dia menjadi bertambah tertipu dengan dirinya sendiri, kerana dia merasakan sudah mencapai peringkat orang soleh sedangkan realitinya adalah sebaliknya.

Kemungkinan juga perkara-perkara itu boleh dihasilkan melalui kebiasaan dan latihan sepertimana ia terjadi pada kebanyakan orang-orang kafir. Penghuraianya secara detail akan didatangkan selepas ini.

57. ADAKAH DIWAJIBKAN KE ATAS SETIAP MUSLIM Mencari Seorang Syeikh Untuk Dirinya

Soalan:

Adakah dimestikan ke atas setiap muslim menjejaki atau mencari seorang syeikh (guru mursyid)? Apakah sifat yang mesti ada pada guru tersebut? Kerana terdapat segolongan yang mengatakan: "Syeikh Polan adalah seorang yang kamil.." Adakah dakwaan seperti ini benar atau tidak? Adakah terdapat syeikh yang memiliki sifat-sifat yang sempurna? Adakah syeikh seperti yang didakwa itu menjadi wasilah di antara kita dengan Rasulullah SAW? Adakah benar dakwaan yang mengatakan: "Sesiapa yang tidak mempunyai syeikh (guru mursyid), maka syaitanlah gurunya?" Apakah yang dimaksudkan dengan hadith: "Sesiapa yang tidak mempunyai bai'ah, nescaya dia akan mati dalam keadaan mati jahiliah?"

Jawapan:

1. Tidak disyaratkan bagi mana-mana individu muslim mempunyai seorang syeikh sekiranya dia telahpun dapat

beriltizam dengan adab-adab Islam, tetapi memadai sekiranya dia mendapatkan seorang guru yang dapat dipelajari melaluinya hukum-hakam agama yang dengannya dapat dijadikan penyuluh untuk beribadah kepada Allah. Keadaan ini boleh diperolehi dengan mendampingi para alim ulama atau fuqaha dan bertanya persoalan-persoalan agama kepada mereka.

2. Sekiranya dia ingin bersahabat dengan syeikh dengan tujuan agar dia diberi peringatan ketika lupa atau diberi pengajaran ketika jahil atau diberi petunjuk ketika tersesat, maka dimestikan mencari syeikh yang memiliki syarat-syarat berikut:
 - a. Syeikh atau guru tersebut mestilah 'alim atau terpelajar yang boleh dijadikan tempat rujuk pada perkara yang kecil atau besar di dalam agama.
 - b. Seorang yang beramal dengan ilmunya.
 - c. Seorang yang sentiasa melazimi adab-adab yang terdapat di dalam Sunnah Nabawi.
 - d. Seorang yang bersahabat atau mendampingi orang-orang soleh dan bertakwa.
3. Manakala dakwaan memiliki sifat-sifat yang kamil(sempurna): Kesempurnaan yang hakiki tidak wujud melainkan pada Zat Allah SWT sahaja. Kalaupun disebut pada makhluk, itu hanya 'kamil nisbi', kerana kesempurnaan pada makhluk berbeza di antara satu sama lain mengikut kadar ketakwaan dan taqarrub (pendekatan diri) kepada Allah SWT.

Kesempurnaan yang disandarkan kepada seseorang yang tertentu di kalangan makhluk ini, adakalanya benar dan adakalanya hanya semata-mata dakwaan daripada para pengikut seseorang lelaki untuk menarik minat orang ramai menyertai kumpulannya walaupun dia bukanlah layak untuk

mendapat gelaran sedemikian. Dan adakalanya juga untuk berbaik sangka dengan lelaki tersebut. Saya ingin menasihatkan kepada sesiapa yang mengadakan perhubungan dengan syeikh-syeikh seperti ini supaya jangan terlalu berlebih-lebih mengagungkan mereka, walaupun mereka telah sampai ke peringkat takwa dan kesolehan yang tertinggi, kerana berlebih-lebihan itu dikeji di dalam syariat Islam.

4. Manakala dakwaan: Syeikh itu adalah wasilah kepada Nabi SAW: Sekiranya dakwaan itu di atas alasan bahawa syeikh itu merupakan pendorong ke arah kebaikan yang menjadi wasilah untuk menuju kepada Allah dan RasulNya, maka dakwaan tersebut dikira benar. Tetapi sekiranya bukan di atas alasan tadi, maka kata-kata seperti itu salah.

Manakala kata-kata: “Sesiapa yang tidak mempunyai syeikh, maka syaitanlah syeikhnya (gurunya).” Sebenarnya kata-kata ini bukanlah hadith. Sekiranya yang dimaksudkan dengan syeikh di sini ialah guru yang mengajar kamu perkara halal dan haram dan pendorong kamu menuju kepada jalan Allah, maka mencari syeikh atau guru dalam keadaan seperti ini adalah wajib, kerana sesiapa yang tidak mempunyai guru seperti ini, ditakutkan dia beramal berdasarkan tunjuk ajar syaitan, kerana tidak ada selain daripada kebenaran melainkan kebatilan. Tetapi sekiranya dimaksudkan dengan syeikh itu ialah setiap muslim mesti mengambil satu tariqat daripada tariqat-tariqat sufi, maka kata-kata ini tidak dapat diterima.

Manakala hadith yang bermaksud: “Sesiapa yang tidak mempunyai bai’ah, nescaya dia akan mati dalam keadaan mati jahiliah.” Sebenarnya hadith ini bermaksud bai’ah kepada khalifah atau sultan atau pemerintah. Ia memberi gambaran betapa pentingnya kewujudan seorang pemimpin bagi umat Islam. Jadi, ia bukanlah bermaksud selain daripada itu.

Namun begitu, sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, kami

tidaklah menafikan keharusan membuat perjanjian taat setia atau ikatan perhubungan dengan syeikh yang memiliki syarat-syarat yang telah disebut tadi. Bahkan sekiranya seseorang telah menemui seorang syeikh/guru yang boleh memimpin, maka tidaklah menjadi tegahan untuk berpegang teguh dengan nasihat-nasihat atau dorongan-dorongannya asalkan tidak sampai ke peringkat ta'assub atau mencari peluang untuk menaikkan dirinya sebagai pemimpin di dalam agama atau untuk berbangga-bangga dengan manusia. Selain itu, dia tidaklah beriktihad bahawa guru tersebut maksum (terpelihara) daripada kesalahan, dan tidak menganggap segala perkataan dan perbuatannya baik belaka walaupun dengan jelas ia bercanggah dengan syariat Islam.

58. BERZIKIR DENGAN SUARA YANG KUAT

Soalan:

Rumah kami terletak berdekatan dengan tempat berzikir satu kumpulan sufi. Kadang kala kami bersolat di situ. Apa yang aku lihat, orang ramai berkumpul di situ setiap malam Selasa dan Jumaat lebih ramai daripada malam-malam lain.

Pada suatu hari, saya mengerjakan solat di situ dan bersama ku beberapa orang sahabat. Sebaik sahaja selesai solat, bangun sebahagian daripada hadirin sambil berzikir dengan suara yang lantang. Sebahagian daripada mereka memegang pedang sambil memukul-mukul badan mereka dan sebahagian yang lain memegang tasbeih dan air keluar terpancut daripada tasbeih-tasbeih itu.

Adakah perhimpunan pada hari-hari yang ditetapkan itu untuk tujuan berzikir terdapat di dalam sunnah Rasulullah SAW? Adakah memukul-mukul badan dengan alat-alat yang tajam itu termasuk di dalam perkara yang mencarikkan adat?

Jawapan:

Soalan di atas menyentuh dua perkara penting:

Pertama

Hukum berzikir dengan suara yang lantang dan berkumpul di satu tempat khusus untuk berzikir.

Berzikir dengan suara yang nyaring dan kuat tidaklah ditegah oleh syarak, walaupun berzikir dengan suara yang perlahan lebih afdhal, kerana Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الذِّكْرِ مَا خَفِيَ.

Ertinya:

“Sebaik-baik zikir ialah apa yang disembunyikan (dengan suara yang perlahan).”

Perkataan “khair” yang bererti sebaik-baiknya adalah kata-kata melampau (اسم التفضيل) yang menunjukkan meninggikan suara ketika berzikir dibenarkan dan baik tetapi merendahkan suara adalah lebih baik/afdhal. Namun begitu, hadith di atas adalah hadith dhaif, tetapi ia boleh diamalkan kerana merendahkan suara lebih membawa kepada khusyuk.

Berhubung dengan hukum perhimpunan untuk berzikrullah dengan zikir-zikir yang terdapat di dalam syariat yang diambil daripada Al-Quran atau Sunnah Rasulullah SAW, ia adalah dianjurkan oleh syariat (bukan bid'ah), kerana terdapat dalil-dalil yang menggalakkannya. Di antara dalil-dalil tersebut adalah seperti berikut:

1. Hadith Qudsi: Rasulullah SAW bersabda sebagaimana yang diterima daripada Allah SWT:

وَمَنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَأٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأٍ خَيْرٍ مِنْ مَلَأِهِ.

Ertinya:

“Sesiapa yang menyebutKu dalam satu kumpulan, Aku akan

menyebutnya di dalam satu kumpulan yang lebih baik daripada kumpulan itu.”

2. Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Said Al-Khudri ra. katanya: “Rasulullah SAW pernah bersabda:

لَا يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَنَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ.

Ertinya:

“Tidaklah duduk sesuatu kaum untuk mengingati Allah melainkan para malaikat akan membentangkan sayapnya, mereka diselubungi rahmat dan diturunkan ketenangan ke atas mereka, bahkan Allah akan menyebut mereka pada mereka yang di sisiNya (para malaikat).”

3. Imam Muslim juga meriwayatkan bahawa Abu Said Al-Khudri menceritakan: “Suatu ketika, Muawiyah keluar dan melihat satu perhimpunan di dalam masjid, lalu dia bertanya: “Apa yang menyebabkan kamu duduk di sini? Lalu mereka menjawab: “Kami duduk untuk mengingati Allah.” Beliau bertanya lagi: “Ya Allah, adakah yang menyebabkan kamu berkumpul hanya dengan tujuan itu? Sambung Muawiyah: “Aku bukannya hendak membiarkan kamu ditohmah, tidak ada seorangpun berkedudukan sepertiku bersama Rasulullah SAW. Bahawa baginda pernah keluar dan melihat satu kumpulan daripada sahabatnya, lalu baginda bertanya: “Apakah yang menyebabkan kamu duduk berkumpul di sini? Lalu mereka menjawab: Kami duduk untuk mengingati Allah, mengucap tahmid (pujian) kerana Dia telah memberi hidayah kepada kami untuk menerima Islam dan apa yang dikurniakan ke atas kami dengan sebab itu.” Baginda bertanya lagi: “Ya Allah, adakah kamu duduk hanya dengan tujuan itu?

Para sahabat menjawab: Demi Allah, kami tidak duduk di sini melainkan dengan tujuan itu.” Baginda berkata: Sebenarnya aku bukannya hendak membiarkan tohmah untuk kamu, tetapi Jibril telah datang kepadaku dan memberitahu bahawa Allah terbangga dengan kamu di hadapan para malaikatNya.”

Terdapat pendapat mengatakan, zikir yang disebut di sini ialah Al-Quran. Ia adalah takwil yang tersimpang jauh daripada fakta yang sebenar, terutamanya hadith-hadith itu dengan jelas menyebut tasbih, takbir, tahlil dan dan tahmid. Sila rujuk bab: “Kelebihan mengadakan kumpulan zikir di dalam kitab Riyadh as Sholihin dan kitab-kitab hadith sahih yang lain.

Manakala sebuah athar yang sahih daripada Ibnu Mas’ud ra. bahawa beliau pernah menghalau keluar satu kumpulan dari masjid secara kekerasan kerana mereka bertahlil dan bersalawat ke atas Nabi SAW dan beliau berkata kepada mereka: “Tidak aku lihat kamu melainkan pembawa bid’ah.” Ia hanyalah ‘qaul sahabi’ (pendapat para sahabat) yang tidak dapat mengatasi sebagai dalil bersama dalil-dalil yang telah dibentangkan tadi.

Manakala apa yang berlaku ke atas halaqah-halaqah zikir seperti bertepuk tangan, bergoyang-goyang lebih daripada kebiasaan, melompat-lompat atau menjerit-jerit, itu adalah perkara yang baru dimasukkan. Ia dimaafkan sekiranya itu berlaku dalam keadaan di luar kawalan oleh pelakunya, tetapi sebaik-baiknya perkara seperti itu dielakkan.

Kedua

Apa yang dinyatakan berhubung dengan perkara yang menarik adat seperti memukul-mukul badan dengan pedang atau tombak, masuk ke dalam api dan perkara yang menarik adat yang lain: Sekiranya ia dilakukan kerana terdapat seorang yang mencabar kebenaran Islam yang menafikan berlakunya karamah dan perkara yang mencari adat di dalam Islam, kemudian berat

sangkaan bahawa dia akan beriman dengan sebab itu, maka perkara seperti tadi tidaklah dilarang menonjolkannya.

Tetapi sekiranya tidak dengan tujuan itu atau semata-mata untuk berbangga diri atau berbangga-bangga dengan kumpulan-kumpulan tarikat yang lain atau seolah-olah berlaku pertandingan dengan itu atau untuk riyak (menunjuk-nunjuk) supaya orang lain meyakiniya sebagai seorang wali dan soleh, maka hukumnya adalah haram dalam keadaan seperti tersebut.

Sekiranya pelakunya selamat, maka ia termasuk dalam bab 'istidraj'. Istidraj adakalanya berlaku pada seorang yang soleh dan toleh (jahat), seorang muslim dan kafir. Kemungkinan perkara yang ganjil itu dilakukan untuk melatih diri semata-mata. Saya ingin menasihatkan ahli-ahli tariqat dan zikir supaya tidak menonjolkan perkara yang disebut tadi melainkan ketika berlaku cabaran padanya. Wallahu a'lam. (Rujukan: Syarah Sahih Muslim: 5/83, Fath al-Bari: 2/326, Al-Fatawa: 2/326, 22/509-510, Al-Mughni: 1/560)

59. HUKUM PALUAN KOMPANG

Soalan:

Bagaimana pandangan tuan berhubung dengan segolongan yang mengkafirkan mereka yang memukul kompang ketika berzikir dengan hujah bahawa nyanyian adalah haram dari segi syarak walaupun apa keadaan sekalipun.

Jawapan:

Pertama

Tidak diharuskan mengkafir seorang yang mengucap dua kalimah syahadah, melainkan jelas bahawa dia telah murtad atau mengingkari perkara terpokok di dalam Islam atau mengingkari satu daripada rukun Iman atau menghalalkan sesuatu yang diharamkan syarak yang ditetapkan dengan dalil yang qat'ei samada daripada nas (Al-Quran dan Hadith) atau Ijmak atau

mengharamkan sesuatu yang diharamkan yang ditetapkan dengan dalil yang qat'ei. Manakala perkara yang menjadi perselisihan di kalangan ulama samada halal atau haramnya, maka tidak diharuskan melempar tuduhan kafir kepada pelakunya dan ditakutkan yang mengkafir itu yang jadi kafir. Wal'iyazubillah. Juga tidak diharuskan melemparkan tuduhan bid'ah ke atas perlakuannya.

Kedua

Termasuk di antara perkara yang menjadi khilaf di kalangan ulama hukum paluan kompang. Di kalangan ulama ada yang menegahnya melainkan ketika majlis perkahwinan atau perayaan atau ketibaan seorang dari safarnya dan ia dikhususkan untuk wanita dan hamba sahaya sahaja dan tidak diharuskan bagi para lelaki.

Sebahagian ulama lain mengharuskan ketika keramaian secara mutlak. Di antara ulama golongan ini Imam Asy Syaf'ei, Imam Ahmad, Al Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain.

Para ulama yang menegahnya berdalilkan dengan sebilangan dalil yang mengharamkan perkara yang melalaikan dan alat-alatnya seperti gambus, seruling dan sebagainya.

Pengecualiannya pada majlis perkahwinan, kerana terdapat beberapa hadith di antaranya hadith yang diriwayatkan daripada Muhammad bin Hatib katanya, Rasulullah SAW telah bersabda:

فَصَلُّ مَا بَيْنَ الْحَلَالِ وَالْحَرَامِ الدُّفُّ وَالصَّوْتُ فِي النِّكَاحِ.

Ertinya:

“Perbezaan sesuatu di antara halal dan haramnya ialah kompang dan bunyi-bunyian ketika perkahwinan.”

(Riwayat Al Khamsah kecuali Abu Daud)

Juga terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah

bin Imam Ahmad di dalam Al-Musnad bahawa Rasulullah SAW tidak menyukai perkahwinan yang dilakukan secara rahsia sehinggalah dipukul dengan kompang.”

Pengecualiannya pada hari-hari perayaan, kerana Saidatina Aishah menceritakan bahawa Saidina Abu Bakar As Siddik masuk menemuinya dan di sisinya dua orang jariah (hamba sahaya) mengetuk dan memalu (kompang) dan Nabi menutup dirinya dengan pakaiannya. Kemudian Abu Bakar mengherdik kedua jariah tersebut. Nabi SAW membuka mukanya, lalu bersabda: “Biarkanlah mereka berdua wahai Abu Bakar, kerana ia adalah hari-hari perayaan.”(Muttafaq ‘alaih)

Pengecualian ketika kepulangan seorang daripada safar, kerana sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Buraidah ra. katanya: Rasulullah SAW pernah keluar pada sebahagian peperangannya. Tatkala baginda pulang, datang kepadanya seorang jariah yang hitam, lalu berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah bernazar, sekiranya Allah mengembalikan kamu dalam keadaan selamat, aku akan memalu kompang dan bernyanyi di hadapan kamu.” Baginda bersabda: Sekiranya kamu telah bernazar, maka palulah, jika tidak maka tidak perlu.” Lalu jariah tersebut memalukan kompang ...“ Seandainya memalu kompang satu maksiat, nescaya nazarnya tidak sah kerana nazar yang berbentuk maksiat adalah batal. Manakala para ulama yang mengharuskannya secara mutlak, mereka berdalilkan dengan hadith-hadith yang mengharuskannya secara mutlak, terutamanya dua buah hadith iaitu yang diriwayatkan daripada Muhammad bin Hatab dan hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Imam Ahmad. Ini kerana perkahwinan, kepulangan seorang dari safar dengan selamat dan hari-hari perayaan kesemuanya adalah hari-hari kegembiraan. Di atas dasar itu, tidaklah menjadi tegahan dipalukan kompang pada setiap suasana yang terdapat kegembiraan padanya.

Mereka juga berpendapat, dalil-dalil secara zahirnya lebih menunjukkan keharusannya untuk semua, kerana terdapat di antara hadith-hadith itu menyebut dengan lafaz: (اضربوا) dan 'wau al jamaah' (di dalam ilmu nahu) digunakan untuk sekumpulan lelaki. Sekiranya melakukan paluan kompang diharamkan ke atas para lelaki, maka mendengarkannya juga adalah haram sebagaimana alat-alat muzik yang lain.

Ini ketika paluan kompang itu tidak disertai dengan nyanyian yang haram atau bunyi-bunyian yang diharamkan mendengarnya atau terelak daripada pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita. Sekiranya ia disertai dengan perkara yang disebut tadi, maka paluan kompang menjadi haram dengan sebab yang lain (haram li ghairihi).

Manakala hukum melakukan paluan kompang bersama 'madaih' (puji-pujian ke atas Rasulullah SAW), sekiranya dilakukan dengan niat ibadah, maka ia tidak sah, kerana ibadah mesti dilakukan mengikut apa yang digariskan oleh syarak. Sekiranya ia dilakukan di atas niat hiburan atau kerana ia alat muzik yang diharuskan supaya para pendengar menjadi lebih mengingati Allah sebab dendangan lagunya itu, atau kerana memuji Rasulullah SAW salah satu bentuk kegembiraan, keseronokan dan ketenangan hati, maka melakukannya tidaklah menjadi tegahan. Sekiranya ia dilakukan di atas dasar di atas, maka tidak sepatutnya ia diingkari atau menzahirkan penentangan ke atas pelakunya atau mengkafir dan melemparkan bid'ah ke atas mereka.

Manakala hukum tarian, sekiranya ia boleh mencetuskan fitnah, maka ia diharamkan samada ia dilakukan di kalangan para lelaki sahaja ataupun para wanita sahaja. Sekiranya tidak menyebabkan fitnah, maka tarian itu diharuskan, kerana Rasulullah SAW pernah menyaksikan beberapa lelaki Habsyah menari-nari di dalam masjid. Sekiranya tarian yang dilakukan

bersama zikir itu boleh menafikan tujuan sebenar zikir dan menjejaskan ketenangan, maka tarian hendaklah ditinggalkan. Tetapi tarian itu tidaklah membawa kepada kufur sebagaimana yang didakwa oleh segolongan umat Islam. (Rujukan: Mughni al-Muhtaj: 4/429, Al-Kharasyi: 30/303-304, Bulghah al-Salik: 1/405, Nail al-Authar: 6/336)

60. KARAMAH PARA WALI

Soalan:

Saya pernah melihat karamah yang berlaku pada beberapa lelaki yang soleh yang benar-benar menunaikan janji mereka kepada Allah. Diharapkan kamu dapat memberi satu penjelasan kepada kami berhubung dengan masalah ini. Apakah yang dimaksudkan dengan bantuan-bantuan ghaib daripada orang-orang soleh? Adakah ini bertepatan dengan ayat:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ
 ﴿٦٢﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ
 فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ لَا بُدَّ لَهُمْ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ
 ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٦٤﴾

Ertinnya:

"Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu, tidak ada kekuatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati. (Iaitu) orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertakwa. Bagi mereka berita gembira di dalam kehidupan mereka di dunia dan di Akhirat. Tidak ada perubahan bagi kalimah-kalimah (janji-janji) Allah. Yang demikian itu adalah kemenangan yang besar."

(Yunus: 62-64)

Apakah yang dimaksudkan dengan ayat yang ertinya: Bagi mereka berita gembira di dalam kehidupan mereka di dunia.

Jawapan:

Al-Karamah ialah perkara yang menarikkan adat yang dizahirkan oleh Allah di tangan seorang insan mukmin yang soleh lagi ikhlas dan bukan untuk riyak (tunjuk-menunjuk). Ia menjadi bukti bahawa pegangan agamanya adalah benar dan rasulNya adalah benar. Sekiranya tidak benar apa yang didatangkan oleh Rasulullah SAW, nescaya karamah itu tidak akan berlaku di tangan seorangpun daripada umatnya. Sebab itu para ulama menyebut: Sesuatu yang harus berlaku sebagai mukjizat bagi seorang nabi, maka ia juga harus berlaku sebagai karamah seorang wali, sedangkan ia perkara yang sama yang merupakan mukjizat bagi seorang nabi. Ini memang dinyatakan di dalam Al-Quran, Sunnah Nabawiyah dan athar para sahabat dan tabi'en. Oleh itu seorang yang mengingkarinya secara umum sebagai satu prinsip am akan menjadi kufur. Tetapi sekiranya dia mengingkari satu bahagian daripadanya atau satu peristiwa, maka dia tidak lagi jatuh kufur selagimana perkara yang diingkari itu bukanlah diriwayatkan secara mutawatir.

Al-Quran sendiri menceritakan karamah-karamah yang berlaku pada umat yang terdahulu. Di antaranya, karamah yang berlaku pada Maryam as. iaitu wujud buah-buahan musim sejuk pada musim panas dan buah-buahan musim panas pada musim sejuk ketika Nabi Zakaria masuk menemuinya.

Di antaranya juga, seorang lelaki yang dikenali 'Asif bin Barkhaya dapat mengubah tahta Balqis, permaisuri Yaman ke Baitul Maqdis dalam sekelip mata.

Manakala di dalam sunnah, ada disebut beberapa bentuk karamah. Di antaranya: Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Abu Hurairah ra. bahawa Rasulullah SAW pernah menceritakan satu kisah kepada para sahabatnya iaitu:

“Pada suatu ketika, seorang lelaki menunggang seekor lembu betina. Tiba-tiba lembu itu berpaling ke arahnya, lalu berkata: Aku tidak dijadikan untuk tujuan ini, tetapi aku dijadikan untuk membajak tanah.” Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Saya, Abu Bakar dan Umar mempercayainya.”

Kisah tiga pemuda yang terperangkap di dalam gua. Kisah Saidina Umar bersama ketua tenteranya, Sariyah. Malah banyak lagi. Sekiranya ditanya: Apakah hukum memukul badan dengan alat-alat yang tajam dan menzahirkan perkara-perkara pelik yang lain sepertimana yang dilakukan oleh sebahagian kumpulan tariqat pada ketika ini?

Jawapanku:

1. Sekiranya yang melakukan perkara itu ialah seorang lelaki yang terkenal dengan takwa dan kesolehannya, maka perkara tersebut bukanlah menjadi tegahan sebagai karamah untuknya. Sekiranya perkara tersebut berlaku pada seorang yang fasik, maka perkara-perkara yang pelik itu termasuk di dalam ‘istidraj’ dan bukannya boleh dianggap karamah. Istidraj ialah sesuatu yang pelik yang dijadikan oleh Allah untuknya sebagai penghinaan dalam jangkamasa yang panjang. Paling kurang dia akan merasai dirinya seorang yang soleh dan telah mencapai darjat di sisi Allah, sedangkan realitinya yang sebenar adalah sebaliknya.

Mungkin juga perkara itu berlaku kerana Allah hendak memuliakan seorang yang lain. Contohnya: Saidina Umar berdoa memohon hujan dengan bertawassulkan Saidina Abbas kerana kelebihanannya sebagai bapa saudara Rasulullah SAW. Beliau berdoa: Ya Allah, kami pernah meminta hujan dengan bertawassulkan NabiMu, dan pada hari ini kami bertawassul dengan Abbas, bapa saudara. NabiMu.. “Jadi, permohonan Saidina Umar tadi kepada Allah agar menurunkan hujan sebagai memuliakan kepada Abbas dari sudut beliau adalah

bapa saudara Rasulullah SAW.

Allah memelihara harta dua orang anak yatim dengan memerintahkan Khidhir mendirikan tembok atau dinding kerana memuliakan bapa kedua anak yatim tadi yang soleh.

Adakalanya perkara-perkara yang pelik itu berlaku dengan sebab latih tubi sepertimana yang berlaku pada orang-orang Hindu yang kafir.

2. Diharamkan menzahirkan perkara-perkara yang pelik melainkan pada dua keadaan:
 - a. Sekiranya terdapat seorang yang mengingkari wujudnya karamah di dalam Islam. Maka dia boleh menzahirkan perkara-perkara yang pelik itu sekiranya beliau berkeyakinan bahawa orang tersebut akan menjadi Islam dan beriman.
 - b. Sekiranya untuk tujuan menguji dirinya atau sebagai latihan, adakah dia mampu menzahirkan perkara-perkara pelik itu sekiranya diperlukan.

Yang dimaksudkan dengan “Berita gembira di dunia”, dikatakan bahawa ia adalah mimpi-mimpi yang benar. Dikatakan juga ia adalah kasih sayang manusia kepadanya dan manusia menyebutnya dengan pujian yang baik. Dikatakan juga iaitu: ketika mati yang mana malaikat akan berkata kepada mereka: “Janganlah kamu takut, jangan kamu risau, bergembiralah dengan syurga yang kamu dijanjikannya.”

61. MENULIS JAMPIAN DAN MEMBAWANYA

Soalan:

Adakah diharuskan menulis jampian yang terdiri daripada ayat-ayat Al-Quran atau doa-doa yang ma'thur (yang diamalkan oleh Rasulullah SAW), kemudian membawanya atau menggantungkannya di leher seseorang, atau menulisnya di dalam

sebuah bekas, kemudian memasukkan air ke dalamnya supaya tulisan itu larut bersama air untuk diberi minum kepada seorang sebagai penawar atau disapu dengannya? Adakah dengan membawanya itu dikira termasuk di dalam bab 'tangkal' yang ditegah oleh syarak? Adakah jampian daripada ayat Al-Quran itu boleh dianggap sebagai pengubatan dengannya atau dikira termasuk di dalam bab doa supaya pesakit disembuhkan daripada penyakit? Sekiranya ia digalakkan di dalam syariat, adakah boleh memadaikan dengannya semata-mata atau perlu diusahakan dalam bentuk pengubatan lahiriah lain dan mengambil ubat sepertimana yang disyorkan oleh doktor?

Jawapan:

Dilihat kepada beberapa sudut:

Pertama

Menulis jampian tidaklah menjadi tegahan sekiranya ia diambil daripada Al-Quran atau daripada doa-doa yang ma'thur dengan tujuan yang khusus dan ditulis dengan jelas dan dengan tulisan Arab yang tidak bercampur dengan mentera atau khurafat. Terdapat banyak riwayat mengatakan bahawa para salafussoleh pernah melakukannya dan menggantungkan jampian atau doa pelindung itu di tempat-tempat tertentu pada badan pesakit.

Ibnu Abi Syaibah (Mushannif Abi Syaibah:5/43) mengeluarkan beberapa riwayat yang menyatakan keharusannya seperti berikut:

1. Daripada Abu 'Asmah katanya, aku pernah bertanya kepada Said bin Musayyib berhubung dengan doa pelindung/pendinding. Beliau menjawab: "Tidaklah mengapa sekiranya ia ditulis pada sekeping kulit."
2. Diriwayatkan bahawa Mujahid pernah menulis doa pelindung kepada orang ramai, lalu beliau menggantungnya pada badan mereka.
3. Diriwayatkan oleh Amru bin Syuaib daripada bapanya daripada

datuknya katanya: “Rasulullah SAW pernah bersabda: “Sekiranya salah seorang daripada kamu terjaga daripada tidurnya, maka ucapkanlah:

بِسْمِ اللَّهِ أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ غَضَبِهِ وَسُوءِ عِقَابِهِ،
وَمِنْ شَرِّ عِبَادِهِ، وَمِنْ شَرِّ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَحْضُرُونِ.

Abdullah bin Amru mengajar anak-anaknya yang dapat memahami akan doa tersebut. Manakala yang masih tidak mengertinya, beliau akan menulisnya, kemudian menggantungkannya pada badan mereka.

4. Atha' pernah ditanya berhubung dengan wanita yang didatangi haid yang memakai tangkal. Beliau menjawab sekiranya ia ditulis diatas sekeping kulit, maka ia hendaklah ditanggal. Tetapi sekiranya ia ditulis pada sebatang perak (yang diletak disanggul), maka sekiranya dia mahu, ia boleh ditanggal atau tidak menanggalnya.”
5. Ibnu Sirin juga tidak menganggap ianya sesuatu yang salah sekiranya ia diambil sesuatu daripada Al-Quran.
6. Atha' pernah berpendapat, tidak mengapa sekiranya Al-Quran digantung (sebagai tangkal).
7. Diriwayatkan daripada Yunus bin Khubbab katanya, Saya pernah bertanya Abu Jaafar berhubung dengan tangkal yang digantung pada kanak-kanak, lalu beliau memberi kelonggaran padanya.
8. Ad Dhahhak juga tidak menganggap sebagai satu kesalahan sekiranya seorang lelaki menggantungkan sesuatu (pada badannya) yang terdiri daripada ayat Al-Quran keseluruhannya, tetapi dengan syarat menanggalkannya ketika mandi dan buang air besar.

Ini kesemua adalah dalil yang membuktikan keharusan menggantung jampian (yang dijadikan tangkal).

Kedua

Diharuskan menulis jampian untuk dijadikan sebagai penawar yang diberi minum kepada pesakit. Yang demikian berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Said bin Jubair daripada Ibnu Abbas ra. katanya:

“Apabila seorang wanita sukar untuk melahirkan anak, maka hendaklah ditulis kedua-dua ayat dan kalimah berikut pada sehelai kertas, kemudian dibasuh kertas tersebut, lalu diberi minum kepada wanita tersebut:

بِسْمِ اللَّهِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ
السَّمَوَاتِ السَّبْعِ وَرَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ « كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ
يَلْبِسُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحَاهَا ». « كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ
لَمْ يَلْبِسُوا إِلَّا سَاعَةً مِنْ نَهَارٍ بَلَاغٌ فَهَلْ يُهْلِكُ إِلَّا الْقَوْمُ
الْفَاسِقُونَ ».

Juga berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Aishah ra. bahawa beliau juga tidak menganggap sebagai satu kesalahan sekiranya dibacakan doa pelindung pada air, kemudian diijir ke atas pesakit.

Selain mereka, Al-Laith dan Mujahid juga tidak menganggap sebagai satu kesalahan sekiranya ditulis ayat-ayat Al-Quran, kemudian diberi minum kepada seorang yang terkejut atau ketakutan. Said bin Musayyib juga menulis jampian untuk mereka yang datang menemuinya.

Al-Imam Ibnu Taimiyah pernah ditanya masalah seorang yang menulis sesuatu daripada ayat-ayat Al-Quran, kemudian memadamnya atau membakarnya, adakah ia masih mempunyai kehormatan atau tidak? Lalu beliau menjawab: “Sekiranya ditulis ayat-ayat tertentu daripada Al-Quran atau zikir di dalam sebuah bekas atau papan tulis, kemudian memadamnya dengan air atau sebagainya, dan diminum air itu, maka ia tidaklah menjadi kesalahan. Dalil mengenai ini dikemukakan oleh Imam Ahmad dan lain-lain yang diambil daripada Ibnu Abbas ra. bahawa beliau pernah menulis beberapa perkataan yang terdiri daripada ayat Al-Quran dan zikir, kemudian menyuruh agar ia diberi minum sebagai penawar bagi seorang yang terkena sakit, dan ini menunjukkan bahawa yang demikian itu mempunyai barakah.”

(*Al Fatawa: 12/599*)

Ketiga

Mengantungkan perkara-perkara tadi di badan tidaklah dikira sebagai tangkal-tangkal yang ditegah oleh syarak, kerana kebiasaan pada tangkal-tangkal (yang ditegah) mengandungi biji-biji seperti manik atau anak-anak batu atau jirim-jirim yang lain yang pemakai beriktihad bahawa ia dapat menolak bala, penyakit, kemudharatan dan musibah, dan ia bukannya mengandungi ayat Al-Quran atau zikir.

Disebut di dalam Syarah As Sunnah karangan Al Baghawi (12/158).” Tangkal ialah biji-biji seperti manik yang dipakaikan oleh bangsa Arab (jahiliyah) pada badan anak-anak mereka dengan satu kepercayaan bahawa ia boleh mengelak daripada ditimpa musibah, lalu syarak membatalkan adat tersebut.

Dikatakan juga bahawa tangkal ialah rantai leher yang digantung yang mengandungi kayu gaharu. Diriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah memutuskan tangkal yang dipakai oleh Al-Fadhl bin Abbas pada lehernya.

Diriwayatkan juga bahawa Umran bin Husain ternampak

sebentuk gelang yang dipakai oleh seorang lelaki pada tangannya. Lalu beliau bertanya: “Apakah ini?” Lelaki itu menjawab: “Aku memakainya supaya terhindar daripada kehinaan.” Lalu Umran menyambung: “Sesungguhnya itu tidak dapat menambah apa-apa pada kamu melainkan kehinaan.”

Hammad pernah berkata: “Sesungguhnya Ibrahim membenci setiap sesuatu yang dipakaikan pada badan kanak-kanak atau orang dewasa, dan berkata: “Ia termasuk di dalam tangkal-tangkal (yang ditegah).”

Diriwayatkan bahawa Aishah pernah berkata: “Tidak dianggap tangkal, sesuatu yang dipakaikan selepas turunnya bala, tetapi tangkal itu ialah sesuatu yang dipakaikan sebelum turunnya bala sebagai alat untuk menolak apa yang telah ditakdirkan oleh Allah.

Atha’ berkata: “Tidak dianggap sebagai tangkal (yang ditegah) sesuatu yang ditulis yang terdiri daripada Al-Quran. Said bin Musaiyib juga pernah ditanya berhubung dengan mashaf kecil yang ditulis di dalamnya ayat-ayat Al-Quran, lalu digantung pada badan wanita atau kanak-kanak? Beliau menjawab: “Ia tidaklah menjadi kesalahan sekiranya ia dilakukan pada perak atau besi atau sesuatu yang boleh dijahit.

Keempat

Jampian adalah doa dan rawatan, kerana Allah SWT berfirman:

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Ertinya:

“Dan kami menurunkan Al- Quran yang di dalamnya terdapat penyembuhan dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

(Al Israk: 82)

Maka ia menjadi ubat bagi penyakit lahir sebagaimana ia boleh

dijadikan ubat untuk rohani.

Ini terbukti pada sebuah kisah yang diriwayatkan daripada Abu Said Al-Khudri katanya:

“Kami pernah diutuskan oleh Nabi SAW dalam bilangan sebanyak 30 penunggang kuda pada satu ‘sariyah’ (peperangan yang tidak disertai oleh Rasulullah SAW), kemudian kami singgah di satu qabilah, lalu kami memohon untuk menjadi tetamu mereka, tetapi mereka tidak menerimanya. Selepas daripada itu, ketua puak tersebut terkena sengatan, lalu mereka datang kepada kami, kemudian bertanya: “Adakah di kalangan kamu seorang yang pandai menjampi untuk menawarkan bisa sengatan jengking? Abu Said berkata: Sayapun menjawab: “Ya, saya mampu, tetapi saya tidak menjampi sehinggalah kamu sanggup memberi kami kambing.”

Mereka menjawab: “Saya akan memberi kamu 30 ekor kambing.” Abu Said membalas: “Kami menerimanya, lalu saya membaca ke atas ketua puak tersebut surah Al-Fatihah sebanyak tujuh kali.” Sambung Abu Said lagi: “Setelah itu, ketua puak itu sembuh dari sengatan itu, dan saya menerima kambing, tetapi timbul di dalam diri kami satu kemusykilan, lalu kami bercadang: “Janganlah kita terburu-buru sehinggalah kita menemui Rasulullah SAW.” Setelah kami sampai kepada Rasulullah SAW, sayapun menceritakan apa yang telah saya lakukan. Baginda bersabda: “Tidak tahukah kamu bahawa surah Al-Fatihah adalah jampian, agihkanlah kambing-kambing itu, dan khususkan untukku satu bahagian bersama kamu.”

(Mushannif Abi Syaibah: 5/49)

Kelima

Sepatutnya juga, kita tidak menghadkan setakat perubatan secara jampian sekiranya terdapat kemudahan pengubatan secara lahiriah dan mengambil ubat, bahkan pesakit sebaiknya dibawa untuk mendapat rawatan dan khidmat nasihat daripada doktor,

kerana ia disuruh oleh Rasulullah SAW melalui sebuah peristiwa yang mana salah seorang sahabat baginda luka, lalu baginda mengarahkan: “Pergi panggil seorang tabib (dokter).” Baginda ditanya: “Adakah tabib itu memberi faedah kepadanya? Baginda menjawab: “Ya, sesungguhnya Allah Tabaraka wa Taala tidak menurunkan satu penyakit melainkan Dia akan menurunkan ubat bersamanya.” (Al-Bukhari). Rasulullah SAW juga bersabda: “Berubatlah, wahai hamba-hamba Allah, kerana Allah tidak menetapkan satu penyakit melainkan Dia akan menetapkan ubat bersama penyakit itu melainkan penyakit tua.”

Malah di dalam kitab-kitab hadith, penuh dengan kaedah-kaedah yang diajar oleh Rasulullah SAW untuk merawat setiap penyakit yang wujud pada ketika itu.

Namun perlu diingatkan juga, terdapat perkara-perkara yang diharamkan pada jampian atau pada peribadi yang menjalankan jampian, seperti berikut:

1. Bersunyi-sunyian dengan wanita yang ajnabi. Kerana terdapat segelintir manusia yang menjalankan jampian tetapi mereka mendakwa bahawa dia tidak dapat menjalankan jampian melainkan jika dibiarkan bersendirian bersama wanita yang sakit itu. Ini jelas haram hukumnya dan realitinya telah mendatangkan satu kerosakan lantaran perlakuan tersebut.
2. Tidak menyentuh mana-mana bahagian daripada tubuh badan wanita yang dirawat itu melainkan kerana keperluan untuk rawatan sekiranya tidak terdapat seorang wanita yang dapat melakukan rawatan atau seorang lelaki yang muhrim bagi wanita itu. Terdapat segelintir yang menjalankan jampian mendakwa bahawa dia mesti menulis jampian di atas perut wanita atau pahanya. Ini adalah satu pendustaan dan fasiq.
3. Jampian juga janganlah disertakan dengan sesuatu yang khurafat yang tidak ada kena mengena dengannya. Contohnya seperti, terdapat di kalangan mereka meminta pakaian yang

khusus dipakai oleh wanita yang sakit itu, kemudian dibiarkannya bersamanya (yang menjalankan jampian) pada satu malam, kemudian dibawa pakaian tersebut kepada wanita itu pada hari berikutnya dan membuat cerita-cerita palsu, dan mendakwa bahawa dia dapat melihat beberapa beberapa perkara ketika pakaian itu tinggal bersamanya. Ini adalah rekaan, pendustaan, dan mengambil kesempatan untuk memakan harta orang ramai.

62. MEMBACA (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) SEBAGAI JAMPIAN

Soalan:

“Apabila seseorang ditimpa demam, dia akan dibawa kepada bapa saya untuk dijumpi, lalu bapa saya mengambil seutas benang yang bersih dan dibaca ke atasnya surah (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) sebanyak tujuh kali, kemudian menghembusnya ke atas benang itu. Setiap kali hembusan, dia akan membuat satu simpulan. Setelah itu, benang itu diserahkan kepada pesakit dan berpesan kepadanya: “Ikatlah benang ini di pergelangan tangan kamu yang kiri, kamu akan sembuh dengan izin Allah.” Realitinya pesakit itu memang sembuh. Bapa saya melakukan seperti tersebut banyak kali. Apakah hukum di dalam Islam mengenai perlakuan ini? Adakah jelas sahih bahawa Rasulullah SAW pernah melakukan seperti ini?

Jawapan:

Berjumpi dengan membaca ayat-ayat Al-Quran memang terdapat di dalam syariat dan dilakukan oleh Rasulullah SAW, bahkan baginda juga mengakui sesiapa yang melakukannya di zamannya.

Terdapat salafussoleh generasi yang pertama membacanya sebagai jampian ke atas air, kemudian diberi minum kepada seorang yang sakit. Ini pernah dilakukan oleh Saidatina Aishah

ra. dan beliau juga memerintahkan agar ianya ditulis di dalam sebuah bekas, kemudian dimasukkan air di dalamnya, sehingga tulisan itu larut bersama air, kemudian memerintahkan agar ia diberi minum kepada pesakit atau disapukan air itu ke atas badan pesakit. Abdullah bin Amru juga pernah mengajar jampian kepada anak-anaknya yang telah besar, dan beliau akan menulisnya dan digantungkan kepada leher anak-anaknya yang masih kecil.

Manakala membacanya di atas benang, saya tidak pernah mendapatinya dilakukan oleh salafussoleh, tetapi saya berpendapat selagi ia dibaca dan dihembus ke atas benang, kemudian menyuruh pesakit supaya memakai benang tersebut, itu tidaklah dilarang sekiranya diqiaskan dengan menulisnya di dalam bekas (seperti yang dilakukan oleh Aishah ra.), kerana perlakuan itu bermaksud mengambil berkat dengan Kitab Allah Taala.

Manakala membuat ikatan atau simpulan, saya berpendapat bahawa ia bukan sesuatu yang mesti. Manakala memakainya dipergelangan tangan sebelah kiri, dalam hal ini Islam sentiasa menggalakkan agar mendahulukan tangan kanan pada setiap keadaan. Atau mungkin diletakkan pada tangan kiri kerana kedudukan hati di sebelah kiri.

Jadi, jelaslah kepada kita bahawa berjampi dan menghembus ke atas pesakit adalah dianjurkan di dalam syariat. Manakala menambah sesuatu perlakuan selain daripada itu, saya tidak pernah mendapatinya dilakukan oleh salafussoleh dan saya juga tidak mendapati ia terdapat larangan mengenainya. Maka, tidak boleh dihukumkan sebagai sesuatu yang haram.

Wallahu a'lam.

63 ABDULLAH, BAPA RASULULLAH SAW

Soalan:

Persoalan yang selalu terlintas di benak fikiran saya, dan saya tidak menemui satu jawapan yang jelas di dalam kitab-kitab iaitu

masalah berkaitan dengan bapa Rasulullah SAW Abdullah bin Abdul Mutalib. Adakah dia seorang yang musyrik atau ahli tauhid? Bagaimana pula keadaan isterinya Aminah binti Wahab, ibu Rasulullah SAW?

Jawapan:

Pertama

Menimbulkan persoalan seperti ini bukanlah boleh memberi satu khidmat sedikitpun terhadap umat Islam. Persoalan adakah kedua ibubapa Nabi SAW di dalam syurga atau neraka tidak juga memberi faedah kepada umat Islam melainkan mencetuskan pertengkaran dan perbalahan yang kedua-duanya mendatangkan mudharat kepada masyarakat Islam hari ini.

Kedua

Bapa Rasulullah SAW dikira termasuk di dalam 'ahl al Fitrah'. Dimaksudkan dengan fitrah ialah: zaman yang tidak diutuskan rasul. 'Ahl al fitrah' ada dua bentuk iaitu: Ahli tauhid dan musyrik.

'Ahli Tauhid' ialah mereka yang beriman dengan kewujudan tuhan yang satu yang memiliki alam ini dan meyakini bahawa Allah memiliki satu hari yang akan dibalas orang-orang yang baik di atas kebajikannya dan yang jahat di atas kejahatannya. Mereka juga tidak menyembah berhala, dan tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatupun, dan mati di atas agama Hanifiyah (agama Nabi Ibrahim). Mereka ini tidak diazab pada hari qiamat dan dikira sebagai mereka yang berjaya.

Manakala golongan musyrik, para ulama berselisih pendapat, adakah mereka terselamat daripada azab neraka atau tidak?

Sebahagian berpendapat bahawa mereka akan diazab. Mereka berdasarkan dengan beberapa ayat Al-Quran yang membuktikan bahawa mereka dikira sebagai orang-orang kafir, samada sampai kepada mereka dakwah atau tidak.

Di antara ayat Al-Quran ialah firman Allah Taala:

إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ

Ertinya:

“Sesungguhnya orang yang mensyirikkan Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga.”

(Al-Maidah: 72)

Dan Allah Taala berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ
كُفَّارٌ فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ أَحَدِهِمْ مِلْءُ الْأَرْضِ ذَهَبًا وَلَوْ
أَفْتَدَىٰ بِهِ ۚ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَّاصِرِينَ ﴿٩١﴾

Ertinyanya:

“Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan mati sedangkan mereka tetap dalam keadaan kekafirannya, maka tidaklah akan diterima daripada seorang daripada mereka emas sepenuh bumi, walaupun dia menebus diri dengan emas (sebanyak) itu. Bagi mereka seksa yang pedih dan sekali-kali mereka tidak memperoleh penolong.”

(Ali Imran: 91)

Selain daripada itu mereka juga berpegang dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Anas ra. bahawa seorang lelaki pernah bertanya Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, di manakah bapa ku? Rasulullah menjawab: “Di dalam neraka.” Kemudian setelah lelaki tadi beredar, Rasulullah memanggil semula lelaki tadi dan bersabda: “Sesungguhnya bapa ku dan bapa kamu di dalam neraka.” Selain daripada itu, terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra.

katanya: “Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya:

“Aku pernah meminta izin daripada Allah agar aku dapat beristighfar (memohon ampun) untuk ibuku, tetapi Dia tidak mengizinkannya. Aku meminta izin untuk menziarahi kuburnya, lalu dibenarkan aku.”

Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa ‘ahli syirik’ terlepas daripada azab di akhirat. Di antara mereka yang berpendapat sedemikian ialah Ibnu Taimiyah di dalam Fatawanya (11/187 dan 20/32).

Mereka berpandukan kepada beberapa ayat Al-Quran. Di antaranya ialah Firman Allah Taala:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا

Ertinya:

“Dan Kami tidak akan mengazab sebelum Kami mengutus seorang rasul.”

(Al-Israk: 15)

Dan FirmanNya juga:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ

رَسُولُنَا يَبَيِّنُ لَكُمْ عَلَىٰ فِتْرَةٍ مِّنَ الرُّسُلِ أَن تَقُولُوا مَا جَاءَنَا
مِّنْ بَشِيرٍ وَلَا نَذِيرٍ فَقَدْ جَاءَكُمْ بَشِيرٌ وَنَذِيرٌ

Ertinya:

“Wahai ahli Kitab, sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami, menjelaskan (syariat Kami) kepada kamu ketika terputusnya rasul-rasul, agar kamu tidak mengatakan: “Tidak datang kepada kami baik seorang pembawa berita gembira, mahupun seorang yang memberi peringatan.” Sesungguhnya

telah datang kepadamu pembawa berita gembira dan pemberi peringatan.”

(Al-Maidah: 19)

Allah SWT juga berfirman:

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ
حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ

Ertinya:

“(Kami mengutuskan) para rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan supaya tidak ada alasan bagi manusia membantah Allah sesudah diutusnya rasul-rasul itu.”

(An-Nisa: 165)

Ayat-ayat tadi dan seumpama dengannya memberi gambaran bahawa: Di antara keadilan Allah, Dia mengampuni sesiapa yang tidak sampai kepadanya dakwah seorang rasul sehingga tidak dijadikan sebagai hujah di hadapan Allah, sedangkan Allah memiliki hujah yang jelas lagi kuat.

Mereka juga menyangkal terhadap kefahaman mengenai ayat yang dijadikan dalil oleh golongan yang mengatakan ahli syirik tidak akan terlepas daripada menerima azab di akhirat dengan mengatakan: Yang dimaksudkan dengan kufur di dalam ayat tersebut ialah kekufuran selepas sampai seruan rasul kepada mereka, kerana ia berpunca daripada kedegilan dan berdasarkan ilmu bahawa pegangan yang mereka pegang adalah salah. Manakala kekufuran dengan sebab jahil, maka mereka dimaafkan, kerana mereka tidak menerima dakwah bahawa perkara itu ditegah.

Mereka juga menyangkal berkenaan dengan hadith yang bermaksud: “Bapaku dan bapa kamu di dalam neraka,” bahawa Rasulullah SAW berkata sedemikian kepada lelaki itu untuk mengambil hatinya, supaya dia merasa ringan dengan kejutan

mengenai akibat buruk bapanya. Selain daripada itu, hadith ini hanyalah 'khabar ahad' (yang diriwayatkan oleh seorang perawi hadith pada setiap generasi) dan ia tidak boleh bercanggah dengan ayat yang bersifat qat'ei iaitu Firman Allah Taala:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا

Ertinya:

"Dan Kami tidak akan mengazab sebelum Kami mengutus seorang rasul."

(Al-Israk: 15)

Mungkin Rasulullah SAW berkata sedemikian berdasarkan ilmunya yang pada mulanya menyatakan sesiapa yang tidak beriman dengan risalah yang dibawa olehnya, maka dia menjadi ahli neraka, sebelum turunnya ayat-ayat yang menunjukkan bahawa mereka terselamat daripada azab.

Dijawab juga terhadap dalil hadith Rasulullah SAW yang tidak membenarkan baginda beristighfar untuk ibunya dengan mengatakan:

Baginda tidak diizinkan itu, bukanlah bermaksud bahawa dia daripada ahli neraka. Mungkin tidak diizinkan itu, kerana tidak terdapat dosa pada ibunya, kerana dia belum lagi dianggap sebagai mukallaf, maka tidak dicatat dosa-dosa untuknya. Selain itu juga, kisah tadi hanya 'khabar ahad' yang tidak boleh bercanggah dengan ayat-ayat yang bersifat qat'ei.

Selepas kita memahami mengenai persoalan ini, kita mengharapkan pendapat golongan yang kedua tadi lebih diterima di sisi Allah, kerana ia lebih menepati keadilan Allah SAW, terutamanya sekiranya berkait dengan kedua ibubapa Nabi SAW, bahkan mereka berdua tidak dapat dipastikan pada mereka perlakuan syirik dan menyembah berhala.

Sekiranya dipersoalkan lagi, bukan mereka diwajibkan

mengikut agama Nabi Ibrahim - iaitu Hanifah atau mengikut agama Yahudi atau menganut Nasrani? Kami akan menjawab begini: Tidak, mereka bukanlah ditakliffkan menganut agama-agama tersebut, kerana agama tadi bukanlah bersifat umum dan tidak meliputi semua tempat dan masa. Mengikut agama tersebut diberi pilihan dan bukannya wajib iaitu bagi mereka yang bukannya umat yang diturunkan agama tersebut atau bukannya penduduk bagi tempat atau masa ketika diturunkan agama tersebut.

64. KHIDHIR AS

Soalan:

Adakah Khidhir seorang nabi atau tidak? Adakah kisahnya bersama Nabi Musa sepertimana yang disebut di dalam Al-Quran menunjukkan bahawa beliau adalah seorang nabi? Adakah dia pernah meminum 'Air Hidup' (ماء الحياة)? Apakah yang dikatakan 'Air Hidup' itu? Adakah boleh kita melihat Khidhir? Adakah dia dapat ditemui oleh para wali? Bagaimana pandangan kamu pada kata-kata Umar bin Abdul Aziz." Itulah saudaraku Khidhir yang menemui aku, lalu dia memberitahu aku bahawa aku akan memerintah dan aku akan melakukan keadilan padanya?"

Jawapan:

Sebelum daripada itu, aku berharap semua daripada kita mengetahuinya bahawa pendapat mengenai Khidhir masih hidup atau telah mati, tidak membawa apa-apa kemajuan atau kemunduran terhadap umat Islam pada hari ini, kerana persoalan ini bukanlah termasuk di dalam persoalan-persoalan aqidah yang terpokok, dan bukan juga daripada perkara-perkara ibadah. Malah persoalan ini juga tidak memberi apa-apa faedah kepada umat Islam sekiranya kita menjadikan perkara furu' seperti ini sebagai titik tolak untuk berselisih pendapat, bertelagah dan berpecah belah. Tidak sepatutnya berlaku sepertimana sekarang ini, yang mana terdapat segolongan yang sampai ke peringkat melemparkan

tuduhan kafir terhadap golongan lain yang mengatakan Khidhir masih hidup, dan golongan yang lain pula menyesatkan mereka yang mengatakan Khidhir telah mati, begitulah seterusnya. Jadi, perselisihan seperti ini, bukanlah boleh memberi satu perkhidmatan kepada umat Islam dan bukan juga boleh menyatukan umat Islam.

Persoalan yang kamu kemukakan itu, terdapat jawapannya mengikut perbahasan seperti berikut:

A. Nama Khidhir

Terdapat beberapa riwayat yang diakui kesahihannya bahawa nama sebenarnya ialah 'Balya'.

2. Kunniyahnya: Abu Al-Abbas. 'Khidhir' adalah gelarannya. Digelarkannya dengan nama itu kerana beliau pernah duduk di satu tempat di atas muka bumi yang terdapat rumput yang putih atau telah kering, lalu tempat itu bergegar dan bertukar menjadi hijau. Dikatakan juga, apabila beliau bersolat di satu tempat, kawasan di sekelilingnya akan menjadi hijau.
3. Mengenai kenabiannya: Terdapat ramai 'ahli al ilmi' yang menganggapnya seorang nabi, tetapi mereka berselisih pendapat selepas itu, adakah dia juga seorang rasul? Yang sahinya beliau hanya seorang nabi dan bukannya seorang rasul.

Para ulama yang mengatakan Khidhir seorang nabi berpanduan dengan Firman Allah Taala yang menceritakan kata-kata Khidir:

وَمَا فَعَلْتُهُ عَنْ أَمْرِي^٤

Ertinya:

"Dan aku tidak melakukannya menurut kemahuan diriku sendiri."

(Al-Kahfi: 82)

Dari segi zahirnya dapat difahami bahawa apa yang beliau lakukan itu adalah berdasarkan wahyu yang diterima secara langsung tanpa melalui perantaraan nabi yang lain. Tidak boleh dianggap bahawa itu adalah ilham, kerana ilham pada seorang yang bukan nabi tidak boleh dijadikan hujah yang mesti diamalkan kehendaknya. Sedangkan beliau telah melakukan apa yang disuruh.

Kemudian Nabi Musa pernah belajar dengannya. Nabi Musa adalah seorang nabi. Pelajar adalah pengikut kepada gurunya. Jadi, Musa tidak akan mengikut seorang yang lebih rendah daripadanya.

Terdapat juga di kalangan ulama yang menganggapnya seorang wali. Di antara mereka ialah: Al-Qusyairi, Abu Ali bin Abu Musa Al-Hambali dan Abu Bakar Al-Anbari.

4. Manakala cerita yang mengatakan Khidir meminum 'air hidup' adalah berdasarkan riwayat-riwayat yang tidak boleh dipegang kerana ia diriwayatkan daripada Ka'ab Al-Ahbar dan tidak terlepas daripada 'Israeliyyat' (kisah-kisah yang diriwayatkan daripada ahl al kitab). Pendapat yang mengatakan Khidir masih hidup bukan semestinya beliau meminum mata air 'Air Hidup', kerana Allah SWT Maha Berkuasa untuk memanjangkan umurnya tanpa meminum air tersebut.
5. Manakala riwayat yang mengatakan beliau masih hidup dan akan tetap hidup sehinggalah berlakunya qiamat, berlaku perselisihan pendapat di kalangan ulama mengenai masalah ini.

Majoritinya menganggap beliau masih hidup. Ini disebut oleh Ibnu Hajar Al-Asqalani (Fath al-Bari: 6/433), menurutnya: "An-Nawawi berkata di dalam kitabnya 'Tahzib al Asma wa al Lughat': Kebanyakan ulama berpendapat bahawa dia (Khidhir) masih hidup dan wujud di antara kita. Ini dipersetujui oleh para ahli sufi, orang-orang soleh dan 'ahl al makrifat'

(para wali Allah). Cerita-cerita daripada mereka mengenai pertemuan dengannya, menerima sesuatu daripadanya, soal jawab dengannya, kewujudannya di tempat-tempat yang mulia dan kebaikan terlalu banyak untuk dihitung dan terlalu masyhur untuk disebut..." Beliau (An-Nawawi) juga menyebut seperti ini di dalam kitabnya 'Syarah 'ala Sahih Muslim (15/136)." Menurut Ibnu Hajar lagi, "Abu 'Amru Ibn As Salah juga berpendapat di dalam 'Al-Fatawa'nya: "Dia (Khidhir) masih hidup mengikut pendapat kebanyakan ulama, orang-orang soleh dan orang-orang awam di kalangan mereka. Cuma sebahagian kecil ulama hadith yang mengingkarinya." Di antara ulama yang berpendapat Khidhir masih hidup ialah Imam Ibnu Taimiyah di dalam beberapa fatwanya dan menafikannya pada fatwanya yang lain.

Mereka berdalilkan dengan sebilangan hadith dan athar yang diriwayatkan daripada mereka yang pernah bertemu dengan Khidhir dari kalangan para sahabat, tabi'ain dan generasi selepas daripada mereka, tetapi dalil-dalil tadi tidak terlepas daripada wujud kelemahan (dhaif) pada sanadnya. Namun begitu, sekiranya digabungkan kesemuanya, boleh memadai bagi mereka yang mengatakan Khidhir masih hidup.

Dalil yang paling sahih yang menunjukkan Khidhir masih hidup, sepertimana yang disebut oleh Ibnu Hajar di dalam kitabnya 'Al-Ishabah' (1/479-482) ketika memperkatakan mengenai riwayat hidup Khidhir ialah sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Rabah bin Ubaidah katanya: "Saya pernah melihat seorang lelaki yang berjalan bersama-sama Umar bin Abdul Aziz sambil berpegang dengan tangannya. Saya berkata di dalam hati: "Lelaki ini pelik." Setelah beliau (Umar) selesai bersolat, saya bertanya: "Wahai Abu Hafsh, siapakah lelaki yang berjalan bersama engkau sambil berpegang tanganmu tadi? Tanya Umar. "Adakah engkau melihatnya?" Saya menjawab: "Ya." Katanya: "Saya meyakini

bahawa kamu seorang lelaki yang soleh, itulah saudaraku Khidhir, dia mengkhabarkan berita gembira kepadaku bahawa saya akan memerintah, kemudian melakukan keadilan pada pemerintahan.”

Walaupun kisah tadi benar, ia tidak boleh dijadikan dalil bahawa hidupnya panjang melebihi seratus tahun selepas wafat Rasulullah kerana pertemuan Umar dengan Khidhir itu masih dalam lingkungan seratus tahun.

Di antara ulama hadith yang berpendapat bahawa Khidhir tidak berpanjangan hidupnya ialah: Al-Bukhari, Abu Ya’la Al Farra, Ibnu Al-Jauzi dan Abu Bakar Ibn Al-Arabi.

Mereka yang berpendapat Khidhir telah mati tadi berpandukan dengan sebilangan dalil yang kami akan menyebutnya sebentar lagi. Namun begitu ia bukanlah dalil-dalil yang qat’ei yang boleh dijadikan dalil di atas kematiannya tetapi ia boleh ditakwil daripada lafaz zahirnya. Dalil-dalil tersebut ialah:

1. Sebuah hadith yang sahih yang dipersetujui akan kesahihannya yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar, Jabir dan lain-lain bahawa Rasulullah SAW menunaikan solat Isyak pada suatu malam di saat-saat akhir hayatnya. Setelah selesai memberi salam, baginda bersabda yang maksudnya:

“Tahukah kamu pada malam kamu ini, sesungguhnya pada setiap awal seratus tahun (satu kurun) tidak kekal seorangpun di atas muka bumi ini.”

Dalam satu riwayat yang lain daripada Imam Ahmad di dalam Al-Musnad menyebut: “Tidak ada di atas muka bumi di kalangan kamu yang masih bernyawa pada ketika itu.

Ulama daripada golongan yang pertama menyangkal hujah tadi seperti berikut:

- a. Hadith tadi menyebut secara umum dan terdapat penge-

cualian daripadanya. Memang benar ia mengecualikan Iblis dan Dajjal yang kedua-duanya telahpun wujud pada ketika itu dan hayat mereka berterusan. Mungkin boleh digolongkan Khidir termasuk dalam pengecualian daripada hadith tadi yang umum.

- b. Sepertimana yang ternyata di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad iaitu pada lafaz “di kalangan kamu.” Ia berkemungkinan bermaksud para sahabat yang hadir di masjid pada ketika itu, sedangkan Khidir tidak bersama dengan mereka.
 - c. Rasulullah SAW menyebut: “... di atas muka bumi.” Berkemungkinan Khidhir berada di atas permukaan lautan sebagaimana keadaannya, maka tidak termasuk dalam umum hadith tadi.
2. Di antara dalil lain yang dikemukakan oleh golongan yang kedua ialah Firman Allah Taala yang bermaksud:

“Kami tidak menjadikan bagi manusia yang sebelum daripada kamu kekal abadi.”

Hujah ini boleh disangkal dengan mengatakan: Ayat tadi tidak juga menunjukkan bahawa Khidhir telah mati. Sekiranya ayat tadi bermaksud untuk menafikan hidup yang kekal abadi selain daripada Rasulullah SAW, maka ia meliputi Khidhir dan lain-lain, kerana Khidhir akan mati pada akhir zaman dan tidak hidup kekal.

Selain daripada Khidhir, Isa as. juga masih hidup sedangkan beliau lebih dahulu daripada Rasulullah SAW, melainkan Nabi Isa juga tidak kekal dan akan mati juga.

3. Mereka juga berhujah, sekiranya Khidhir masih hidup sudah tentu beliau akan datang menemui Nabi SAW dan bertemu dengan baginda SAW. Hujah ini boleh disangkal dengan mengatakan: Tidak semestinya seorang yang hidup sezaman

dengan Rasulullah SAW dan beriman dengan baginda mesti menemui Rasulullah SAW. Uwais Al-Qarni juga hidup sezaman dengan baginda SAW, tetapi beliau tidak pernah bertemu dengan Rasulullah SAW. Begitu juga An-Najasyi yang hidup sezaman dengan Rasulullah SAW, tetapi beliau tidak pernah bertemu dengan baginda SAW.

4. Mereka juga berdalilkan dengan doa Rasulullah SAW pada peperangan Badar iaitu: "Ya Allah, sekiranya Engkau menghancurkan gerombolan ini, nescaya Engkau tidak akan disembah selepas daripada hari ini..." Ini menunjukkan Khidhir tidak bersama mereka. Sekiranya tentera Islam tadi menerima kehancuran, sedangkan kalau dianggap Khidhir masih wujud, sudah tentu Allah masih disembah selepas mereka. Jadi dimanakah faedahnya doa Rasulullah SAW tadi?

Hujah di atas disangkal bahawa yang Rasulullah maksudkan di dalam doanya tadi ialah: sekiranya umat Islam (yang masih sedikit itu) dimatikan atau terkorban, nescaya akan kehilangan para da'ei yang mengajak manusia menyembah Allah, kerana mereka dipertanggungjawabkan dengan tugas tersebut. Sedangkan Khidhir tidak diwajibkan melaksanakan tugas tersebut kerana beliau bukannya dapat dilihat oleh mata lahir.

Kemudian dalil di atas ini dan dalil yang ketiga tadi bercanggah dengan athar yang thabit daripada Umar bin Abdul Aziz ra. Athar tersebut diterima melalui sanad yang sahih dan jelas menyatakan bahawa Khidhir dapat ditemui selepas wafat Rasulullah SAW.

Berasaskan dengan apa yang telah dibentangkan tadi dan kerana tidak ada dalil yang qat'ei yang menunjukkan hidup atau matinya Khidhir, jadi tidak dapat dibuat keputusan yang putus mengenai masalah ini.

Pandanganku

Sesuatu yang menenangkan hati ku iaitu sepertimana yang diceritakan oleh sebahagian orang-orang soleh dan benar yang mengakui bahawa mereka pernah bertemu dengan Khidhir dan berdialog dengannya. Mereka juga dalam bilangan yang ramai samada yang terdahulu atau terkemudian. Jadi, saya mempunyai pandangan yang tersendiri yang membolehkan saya menyelaraskan di antara kata-kata mereka dengan apa yang dijadikan dalil untuk menyatakan kematiannya, dan saya tidak dapati seorangpun yang berpendapat seperti ini daripada kalangan ulama silam setakat apa yang saya tahu.

Iaitu: Khidhir telahpun mati, tetapi Allah SWT memberi keistimewaan kepadanya dengan satu kelebihan iaitu: Rohnya boleh menjelma dalam bentuk jasad yang dapat dilihat oleh sebahagian orang-orang soleh iaitu sebagai 'karamah' dan perkara yang menarik adat. Pendapat saya ini dikuatkan dengan hujah berikut:

- a. Khidhir dilihat dalam berbagai bentuk jasad. Adakalanya dengan bentuk seorang badawi, suatu ketikanya dengan bentuk seorang pemuda dan pada ketika yang lain dalam bentuk seorang tua.
- b. Khidhir juga tidak makan dan tidak minum, sebagaimana yang diceritakan oleh mereka yang pernah menemui dan melihatnya.
- c. Jisim, halangan dan benteng tidak dapat menegahinya dari dimasukinya dan keluar daripadanya. Ini adalah ciri-ciri roh bukannya jasad.

Saya secara peribadi, pernah diceritakan oleh seorang yang pernah bertemu dengan Khidhir dan melihatnya, dan beliau menyebut perkara seperti di atas, dan tidak ada sesuatupun alasan untuk meragui kata-katanya itu. Wallahu a'lam.

Cukuplah setakat ini, perbahasan mengenai persoalan-persoalan yang sering ditimbulkan dan mencetuskan perbalahan pada masa kini. Allah sahaja yang memberi taufik.

وَأَخِرُ دَعْوَانَا أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. صَلَّى اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

BIBLIOGRAFI

1. Al-Quran al-Karim.
2. Al-Ghazali, al-Imam Muhammad bin Muhammad (meninggal tahun 505H), *Ihya' 'Ulum al-Din*, Kaherah: Percetakan Mustafa al Bab al Halabi, 1939M/1358H.
3. Al-Mushili, Abdullah bin Mahmud bin Maudud Al-Hanafi, *Al-Ikhtiyar li Ta'lim al-Mukhtar*, Kaherah: Percetakan Mustafa al-Bab al-Halabi, 1951M/1370H.
4. Ibn al-Manjur al-Maliki, *Al-Is'af wa at-Thalab-Mukhtashar Syarah al-Minhaj 'Ala Qawa'id al-Mazhab*.
5. Ibnu Rusyd (meninggal tahun 595H), *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*, Beirut: Dar al-Fikr.
6. Abdul Ghani, *Al-Lubab Fi Syarah al-Kitab*, Cetakan Keempat, 1961M/1381H.
7. As Shaawi, *Bulghah as-Salik Li Aqrab al Masalik 'Ala asy-Syarah ash-Shaghir Li Ahmad ad-Dardir*, Kaherah: Percetakan Muhammad Ali Ash Shubaih.
8. *At-Tabayyun Bi Syarah al-Arba'ain*.
9. Az Zubaidi, Zainuddin Ahmad, *At-Tajrid ash-Shareih Li Ahadith al-Jamei' ash-Shahih*, Kaherah: Percetakan Mustafa al Bab al Halabi.
10. Al-Haddad, Abu Abdullah Mahmud bin Muhammad (Meninggal tahun 1374H), *Takhrij Ahadith Ihya' 'Ulum al-Din*, Riyadh: Dar al-'Ashimah, Cetakan Pertama, 1987M/1408H.
11. As Sayuthi, *Tadrib ar-Rawi Fi Syarah Taqrib An-Nawawi*, Cetakan Kedua, 1385H.
12. Al Munziri, Al-Imam Zakiyuddin Abdul 'Azim (meninggal tahun 656H), *At Targhib Wa at-Tarhib*, Beirut: Dar Ihya at Turath al 'Arabi, Percetakan Kedua, 1968M/1388H.

13. An-Nawawi (meninggal tahun 676H), *Tahzib al-Asma' Wa al-Lughaat*, Percetakan Al-Minbariyyah.
14. At-Tirmidzi, Abu Isa bin Muhammad Isa, *Al-Jamei' as-Sahih-Sunan at-Tirmidzi*, Beirut: Dar Ihya At-Turath Al-Arabi.
15. Ibnu Rajab Al-Hambali, *Jamei' al-Ulum Wa al-Hikam*.
16. Ibnu Abidin, *Hasyiyah Ibnu Abidin Ala Ad-Dur al-Mukhtar*, Cetakan Kedua, Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi, 1966M/1386H.
17. An-Nawawi, Al Imam Yahya bin Syaraf, *Riyadh ash-Sholihin Min Kalam Saiyyidi al-Mursalin*, Cetakan Kelima, Kaherah: Percetakan Al-Istiqamah.
18. Ash-Shan'ani, *Subul as-Salam Syarah Bulughu al-Muram*, Maktabah Ar-Risalah.
19. Ibnu Majah, Al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Zaid Al-Qazwini (207-275H), *Sunan Ibnu Majah*, Beirut: Dar al-Fikr.
20. An-Nawawi, *Syarah Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya At-Turath Al-Arabi.
21. Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Istanbul: Al-Maktab al-Islami.
22. Ibnu Khuzaimah, Al-Imam Abu Bakar Muhammad bin Ishaq, *Sahih Ibnu Khuzaimah*, Beirut: Al Maktab al-Islami.
23. Muslim, *Sahih Muslim*.
24. Ibnu Taimiyyah, *Fatawa Ibnu Taimiyyah*, Cetakan Pertama, 1398H.
25. Al Haitami, Ibnu Hajar, *Al-Fatawa al-Hadithiyyah*, Cetakan Pertama, Mesir: Percetakan Al Himayah, 1328H.
26. At-Thanthawi, As Syeikh Ali, *Fatawa As-Syeikh Ali At-Thanthawi*, Cetakan Pertama.
27. Al-Asqalani, Al Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar, *Fath al-Bari Bi Syarah Sahih Al-Bukhari*, Riyadh: Maktabah Ar Riyadh Al Hadithah.

28. Al-Bannaa', Ahmad Bin Abdul Rahman, *Al-Fath Ar-Rabbani Li Tartib Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal Asy-Syaibani*, Kaherah: Dar Asy Syihab.
29. Ibn Al-Humam al-Hanafi, asy-Syeikh Kamaluddin, *Fath al-Qadir Ala al-Hidayah*, Beirut: Dar Ihya At-Turath Al-Arabi.
30. Al-Manawi, al-Allamah Muhammad Abd ar-Rauf, *Faidh al-Qadir Syarah Al-Jami' al-Shaghir*, Cetakan Kedua, Beirut: Dar al Makrifah, 1972M/1391H.
31. Ibnu Abdussalam, Izzuddin (meninggal tahun 660H), *Qawa'id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*, Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyyah.
32. Al-Munziri, Mukhtashar al-Imam Muslim, Cetakan Pertama, Ad-Dar Al-Kuwaitiyyah, 1969M/1388H.
33. Ibnu Abi Syaibah, *Mushannif Ibni Abi Syaibah*, Cetakan Kedua, 1979M/1399H.
34. Ibnu Qudamah, al-Imam Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Qudamah al-Maqdisi (meninggal tahun 620H), *Al-Mughni*, Riyadh: Maktabah Ar-Riyadh Al-Hadithah.
35. Asy-Syarbini, al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Beirut: Dar Ihya At-Thurath Al-Arabi.
36. Ibnu Taimiyyah, *Minhaj as-Sunnah*, Riyadh: Maktabah Riyadh Al-Hadithah.
37. Asy-Syaukani, al-Imam Muhammad bin Ali (meninggal tahun 1255H), *Nail al-Authar Min Ahadith Saiyyid al-Akhyar*, Beirut: Dar al-Jail, 1973.